




KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

# Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025

(Pendidikan Tinggi)



© Kementerian Pendidikan Malaysia 2015

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

**Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025**

(Pendidikan Tinggi)

ISBN 978-967-0-33499-8



Diterbitkan oleh:

Kementerian Pendidikan Malaysia  
No. 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5  
62200 Putrajaya Malaysia  
[www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

**PELAN  
PEMBANGUNAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA  
2015-2025  
(PENDIDIKAN TINGGI)**



Dato' Sri Mohd Najib bin  
Tun Haji Abdul Razak

Prime Minister of Malaysia

*Pendidikan amat penting untuk pembangunan pesat negara kita yang tercinta. Pendidikan telah melengkapkan rakyat dengan pengetahuan, kemahiran, dan kecekapan yang memacu pertumbuhan dan membawa kemakmuran kepada negara. Namun begitu, untuk mencapai matlamat sebagai negara maju menjelang tahun 2020, kita harus meningkatkan akses dan kualiti pendidikan tinggi di Malaysia.*

# Prakata

Negara telah mencatat kemajuan yang ketara dalam pendidikan tinggi, terutamanya sejak Kerajaan membuat keputusan untuk mewujudkan kementerian yang berlainan untuk pendidikan tinggi pada tahun 2004, iaitu Kementerian Pengajian Tinggi. Enrolmen dalam pendidikan tinggi telah meningkat sebanyak 70% kepada 1.2 juta pelajar dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Kadar pertumbuhan bagi output penyelidikan dan kualiti adalah antara yang tertinggi di dunia, dan institusi pendidikan tinggi di Malaysia telah mencapai ranking yang kukuh dalam kalangan rakan negara di Asia. Malaysia kini merupakan antara destinasi pilihan utama untuk pelajar antarabangsa.

Pelaburan terhadap pembangunan generasi muda negara amatlah mustahak. Malaysia mesti membuat penyesuaian, termasuklah mentransformasikan sistem pendidikan tinggi, agar dapat berkembang maju dalam persekitaran ekonomi global yang semakin mencabar. Peluang pekerjaan yang tersedia pada masa hadapan akan memerlukan penekanan yang lebih tinggi pada bidang STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) dan kemahiran berbahasa Inggeris untuk menyokong pekerjaan berpendapatan tinggi dan meningkatkan daya saing.

Pengkomersilan idea dan kerjasama penyelidikan dengan industri merupakan satu kemestian untuk memacu inovasi. Di samping itu, adalah penting untuk mewujudkan model pendanaan yang mampan dengan

output yang jelas, insentif dan sokongan kepada mereka yang amat memerlukannya.

Atas sebab itulah Kerajaan membangunkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi), yang akan mentransformasikan sistem pendidikan tinggi Malaysia untuk menghadapi cabaran baharu ini. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, pucuk pimpinan institusi pendidikan tinggi, dan semua pihak yang telah menyumbang kepada pembangunan pelan ini. Ia merupakan pelan yang jelas, komprehensif, dan beraspirasi tinggi untuk dijadikan panduan dalam perjalanan Malaysia menuju tahun 2025 dan seterusnya.

Kerajaan tidak dapat melaksanakan transformasi sektor pendidikan tinggi tanpa sokongan pelbagai pihak. Justeru, sektor swasta digalakkan untuk mengambil peranan dalam pengajaran dan pembelajaran, menyumbang kepada pembentukan kurikulum yang berkait rapat dengan kemahiran kerja yang diperlukan, dan untuk sama-sama membayai penyelidikan. Kerajaan akan mewujudkan rangka kerja untuk memudahkan sektor swasta memberikan sumbangan dan menyokong proses melalui model kewangan yang mampan, serta memberikan autonomi, akauntabiliti, dan bimbingan untuk menyerlahkan potensi yang amat besar, yang ada dalam diri pelajar dan institusi pendidikan tinggi di negara kita.



Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin  
Haji Mohd Yassin

Timbalan Perdana Menteri  
Merangkap Menteri Pendidikan  
Malaysia

## Kerajaan komited untuk mentransformasikan sistem pendidikan.

Matlamat Kerajaan dan tujuan sistem pendidikan adalah untuk memastikan generasi muda Malaysia dapat berkembang secara holistik, mempunyai nilai-nilai murni, ilmu, dan kemahiran yang diperlukan untuk meraih kejayaan dalam dunia yang penuh dengan cabaran, persaingan dan kian berubah. Kerajaan sedang dalam usaha membangunkan generasi pemimpin masa hadapan yang mampu melonjakkan Malaysia ke tahap yang lebih tinggi.

Pembaharuan sistem pendidikan di Malaysia sedang dilaksanakan. Pelan Pembangunan ini meneladani Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah) yang telah dilancarkan pada bulan September 2013, dan menyediakan pelan tindakan pelaksanaan inisiatif menyeluruh yang konsisten dan sejarar untuk belia negara. Pendidikan dan pembangunan akan dimulakan dari peringkat awal usia mereka, untuk memanfaat dan menyerlahkan potensi maksimum generasi ini agar mereka menamatkan pembelajaran pada peringkat pendidikan tinggi dengan keseimbangan akhlak dan ilmu, mampu melakukan dan menjana pekerjaan berpendapatan tinggi, yang seterusnya dapat memberikan sumbangan berimpak tinggi kepada Malaysia dan dunia.

Kerajaan telah menetapkan aspirasi yang tinggi, namun mampu dicapai untuk mentransformasikan sistem pendidikan tinggi. Aspirasi ini terdiri daripada dua aspek, iaitu transformasi untuk keseluruhan sistem pendidikan yang memfokuskan akses, kualiti, kesaksamaan, perpaduan dan kecekapan; dan transformasi untuk setiap pelajar dengan memfokuskan enam aspek utama iaitu etika dan kerohanian, kemahiran memimpin, jatidiri kebangsaan, kemahiran berbahasa, kemahiran berfikir, dan pengetahuan.

Terdapat sepuluh Lonjakan membentuk asas bagi Pelan Pembangunan ini. Empat lonjakan yang pertama memfokuskan keberhasilan bagi pihak berkepentingan dalam sistem pendidikan, termasuk pelajar dalam laluan akademik dan TVET, komuniti akademik, serta rakyat Malaysia yang terlibat dalam pembelajaran sepanjang hayat. Enam lonjakan yang lain pula memberikan tumpuan pada ekosistem pendidikan tinggi, yang merangkumi komponen penting seperti pendanaan, tadbir urus, inovasi, pengantarabangsaan, pembelajaran dalam talian, dan kaedah penyampaian.

Namun begitu, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) ini tidak boleh berjaya dengan sendirinya. Pelaksanaan inisiatif yang digariskan dalam pelan ini merupakan faktor yang paling penting. Justeru, pucuk pimpinan Kementerian Pendidikan Malaysia dan saya sendiri secara peribadi beriltizam untuk memastikan inisiatif tersebut dilaksanakan, di samping mempertingkat dan menambah inisiatif baharu dari semasa ke semasa. Kami sedang mengukuhkan sumber untuk menyokong pelan ini dan akan menilai kemajuan pelaksanaannya secara berkala. Laporan pencapaian tahunan akan disediakan.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pucuk pimpinan dan kakitangan institusi pendidikan tinggi, rakan kongsi sektor swasta, ibu bapa dan kakitangan Kementerian atas kemajuan sistem pendidikan tinggi yang telah diraih sehingga kini. Saya juga mengalu-alukan komitmen berterusan daripada mereka dalam usaha transformasi sistem pendidikan tinggi pada masa hadapan.



100

Dato' Seri Idris Jusoh  
Menteri Pendidikan II

## Fokus berpaksikan pelajar merupakan intipati keutamaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT).

Melalui 10 lonjakan yang dikenalpasti di dalam PPPM(PT), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berhasrat untuk menghasilkan graduan yang seimbang dan holistik dengan minda keusahawanan, melahirkan ‘penjana pekerjaan’ dan bukan sahaja ‘pencari pekerjaan’, meletakkan program berasaskan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) setaraf dengan program akademik, dan membudayakan pembelajaran sepanjang hayat di peringkat kebangsaan.

Dalam merealisasikan matlamat ini, teknologi dan inovasi seperti *Massive Open Online Courses* (MOOC) dan konsep pembelajaran bersepadu (*blended learning*) akan dilaksanakan secara aktif. Ini dapat mewujudkan pengalaman pembelajaran yang lebih intim dan dinamik. KPM juga akan menggalakkan penyertaan industri di peringkat pengajaran, penyelidikan, dan pengkomersilan, dan pada masa yang sama mengharmonikan rangkaian kerjasama antara institusi pendidikan tinggi awam, swasta dan antarabangsa.

Dari segi penstrukturran, akan berlakunya transisi daripada sistem sedia ada iaitu sistem pentadbiran berpusat kepada model autonomi (*earned autonomy*). Perkara ini penting dalam memastikan bahawa terdapat pengurangan kebergantungan kepada sumber kewangan daripada kerajaan dan memastikan bahawa pemegang taruh memainkan peranan yang lebih dinamik dalam menjana dana serta mempelbagaikan sumber kewangan demi untuk memastikan kelestarian kewangan sistem pendidikan tinggi.

Kerajaan sangat komited kepada usaha ini. Kami bercita-cita untuk mewujudkan satu sistem pendidikan tinggi yang merupakan antara yang terkemuka di dunia yang membolehkan Malaysia terus bersaing di peringkat global. Untuk mencapai cita-cita ini, tumpuan kepada pelaksanaan dan kerjasama bersepadu daripada semua pihak - Kementerian, Institusi Pendidikan Tinggi, sektor awam dan swasta, pihak industri, dan pelajar. Bersama, aspirasi kita boleh menjadi kenyataan.

Dengan institusi pendidikan tinggi yang kukuh, penyelidik dan kakitangan akademik yang mantap, dan sokongan ekosistem yang kuat, kita sememangnya boleh berbangga dengan sistem pendidikan tinggi negara. Dengan adanya PPPM (PT) ini, kita boleh mengorak satu lagi langkah ke hadapan, dan adalah merupakan visi saya untuk melihat kita terus memacu ke hadapan.

# Isi Kandungan

## Ringkasan Eksekutif

Bab A Pengenalan

Bab B Prestasi Semasa

Bab C Visi dan Aspirasi

Lonjakan 1 Graduan Holistik, Berciri  
Keusahawanan dan Seimbang

Lonjakan 2 Kecemerlangan Bakat

Lonjakan 3 Menghayati Pembelajaran  
Sepanjang Hayat

Lonjakan 4 Graduan TVET Berkualiti

Lonjakan 5

Kemampuan Kewangan

Lonjakan 6

Pemantapan Tadbir Urus

Lonjakan 7

Ekosistem Inovasi

Lonjakan 8

Keunggulan Global

Lonjakan 9

Pembelajaran Dalam Talian  
Tahap Global

Lonjakan 10

Transformasi Penyampaian  
Pendidikan Tinggi

Lampiran

Glosari  
Struktur tadbir urus PPPM (PT)  
Penghargaan

<b>RINGKASAN EKSEKUTIF</b>	E-1	<b>LONJAKAN 3</b> <b>MENGHAYATI PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT</b>	
<b>BAB A PENGENALAN</b>	A-1	▪ Kepentingan	3-1
<b>BAB B PRESTASI SEMASA</b>	B-1	▪ Kedudukan Malaysia	3-2
<b>BAB C VISI DAN ASPIRASI</b>	C-1	▪ Pelan tindakan pelaksanaan inisiatif	3-9
<b>LONJAKAN 1</b> <b>GRADUAN HOLISTIK, BERCIRI KEUSAHAWANAN DAN SEIMBANG</b>		▪ Kesimpulan	3-10
▪ Kepentingan	1-1	▪ Kaedah pemantauan	3-10
▪ Kedudukan Malaysia	1-2		
▪ Pelan tindakan pelaksanaan inisiatif	1-10		
▪ Kesimpulan	1-12		
▪ Kaedah pemantauan	1-12		
<b>LONJAKAN 2</b> <b>KECEMERLANGAN BAKAT</b>			
▪ Kepentingan	2-1	<b>LONJAKAN 4</b> <b>GRADUAN TVET BERKUALITI</b>	
▪ Kedudukan Malaysia	2-2	▪ Kepentingan	4-1
▪ Pelan tindakan pelaksanaan inisiatif	2-13	▪ Kedudukan Malaysia	4-2
▪ Kesimpulan	2-14	▪ Pelan tindakan pelaksanaan inisiatif	4-11
▪ Kaedah pemantauan	2-14	▪ Kesimpulan	4-12
		▪ Kaedah pemantauan	4-12
		<b>LONJAKAN 5</b> <b>KEMAMPAAN KEWANGAN</b>	
		▪ Kepentingan	5-1
		▪ Kedudukan Malaysia	5-2
		▪ Pelan tindakan pelaksanaan inisiatif	5-17
		▪ Kesimpulan	5-18
		▪ Kaedah pemantauan	5-18

## **LONJAKAN 6 PEMANTAPAN TADBIR URUS**

▪ Kepentingan	6-1
▪ Kedudukan Malaysia	6-3
▪ Pelan tindakan pelaksanaan inisiatif	6-15
▪ Kesimpulan	6-16
▪ Kaedah pemantauan	6-16

## **LONJAKAN 7 EKOSISTEM INOVASI**

▪ Kepentingan	7-1
▪ Kedudukan Malaysia	7-2
▪ Pelan tindakan pelaksanaan inisiatif	7-14
▪ Kesimpulan	7-16
▪ Kaedah pemantauan	7-16

## **LONJAKAN 8 KEUNGGULAN GLOBAL**

▪ Kepentingan	8-1
▪ Kedudukan Malaysia	8-2
▪ Pelan tindakan pelaksanaan inisiatif	8-9
▪ Kesimpulan	8-10
▪ Kaedah pemantauan	8-10

## **LONJAKAN 9 PEMBELAJARAN DALAM TALIAN TAHAP GLOBAL**

▪ Kepentingan	9-1
▪ Kedudukan Malaysia	9-2
▪ Pelan tindakan pelaksanaan inisiatif	9-9
▪ Kesimpulan	9-10
▪ Kaedah pemantauan	9-10

## **LONJAKAN 10 TRANSFORMASI PENYAMPAIAN PENDIDIKAN TINGGI**

▪ Kepentingan	10-1
▪ Kedudukan Malaysia	10-2
▪ Pelan tindakan pelaksanaan inisiatif	10-13
▪ Kesimpulan	10-14
▪ Kaedah pemantauan	10-14

## **LAMPIRAN**

▪ Glosari	G-1
▪ Struktur tadbir urus PPPM (PT)	G-5
▪ Penghargaan	G-6



# Ringkasan Eksekutif

Sistem pendidikan tinggi Malaysia telah berkembang pesat dan semakin kukuh sejak beberapa dekad lalu. Dalam tempoh sepuluh tahun lalu, pertambahan enrolmen pelajar semakin ketara, peningkatan pengiktirafan global kian menyerlah dalam pelbagai aspek seperti penerbitan, hasil penyelidikan, paten, dan kualiti institusi, serta pertumbuhan mendadak bilangan pelajar antarabangsa. Pencapaian ini adalah hasil daripada daya usaha dan inovasi komuniti akademik di Malaysia, sumbangan sektor swasta dan pelaburan besar oleh pihak Kerajaan.

Namun demikian, Kementerian Pendidikan (Kementerian) maklum bahawa sistem ini perlu terus dipertingkatkan agar sentiasa berdaya saing seiring trend global. Sebagai contoh, teknologi disruptif seperti robotik termaju, *Internet of Things*, dan automasi kerja berkaitan ilmu pengetahuan dijangka akan merubah landskap perniagaan dan sosial secara menyeluruh. Justeru, remaja Malaysia perlu dipersiapkan menerusi sistem pendidikan tinggi dan IPT yang ditransformasi untuk menghadapi masa depan yang mencabar dan sentiasa berubah.

Pada 2013, Kementerian telah mula merangka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT). Dalam tempoh dua tahun, Kementerian telah mendapat pelbagai maklum balas daripada pakar pendidikan Malaysia dan antarabangsa, pemimpin IPT tempatan dan masyarakat umum. Hasilnya ialah pelan pendidikan tinggi yang dibangunkan oleh rakyat Malaysia, untuk rakyat Malaysia dan akan memacu Malaysia menjadi negara maju berpendapatan tinggi.

# Proses Penyediaan PPPM (PT)

PPPM (PT) dibangunkan secara kolaboratif dan perundingan yang dipandu oleh pemimpin akademik Malaysia dengan lebih 100 kumpulan mewakili pelbagai kepentingan dan ribuan individu yang prihatin. Mereka yang terlibat merangkumi pakar pendidikan Malaysia dan antarabangsa, pentadbir universiti, Lembaga Pengarah Universiti, komuniti akademik, persatuan yang mewakili pelbagai industri dan majikan, agensi yang berkaitan, ibu bapa, pelajar dan orang awam.

Proses penyediaan pelan ini bermula dengan kajian semula Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Secara keseluruhannya, penyediaan PPPM (PT) ini melibatkan tiga fasa:

- **FASA 1 - Kajian Semula PSPTN (Februari 2013 hingga Februari 2014):** Pihak Kementerian telah menjalankan semakan semula secara menyeluruh terhadap prestasi dan kemajuan PSPTN sebagai asas kepada pembentukan PPPM (PT).
- **FASA 2 – Merangka Konsep Melibatkan 10 Lonjakan (Mac 2014 hingga September 2014):** Menerusi hasil Fasa 1, pihak Kementerian telah mengenal pasti 10 Lonjakan yang diperlukan untuk memacu sistem pendidikan tinggi Malaysia ke tahap berikutnya. Kementerian juga mengadunca semua Lonjakan ini dengan pelbagai pelan peringkat nasional terutamanya Pelan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah) atau PPPM.
- **FASA 3 – Memuktamadkan PPPM (PT) (Oktober 2014 hingga Mac 2015):** Perincian bagi 10 Lonjakan telah dimuktamadkan menerusi rundingan awam dan maklumbalas daripada Kabinet.

## Interaksi bersama pihak berkepentingan

FASA	1	2,300+	maklum balas kaji selidik
	2,300+	penyertaan sesi pendengaran awam dan kumpulan fokus	
	16	pakar dan penasihat antarabangsa	
	14	penasihat pakar Malaysia	
	1	kaji selidik kebangsaan	
	18	sesi pendengaran awam	
	9	kumpulan fokus	

FASA	2	250+	wakil pemegang taruh
		5+	siri bengkel

FASA	3	90+	Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Naib Canselor, dan Ketua Eksekutif IPT swasta
		4,500+	staf IPT
		40	majlis kemahiran industri dan badan profesional
		25+	ahli Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan
		50+	tokoh pemikir dan profesor
		140	PIBG merentas daerah
		20+	kesatuan dan persatuan
		250+	pelajar dan alumni
		500+	staf Kementerian
		30+	sesi perundingan

Interaksi berterusan dalam talian dan media

## Kumpulan pembangunan PPPM (PT)

35 ahli pasukan kajian semula PSPTN

14 bab pasukan penulis

20 penulis utama

42 ahli penulis

## Sumber antarabangsa



Scopus



OECD

Secara keseluruhan sesi interaksi bersama lebih 10,500 orang telah dijalankan dalam tempoh dua tahun.

# Prestasi semasa

Kementerian telah menunjukkan peningkatan prestasi yang ketara untuk memenuhi aspirasi teras dalam pendidikan tinggi, terutamanya dalam memperluaskan akses, mengembangkan sistem dan kualiti institusi.

## Akses kepada pendidikan tinggi meningkat dengan ketara

Malaysia telah mencapai kadar enrolmen pendidikan tinggi<sup>1</sup> 48% pada 2012. Ini merupakan peningkatan 70% enrolmen dalam tempoh satu dekad, mencecah 1.2 juta pelajar IPT awam dan swasta yang terdiri daripada universiti awam, politeknik, kolej komuniti, universiti swasta, kolej universiti swasta dan kolej swasta. Dalam tempoh 1990 hingga 2010, enrolmen sarjana muda meningkat enam kali ganda dan sepuluh kali ganda enrolmen sarjana dan PhD. Peningkatan ini meletakkan Malaysia pada kedudukan ketiga dalam kalangan negara ASEAN dari segi enrolmen sarjana dan PhD selepas Singapura dan Thailand.

**10**  
TAHUN

Peningkatan yang ketara bagi  
**AKSES**



**70%**  
**6x**  
**10x**

- Peningkatan enrolmen pendidikan tinggi (2004 hingga 2014) kepada 1.2 juta pelajar
- Peningkatan enrolmen ijazah sarjana muda (1990 hingga 2010)
- Peningkatan enrolmen sarjana dan PhD (1990 hingga 2010) – kini pada kedudukan ke-3 di ASEAN, selepas Singapura dan Thailand

## Keberhasilan dan kualiti penyelidikan menyerlah

Bilangan artikel penyelidikan yang dihasilkan di Malaysia telah meningkat lebih tiga kali ganda antara 2007 hingga 2012. Ini merupakan kadar peningkatan paling tinggi di dunia, sementara bilangan sitasi pula bertambah empat kali ganda antara 2005 hingga 2012. Kesemua lima Universiti Penyelidikan Malaysia (MRU) menyumbang 70% daripada jumlah penerbitan ini. Selain itu, antara 2007 hingga 2012, bilangan paten yang difaiklan oleh universiti tempatan meningkat 11% setiap tahun, meletakkan Malaysia pada tangga ke-28 di dunia. Peranan universiti awam Malaysia telah dikembangkan sebagai penyedia penyelesaian masalah komuniti dan industri, sekaligus menjana pendapatan RM1.25 bilion antara tahun 2007 hingga 2012 menerusi perkhidmatan penyelidikan dan perundingan.

**5**  
TAHUN

Peningkatan pesat dalam  
**PENYELIDIKAN**




**3.1x**  
**4x**  
**70%**  
**11%**  
**RM1.25**  
bilion

- Peningkatan hasil penerbitan dari 2007-2012, tertinggi di dunia
- Peningkatan bilangan sitasi dari tahun 2005 hingga 2012
- Penerbitan dari 2003-2012 disumbangkan oleh 5 MRU
- Peningkatan bilangan paten setiap tahun dari 2007 hingga 2011 – Malaysia pada kedudukan ke-28 di dunia pada tahun 2011
- hasil pendapatan dijana daripada MRU sahaja sebagai penyedia penyelesaian kepada industri, agensi, NGO (2007-2012)

<sup>1</sup> Pendidikan tertiar bermakna program tahap kelayakan Diploma dan ke atas, atau menurut *International Standard Classification of Education (ISCED)* Tahap 5-Diploma, Diploma Lanjutan, Diploma Lepas Ijazah, Sijil Profesional, Sarjana Muda, Sarjana dan PhD. Pendidikan Tinggi merangkumi ISCED Tahap 3 dan ke atas, termasuk program tahap tertiar serta STPM, Matrikulasi, Asasi, Pra Diploma, Pra Universiti dan program Lepas Menengah Bukan Tertiari.

## PAPARAN 1

### Ranking keseluruhan universiti di Malaysia




### Prestasi ranking universiti mengukuh di Asia, cemerlang dalam bidang tujuan peringkat global

Pada masa ini, lima buah universiti tempatan berada pada ranking 100 teratas di Asia. Universiti Malaya berada pada ranking 200 teratas di dunia (Paparan 1). Universiti Malaya juga merupakan universiti yang paling menonjol dalam kalangan negara-negara anggota OIC. Dari segi bidang pengkhususan, Universiti Sains Malaysia mencapai ranking ke-28 dalam *QS World University Rankings* dalam bidang sains alam sekitar. Empat IPT lain mempunyai sekurang-kurangnya satu bidang khusus yang berada dalam ranking 100 teratas dunia (Paparan 2).

## PAPARAN 2

### Universiti di Malaysia antara 200 yang terbaik dalam beberapa bidang



- 50 terbaik bagi 1 bidang
- 51-100 terbaik bagi 10 bidang
- 101-150 terbaik bagi 5 bidang
- 151-200 terbaik bagi 3 bidang

### PAPARAN 3

#### Ranking Malaysia dalam Laporan U21

Kedudukan daripada 50 negara	1	2	3	4	Laporan U21: "Ranking 28 ada terjangka dengan tahap pendapatan Malaysia."	
	SUMBER	PERSEKITARAN	KESALING-HUBUNGAN	OUTPUT		
<b>Jiran di Asia</b>	<b>Malaysia</b>	<b>12</b>	<b>26</b>	<b>35</b>	<b>44</b>	<b>28</b>
	Singapura	9	11	5	19	10
	Thailand	47	30	30	47	42
	Indonesia	50	37	25	50	48
	Hong Kong	19	4	7	23	15
<b>Tanda Aras Global</b>	Korea Selatan	18	39	32	18	21
	AS	4	3	15	1	1
	UK	21	16	3	2	8
	Australia	16	8	8	6	9
<b>JENIS METRIK YANG DIGUNAKAN</b>	Perbelanjaan, pelaburan, dan R&D Kerajaan	Penilaian kualitatif terhadap dasar dan persekitaran kawal selia	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kolaborasi di peringkat global dan industri</li> <li>▪ Enrolmen pelajar antarabangsa</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Output penyelidikan</li> <li>▪ Ranking institusi</li> <li>▪ Enrolmen</li> <li>▪ Kebolehpasaran graduan</li> </ul>	Purata Pencapaian bagi empat kategori	Contoh tanda aras

SUMBER: Laporan Tahunan oleh Universitas 21, sebuah jaringan universiti penyelidikan pada abad ke-21 dengan 26 ahli yang mendaftarkan lebih 1.3 juta pelajar dan menggajikan lebih 220,000 staf. Indeks U21 membandingkan sistem pendidikan tinggi di 50 buah negara.

#### Prestasi Malaysia setara dengan tahap pendapatan negara

Pada 2014, Universitas 21 Report telah meletakkan sistem pendidikan tinggi Malaysia pada ranking ke-28 daripada 50 buah negara. Universitas 21 Report melibatkan 50 buah negara yang dinilai berdasarkan empat kategori: sumber, persekitaran, kesalinghubungan (*connectivity*) dan keberhasilan. Walau bagaimanapun, kedudukan Malaysia masih boleh terus dipertingkatkan disebabkan adanya peruntukan dana yang tinggi daripada Kerajaan (Malaysia berada pada tangga ke-12 dari segi sumber, tetapi ke-44 dari segi keberhasilan) (rujuk Paparan 3).

#### Cabaran dan harapan

Pihak majikan melaporkan bahawa sebahagian graduan tidak menguasai kemahiran berfikir secara kritis dan berkomunikasi, serta kemahiran menguasai bahasa (terutamanya bahasa Inggeris). Di samping itu, kolaborasi yang lebih produktif boleh dijayakan antara akademia dan industri, terutamanya dalam bidang penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan. Kekangan belanjawan serta kenaikan kos pendidikan tinggi juga perlu ditangani menerusi peningkatan produktiviti dan keberkesanan sistem pendidikan tinggi serta IPT supaya selari dengan kemampuan kewangan seluruh sistem.

### Kotak E-1

#### Ranking Universiti

Terdapat pelbagai jenis ranking universiti di dunia. Ranking yang paling biasa digunakan ialah *QS World University Rankings*, *Times Higher Education World University Rankings*, dan *Shanghai Academic Rankings of World Universities*. Ranking ini umumnya lebih menjurus kepada keberhasilan penyelidikan (contohnya, petikan bagi setiap fakulti, bilangan artikel dalam jurnal ternama). PPPM (PT) menggunakan ranking QS sebagai rujukan kerana memberikan perspektif yang lebih luas, dengan itu memberi Kementerian pemahaman yang lebih baik tentang trajektori sistem ini.

Ranking boleh digunakan sebagai kayu ukur dan penanda aras yang berguna untuk menentukan kekuatan sistem pendidikan dan cara untuk menambah baik sistem tersebut. Walau bagaimanapun, ranking tidak sepertutnya dilihat sebagai ukuran kualiti yang muktamad. Sebagaimana yang disebut terdahulu, ranking antarabangsa pada masa ini sangat menjurus kepada hasil penyelidikan. Hal ini bermakna bahawa faktor-faktor penting seperti kualiti pengajaran dan pembelajaran di institusi, atau keupayaannya untuk membantu pelajar yang kurang berasib baik tidak diambil kira. Oleh itu, ranking universiti dunia hanyalah salah satu daripada pengukur yang dipantau oleh Kementerian dalam usahanya bersama-sama IPT untuk meningkatkan pencapaian pelajar dan kebersihan institusi.

# Aspirasi Sistem

PPPM (PT) dirangka berlandaskan lima aspirasi yang juga dinyatakan dalam PPPM iaitu **akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan**.

	AKSES	KUALITI	EKUITI	PERPADUAN	KECEKAPAN
PENDIDIKAN TINGGI	<p>Menjelang 2025, Kementerian berhasrat untuk meningkatkan akses dan enrolmen pendidikan tinggi. Seandainya Malaysia mampu meningkatkan kadar enrolmen pendidikan tertiar daripada 36% kepada 53% (dan enrolmen pendidikan tinggi dari 48% kepada 70%), maka Malaysia akan berada setara dengan tahap enrolmen tertinggi di ASEAN ketika ini. Senario pertumbuhan ini memerlukan tambahan tempat pengajian sebanyak 1.1 juta menjelang 2025 terutamanya, dalam TVET, IPT swasta dan pembelajaran dalam talian. Tahap dan kaedah pelan pembangunan ini akan ditentukan menerusi kerjasama erat dengan industri bagi memastikan graduan yang dihasilkan memenuhi kehendak pasaran.</p>	<p>Aspirasi Kementerian merangkumi tiga aspek: kualiti graduan, kualiti institusi dan kualiti keseluruhan sistem. Kementerian berhasrat untuk meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan daripada 75% ketika ini kepada lebih 80% pada 2025. Sementara itu, dari segi kualiti hanya sebuah universiti tempatan berada dalam <i>Top 200 QS Global Rankings</i>. Menjelang 2025, Kementerian merancang sebuah universiti berada dalam Asia's Top 25, dua dalam Global Top 100 dan empat dalam Global Top 200. Dari segi kualiti keseluruhan sistem pula, Kementerian mensasarkan peningkatan dari penghasilan penyelidikan dalam U21 dari kedudukan ke-36 ke 25 daripada 50 buah negara, dan meningkatkan pelajar antarabangsa di IPT dari 108,000 ketika ini kepada 250,000 di IPT dan sekolah menjelang 2025.</p>	<p>Walaupun data menyeluruh tentang ekuiti masih terhad, namun Kementerian merancang untuk memastikan semua warga Malaysia mempunyai peluang pendidikan tinggi untuk memenuhi potensi mereka tanpa mengira latar belakang kaum atau sosioekonomi. Sebagai contoh, Kementerian komited untuk meningkatkan kadar enrolmen dan kadar bergraduat bagi pelajar daripada latar belakang keluarga berpendapatan rendah.</p>	<p>Ketika ini, tidak ada satu kaedah khusus yang diterima dengan meluas untuk mengukur tahap perpaduan. Walaupun demikian, Kementerian komited untuk memastikan enrolmen di IPT menggambarkan perpaduan dalam kepelbagaian kaum di Malaysia. Tujuannya adalah untuk membentuk sistem pendidikan yang membolehkan pelajar memahami nilai bersama serta berkongsi pengalaman dan aspirasi.</p>	<p>Kementerian merancang untuk mendapatkan manfaat terbaik menerusi pembentukan pendidikan tinggi dan mengekalkan tahap semasa biaya kerajaan bagi setiap pelajar di IPT awam. Kementerian juga merancang untuk memperbaiki kedudukan Malaysia dalam U21 daripada tangga ke-44 ketika ini kepada 25 menjelang 2025 dari segi penghasilan pendidikan tinggi yang merangkumi penyelidikan, enrolmen dan kebolehpasaran graduan.</p>
PENDIDIKAN PRASEKOLAH HINGGA LEPAS MENENGAH	<p><b>100% ENROLMENT</b></p> <p>Merentas semua peringkat pendidikan daripada prasekolah hingga menengah atas menjelang tahun 2020</p>	<p><b>NEGARA DALAM KELOMPOK SEPERTIGA TERATAS</b></p> <p>Dalam pentaksiran antarabangsa seperti <b>TIMSS</b> dan <b>PISA</b> dalam tempoh 15 tahun</p>	<p><b>50% PENGURANGAN</b></p> <p>Dalam jurang pencapaian (bandar-luar bandar, sosioekonomi, gender) menjelang tahun 2020</p>	<p><b>PERKONGSIAN PENGALAMAN DAN NILAI</b></p> <p>Sistem pendidikan yang menawarkan <b>perkongsian pengalaman dan nilai</b> kepada kanak-kanak dengan menghargai kepelbagaian</p>	<p><b>MEMAKSIMUMKAN KEBERHASILAN MURID</b></p> <p>Sistem yang <b>memaksimumkan keberhasilan murid</b> mengikut peruntukan sedia ada</p>

# Aspirasi Pelajar

Kementerian akan terus menjadikan Falsafah Pendidikan Negara sebagai asas kepada pendidikan seimbang untuk membangunkan aspirasi pelajar. Sistem pendidikan daripada peringkat prasekolah hingga pendidikan tinggi mempunyai misi yang sama dari segi hasil dan kepentingannya kepada setiap pelajar. Kementerian memberi penekanan untuk mengimbangi antara ilmu dan akhlak. Aspirasi

pelajar dalam PPPM mempunyai enam atribut: etika dan kerohanian, kepemimpinan, jatidiri kebangsaan, penguasaan bahasa, kemahiran berfikir dan ilmu pengetahuan. Inilah juga enam atribut bagi pelajar pada pendidikan tinggi.



## Etika & Kerohanian



## Kemahiran Memimpin



## Identiti Nasional



## Kemahiran Bahasa



## Kemahiran Berfikir



## Pengetahuan

PENDIDIKAN  
TINGGI

Beretika dan bermoral, mempunyai kerohanian mantap, penyayang dan prihatin; menghayati pembangunan mampu dan gaya hidup sihat

Komunikator yang berkesan, cerdas emosi dan mampu berinteraksi merentas budaya; bertanggungjawab, berdaya saing, cekal dan yakin

Mempunyai jatidiri kebangsaan dan memahami aspirasi negara

Mahir dalam bahasa Melayu dan Inggeris, dan teruja untuk mempelajari satu bahasa global tambahan

Menghayati pendapat yang pelbagai, berfikir secara kritis dan inovatif, dan berkemahiran menyelesaikan masalah serta berciri keusahawanan

Menguasai bidang pilihan, mampu memanfaat, menghubung dan mengaplikasikan pengetahuan yang dipelajari, dan mampu menghargai kesenian, kebudayaan, serta sains, teknologi kejuruteraan dan matematik (STEM)

PENDIDIKAN  
PRASEKOLAH  
HINGGA  
LEPAS  
MENENGAH

Mempunyai asas moral yang kukuh dan keberanian membuat keputusan yang betul

Mempunyai kemahiran berkomunikasi, berciri keusahawanan, cekal dan boleh memimpin serta bekerja secara berpasukan

Mempunyai jatidiri kebangsaan dan menghargai kepelbagaiannya

Menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan, dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan bahasa komunikasi antarabangsa

Bersikap ingin tahu dan inovatif, boleh mengaplikasi dan menjana pengetahuan bagi penyelesaian masalah

Menguasai mata pelajaran teras dan pengetahuan umum tentang dunia.

**AKHLAK**  
(Etika dan Moral)

**IMBANGAN**


**ILMU**  
(Pengetahuan dan Kemahiran)

# Sistem baharu pendidikan tinggi

Aspirasi Kementerian adalah untuk mewujudkan sistem pendidikan tinggi yang terbaik yang membolehkan Malaysia bersaing dalam ekonomi dunia. PPPM (PT) dirangka berdasarkan pencapaian semasa yang memerlukan perubahan besar dari segi sistem yang turut melibatkan peranan Kementerian untuk mencapai matlamat yang disasarkan. Secara khususnya, Kementerian bertujuan untuk:


- Menanam minda keusahawanan dalam seluruh sistem pendidikan tinggi, dan mewujudkan sistem pendidikan yang melahirkan graduan berciri keusahawanan, bukan hanya mencari kerja;
- Membangunkan sistem yang tidak hanya menumpu kepada laluan akademik biasa, tetapi turut memberi penekanan kepada laluan TVET;

- Memberikan tumpuan kepada keberhasilan, melebihi input, di samping menggunakan teknologi dan inovasi bagi memenuhi keperluan serta meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar;
- Mengharmonikan kawalselia antara IPT awam dan swasta, dan beralih daripada sistem tadbir urus berpusat ketika ini kepada model IPT yang mempunyai lebih autonomi dalam rangka kerja perundangan yang ditetapkan;
- Memastikan kemampunan kewangan bagi sistem pendidikan tinggi dengan mengurangkan kebergantungan pada sumber kerajaan, dan memastikan semua pihak berkepentingan turut memberi sumbangan.



**Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) akan menjana Lonjakan besar dalam cara kita beroperasi**

# Apakah yang diperlukan untuk meningkatkan pendidikan tinggi ke tahap enrolmen antara tertinggi di ASEAN?



# Impak transformasi

Transformasi sistem pendidikan tinggi akan memberi manfaat dan hak secara kolektif, serta memberi peranan yang bersesuaian kepada setiap pihak berkepentingan. Hal ini juga dilakukan dalam transformasi peringkat prasekolah hingga lepas menengah dalam PPPM.

## Pelajar akan...

- ... berpeluang mengikuti program yang lebih berkualiti yang berteraskan model pembelajaran berasaskan pengalaman (*experiential learning*) dan pembelajaran berasaskan teknologi (*technology-enabled learning*) supaya lebih menarik dan mencabar;
  - ... menjadi graduan berakhlik dan berilmu yang siap siaga untuk menceburi pasaran kerja dan menghadapi kepelbagai dan cabaran abad ke-21;
  - ... mempunyai banyak pilihan yang lebih baik – berasaskan model baharu pembelajaran seperti MOOC, persaingan sesama IPT, dan panduan tentang laluan pendidikan dan pilihan kerjaya;
  - ... mendapat dana bagi membolehkan mereka mengikuti pengajian yang bersesuaian. Tambahan pula, para pelajar yang menerima pinjaman PTPTN hanya perlu membayar balik selepas mereka mendapat gaji yang bersesuaian; dan
  - ... dapat menyambung semula pengajian pada masa yang sesuai sepanjang hayat menerusi pendidikan formal, bukan formal dan tidak formal, untuk memenuhi minat dan tuntutan kemajuan kerjaya.
- Justeru, para pelajar perlu menghargai pelaburan terhadap masa depan mereka dengan merebut peluang yang ditawarkan sebaik mungkin untuk kemajuan diri secara holistik, seimbang dan berciri keusahawanan. Mereka juga diharap dapat mematuhi komitmen pembiayaan kewangan seperti membayar balik pinjaman, dan sedia berkhidmat setulusnya kepada masyarakat, negara dan dunia sejagat.

## Komuniti akademik akan...

- ... mempunyai peluang dari segi laluan kerjaya yang berbeza berteraskan prestasi dalam bidang pengajaran, penyelidikan, dan kepemimpinan institusi. Para pengamal profesional juga diberi ruang memberi sumbangan dan berkongsi kepakaran dalam pendidikan tinggi;
  - ... mendapat kemudahan yang diperlukan untuk melaksanakan peranan baharu ini menerusi program pembangunan profesional yang khusus – termasuk program mobiliti industri dan rentas institusi serta pembangunan kepemimpinan;
  - ... mendapat hak membuat keputusan yang lebih luas dalam bidang kurikulum, pentadbiran kewangan dan pengurusan bakat, supaya IPT lebih berautonomi menghadapi persekitaran sejagat; dan
  - ... mendapat manfaat kolaborasi dengan industri serta komuniti tempatan dan antarabangsa, melalui model kerjasama inovatif untuk pembiayaan, pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan.
- Justeru, komuniti akademik perlu bersedia menghadapi perubahan dari segi kaedah bekerja, dan berkolaborasi dengan pelbagai pihak menjayakan proses transformasi. Mereka juga perlu menjadi model kepada pelajar tentang ciri-ciri holistik, keusahawanan dan pemikiran seimbang, nilai murni dan peri laku mulia seperti yang diharapkan.

## Pemimpin IPT akan...

... diberi hak membuat keputusan yang lebih besar di IPT awam selepas proses pemberian autonomi untuk mempertingkat kelancaran dalam menghadapi cabaran persekitaran sejagat;

... mendapat perkhidmatan dengan proses yang dipermudahkan untuk mematuhi peraturan dan kawal selia menerusi penghapusan prosedur yang tidak sesuai, pengharmonian standard dan keperluan, dan penetapan sasaran yang jelas kepada IPT awam dan swasta;

... mendapat manfaat menerusi pendekatan **khusus, serta pengiktirafan dan insentif** terhadap pencapaian sesebuah institusi, dan garis panduan tentang perkara penting seperti tadbir urus dan pembangunan bakat menerusi buku panduan (*playbooks*) dan perkongsian amalan terbaik; dan

... dapat memberikan tumpuan kepada perkara **utama** melalui sistem pengurusan prestasi dan jaminan kualiti yang memberi tumpuan kepada keberhasilan (*outcome*), berbanding input dan proses.

Justeru, pemimpin IPT perlu menjalankan tanggung jawab sebagai peneraju transformasi. Mereka adalah pemimpin institusi yang menggerakkan semua pihak menjadikan visi suatu realiti, di samping menjadi teladan dari segi pemikiran, nilai dan tingkah laku seperti yang diharapkan oleh komuniti IPT.

## Industri akan...

... mendapat bakat yang berilmu, dipacu nilai yang lebih bersedia dari segi ilmu pengetahuan, kemahiran, peri laku, sikap dan pemikiran yang bersesuaian dengan keperluan industri;

... bekerjasama dengan Kementerian dan IPT untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi serta bersama-sama membangunkan penyelesaian termaju dan terkini selari dengan keperluan industri atau pasaran;

... mendapat lebih faedah daripada IPT menerusi pembelajaran sepanjang hayat untuk kakitangan industri, dan mendapat lebih peluang serta pilihan dalam meningkatkan kemahiran dan keupayaan warga kerja sedia ada; dan

... mendapat manfaat menerusi perkhidmatan yang cekap dan berkualiti daripada Kementerian dan IPT, terutamanya tentang akses kepada graduan yang berkelayakan.

Justeru, industri perlu bekerjasama dengan lebih erat dengan warga pendidikan tinggi dalam transformasi ini. Pihak industri juga boleh menyumbang dalam seluruh rantai nilai pendidikan dan inovasi, daripada penyediaan dan penyampaian kurikulum, pendanaan dan penempatan graduan serta penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan.

## Pegawai Kementerian akan...

... dapat memberi tumpuan kepada peranan baharu Kementerian sebagai pembuat dasar dan pengawal selia dalam pendidikan tinggi, dengan menentukan aktiviti utama seterusnya mengurangkan birokrasi dan pengurusan mikro terhadap IPT;

... mempunyai autonomi lebih besar dan hak membuat keputusan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesan fungsi Kementerian, terutamanya perkhidmatan urusan berkaitan kemasukan pelajar dan kewangan;

... mendapat sokongan khusus menerusi pembangunan profesional dan sumber yang diperlukan bagi mempelajari kemahiran baharu untuk menjayakan peranan dan tanggungjawab baharu;

... bekerja dalam persekitaran yang kolaboratif dan telus. Silo antara bahagian akan dihapuskan. Peranan dan tanggungjawab baharu akan diperjelas serta dikemaskin untuk menghapuskan fungsi dan aktiviti yang bertindan.

Justeru, pegawai Kementerian perlu responsif menerima maklum balas daripada IPT, industri dan pihak awam. Mereka juga perlu memberi tumpuan kepada hasil dan bukan terikat kepada proses birokrasi dan input semata-mata, dan menjadi teladan kepada perubahan sistem.

# 10 Lonjakan



PPPM (PT) menggariskan **10 Lonjakan** bagi mencapai aspirasi sistem dan aspirasi pelajar. Lonjakan ini akan mendorong kecemerlangan berterusan dalam sistem pendidikan tinggi. Lonjakan ini juga akan menjelaskan kaedah untuk menangani isu berkaitan prestasi utama berkaitan sistem, terutamanya kualiti dan kecekapan serta pengaruh persekitaran global yang semakin mencorakkan landskap pendidikan tinggi.

Empat Lonjakan memfokus pada keberhasilan warga pendidikan tinggi, termasuk pelajar dalam laluan akademik dan TVET, komuniti akademik dan seluruh rakyat Malaysia yang mengikuti pembelajaran sepanjang hayat. Enam Lonjakan seterusnya memberi tumpuan pada pemboleh (*enablers*) ekosistem pendidikan tinggi, merangkumi pembiayaan, tadbir urus, inovasi, pembelajaran dalam talian, pengantarabangsaan dan penyampaian.

# 1

## Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang

### Kepentingan



Terdapat ketidakpadanan antara penawaran dengan permintaan graduan. Sebahagian majikan melaporkan bahawa sesetengah graduan lemah dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap. Ketidakpadanan ini dijangka semakin sukar untuk diatasi disebabkan ekspektasi yang semakin meningkat berikutan perkembangan teknologi yang mengubah bentuk industri dan jenis pekerjaan yang ditawarkan. Sehubungan itu, belia Malaysia perlu dididik untuk menghadapi masa hadapan yang semakin mencabar, bukan sahaja melengkapkan mereka dengan kemahiran dan asas etika yang mantap, malah memperkasa daya tahan dan meningkatkan ciri keusahawanan bagi meneroka peluang-peluang baharu. Justeru, hal ini penting untuk beralih daripada suasana mencari kepada mencipta pekerjaan.

**Setiap graduan akan mempunyai ilmu, akhlak, tingkah laku, set minda dan beradab untuk menjadi insan mulia. Mereka bakal menjadi warga sejagat dengan jatidiri Malaysia yang menyerlah, bersedia dan sanggup untuk berkorban demi keharmonian dan kesejahteraan keluarga, masyarakat, negara dan sejagat. Graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang sedemikian adalah kesinambungan daripada sistem pendidikan asas untuk melahirkan warga Malaysia yang berjiwa mulia.**

### Matlamat



Bagi mencapai hasrat ini, Kementerian dan IPT akan memberi tumpuan untuk membangunkan kurikulum yang lebih holistik dan bersepadan, serta menambah baik ekosistem pembangunan pelajar. Inisiatif utama termasuklah:

- **Menambah baik pengalaman pembelajaran pelajar** dengan memperluas kolaborasi industri dalam merangka kurikulum dan melaksanakan program akademik; meningkatkan pembelajaran berdasarkan pengalaman dan pembelajaran berdasarkan perkhidmatan untuk membangunkan kemahiran yang sesuai untuk abad ke-21, dan memanfaatkan penggunaan teknologi untuk meningkatkan pembelajaran yang disesuaikan dengan keperluan pelajar (*personalised learning*);
- **Mereka bentuk sistem purata nilai kumulatif gred (CGPA) bersepadan** untuk menaksir pencapaian pelajar yang bersifat holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Sistem baharu ini tidak hanya mentaksir pengetahuan dan kemahiran berfikir (sebagaimana amalan sekarang), malah atribut utama lain yang merangkumi aspirasi pelajar; etika dan kerohanian; kemahiran kepemimpinan; jati diri kebangsaan; dan penguasaan berbahasa; dan
- **Mewujudkan peluang kepada pelajar dan staf akademik untuk menguasai kemahiran keusahawanan** dan menerusi cuti sabatikal, sangkutan industri, inkubator perniagaan dan dasar laluan istimewa kepada perniagaan yang dipelopori pelajar.

### Kaedah



# 2



## Kecemerlangan Bakat

Kualiti IPT dan sistem pendidikan tinggi Malaysia akan cemerlang seandainya komuniti akademiknya juga cemerlang. Komuniti akademik terdiri daripada pendidik, penyelidik, pemimpin institusi, pengamal profesional hingga ke kakitangan sokongan. Pada masa ini, laluan kerjaya yang rigid menyukarkan IPT untuk menarik, mengambil dan mengekalkan bakat yang terbaik. Selain itu, bidang pengkhususan berasaskan keupayaan dan fokus juga terhad bagi sesebuah IPT. Justeru, sistem pendidikan tinggi perlu beralih daripada pendekatan standard (*one-size-fits-all*) kepada pendekatan yang lebih fleksibel bagi membolehkan IPT menyediakan pelbagai laluan kerjaya dan mempunyai model kecemerlangan institusi berbeza.

**IPT akan berupaya untuk menarik, mengambil, membangun dan mengekalkan bakat cemerlang menerusi laluan kerjaya khusus bagi pendidik, penyelidik, pemimpin dan pengamal profesional. Komuniti akademik juga akan mendapat manfaat dari persekitaran yang kondusif, menyokong dan berciri meritokratik menerusi program pembangunan profesional berterusan (CPD) yang lebih baik bagi memenuhi tanggungjawab dan ekspektasi yang semakin mencabar. Justeru, membolehkan ahli akademik Malaysia menjadi relevan, dirujuk dan dihormati, pada peringkat tempatan maupun antarabangsa.**

Bagi merealisasikan hasrat tersebut, Kementerian akan menggalakkan IPT untuk mencapai pelbagai bentuk kecemerlangan institusi, mempelbagaikan laluan kerjaya dan memperkenalkan mekanisme sistematik bagi melatih dan membangunkan bakat akademik. Inisiatif utama termasuklah:

- **Meletakkan IPT berdasarkan bidang kecemerlangan institusi**, iaitu kecemerlangan dalam penyelidikan secara menyeluruh, kecemerlangan dalam sesuatu bidang tujuan penyelidikan, dan kecemerlangan dalam pengajaran. Semua universiti awam dan swasta akan digalakkan malah diberi insentif untuk mencapai kecemerlangan yang berbeza, dan menambah baik secara berterusan prestasi dalam bidang pengkhususan dan tujuan masing-masing;
- **Membolehkan IPT membangunkan empat laluan kerjaya (*multi-track*)** untuk pendidik, penyelidik, pengamal profesional dan pemimpin institusi yang mampu menjayakan transformasi; dan
- **Menyediakan garis panduan amalan terbaik** untuk membantu IPT awam dan swasta untuk merangka strategi pembangunan bakat tempatan dan antarabangsa yang lebih mantap menggunakan rangka kerja Akademia Baharu yang merangkumi penyediaan sumber, pengambilan, pemberian ganjaran dan pengekalan bakat.

# 3



## Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat

Pembelajaran sepanjang hayat (PSH) membolehkan warga Malaysia mendapat ilmu dan kemahiran bersesuaian dengan model ekonomi berpendapatan tinggi. PSH mampu menggembungkan potensi individu yang masih belum berada dalam pasaran kerja menerusi pelbagai peluang meningkatkan kemahiran. PSH juga boleh memupuk minat dan menyemai bakat untuk kehidupan yang lebih bermakna. Menerusi PSH, pendidikan tidak hanya terhad kepada usia muda, tetapi perlu dilanjutkan sepanjang hayat.

### Kepentingan



**PSH akan menjadi cara hidup seluruh warga Malaysia. Program PSH akan ditingkatkan supaya menjadi lebih berkualiti, baik formal maupun tidak formal, dalam pelbagai bidang dan laluan untuk pembangunan profesional dan individu. Pelajar PSH merangkumi warga setiap organisasi yang dibentuk menerusi mekanisme formal untuk mengiktiraf pengalaman dan pendidikan terdahulu. Setiap individu akan mendapat akses tanpa mengira tahap pendapatan ataupun latar belakang.**

### Matlamat



Untuk mencapai keberhasilan ini, maka Kementerian akan meningkatkan kesedaran awam tentang manfaat PSH, menambah baik kualiti program sedia ada dan memperkenalkan lebih banyak program inovatif untuk menjadikan PSH lebih menarik. Inisiatif utama dalam Lonjakan ini termasuklah:

- **Mewujudkan rangka kerja pengiktirafan pendidikan terdahulu**, termasuklah menyediakan laluan yang jelas untuk kemasukan semula dalam sistem pendidikan, mewujudkan sistem kredit kebangsaan bagi pengumpulan kredit bermodul dan menetapkan kriteria yang jelas untuk pengiktirafan pengalaman terdahulu;
- **Melancarkan program kerjasama PSH** (contohnya, program kesetiaan MyCC, Program 1Keluarga Pelbagai Kemahiran) yang memberi insentif dari segi penyertaan, dan meningkatkan aktiviti pemasaran sedia ada (contohnya, aplikasi telefon pintar) untuk membolehkan maklumat dan program PSH lebih mudah diakses oleh orang ramai; dan
- **Meneruskan sokongan kewangan** kepada kumpulan yang kurang bernasib baik dan skim insentif pengurangan cukai kepada syarikat, serta bekerjasama dengan institusi kewangan untuk membantu perlaksanaan program dari segi kewangan untuk semua pihak.

### Kaedah



# 4



## Graduan TVET Berkualiti

Menerusi Program Transformasi Ekonomi (ETP), Malaysia perlu peningkatan 2.5 kali ganda enrolmen TVET menjelang 2025. Walau bagaimanapun, penawaran terhadap pekerja TVET tidak mencukupi dalam 10 daripada 12 sektor Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) ketika ini. Tambahan pula, TVET dianggap kurang menarik berbanding dengan pendidikan universiti yang konvensional. Ini menyebabkan jumlah pelajar laluan TVET masih rendah, terutamanya yang berkelayakan tinggi. Justeru, Malaysia perlu beralih daripada sistem pendidikan tinggi yang hanya menumpu kepada pendidikan universiti yang konvensional, sebagai satu-satunya laluan kerjaya, kepada dua laluan berasingan yang mengambil kira TVET.

Kementerian, melalui kolej komuniti, kolej vokasional dan politeknik akan menyediakan pendidikan tinggi TVET yang utama bagi meningkatkan kemahiran untuk memenuhi permintaan industri dan menambah peluang untuk kemajuan kerjaya. Enrolmen program TVET akan berkembang dengan ketara, menerusi kerjasama dengan industri untuk memastikan penawaran memenuhi permintaan.

Bagi mencapai hasrat tersebut, Kementerian akan mempergiatkan kerjasama dan penglibatan industri, menjajarkan kelayakan menambah baik penyelaras dengan pelbagai agensi penyedia TVET dan meningkatkan penjenamaan. Inisiatif utama termasuklah:

- **Melibatkan industri untuk turut merangka dan melaksanakan kurikulum** menerusi model kerjasama baharu dan meningkatkan kualiti penyampaian menerusi program perantisan (apprenticeship), latihan secara amali (hands-on), simulasi dan latihan khusus;
- **Menambah baik penyelaras dengan pelbagai agensi penyedia TVET** untuk mengurangkan pertindihan program dan pengoptimuman sumber, membolehkan pengkhususan dalam bidang kepakaran dan meningkatkan kecekapan kos; dan
- **Penyelaras dengan kementerian serta agensi lain** yang menawarkan program TVET untuk mempermekaskan rangka kerja kelayakan kebangsaan, memastikan penajaran dengan persatuan mewakili industri utama dan mendapatkan akreditasi antarabangsa untuk program TVET.

# 5

## Kemampunan Kewangan

Dalam tempoh sedekad akan datang, Malaysia perlu menyediakan pendidikan tinggi berkualiti dengan enrolmen pelajar sekali ganda menjadi antara yang tertinggi di ASEAN. Cabarannya ialah jumlah pembiayaan Kerajaan telah meningkat dengan kadar 14% setahun ketika ini, terutamanya dalam bentuk subsidi kepada IPT awam yang melibatkan 90% daripada perbelanjaan tahunan. Di samping itu, kadar pembayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) perlu ditambah baik secara lebih menyeluruh. Malaysia juga perlu beranjak dari sistem yang sangat bergantung kepada sumber Kerajaan dan fokus terhadap input kepada fokus terhadap keberhasilan dan seluruh pihak yang terlibat perlu memberi sumbangan mengikut kadar sepatutnya.

# 6

## Pemantapan Tadbir Urus

Urus tadbir yang baik adalah penting bagi kelancaran sesebuah organisasi dan pembinaan institusi yang ulung. Di Malaysia, banyak hak membuat keputusan masih dilaksanakan pada peringkat Kementerian, bukan di IPT awam. Hal ini meningkatkan beban kawal selia dan berpotensi mengurangkan kecekapan. Ini juga menyukarkan IPT bergerak pantas menangani cabaran persekitaran. Justeru, Malaysia perlu beralih daripada sebuah sistem pendidikan tinggi dengan Kementerian sebagai pengawal yang memutuskan semua keputusan utama kepada peranan sebagai pembuat dasar dan pengawal selia. Sehubungan itu, IPT diberi hak untuk membuat pelbagai keputusan berkaitan operasi.

**Kerajaan akan terus memberi sumbangan besar dari bajet negara dan KDNK kepada sistem pendidikan tinggi. Manfaat pelaburan ini dijangka akan bertambah baik setanding dengan negara-negara setara. Sementara itu, IPT awam dan swasta akan mempelbagaikan sumber pendapatan untuk meningkatkan kualiti program secara berterusan, lebih berhemat dan inovatif dalam penggunaan sumber. Sokongan dengan sasaran pelajar dari latar belakang sosio ekonomi rendah akan diberikan bagi mereka yang layak mendapat pendidikan tinggi.**

**Kementerian akan mempunyai portfolio IPT berautonomi penuh dan separa autonomi berdasarkan kesediaan serta kapasiti masing-masing untuk membuat keputusan. IPT ini akan beroperasi secara bebas dalam lingkungan rangka kerja pengawal seliaan yang diwujudkan oleh Kerajaan dengan struktur tadbir urus yang mantap, hak membuat keputusan yang jelas, dan pengurusan pihak berkepentingan yang berkesan. Autonomi ini akan diimbangi menerusi keupayaan dalaman yang tepat dan juga mekanisme kebertanggungjawaban yang sewajarnya.**

Bagi mencapai hasrat ini, Kerajaan akan menyediakan dana berdasarkan prestasi, melaksanakan pembaharuan mekanisme pembiayaan pelajar dan menggalakkan IPT untuk mempelbagaikan sumber pendapatan. Inisiatif utama termasuklah:

- **Menambah baik formula pendanaan bagi IPT awam** dengan menggantikan geran pukal dengan geran berdasarkan prestasi dan geran bagi setiap pelajar, melaksanakan kontrak prestasi lima tahun (3+2), dan penyaluran geran fokus kepada bidang keutamaan;
- **Meningkatkan prestasi dan kemampunan PTPTN** dengan meningkatkan pembayaran balik, beralih kepada pinjaman luar jangka (*income-contingent loans*) dan menghubungkan akses kepada pinjaman pelajar dengan menambah baik prestasi dan kualiti IPT; dan
- **Memberikan insentif kepada penubuhan tabung endowment dan waqf**, selain menggalakkan sumbangan kepada pendidikan tinggi. Contohnya, menerusi penyediaan dana padanan untuk IPT pada peringkat awal penubuhan tabung.

Untuk mencapai keberhasilan ini, Kementerian akan berperanan sebagai pengawal selia dan pembuat dasar, dan memberi hak yang lebih luas kepada IPT untuk membuat keputusan. Sementara IPT perlu bertanggungjawab untuk mencapai keberhasilan yang ditetapkan. Inisiatif utama termasuklah:

- **Menentukan keberhasilan berdasarkan kontrak prestasi lima tahun (3+2)** antara Kementerian dan IPT awam. Jika matlamat kontrak prestasi tidak tercapai, maka IPT awam menghadapi risiko pengurangan dana awam dan insentif kepada IPT yang menjangkau sasaran;
- **Memperkuuh jaminan kualiti sektor swasta**, dengan mewajibkan IPT swasta mengambil bahagian dalam program jaminan kualiti kebangsaan (contohnya, SETARA dan MyQuest). Hasil jaminan kualiti ini akan membolehkan akses kepada dana awam (contohnya, geran penyelidikan dan pinjaman PTPTN pelajar). Tahap akses akan berkait rapat pula dengan penyertaan dan tahap prestasi berbanding rangka kerja dan standard; dan
- **Memberi hak membuat keputusan daripada Kementerian kepada pentadbir universiti awam**, meningkatkan keberkesanannya tadbir urus IPT, dan membina kapasiti serta keupayaan LPU dan pentadbir IPT untuk mengambil tanggungjawab seperti yang diamanahkan.

# 7



## Ekosistem Inovasi

### Kepentingan



Malaysia berhasrat menjadikan inovasi sebagai peneraju utama pertumbuhan ekonomi negara. Hasil penyelidikan semakin meningkat – jumlah penerbitan Malaysia berada pada kedudukan ke-34 pada 2009 melonjak kepada kedudukan ke-23 pada 2013. Dari segi paten hasil penyelidikan, Malaysia berada pada kedudukan ke-43 daripada 110 negara. Pencapaian ini masih boleh dipertingkatkan memandangkan kerjasama dengan industri dan komuniti masih belum meluas seperti yang diharatkan. Sehubungan itu, akademia di Malaysia perlu berubah daripada berkerja secara bersendirian kepada lingkaran empat pihak (*quadruple helix*) yang lebih akrab melibatkan akademia, industri, kerajaan, dan komuniti tempatan yang saling bekerjasama untuk mewujud, membangun dan mengkomersilkan idea-idea baharu.

### Matlamat



**Kementerian akan membantu pembangunan ekosistem inovasi dalam beberapa bidang strategik yang kritikal bagi pertumbuhan ekonomi negara. Ekosistem ini akan menyokong penyelidikan yang dipacu universiti (*university-driven*) dan penyelidikan dipacu industri (*demand-driven*), model pembangunan dan pengkomersilan dengan penambahbaikan ketara melalui pelbagai kaedah penyelidikan. Secara khusus, peranan IPT akan dipertingkatkan sebagai penyelesaian masalah pelbagai pihak berkepentingan, dan mendidik penyelidik yang mahir.**

# 8



## Keunggulan Global

### Kaedah



Sistem pendidikan tinggi Malaysia merupakan salah satu sumber pendapatan negara. Ketika ini Malaysia menjadi antara 10 destinasi utama pelajar antarabangsa. Bagaimanapun, Malaysia perlu terus meningkatkan daya saing peringkat global menerusi nilai penawaran pendidikan lebih berkualiti, serta menambah kapasiti dan keupayaan. Malaysia juga perlu meningkatkan jenama pendidikan tinggi negara, daripada sebuah destinasi menarik bernilai tinggi dengan kualiti kehidupan yang juga tinggi kepada sebuah destinasi yang tersohor, menjadi sandaran, malah diiktiraf komuniti antarabangsa menerusi kecemerlangan akademik dan penyelidikan.

**Malaysia akan dikenali sebagai hab pendidikan bertaraf global yang mempunyai keistimewaan tersendiri, serta menyediakan pendidikan dipacu nilai (*values-driven*). Keistimewaan Malaysia akan diiktiraf sebagai hab pendidikan berkualiti sekaligus kos pendidikan yang berpada, kehidupan yang baik serta pengalaman kepelbagaiannya budaya. Jumlah pelajar antarabangsa di Malaysia dijangka terus meningkat kepada 250,000 menjelang 2025, dengan pembukaan pasaran baharu melalui program dan usahasama inovatif. Namun keutamaannya ialah memacu peranan Malaysia dalam pendidikan tinggi global menerusi kepakaran akademik dan penyelidikan, terutamanya dalam bidang teras seperti perbankan dan kewangan Islam, atau sains dan teknologi berkaitan tropika.**

Bagi mencapai hasrat tersebut, Kementerian akan memberi keutamaan dalam beberapa bidang penyelidikan utama yang sangat diperlukan bagi pertumbuhan negara, memangkinkan penglibatan sektor swasta dan industri, serta mewujudkan persekitaran yang memacu pengkomersilan idea. Inisiatif utama termasuklah:

- **Meningkatkan skala dan pertumbuhan** dalam beberapa bidang penyelidikan strategik yang menjadi keutamaan negara untuk pertumbuhan ekonomi, terutamanya dalam bidang tujuan Malaysia;
- **Memain peranan sebagai pemangkin menambah pelaburan,** terutamanya melalui skim padanan seperti Jaringan Penyelidikan Swasta – Awam (PPRN) dan merangka semula syarat pembiayaan sedia ada serta proses penyemakan geran penyelidikan supaya lebih telus; dan
- **Menyediakan insentif kepada IPT bagi mewujudkan sistem sokongan untuk pengkomersilan idea,** seperti jabatan pemindahan teknologi, mekanisme guna sama prasarana, meningkatkan sistem pemantauan data, dan program pembangunan bakat.

Bagi mencapai hasrat tersebut, Kementerian akan membantu IPT dan agensi berkaitan untuk memperkaya keseluruhan pengalaman pelajar antarabangsa sebelum, semasa dan selepas pengajian; meningkatkan promosi jenama pendidikan Malaysia; dan memantapkan lagi pasaran sedia ada, serta memperluas pasaran baharu. Inisiatif utama termasuklah:

- **Bekerjasama dengan kementerian dan agensi lain** bagi menambah baik tatacara dan proses imigresen seiring amalan terbaik antarabangsa, misalnya menerusi pengeluaran visa pelajar mengikut tahun pengajian, dan menyediakan laluan khas kepada pelajar sesebuah IPT yang secara konsisten mematuhi standard ditetapkan;
- **Menambah jumlah pelajar pascasiswazah antarabangsa** dan pelajar dari negara tumpuan utama seperti ASEAN dengan mempelbagaikan dan meningkatkan kualiti program-program teras; dan
- **Memperkuuh promosi dan pemasaran** sistem pendidikan tinggi Malaysia menerusi program khusus seperti penganjuran persidangan antarabangsa utama dalam bidang pendidikan dan memantapkan MyAlumni.

# 9

## Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global

Kadar penggunaan Internet di Malaysia pada masa kini pada tahap 67% - ketujuh tertinggi di Asia. Kadar ini boleh dimanfaatkan untuk meningkatkan akses pembelajaran dalam talian dengan kandungan yang berkualiti, meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, mengurangkan kos penyampaian, dan menawar kepakaran Malaysia kepada masyarakat global. Hal ini membolehkan pencapaian matlamat yang tertera dalam Dasar e-Pembelajaran Negara atau DePAN. Malaysia juga perlu beralih daripada model penyampaian skala besar kepada model inovasi dipacu teknologi untuk memperluaskan akses pendidikan, dan menawarkan pembelajaran yang lebih sesuai dengan kecenderungan individu.

**Model pembelajaran bersepadu (*blended learning*) akan menjadi pendekatan pedagogi utama semua IPT. Pelajar akan mendapat manfaat daripada prasarana siber yang mantap untuk menggunakan teknologi seperti sidang video, penstriman langsung dan MOOC (*massive online open courses*). IPT tempatan juga akan membangunkan MOOC dalam bidang kepakaran tertentu, menyertai konsortium MOOC antarabangsa dan membina jenama global pendidikan Malaysia.**

Bagi mencapai hasrat ini, Kementerian akan bekerjasama dengan IPT untuk membina keupayaan komuniti akademik, meneroka penubuhan platform e-pembelajaran kebangsaan untuk membangun kandungan MOOC. Inisiatif utama termasuklah:

- **Pelancaran MOOC dalam bidang kepakaran khusus untuk Malaysia** seperti perbankan dan kewangan Islam, menerusi perkongsian dengan konsortium MOOC antarabangsa seperti edX dan Coursera untuk membina jenama global Malaysia;
- **Menjadikan pembelajaran dalam talian sebagai komponen penting pendidikan tinggi** dan pembelajaran sepanjang hayat, bermula dengan kursus umum peringkat sarjana muda, dan menggunakan model pembelajaran bersepadu sehingga 70% daripada keseluruhan program akademik; dan
- **Mewujudkan prasarana siber yang diperlukan** (prasarana rangkaian fizikal, infostruktur, platform, peranti dan peralatan) dan mengukuhkan keupayaan komuniti akademik untuk menyampaikan pembelajaran dalam talian.

# 10

## Transformasi Penyampaian Pendidikan Tinggi

Kementerian menyedari bahawa penyediaan strategi atau perancangan yang disepakati hanyalah suatu permulaan. PPPM (PT) akan gagal tanpa pelaksanaan berkesan, selain komitmen dan kolaborasi Kementerian, IPT, komuniti akademik, dan seluruh pihak yang berkaitan. Perubahan perlu bermula di Kementerian terlebih dahulu, termasuklah menerajui perubahan dari segi proses, kemahiran dan budaya kerja. Program transformasi berskala besar memerlukan kaedah baharu dari segi perlaksanaan sama ada secara dalaman atau dengan pihak lain. Malaysia juga perlu bertukar daripada tumpuan kepada input, pemisahan ketara institusi swasta dengan institusi awam, kepada sistem pendidikan tinggi yang lebih harmoni dengan tumpuan kepada penyampaian, kebertanggungjawaban, ketelusan dan keberhasilan.

**Kementerian akan mempergiatkan transformasi universiti swasta dan awam, sekaligus menjadi peneraju transformasi perkhidmatan awam bermula dengan Kementerian sendiri. Sehubungan itu Kementerian akan mengurangkan pendekatan silo dalam operasi melibatkan semua jabatan, serta memantapkan hubungan antara IPT, industri dengan komuniti. Kementerian juga akan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sebagai penguat kuasa dan pengubal dasar. Sementara IPT pula akan mempergiatkan transformasi sebagai perintis dan peneraju perubahan.**

Bagi mencapai hasrat tersebut, Kementerian akan merangka semula peranan, organisasi dan model operasi Kementerian; serta menambah baik penyampaian. Inisiatif utama termasuklah:

- **Melancarkan Program Transformasi Universiti** melalui usaha sama dengan beberapa buah IPT terpilih sebagai perintis, termasuk mengenal pasti, merangka, melaksana amalan terbaik dan menggunakan pakai buku panduan (*playbooks*) kepada semua IPT dalam bidang khusus yang sangat memerlukan penambahbaikan;
- **Penstrukturan semula organisasi Kementerian** untuk memberikan tumpuan kepada fungsi teras, mewujudkan jaringan kukuh antara IPT, masyarakat, dan industri, serta meningkatkan kecekapan, khususnya dalam perkhidmatan utama seperti pendaftaran pelajar dan pengurusan pelajar antarabangsa; dan
- **Menyelaraskan standard dan peraturan berkaitan prestasi IPT awam dan swasta**, dengan meningkatkan proses dan rangka kerja jaminan kualiti MQA, serta mengurangkan kerenah birokrasi.

# Pelan tindakan pelaksanaan inisiatif

Transformasi selama 11 tahun terhadap sistem pendidikan tinggi bersifat menyeluruh dan mencabar. Bagi memastikan sistem tersebut lancar dan terus berkembang, maka pihak Kementerian menetapkan 10 Lonjakan menerusi tiga fasa supaya dapat dilaksanakan dengan jaya seiring dengan peningkatan keupayaan dan kemampuan seluruh sistem, dan kesiapsiagaan IPT. Fasa pertama memberi tumpuan kepada pembinaan asas transformasi; fasa kedua akan melibatkan perubahan struktur bagi melancarkan transformasi; dan fasa ketiga untuk pemantapan sistem pendidikan tinggi tempatan menjadi unggul pada peringkat global. Ketiga-tiga fasa ini telah diselaraskan dengan PPPM:

- **2015:** memastikan pencapaian segera untuk memulakan momentum dan menyediakan asas trasnformasi
  - **2016-2020:** memacu penambahbaikan sistem
  - **2021-2025:** mencapai kecemerlangan menerusi operasi yang fleksibel
- Dalam konteks PPPM, pihak Kerajaan dan Kementerian beriltizam untuk menggunakan pendekatan baharu untuk mencapai matlamat yang besar, mampu dan menyeluruh, termasuklah:
- **Komitmen berterusan dan fokus:** Kepimpinan tertinggi peringkat Kerajaan dan Kementerian, termasuk Perdana Menteri komited untuk menyemak pencapaian sekerap mungkin, memberi panduan, dan menyelesaikan isu-isu berkaitan dengan pelaksanaan PPPM (PT). Kepimpinan tertinggi Kementerian juga komited untuk mengenal pasti, menggalak dan membina keupayaan kepemimpinan kumpulan pelapis untuk memastikan kesinambungan dan ketekalan perlaksanaan transformasi;
  - **Mempertingkat pengurusan prestasi:** Kementerian akan mewujudkan sistem pengurusan prestasi dengan jangkaan tinggi bagi setiap individu dan institusi melalui KPI yang telus. Sistem ini akan memastikan peningkatan kemampuan untuk membantu individu mencapai sasaran, memberi penghargaan terhadap pencapaian tinggi, dan menangani pencapaian rendah secara kolektif. Kementerian juga akan menerbitkan pencapaian tahunan agar semua pihak dapat menikuti perkembangan pelaksanaan PPPM (PT); dan
  - **Bekerjasama dengan pihak berkepentingan:** Menerusi pelbagai inisiatif PPPM (PT), Kementerian mendapat maklum balas secara berterusan daripada semua pihak berkepentingan, terutamanya IPT, pelajar dan industri. Kementerian juga akan terus menyalurkan maklumat tentang perkembangan dan isu berkaitan untuk memastikan seluruh sistem pendidikan tinggi terlibat dengan proses transformasi.

fasa  
1  
(2015)

## Membina momentum dan meletakkan asas

- **Membangunkan metodologi sistem penaksiran bersepadu** oleh IPT bagi menggambarkan keberhasilan menyeluruh aspirasi pelajar merangkumi aspek ilmu, dan akhlak;
- **Memperkenalkan pembelajaran berdasarkan pengalaman dan perkhidmatan secara lebih meluas** dalam kalangan IPT, meningkatkan penyerapan keushawanan dalam kurikulum, membangunkan rangka kerja penjana-pekerjaan untuk pelajar;
- **Melancarkan program pemimpin industri/ pengarah urusan syarikat atau kepimpinan kanan sektor awam** untuk pengajaran dan pembelajaran di IPT;
- **Memperbaiki kadar pembayaran semula PTPTN**, menerusi strategi seperti memberi insentif dan menetapkan penalti;
- **Melancarkan Program Transformasi Universiti** untuk beberapa universiti rintis sebagai contoh untuk universiti lain;
- **Menyusun amalan terbaik menjadi “buku panduan”** untuk beberapa agenda kritikal universiti yang boleh diterima pakai oleh IPT:
  - Menambah baik tadbir urus dan keberkesanan lembaga universiti
  - Mengukuhkan prestasi pihak pengurusan
  - Meningkatkan produktiviti dan kecekapan
  - Mewujudkan pelbagai sumber pendapatan, dana endowmen dan waqf
  - Mencapai tahap ketelusan dalam laporan kewangan
  - Mengukuhkan laluan kerjaya dan pembangunan kepemimpinan
- **Menambah baik TVET** menerusi kurikulum yang dibangunkan dan disampaikan oleh pihak industri, meningkat keupayaan staf akademik, dan menambah penawaran kursus berteknologi dan bernilai tinggi;
- **Menjajar bidang utama penyelidikan dengan kementerian dan agensi lain**, fokus kepada beberapa bidang tujuan menjadi tunjang pembangunan ekonomi negara;
- **Menilai semula kriteria** pendanaan geran dan menambah baik prosedur semakan dan pemantauan penyelidikan;
- **Menilai kejelasan garispanduan** untuk swa-akreditasi dan pengawalseliaan bersama bagi IPT swasta, dengan agensi yang berkaitan;
- **Menilai semula proses pengambilan dan kemasukan pelajar** (permohonan dan padanan dengan kursus pilihan) dan pengendalian pelajar antarabangsa;
- **Mewujudkan Model baharu penyelaras dan pengendalian Biasiswa Antarabangsa Malaysia**, membuka peluang lebih luas untuk pelajar antarabangsa yang cemerlang;
- **Membangunkan kursus dalam MOOC**, terutamanya untuk bidang tujuan yang diterajui oleh Malaysia, semakan dasar e-pembelajaran negara;
- **Merekabentuk semula struktur organisasi Kementerian** bersesuaian dengan fokus baharu sebagai pembuat dasar dan pengawal-selia.

**fasa**  
**2**  
(2016-2020)

## Memacu peningkatan sistem

**fasa**  
**3**  
(2021-2025)

## Menganjak ke arah kecemerlangan melalui peningkatan keluwesan operasi

- **Meningkatkan interaksi bersama industri dan komuniti, melaksanakan program sarjana muda 3+1 atau 2+2, memanfaatkan pembelajaran di luar kampus seperti di industri atau masyarakat;**
- **Menambah baik rangka kerja MPU dan program keusahawanan, meningkatkan kandungan praktikal keusahawanan dan mengiktiraf kecemerlangan program pembelajaran berdasarkan pengalaman dan keusahawanan;**
- **Membangunkan kriteria dan menetapkan insentif untuk mengiktiraf pelbagai bentuk kecemerlangan, seperti kecemerlangan penyelidikan, bidang tujuan atau pengajaran;**
- **Memudahkan aktiviti mobiliti pelajar dan staf, dan empat laluan kerjaya di IPT;**
- **Membangunkan pelan tindakan kecemerlangan bakat, termasuk pengambilan staf dan pemimpin akademik luar negara;**
- **Mengukuhkan rangka kerja untuk memudahkan penerimaan pembelajaran lalu, dengan laluan jelas untuk satu sistem kredit kebangsaan;**
- **Pengharmonian rangka kerja kelayakan TVET kebangsaan bersama agensi lain dan memudahkan untuk mendapat akreditasi antarabangsa;**
- **Memperkenalkan formula pendanaan baharu dan prestasi kontrak untuk universiti awam, dengan KPI yang jelas;**
- **Mentransformasi PTPTN sebagai Tabung Pendidikan Malaysia, dengan skim simpanan dan insentif yang ditambah baik, dan Tabung Siswa baharu;**
- **Melaksanakan pinjaman luar jangka, dengan menekankan akses kepada pinjaman berkaitan dengan prestasi IPT dan kualiti program;**
- **Memperkenalkan insentif untuk penubuhan tabung endowmen atau waqf oleh IPT awam dan swasta, termasuk pemberian dana padanan dan pengecualian cukai;**
- **Memantapkan tadbir urus IPT awam, dengan fokus kepada komposisi ahli lembaga, autonomi akademik, keberkesanannya tadbir urus, autonomi pengurusan sumber manusia, kewangan dan perolehan;**
- **Menilai pembentukan akta pendidikan bersepada untuk semua IPT awam dan swasta;**
- **Meluaskan skim padanan untuk penyelidikan bersama industri dan masyarakat dan membaiki peraturan dan garispanduan untuk pengkomersilan;**
- **Mempercepatkan pemindahan teknologi menerusi fungsi sokongan oleh IPT, pihak berkepentingan dan menggalakkan penggunaan prasarana secara bersama;**
- **Melaksanakan perubahan dalam pengurusan pelajar antarabangsa, termasuk menjajar proses imigrasi dan memperkenalkan visa berbilang tahun dan pendekatan "laluan hijau" bagi IPT yang sentiasa menunjukkan kualiti perkhidmatan yang baik;**
- **Menambah baik promosi jenama pendidikan tinggi Malaysia dan memperkuuhkan MyAlumni;**
- **Menambah baik PSH dan prasarana pembelajaran dalam talian, menggalakkan pengiktirafan PSH dengan memudahkan pemindahan kredit dan membangunkan program berinovasi;**
- **Menambah baik sistem penarafan institusi, proses penilaian dan kelulusan MQA.**

- **Mengemaskini dasar dan garispanduan untuk mengambil kira keperluan kemahiran abad ke21 dalam kurikulum supaya cabaran global dan masa depan dapat ditangani oleh graduan;**
- **Melengkapkan peralihan kepada prestasi kontrak berbilang tahun untuk semua universiti awam;**
- **Melengkapkan peralihan semua universiti awam kepada berstatus autonomi;**
- **Mencapai kemampunan kewangan untuk Tabung Pendidikan Malaysia, model pendanaan pelbagai yang mampan untuk universiti awam**
- **Menilai pelaksanaan autonomi lebih meluas untuk politeknik selepas Politeknik Malaysia diluluskan sebagai badan berkanun**
- **Penambahbaikan yang berterusan kepada sistem penarafan institusi dan jaminan kualiti, ditanda aras dengan amlan antarabangsa;**
- **Melengkapkan penjenamaan semula TVET menjadi laluan pilihan**
- **Meraih hasil daripada Program Transformasi Universiti, beberapa universiti mencapai keunggulan di peringkat serantau dan global dalam bidang tujuan masing-masing**
- **Semakan berterusan untuk menambah baik ekosistem inovasi dan melaksanakan program intervensi dimana perlu**
- **Meneruskan pengambilan pelajar antarabangsa dari pelbagai negara, dengan memberi penekanan kepada beberapa negara strategik**
- **Meneruskan penambahbaikan jenama pendidikan Malaysia di peringkat global**
- **Melengkapkan penubuhan makmal penyelidikan antarabangsa atau pusat kecemerlangan dengan rakan global yang ulung.**

..... Transformasi sektor pendidikan tinggi akan mengambil masa 11 tahun

*Transformasi sistem pendidikan tinggi adalah keutamaan nasional. Kementerian berhasrat melaksanakan transformasi sistem dan IPT dalam satu tempoh panjang. Biarpun transformasi ini mengambil masa, namun impak dan perubahan ketara akan dirasakan dalam tempoh singkat yang menjadi asas kepada pencapaian jangka panjang.*





## Kesimpulan

PPPM (PT) mencadangkan perubahan besar kepada sistem pendidikan tinggi Malaysia. Perubahan ini berpaksi kepada keperluan dan kepentingan pelajar, dan penegasan semula tentang komitmen kerajaan untuk menyediakan akses pendidikan berkualiti standard antarabangsa berdasarkan ekuiti. Hal ini juga memerlukan penglibatan berterusan pihak industri dan masyarakat menerusi kolaborasi dan usaha sama. PPPM (PT) juga berhasrat untuk memberi peluang kepada IPT awam dan swasta agar dapat mempergiatkan inovasi dan kecemerlangan institusi dari segenap sudut. Selain itu, usaha sama melibatkan semua pihak berkepentingan diperlukan untuk menjayakan transformasi sistem pendidikan tinggi, bagi mempersiapkan seluruh warga Malaysia menghadapi pelbagai cabaran dan memanfaat pelbagai peluang. Itulah harapan semua warga terhadap pendidikan tinggi Malaysia.

Bab



# Pengenalan

Sistem pendidikan tinggi Malaysia telah mencipta banyak kemajuan. Pada 2007, Kementerian Pendidikan (Kementerian) telah membina Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dengan matlamat mentransformasikan sektor dan institusi pendidikan tinggi (IPT) Malaysia. Antara pencapaian utama termasuklah pembukaan sektor ini kepada institusi pendidikan swasta dan kampus cawangan institusi antarabangsa, mobiliti merentas sempadan yang lebih besar bagi pelajar dan kakitangan akademik, serta pembangunan Universiti Penyelidikan Malaysia (MRU).

Walaupun telah meraih banyak kejayaan, sistem pendidikan tinggi perlu terus melangkah ke hadapan mengikut trend global pada masa ini sekaligus bersedia menangani cabaran masa hadapan. Penggabungan dua buah kementerian yang dahulunya dikenali sebagai Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran memerlukan penjajaran semula strategi untuk memastikan pelajar menikmati pengalaman pendidikan selanjar dari peringkat prasekolah hingga peringkat pendidikan tinggi. Bagi tujuan itu, Kementerian telah menghasilkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) untuk merangka fasa perkembangan seterusnya bagi sistem pendidikan Malaysia.

# Latar Belakang PPPM (PT)

Sistem pendidikan tinggi Malaysia telah mencatat banyak kemajuan sejak penubuhan Universiti Malaya (UM) di Persekutuan Tanah Melayu pada 1949. Sejak itu, Malaysia terus mempertingkat dan memperkuuh sistem pendidikan tinggi negara untuk memenuhi permintaan tempatan dan mengikut trend global. Usaha ini dapat dilihat melalui inisiatif utama seperti Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) yang memacu penubuhan universiti awam; Akta Majlis Pendidikan Tinggi Negara 1996 yang mewujudkan badan urus tadbir tunggal untuk memandu hala tuju pembangunan pendidikan tinggi; dan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 yang menggalakkan pembangunan institusi swasta di Malaysia.

PSPTN yang dilancarkan pada 2007 merupakan satu lagi contoh inisiatif sedemikian. Matlamat PSPTN adalah untuk menjadikan pendidikan tinggi Malaysia lebih berupaya menyampaikan ilmu dan kemahiran yang diperlukan oleh masyarakat untuk memastikan pertumbuhan ekonomi di samping mengukuhkan negara sebagai hab kecemerlangan antarabangsa bagi pendidikan tinggi. Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, PSPTN terus mencari keseimbangan antara dua pendapat yang bertentangan dalam pendidikan tinggi: (i) bahawa matlamat pendidikan sebahagian besarnya bersifat utilitarian, iaitu menyediakan pelajar untuk diserapkan ke dalam pasaran pekerja; dan (ii) bahawa fokus pendidikan ialah pembangunan sumber manusia secara holistik.

Pelan transformasi PSPTN memfokuskan 7 teras yang akan disampaikan melalui 23 Projek Agenda Kritis. Pelan ini terdiri daripada empat fasa: Fasa I (2007-2010) Peletakan Asas; Fasa II (2011-2015) Pengukuhan dan Pemerksaan; Fasa III (2016-2020) Kecemerlangan; Fasa IV (Melangkaui 2020) Kegemilangan dan Kemampanan. Pelbagai kertas dasar dan perancangan yang berkaitan dengan topik seperti kebolehgunaan warga graduan,

keusahawanan, pembelajaran sepanjang hayat, sangkutan industri, dan kerjasama industri/komuniti-universiti telah disediakan untuk menyokong PSPTN. Sejak dilancarkan, PSPTN berjaya memajukan sistem pendidikan tinggi. Antara pencapaian utama termasuklah pendemokrasian sektor pendidikan tinggi, pertumbuhan pesat bagi sektor pendidikan swasta, dan pengukuhan keupayaan Kementerian.

Walau bagaimanapun, sistem pendidikan tinggi perlu terus berkembang; sebagai respons terhadap trend global semasa serta sebagai persediaan untuk menghadapi cabaran masa hadapan. Contohnya, transformasi yang bakal dibawa oleh teknologi disruptif dan model baharu seperti *Massive Open Online Course* (MOOC) akan menentukan semula bagaimana pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dan menyediakan kaedah baharu kepada pelajar untuk mendapatkan akses kepada pendidikan tinggi. Di samping itu, penggabungan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2013 mewujudkan organisasi yang mempunyai skala, skop dan jangkuan untuk memajukan lagi aspirasi pendidikan tinggi Malaysia. Contohnya, penggabungan ini membolehkan integrasi yang lebih erat dan penajaran pelbagai strategi untuk membina laluan yang lancar kepada pelajar dari peringkat awal hingga kerjaya.

Dengan mengambil kira semua perkara ini, pihak Kementerian telah menyediakan PPPM (PT) untuk melakarkan fasa seterusnya dalam perjalanan transformasi pendidikan tinggi Malaysia. Ia dibina berdasarkan bidang tumpuan PSPTN dan meneroka bidang keutamaan baharu seperti kemampanan kewangan, pemantapan tadbir urus serta pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) yang berkualiti.



*Pendidikan di Malaysia merupakan usaha berterusan ke arah membangunkan lagi potensi individu dengan cara holistik dan bersepadu, untuk melahirkan individu yang seimbang dan harmoni dari aspek intelek, emosi, rohani dan jasmani berasaskan kepercayaan yang kukuh dan ketaatan kepada Tuhan. Usaha sebegini dirancang untuk melahirkan warganegara yang berpengetahuan dan cekap, mempunyai moral yang tinggi standardnya, dan yang bertanggungjawab serta mampu mencapai tahap kesejahteraan yang tinggi bagi dirinya, di samping dapat menyumbang ke arah keharmonian dan penambahbaikan kehidupan keluarga, masyarakat dan negara secara umum.*

*Falsafah Pendidikan Kebangsaan  
Dalam Akta Pendidikan 1996*

# 7 Teras PSPTN

- Meluaskan akses dan meningkatkan ekuiti;
- Menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran;
- Memperteguh penyelidikan dan inovasi;
- Memperkasakan institusi pengajian tinggi;
- Mempergiatkan pengantarabangsaan;
- Membudayakan pembelajaran sepanjang hayat; dan
- Mengukuhkan sistem penyampaian KPT.

# 23 Projek Agenda Kritikal

- Akademia;
- Program Pemacuan untuk Kecemerlangan (APEX);
- Kebolehcapaian dan Kemampanan;
- Pusat Kecemerlangan;
- e-Pembelajaran;
- Keusahawanan;
- Tadbir Urus;
- Kebolehpasaran Graduan;
- Pembangunan Holistik Pelajar;
- Industri-Akademia;
- Pengantarabangsaan;
- Program Pemindahan Pengetahuan;
- Kepemimpinan;
- Pembelajaran Sepanjang Hayat;
- Sistem Penyampaian Kementerian;
- MyBrain15;
- Institusi Pengajian Tinggi Swasta;
- Jaminan Kualiti;
- Penyelidikan dan Pembangunan;
- Pengajaran dan Pembelajaran;
- Sekolah Perniagaan Terkemuka;
- Transformasi Kolej Komuniti; dan
- Transformasi Politeknik.

# Pendekatan pembangunan PPPM (PT)

PPPM (PT) telah dibangunkan secara inklusif dan komprehensif, serta merangkumi maklum balas daripada lebih 100 kumpulan pihak berkepentingan, orang ramai dan pelbagai pakar. Pendekatan keseluruhan dan sumber maklum balas kepada PPPM (PT) seperti berikut:

- 
- 1**  
Kajian semula  
PSPTN
- 2**  
Pengkonsepsian  
10 Lonjakan
- 3**  
Pemuktamadan  
PPPM (PT)

## (Februari 2013 hingga Februari 2014)

Pasukan pengkaji semula yang terdiri daripada ahli akademik dan pakar pendidikan terkemuka dari sektor awam dan swasta telah diwujudkan pada 2013 untuk mengkaji kemajuan pelaksanaan PSPTN oleh Kementerian, dan mengenal pasti bidang-bidang untuk penambahbaikan selanjutnya. Pasukan pengkaji ini secara khusus bertanggungjawab untuk:

- Menilai pencapaian PSPTN sehingga kini;
- Menilai perubahan terkini dan mengenal pasti keperluan semasa bagi pendidikan tinggi menurut perspektif tempatan dan global;

- Mengukuhkan strategi untuk meningkatkan kecemerlangan sistem dan institusi pendidikan tinggi Malaysia; dan
- Membina strategi baharu selaras dengan perubahan yang sudah dikenal pasti.

Untuk memastikan sistem pendidikan tinggi menangani keperluan pendidikan tinggi bagi semua sektor, kumpulan pengkaji ini juga melibatkan wakil orang ramai, ahli akademik, pemimpin industri dan kesatuan, pakar dari dalam dan luar negeri, dan pihak lain yang diperlukan untuk mendapatkan maklum balas dalam bidang tertentu.

## (Mac 2014 hingga September 2014)

Berdasarkan saranan pasukan pengkaji semula PSPTN dan rundingan terperinci dengan pihak berkepentingan, Kementerian telah mengenal pasti 10 Lonjakan yang diperlukan untuk membawa sistem pendidikan tinggi Malaysia ke peringkat seterusnya. Kementerian mewujudkan pasukan penyelidik dan penulis berdedikasi yang terdiri daripada 42 orang untuk menangani setiap

lonjakan tersebut. Untuk membentuk lonjakan ini, Kementerian menggunakan rangka kerja Strategi Lautan Biru Negara untuk mengenal pasti strategi dan inisiatif berimpak tinggi, berkos rendah, dan dapat dilaksanakan dengan segera. Kementerian juga melaksanakan fasa kedua rundingan dan interaksi dengan kumpulan berkepentingan tertentu.

## (Oktober 2014 hingga Mac 2015)

Penerbitan dokumen rundingan awal menandakan bermulanya fasa ketiga, yang juga fasa terakhir pembangunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Prasekolah hingga Lepas Menengah) atau PPPM. Sesi penglibatan mencakupi interaksi secara bersemuka dengan menteri kabinet, pentadbir universiti, kesatuan dan persatuan,

industri, dan kumpulan berkepentingan termasuklah pelajar; penglibatan orang ramai secara lebih meluas dibuat melalui maklum balas dalam talian dan sesi pendengaran awam bersama orang ramai. Lebih 5,000 pihak berkepentingan telah terlibat dalam pelbagai sesi yang diadakan.

## Interaksi bersama pihak berkepentingan

<b>1</b>	<b>2,300+</b>	maklum balas kaji selidik
	<b>2,300+</b>	penyertaan sesi pendengaran awam dan kumpulan fokus
	<b>16</b>	pakar dan penasihat antarabangsa
<b>2</b>	<b>250+</b>	wakil pemegang taruh
	<b>90+</b>	Pengerusi dan ahli Lembaga Pengarah Universiti, Naib Canselor, dan Ketua Eksekutif IPT swasta
	<b>4,500+</b>	staf IPT
<b>3</b>	<b>40</b>	majlis kemahiran industri dan badan profesional
	<b>25+</b>	ahli Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan
	<b>50+</b>	tokoh pemikir dan profesor

Interaksi berterusan dalam talian dan media

- 14** penasihat pakar Malaysia
- 1** kaji selidik kebangsaan
- 18** sesi pendengaran awam
- 9** kumpulan fokus

- 5+** siri bengkel
- 140** PIBG merentas daerah
- 20+** kesatuan dan persatuan
- 250+** pelajar dan alumni
- 500+** staf Kementerian
- 30+** sesi perundingan

## Kumpulan pembangunan PPPM (PT)

- 35** ahli pasukan kajian semula PSPTN
- 14** bab pasukan penulis
- 20** penulis utama
- 42** ahli penulis

## Sumber antarabangsa



*Secara keseluruhan, lebih daripada 10,500 orang telah dirundingi dalam tempoh dua tahun.*

# Penjajaran dengan pelan dan rangka tindakan negara yang lain

Sejak PSPTN dibangunkan pada 2007, Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai strategi transformasi yang mengubah dasar negara. Antaranya termasuklah Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP), PPTM (PT) dan Rancangan Malaysia Ke-11. PPPM (PT) yang baharu ini telah direka bentuk sejajar dengan dokumen ini untuk memastikan ketekalan dan mempunyai kaitan yang jelas dengan agenda transformasi negara. Pelaksanaan PPPM (PT) berpandukan surat pekeliling, perintah am, dan arahan sedia ada yang dikeluarkan oleh Kerajaan, selain undang-undang atau peraturan yang berkuat kuasa.

## Program Transformasi Kerajaan (GTP)

GTP ialah program menyeluruh yang bercita-cita tinggi untuk mentransformasikan Kerajaan menjadi institusi yang cekap dan bertumpukan rakyat. Program ini diperkenalkan untuk menangani kebimbangan rakyat tentang beberapa isu penting, seperti peningkatan kos sara hidup, rasuah, jenayah dan pendidikan. Walaupun GTP memfokuskan pendidikan asas, namun prinsip yang didukung ialah akses kepada pendidikan berkualiti merupakan hak bagi setiap rakyat Malaysia, tanpa mengira bangsa, kepercayaan atau pendapatan.

## Program Transformasi Ekonomi (ETP)

Matlamat ETP adalah untuk mengangkat status negara kepada taraf negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Malaysia dijangka mencapai matlamat ini dengan menangani 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) mewakili sektor ekonomi yang menjadi penyumbang utama kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK) Malaysia. Pada masa ini, sektor pendidikan mempunyai program untuk memperjuangkan jenama pendidikan antarabangsa Malaysia, membina kelompok bidang hospitaliti dan pelancongan, mewujudkan kelompok bidang kewangan Islam dan pendidikan perniagaan, membangunkan permainan berbentuk pendidikan dan untuk membina pusat perakaunan profesional dan lain-lain.

## Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah)

Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi telah digabungkan pada 2013 untuk memastikan perancangan dan pelaksanaan dasar yang selanjut dari prasekolah hingga pendidikan tinggi dan selanjutnya. Oleh itu, aspirasi dan struktur PPPM (PT) mempunyai persamaan dengan PPPM. Strategi dalam PPPM (PT) disejajarkan dan direka bentuk berdasarkan strategi dalam PPPM untuk memastikan ketekalan dalam aspirasi dan fokus di seluruh Kementerian.

## Rancangan Malaysia Ke-11

Dalam ucapan bajet 2015, Perdana Menteri menyebut tentang ekonomi berdasarkan modal dan ekonomi berfokuskan rakyat. Ekonomi berdasarkan modal berkait dengan pengawasan makroekonomi, dasar Kerajaan dan isu-isu global, manakala ekonomi berfokuskan rakyat pula berkait dengan rakyat biasa, termasuk isu kos sara hidup, latihan kemahiran, keusahawanan, dan keselamatan. PPPM (PT) akan menangani isu ini untuk menyokong Rancangan Malaysia Ke-11 yang akan datang.

Strategi PPPM (PT) akan memberikan tumpuan pada intervensi teknologi tinggi-sentuhan tinggi (*"high-tech, high-touch"*). Ini bermakna PPPM (PT) akan memberikan penekanan pada perkara yang mampu menonjolkan Malaysia di persada dunia. Antaranya termasuklah menerbitkan makalah jurnal berimpak tinggi, menjalankan penyelidikan berkualiti, dan menyediakan pendidikan bernilai tinggi yang mampu menarik dan mengekalkan pelajar pascasiswazah antarabangsa. Strategi ini juga akan memberikan tumpuan pada kaedah pengetahuan yang luas, kualiti penyelidikan, hubungan kerjasama yang lebih kukuh, serta percambahan idea dan aktiviti berdasarkan pengetahuan antara IPT, sekolah, pusat komuniti dan NGO akan menerajui pembangunan negara dan menambah baik kualiti kehidupan rakyat.

## Objektif PPPM (PT)

Objektif PPPM (PT) ialah:

- **Menilai prestasi dan cabaran semasa** untuk meningkatkan akses kepada pendidikan, meningkatkan standard (kualiti), merapatkan jurang pencapaian (ekuiti), menggalakkan perpaduan antara pelajar, dan memaksimumkan kecekapan pelajar;
- **Mewujudkan aspirasi yang jelas bagi sistem dan pelajar**, dan menyepakukannya dengan agenda negara, keutamaan Malaysia, dan program utama (contohnya ETP);
- **Membina program transformasi yang menyeluruh** bagi sistem pendidikan Malaysia yang merangkumi perubahan penting kepada Kementerian, meneruskan kemajuan PSPTN, selaras dengan PPPM, serta mencerminkan trend terkini dan cabaran pendidikan global.

## Gambaran Keseluruhan PPPM (PT)

Setiap bab yang berikutnya akan membincangkan komponen yang amat penting bagi kejayaan sistem pendidikan.

**Bab B** mengemukakan kes yang mendorong perubahan dan merangkumi gambaran keseluruhan tentang pencapaian dan jurang semasa yang wujud.

**Bab C** membincangkan visi sistem pendidikan tinggi negara, termasuk aspirasi pelajar dan sistem, serta penunjuk prestasi yang paling penting bagi pendidikan tinggi. Bab ini juga membincangkan langkah penting yang mesti diambil oleh Malaysia untuk mencapai aspirasinya melalui beberapa dimensi yang terdiri daripada akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan. Ini merupakan asas kepada 10 Lonjakan; empat daripadanya merupakan keberhasilan penting bagi pihak berkepentingan, dan enam lagi merupakan pemboleh untuk mencapai keberhasilan tersebut.

**Lonjakan 1 hingga 10** membincangkan sepuluh perubahan yang diharapkan dan diperlukan untuk mentransformasikan sistem pendidikan tinggi. 10 Lonjakan ini menangani isu penting seperti “Kepentingan”, “Kedudukan Malaysia”, “Objektif”, “Prinsip”, “Strategi dan Inisiatif”, dan termasuk kaedah pemantauan yang dapat memandu pelaksanaan setiap Lonjakan.

## Kesimpulan

Sepanjang dua dekad yang lalu, sistem pendidikan tinggi Malaysia telah mencapai kemajuan yang ketara, daripada pembukaan sektor ini kepada institusi pendidikan swasta hingga penubuhan MRU. Walau bagaimanapun, sistem ini perlu terus berkembang sekiranya Malaysia berhasrat untuk kekal bersaing pada peringkat global. Justeru, Kementerian membangunkan PPPM (PT) untuk memastikan perjalanan pendidikan bersepodu yang lancar bagi pelajar dari peringkat pendidikan asas hingga pendidikan tinggi, serta untuk melakarkan fasa pertumbuhan sistem yang seterusnya. PPPM (PT) dibangunkan berdasarkan rundingan terperinci dan interaksi dengan pihak berkepentingan dalam tempoh dua tahun.

Bab



# Prestasi Semasa

Sejak kemerdekaan lagi, salah satu objektif pendidikan tinggi di Malaysia adalah untuk memenuhi keperluan bakat di negara ini. Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang ditulis pada 1988 dan dikemas kini pada 1996, mengabadikan wawasan pendidikan negara sebagai kaedah pembangunan pelajar secara holistik; dari aspek intelek, emosi, rohani dan jasmani.

Bab ini menganalisis keadaan semasa sistem pendidikan tinggi di Malaysia dengan melihat keberhasilan sistem ini dari segi akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan seperti yang dijelaskan dalam Program Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah) atau PPPM. PPPM menyediakan garis asas prestasi yang jelas dan objektif, yang kemudiannya dijadikan asas untuk membangunkan strategi dan inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), selepas ini dikenali sebagai PPPM (PT).

# Institusi Pendidikan Tinggi

Kementerian Pendidikan, 2014

○ Setiap titik melambangkan sebuah Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia

20

Universiti Awam

410

Kolej Swasta

91

Kolej Komuniti

33

Politeknik

70










Universiti  
Swasta

34

Kolej Universiti  
Swasta

14

Pusat Kecemerlangan  
Institusi Pendidikan  
Tinggi (HICoE)



# Pelajar dan Staf Akademik


Kementerian Pendidikan, 2014

JUMLAH  
ENROLMEN  
PELAJAR **1.2 juta**

JUMLAH  
PELAJAR  
ANTARABANGSA **0.1 juta**


## Universiti Awam

AKADEMIK  
(33,199)



PhD 37%

**560K**  
PELAJAR



## Politeknik

AKADEMIK  
(7,256)




PhD 0.6%

**90K**  
PELAJAR




## Universiti Swasta, Kolej Universiti Swasta dan Kolej Swasta

AKADEMIK  
(24,476)



PhD 13%

**485K**  
PELAJAR



## Kolej Komuniti

AKADEMIK  
(2,816)



PhD 0.1%

JUMLAH  
STAF  
AKADEMIK **67.7K** JUMLAH  
PhD **15.5K**

○ Setiap titik melambangkan  
1,000 pelajar

● Pelajar  
Antarabangsa

○ Mewakili 500 Staf  
akademik

● Pemegang Ijazah  
PhD

# Struktur dan laluan semasa

Malaysia kini mempunyai 1.4 juta pelajar yang mengikuti pengajian dan latihan peringkat tinggi, dengan 1.2 juta daripadanya berdaftar di institusi pendidikan tinggi (IPT) di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan Malaysia (Kementerian). Secara khusus, Kementerian menyelia 20 universiti awam, 33 politeknik, 91 kolej komuniti dan 514 IPT swasta. Lima daripada 20 universiti awam ini mempunyai status Universiti Penyelidikan Malaysia (MRU). Sebanyak 33 politeknik ini pula terdiri daripada tiga institusi P....., lima institusi Metro dan 25


institusi Konvensional, sementara 514 IPT swasta terdiri daripada 70 universiti swasta, 34 kolej universiti swasta dan 410 kolej swasta.

Sistem ini menawarkan kedua-dua laluan, iaitu laluan akademik dan laluan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) untuk memenuhi minat pelajar dan keperluan industri yang pelbagai. Paparan B-1 menggambarkan secara ringkas fasa dan laluan pendidikan di Malaysia pada masa ini, daripada prasekolah hingga ke peringkat pendidikan tertiar.



PAPARAN B-1

## Laluan pendidikan Malaysia



SUMBER: Makmal TVET PEMANDU-PADU, Julai 2014

# Prestasi keseluruhan

Laporan Universitas 21 (U21) memberikan penilaian pendidikan tinggi di 50 buah negara merentas empat dimensi, iaitu sumber, persekitaran, kesalinghubungan, dan keberhasilan (lihat Kotak B-1). Penilaian pendidikan tinggi ini menjadi penanda aras kepada kerajaan, institusi pendidikan dan individu. Laporan ini turut menonjolkan kepentingan untuk mewujudkan persekitaran yang mantap, bagi membolehkan IPT menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan budaya, memberikan pengalaman yang berkualiti kepada pelajar, dan bersaing untuk mendapatkan pelajar dari luar negara.

Seperti yang dapat dilihat dalam Paparan B-2, Malaysia mendapat ranking keseluruhan ke-28 daripada 50, yang dicatatkan dalam laporan sebagai “telah dijangka bagi tahap pendapatan Malaysia”.

PAPARAN B-2

Kriteria ranking ini agak luas merentas empat dimensi tersebut. Bagi dimensi sumber, Malaysia mendapat ranking ke-12, sekali gus menunjukkan komitmen Kerajaan yang tinggi terhadap pendidikan tinggi. Malah, apabila disesuaikan dengan tahap pendapatan, Malaysia mempunyai komitmen paling tinggi dari segi sumber berbanding dengan mana-mana negara dalam Laporan U21. Sebaliknya, Malaysia berada pada ranking ke-44 bagi dimensi keberhasilan, iaitu ukuran yang mencakupi keberhasilan penyelidikan, ranking institusi, kebolehpasaran graduan, dan enrolmen. Justeru, cabaran bagi Malaysia adalah untuk melonjakkan tahap keberhasilan agar sepadan dengan sumber yang diperuntukkan. Untuk tujuan itu, Paparan B-3 turut menonjolkan negara-negara tertentu yang pengalamannya boleh diteladani oleh Malaysia.

## Ranking Malaysia dalam Laporan U21

Kedudukan daripada 50 negara	1	2	3	4	Laporan U21: “Ranking 28 ada terjangka dengan tahap pendapatan Malaysia.”	
	SUMBER	PERSEKITARAN	KESALING- HUBUNGAN	OUTPUT		
Jiran di Asia	Malaysia	12	26	35	44	28
	Singapura	9	11	5	19	10
	Thailand	47	30	30	47	42
	Indonesia	50	37	25	50	48
	Hong Kong	19	4	7	23	15
	Korea Selatan	18	39	32	18	21
	AS	4	3	15	1	1
	UK	21	16	3	2	8
Tanda Aras Global	Australia	16	8	8	6	9
	JENIS METRIK YANG DIGUNAKAN	Perbelanjaan, pelaburan, dan R&D Kerajaan	Penilaian kualitatif terhadap dasar dan persekitaran kawal selia	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kolaborasi di peringkat global dan industri</li> <li>▪ Enrolmen pelajar antarabangsa</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Output penyelidikan</li> <li>▪ Ranking institusi</li> <li>▪ Enrolmen</li> <li>▪ Kebolehpasaran graduan</li> </ul>	Purata Pencapaian bagi empat kategori
						Contoh tanda aras

SUMBER: Laporan Tahunan oleh Universitas 21, sebuah jaringan universiti penyelidikan pada abad ke-21 dengan 26 ahli yang mendaftarkan lebih 1.3 juta pelajar dan menggajikan lebih 220,000 staf. Indeks U21 membandingkan sistem pendidikan tinggi di 50 buah negara.



#### Kotak B-1

### Empat dimensi dalam Laporan U21

**Sumber.** Prasyarat untuk sistem pendidikan tinggi berprestasi tinggi ialah wujudnya sumber yang mencukupi, sama ada daripada Kerajaan atau sektor swasta. Parameter ukuran yang dinilai termasuklah:

- perbelanjaan Kerajaan dan jumlah perbelanjaan untuk institusi pendidikan tinggi sebagai peratusan daripada KDNK; dan
- perbelanjaan tahunan bagi setiap pelajar di institusi pendidikan tinggi.

**Persekitaran.** Persekitaran pengawalseliaan yang kondusif dapat memastikan sumber digunakan dengan cekap, meningkatkan keupayaan sistem untuk menarik dan mengekalkan bakat yang berdaya saing di peringkat global, serta menggalakkan inovasi. Parameter ukuran yang dinilai termasuklah:

- penilaian dasar dan persekitaran pengawalseliaan secara kualitatif; dan
- kualiti data.

**Kesalinghubungan.** Kesalinghubungan yang baik dengan negara dan industri lain merupakan petunjuk kualiti pengajaran dan penyelidikan sistem pendidikan tinggi, serta penerapan inovasi. Parameter ukuran yang dinilai termasuklah:

- jumlah makalah yang dikarang secara bersama dengan rakan usaha sama antarabangsa; dan
- penarafan daripada eksekutif perniagaan terhadap nilai pemindahan pengetahuan antara syarikat dengan universiti di negara masing-masing.


**Keberhasilan.** Sistem pendidikan tinggi yang baik bukan sekadar melahirkan warga kerja terlatih dan terpelajar yang memenuhi keperluan negara, malah memberikan sumbangan kepada pengetahuan negara dan dunia. Parameter ukuran yang dinilai termasuklah:

- kadar pengangguran; dan
- kecemerlangan penyelidikan dari segi kualiti dan bilangan penerbitan

# Akses

## PAPARAN B-3

### Pecahan enrolmen berdasarkan peringkat program



<sup>1</sup> Termasuk klasifikasi ISCED 3 dan ke atas; termasuk STPM, PraU, Matrikulasi, Asasi, kursus Pradiploma.


<sup>2</sup> Seperti yang dilaporkan oleh KPM; tahap ISCED (International Standard Classification of Education) ditentukan oleh UNESCO.

<sup>3</sup> Definisi per UNESCO: Jumlah pelajar yang berdaftar pada peringkat pendidikan tertentu, tanpa mengira umur, sebagai peratusan daripada kumpulan berumur 18-22 tahun.

SUMBER: KPM, UNESCO

## PAPARAN B-4

### Perbandingan kadar enrolmen mengikut negara



<sup>1</sup> Negara-negara terpilih berdasarkan kategori berikut: Ekonomi maju di Asia (Hong Kong, Singapura, Korea Selatan, Jepun), Jiran Asia Tenggara (Indonesia, Thailand, Singapura), perkapita KDNK sebanding (Filipina, Vietnam, Brunei, Laos, Kemboja, Myanmar), Negara Maju (AS, UK, Australia).

<sup>2</sup> Jumlah pelajar yang berdaftar pada peringkat pendidikan tertentu, tanpa mengira umur, sebagai % daripada kumpulan berumur 5 tahun bermula daripada umur lulusan sekolah menengah.

SUMBER: UNESCO, Bank Dunia, KPM

## Peningkatan enrolmen pelajar yang ketara sejak sedekad yang lalu

Jumlah enrolmen di IPT di bawah bidang kuasa Kementerian (universiti awam, politeknik, kolej komuniti, dan IPT swasta), meningkat sebanyak 70% dari tahun 2004 hingga 2014, iaitu mencapai jumlah 1.2 juta pelajar. Peningkatan enrolmen ini jauh lebih besar bagi program pascasiswazah. Enrolmen dalam program sarjana dan kedoktoran meningkat 2.4 kali dari tahun 2000 hingga 2010, dan 10 kali dari tahun 1999 hingga 2010.


Program pendidikan tinggi boleh dikelaskan kepada dua kategori, iaitu tertiarai dan bukan tertiarai. Pendidikan tertiarai merangkumi kelayakan dari peringkat diploma dan seterusnya. Pendidikan bukan tertiarai pula merangkumi tawaran kelayakan lepasan menengah, seperti STPM, matrikulasi, program asas dan program pra-universiti. Pada 2012, kadar enrolmen keseluruhan (diukur sebagai peratusan daripada kohort penduduk berumur 18-22 tahun) dalam pendidikan tinggi mencapai 48%, iaitu 36% dalam program pendidikan tertiarai, dan 12% dalam program pendidikan bukan tertiarai (Paparan B-3). Untuk menyokong pertumbuhan pada masa hadapan, Malaysia perlu terus meningkatkan akses kepada semua bentuk pendidikan tinggi dalam usaha mencapai status negara maju, termasuk program TVET, ijazah sarjana muda, dan program pascasiswazah.

Enrolmen tertiarai pada 36% menempatkan ranking kadar enrolmen Malaysia dalam kelompok peringkat pertengahan secara global (lihat Paparan B-4). Selain itu, Malaysia kini berada pada ranking ketiga<sup>1</sup> di ASEAN dengan kadar enrolmen program sarjana dan kedoktoran pada 4%, di belakang Singapura dan Thailand dengan kadar enrolmen masing-masing pada 8%.

<sup>1</sup> UNESCO

# Kualiti

PAPARAN B-5



Kotak B-2

## Kumpulan negara setara yang digunakan

Dari awal hingga akhir bab ini, tiga kumpulan negara setara yang berbeza telah digunakan untuk membandingkan sistem pendidikan tinggi Malaysia dengan sistem di negara-negara lain. Walaupun maklumat tidak selalunya mudah didapati daripada semua negara untuk setiap perbandingan, namun komponen bagi semua kumpulan kategori (mengikut negara) dikekalkan sepanjang perbandingan. Apabila purata daripada OECD atau purata antarabangsa diperoleh, data ini turut dimasukkan dalam kumpulan bandingan.

- **Sistem berprestasi tinggi di Asia** seperti Hong Kong, Singapura, Korea Selatan, dan Jepun;
- **Jiran di Asia Tenggara** seperti Indonesia, Thailand, dan Singapura; dan
- **Negara-negara yang setanding dari segi KDNK per kapita** seperti Chile dan Mexico.

## Contoh kecemerlangan dan ruang untuk penambahbaikan

Penilaian kualiti pendidikan tinggi tertumpu pada empat petunjuk. Kebolehpasaran graduan menjadi pengukur kualiti pengajaran dari segi keberkesanan dalam mempersiapkan pelajar untuk menyertai pasaran kerja yang memenuhi keperluan ekonomi. Keberhasilan penyelidikan menjadi penunjuk penting bagi pembinaan pengetahuan dan inovasi. Keupayaan menarik pelajar antarabangsa menunjukkan keunggulan Malaysia di mata dunia sebagai hab pendidikan tinggi. Akhir sekali, ranking universiti memberikan gambaran kualiti keseluruhan dan kekuatan bidang kursus bagi IPT di Malaysia.

### Kebolehpasaran graduan semakin meningkat

Dari 2006 hingga 2014, kadar kebolehpasaran graduan Malaysia menunjukkan peningkatan, iaitu daripada 70% kepada 75% (lihat Paparan B-5). Ukuran ini mengambil kira jumlah graduan yang sudah bekerja, bekerja sendiri, atau sedang meneruskan pengajian. Data dipungut semasa konvokesyen, iaitu antara 3 hingga 6 bulan selepas tamat pengajian.

Laporan U21 membandingkan kadar pengangguran penduduk berumur 25-64 tahun yang mempunyai kelayakan tertiar dengan mereka yang berpendidikan menengah atas atau lepasan menengah bukan tertiar. Perbandingan ini sebenarnya mengukur nilai pendidikan tertiar sebagaimana yang ditunjukkan oleh peningkatan kebarangkalian kebolehpasaran graduan. Prestasi Malaysia agak baik menurut ukuran perbandingan ini, iaitu berada pada peringkat pertengahan dalam kalangan negara di dunia dan setara dengan rakan negara di Asia seperti Singapura, Korea Selatan dan Hong Kong.

Aspek terakhir yang menjadi keimbangan kebanyakan kerajaan di seluruh Asia ialah kebolehpasaran rendah kelayakan dalam sistem (iaitu graduan yang diambil bekerja dalam jawatan yang rendah daripada tahap kelayakan mereka, atau bekerja tanpa gaji atau kerja yang tidak stabil). Keadaan kebolehpasaran rendah kelayakan seumpama ini (sepertimana semua isu yang berkaitan dengan kebolehpasaran graduan) mungkin disebabkan oleh kualiti sistem pendidikan dan/atau keadaan pasaran kerja. Di Malaysia, salah satu petunjuk kebolehpasaran rendah kelayakan ialah gaji permulaan graduan baharu; 45% graduan baharu menerima gaji kurang daripada RM1,500 sebulan pada tahun 2013<sup>2</sup>, iaitu di bawah julat gaji sasaran bagi pelajar dengan kelayakan ijazah sarjana muda. Walau bagaimanapun, kajian seterusnya perlu dibuat untuk menentukan setakat mana keadaan pasaran kerja menjadi faktor penentu gaji permulaan ini. Contohnya, gaji permulaan dalam sesetengah sektor, seperti pelancongan dan hospitaliti, biasanya diasaskan pada gaji minimum, dan tidak bergantung pada kelayakan calon.

<sup>2</sup> Rangka Tindakan Kebolehpasaran Graduan (2012) Kementerian Pengajian Tinggi.

## PAPARAN B-6

### Penerbitan akademik dan sitasi mengikut negara

Bilangan makalah akademik yang diterbitkan, 2013				
	Jumlah	Penerbitan per juta penduduk	pertumbuhan, %, 2009-2013, CAGR	Jumlah purata sitasi per penerbitan setakat 2014
1 Amerika Syarikat	563,292	1,746	1.5	5.91
2 China	425,677	305	9.4	2.70
3 United Kingdom	162,574	2,561	2.1	6.01
4 Jerman	148,278	1,794	2.0	5.84
5 Jepun	121,668	958	0.0	4.04
6 Perancis	108,092	1,672	2.1	5.45
7 India	106,029	84	12.6	2.73
8 Itali	92,906	1,521	4.0	5.63
9 Kanada	88,711	2,497	1.9	5.99
10 Sepanyol	79,383	1,687	4.6	5.19
:	:	:	:	:
23 Malaysia <sup>1</sup>	23,190	768	20.0	2.45
:	:	:	:	:
30 Singapura	17,052	3091	6.2	6.47
:	:	:	:	:
42 Thailand	11,313	168	8.1	3.53

<sup>1</sup> Sitasi penerbitan pada tahun 2011; sitasi diukur pada tahun 2014.

<sup>2</sup> Malaysia telah meningkat dari tempat ke-34 pada tahun 2009 ke tempat ke-23 pada tahun 2013 pada peringkat antarabangsa berdasarkan jumlah penerbitan akademik.

SUMBER: SCOPUS; IMF - World Economic Outlook Databases (September 2014)


### Kualiti penyelidikan terus bertambah baik

Pada 2006, untuk melonjakkan prestasi penyelidikan dalam negara, Kementerian telah memberikan status MRU kepada empat universiti di Malaysia. Universiti yang kelima telah diberi status tersebut pada 2010. Paparan B-6 memperlihatkan ranking negara berdasarkan jumlah penerbitan masing-masing. Sebelum MRU diwujudkan pada 2006, Malaysia berada di tangga ke-55 dari segi bilangan penerbitan. Kedudukan ini meningkat ke tangga ke-34 pada 2009, seterusnya ke tangga ke-23 pada 2013. Peningkatan ini merupakan 20% kemajuan dari tahun 2009 hingga 2013, iaitu kadar peningkatan paling tinggi dalam kalangan negara yang dinilai. Walaupun penyertaan daripada MRU adalah lewat, artikel dan petikan setiap artikel dari Malaysia adalah setanding dengan artikel dari India dan China. Malaysia juga telah mengatasi Singapura dan Thailand dari segi bilangan penerbitan yang dihasilkan.

Kemajuan ini bukan sahaja dari segi kuantiti tetapi juga dari segi kualiti. Bilangan penerbitan dalam jurnal berindeks ISI<sup>3</sup> meningkat 3.1 kali dari tahun 2007 hingga 2012, iaitu kadar peningkatan tertinggi di dunia<sup>4</sup>, manakala bilangan petikan bertambah empat kali ganda dari tahun 2005 hingga 2012<sup>5</sup>. Malaysia juga telah diiktiraf kerana kekuatannya dalam sesetengah bidang, contohnya 41% penerbitan artikel rujukan Perbankan Islam adalah dari Malaysia<sup>6</sup> (lihat Paparan B-7).

## PAPARAN B-7

### Penerbitan berkaitan ‘Perbankan Islam’ dari Malaysia dan lain-lain negara



**3.1x** peningkatan bilangan penerbitan dari 2007–2012, tertinggi di dunia



**4x** peningkatan bilangan petikan dari 2005 hingga 2012



**70%** daripada penerbitan dari 2003–2012 disumbang oleh 5 MRU

<sup>3</sup> Thomson ISI (ISI) menawarkan khidmat pangkalan data bibliografi, terutamanya pengindeksan dan analisis petikan. Penyenaraian dalam pangkalan data adalah berdasarkan kriteria pemilihan yang disiarkan dan merupakan penunjuk penting mengenai kualiti dan impak jurnal.

<sup>4</sup> SCOPUS (2014).

<sup>5</sup> Ibid.


<sup>6</sup> Elsevier (2014). *Impact of Malaysian Research Universities as the Engine of Growth for Nation Building*.

## Enrolmen pelajar antarabangsa meningkat dengan ketara

Jumlah pelajar antarabangsa di Malaysia telah meningkat dengan ketara. Pada 2004, terdapat kira-kira 32,000 pelajar antarabangsa yang mengikuti pengajian di Malaysia. Seperti yang ditunjukkan dalam Paparan B-8, menjelang 2014, angka tersebut meningkat tiga kali ganda menjadikan jumlahnya lebih 107,000. Berdasarkan data terkini Kementerian, Malaysia merupakan negara ke-9 terbesar mengambil pelajar antarabangsa. Sumber pelajar antarabangsa<sup>7</sup> yang paling banyak ialah Asia dan Afrika, dan lima negara yang paling banyak menghantar pelajarnya ke Malaysia ialah Iran, Indonesia, China, Nigeria dan Yaman.


Untuk memastikan Malaysia menarik pelajar antarabangsa yang benar-benar berminat dan layak, beberapa langkah telah diperkenalkan dan disasarkan pada bakal pelajar antarabangsa, termasuk penubuhan Perkhidmatan Global Pendidikan Malaysia (EMGS) yang memperkemas proses kelulusan visa pelajar antarabangsa, dan membantu pelajar yang ditaja. IPT swasta terus memberikan perhatian pada usaha menarik pelajar antarabangsa yang berkualiti, manakala IPT awam digalakkan untuk menarik pelajar pascasiswazah antarabangsa yang berkualiti.

PAPARAN B-8




<sup>7</sup> Berdasarkan data Kementerian Pendidikan 2014, berbanding dengan data UNESCO berkenaan 20 destinasi utama antarabangsa.

## PAPARAN B-9

**Ranking keseluruhan universiti di Malaysia**

## PAPARAN B-10

**Ranking keseluruhan universiti di Malaysia dengan negara-negara anggota OIC****Ranking universiti terus meningkat**

Universiti di Malaysia terus meningkat dari segi ranking global.


Ranking 5 universiti terbaik di Malaysia meningkat pada 2014 berbanding dengan 2013 berdasarkan *QS World University Rankings*. Lima universiti ini juga tergolong dalam 100 universiti terbaik di Asia, dan satu daripadanya tergolong dalam 200 universiti terbaik di dunia (Paparan B-9). Paparan B-10 menunjukkan bahawa mengikut *QS World University Rankings* 2014, Universiti Malaya yang berada di tangga ke-151 merupakan universiti terbaik dalam kalangan universiti dari negara-negara angota OIC.

Pada peringkat bidang, terdapat beberapa contoh kecemerlangan dalam kalangan universiti di Malaysia, baik universiti awam maupun universiti swasta. Tujuh universiti berada dalam kalangan 200 universiti terbaik sekurang-kurangnya bagi satu bidang (Paparan B-11). Di samping itu, terdapat lima bidang ditawarkan di lima buah universiti atau lebih yang tergolong dalam 200 universiti terbaik. Lima bidang tersebut ialah sains komputer dan sistem maklumat; kejuruteraan awam dan struktur; kejuruteraan elektronik dan elektrikal; kejuruteraan mekanikal, aeronautik dan pembuatan; serta kejuruteraan kimia.

Contoh kecemerlangan institusi ini menunjukkan adanya potensi bagi institusi di Malaysia untuk menjadi terbilang secara keseluruhan. 20 universiti terbaik di Asia pada masa ini terdiri daripada universiti di Singapura, Hong Kong, Jepun, Korea Selatan, China dan Taiwan. Walaupun universiti di Malaysia belum lagi tergolong dalam ranking 20 terbaik di Asia atau 100 terbaik di dunia, Malaysia berpotensi untuk menyertai kumpulan ini pada masa hadapan.

### PAPARAN B-11

## Universiti di Malaysia antara 200 yang terbaik dalam beberapa bidang



SUMBER: QS World University Rankings by Subjects 2014

### Kotak B-3

#### Ranking Universiti

Terdapat pelbagai jenis ranking universiti di dunia. Ranking yang paling biasa digunakan ialah *QS World University Rankings*, *Times Higher Education World University Rankings*, dan *Shanghai Academic Rankings of World Universities*. Ranking ini umumnya lebih menjurus kepada keberhasilan penyelidikan (contohnya, sitasi bagi setiap penerbitan, bilangan artikel dalam jurnal ternama). PPPM (PT) menggunakan ranking QS sebagai rujukan kerana ia adalah ranking global yang paling lama diwujudkan dan memberikan perspektif yang lebih luas. Dengan itu ia memberi Kementerian pemahaman yang lebih baik mengenai trajektori sistem ini.

Ranking boleh digunakan sebagai kayu ukur dan penanda aras yang berguna untuk menentukan kekuatan sistem pendidikan dan cara untuk menambah baik sistem tersebut. Walau bagaimanapun, ia tidak sepatutnya dilihat sebagai ukuran kualiti yang muktamad. Ranking antarabangsa pada masa ini sangat menjurus kepada hasil penyelidikan. Hal ini bermakna bahawa faktor-faktor penting seperti kualiti pengajaran dan pembelajaran di institusi, atau keupayaannya untuk membantu pelajar yang kurang berasas baik tidak diambil kira. Oleh itu, ranking universiti dunia hanyalah salah satu daripada pengukur yang dipantau oleh Kementerian dalam usahanya bersama-sama IPT untuk meningkatkan pencapaian pelajar dan institusi.

# Ekuiti

# Perpaduan


## Memberi peluang kepada semua pelajar yang layak

Kementerian meletakkan sasaran untuk memastikan ekuiti di peringkat pendidikan tinggi, dengan memberi peluang kepada setiap pelajar untuk mencapai potensi diri sepenuhnya – tanpa mengira lokasi, bangsa, jantina, atau latar belakang sosioekonomi. Pada masa ini, data untuk mengukur ekuiti di peringkat pendidikan tinggi ini adalah terhad. Kementerian akan memulakan pengumpulan data demografi untuk menilai ekuiti dalam kelompok sosiodemografi, dengan melihat kadar enrolmen dan penyempurnaan pengajian.

Salah satu petunjuk ekuiti ialah enrolmen pendidikan tinggi mengikut negeri, yang diukur berbanding dengan keluaran dalam negara kasar (KDNK) per kapita bagi setiap negeri. Seperti yang ditunjukkan dalam Paparan B-12, tiada trend yang jelas dalam enrolmen bagi negeri yang lebih tinggi KDNK per kapitanya berbanding dengan negeri yang lebih rendah KDNK per kapitanya. Walaupun ini hanyalah ukuran interim, ia sememangnya memberikan tanda-tanda awal bahawa terdapat ekuiti yang agak baik pada peringkat negeri.

### PAPARAN B-12

#### Enrolmen dan per kapita KDNK mengikut negeri




SUMBER: Jabatan Statistik KPM, Unit Perancang Ekonomi (EPU)

## Menggalakkan persefahaman, penghargaan dan penerimaan kepelbagaian

Seperti yang dinyatakan dalam PPPM, kepelbagaian yang unik di Malaysia – dari segi bangsa, agama dan budaya – sememangnya merupakan kekuatan terbesar negara, namun menjadi cabaran terbesar baginya. Memandangkan Malaysia semakin melangkah jauh masuki dunia yang boleh berpecahbelah hanya disebabkan wujudnya perbezaan, inilah masa yang penting untuk rakyat Malaysia mengukuhkan jati diri kebangsaan dan mendukung warisannya yang pelbagai. Justeru, Kementerian berhasrat untuk menggalakkan pelajar di Malaysia agar menerima, memahami dan menghargai kepelbagaian ini melalui perkongsian pengalaman, nilai dan aspirasi.


Pada masa ini, tiada kaedah untuk mengukur perpaduan di peringkat pendidikan tinggi. Kementerian beriltizam untuk membina satu kaedah untuk memenuhi keperluan ini, dan akan memastikan kesejarahannya dengan parameter yang digunakan untuk mengukur perpaduan pada peringkat pendidikan asas.



# Kecekapan

PAPARAN B-13

## Perbandingan perbelanjaan kerajaan antara Malaysia dengan negara rakan setara<sup>1</sup>




<sup>1</sup> Setara berasaskan kategori berikut: Ekonomi maju di Asia (Hong Kong, Singapura, Korea Selatan, Jepun), Jiran Asia Tenggara (Indonesia, Thailand, Singapura), dan per kapita KDNK sebanding (Chile, Mexico).

<sup>2</sup> Data terakhir diperoleh: Singapura (2013), Chile, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Thailand (2012), Malaysia, Mexico, Korea Selatan (2011).

SUMBER: UNESCO

PAPARAN B-14

## Perbandingan output dengan sumber yang dilaburkan dalam pendidikan tinggi 50 buah negara



<sup>1</sup> Penarafan output mengikut metodologi Laporan Universitas 21; bertumpu pada ukuran am ranking universiti, ukuran penerbitan artikel, ukuran kecemerlangan penyelidikan, enrolmen sebagai % penduduk yang layak, kadar kebolehpasaran tenaga siswazah berkelayakan terlaras.

<sup>2</sup> Sumber bertumpu pada 5 ukuran: perbelanjaan kerajaan bagi pendidikan tertiar sebagai % KDNK, jumlah perbelanjaan untuk pendidikan tertiar sebagai % KDNK, perbelanjaan tahunan per pelajar oleh institusi tertiar, perbelanjaan institusi tertiar untuk R&D sebagai % KDNK, perbelanjaan institusi tertiar untuk R&D per orang.

SUMBER: Laporan Universitas 21

## Keberhasilan mesti meningkat sepadan dengan tahap sumber yang diperuntukkan

Kecekapan merujuk pada keberhasilan yang direalisasikan berbanding dengan sumber yang diperuntukkan. Seperti yang ditunjukkan oleh Paparan B-13, Malaysia amat komited terhadap pendidikan tinggi dan membuat pelaburan yang tinggi untuk sektor ini berbanding dengan rakan negara lain, mengikut nisbah KDNK. Berdasarkan penanda aras UNESCO, perbelanjaan pendidikan tertiar di Malaysia pada kadar 7.7% daripada perbelanjaan Kerajaan merupakan perbelanjaan tertinggi dalam kalangan rakan negara sebandingnya.

Keberhasilan sistem pendidikan tinggi Malaysia masih belum sepadan dengan tahap sumber tinggi yang diperuntukkan. Paparan B-14 membandingkan keberhasilan dengan sumber yang diperuntukkan bagi 50 negara dalam Laporan U21. Malaysia berada pada ranking ke-12 daripada 50 negara tersebut dari aspek sumber yang diperuntukkan untuk pendidikan tinggi, dan berada pada ranking pertama apabila disesuaikan dengan pembangunan ekonominya. Walau bagaimanapun, dari segi keberhasilan pendidikan tinggi, Malaysia berada pada tangga ke-44. Usaha merapatkan jurang ini amatlah penting demi pembangunan dan masa depan Malaysia.





## Kesimpulan

Sistem pendidikan tinggi di Malaysia telah mencapai banyak kemajuan dan telah berkembang dengan pesatnya dalam tempoh beberapa dekad yang lalu. Dengan mewujudkan IPT awam dan swasta dan menyediakan beberapa laluan kepada pendidikan, di samping sokongan kewangan yang diperlukan, lebih banyak rakyat Malaysia berpeluang mengikuti pengajian pada peringkat pendidikan tinggi. Meskipun dengan sumber yang dilaburkan dan pencapaian yang dicatat, Malaysia masih perlu menangani pelbagai cabaran akibat perubahan yang pesat dan berterusan dalam bidang pendidikan pada peringkat dalam negara dan global. Untuk kekal relevan dan berdaya saing, Malaysia perlu terus menilai kedudukan pendidikan tinggi dan nilainya kepada negara. Hal yang tidak kurang pentingnya ialah Malaysia harus memastikan pelaburannya dalam pendidikan tinggi memberikan pulangan yang dihasratkan.

Bab



# Visi dan Aspirasi

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), selepas ini dikenali sebagai PPPM (PT) berhasrat untuk mentransformasikan sistem pendidikan tinggi Malaysia. Pelan ini meneruskan asas kukuh yang dibina melalui usaha sebelumnya untuk menambah baik sistem pendidikan tinggi, dan berhasrat untuk membangunkan bakat terpelajar dipacu nilai, yang akan memberikan sumbangan kepada pembangunan negara. Sistem pendidikan tinggi dan institusi pendidikan tinggi (IPT) Malaysia diamanahkan dengan pengawasan sumber terbesar negara, iaitu generasi masa hadapan. Meski pun sistem dan IPT tempatan telah mencapai banyak kemajuan, hampir semua pemegang taruh bersetuju agar lebih banyak usaha dilaksanakan untuk memenuhi cita-cita dan aspirasi seluruh warga Malaysia. Keadaan keseluruhan sistem pendidikan pada masa ini menjadi ramalan terbaik kepada daya saing Malaysia masa hadapan.


Dua aspek aspirasi transformasi sistem pendidikan Malaysia: pertama, aspirasi yang menyokong sistem pendidikan secara keseluruhan, dan kedua, aspirasi yang menyokong pelajar secara individu. Aspirasi pendidikan tinggi berasas konteks kenegaraan Malaysia, dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah), atau PPPM, akan dapat memastikan wawasan pendidikan bersepada dan lancar yang boleh dibanggakan oleh seluruh warga. Lima aspirasi sistem pendidikan akan dijelaskan dalam bab ini: akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan. Bab ini juga menghuraikan enam ciri (atribut) pelajar secara individu: pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran bahasa, kemahiran kepemimpinan, jatidiri kebangsaan, etika dan kerohanian.

# Takrifan Akademia Baharu

Dunia akademik perlu berubah seiring dengan perubahan dunia, perubahan pesat globalisasi, perubahan demografi dan pembangunan teknologi. Keseluruhan rangka kerja akademia dan pendidikan tinggi secara am – bagaimana distrukturkan, disampaikan, dan dinilai – perlu melalui transformasi yang besar, menyeluruh dan segera untuk memulakan Akademia Baharu. Perubahan ini telah mula berlaku di seluruh dunia. Akademia Baharu bererti mengubah citra, jatidiri, amalan, falsafah, peranan, pendekatan pendanaan, model pembelajaran, dan takrifan sebenar akademia itu sendiri.

Peranan staf akademik sedang diperluas daripada unsur tradisional penyelidikan dan pengajaran kepada takrifan yang lebih luas dan

lebih bermakna, mencakupi semua unsur berkaitan penemuan, integrasi, pentafsiran dan penerapan pengetahuan. Takrifan kesarjanaan pula diperluas bukan sekadar penerbitan yang dinilai oleh rakan sejawat, tetapi turut merangkumi bahan pendidikan, pernyataan dasar, instrumen penilaian dan garis panduan amali. Persekutuan akademik baharu menekankan nilai yang lebih tinggi pada keusahawanan, akademia dipacu permintaan, dan pemahaman mendalam mengenai konteks tempatan atau kebangsaan. Akademia Baharu dipacu kecemerlangan akademik dari segala aspek dan budaya pengetahuan mendalam, hasil pemahaman dan penghargaan yang tulus terhadap pengetahuan. Akademia Baharu bukan sekadar melibatkan fakulti sesebuah institusi, tetapi juga keseluruhan komuniti akademik dan rangkaian luas.




# Bagaimanakah sistem pendidikan tinggi Malaysia baharu akan beroperasi?

PPPM (PT) membayangkan perubahan ketara cara sistem pendidikan tinggi Malaysia akan beroperasi pada dekad akan datang. Perubahan ini akan meletakkan tuntutan yang berbeza, perubahan yang besar dalam tingkah laku, cara berfikir dan keberhasilan pada semua pemegang taruh.

Sistem pendidikan tinggi Malaysia akan berubah daripada pembangunan graduan yang mencari pekerjaan kepada graduan dan warganegara seimbang yang menjana pekerjaan serta

mempunyai pemikiran keusahawanan. Usaha ini selaras dengan konsep Akademia Baharu. Sistem ini juga akan berubah daripada hanya berfokuskan pendidikan universiti sebagai laluan pilihan, kepada penekanan nilai yang sama terhadap pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET). Demikian juga, sistem pendidikan tinggi akan berubah daripada berfokuskan input kualiti dan kuantiti kepada berfokuskan keberhasilan dan prestasi. Dari perspektif tadbir urus, institusi akan berubah daripada model berpusat kepada model berautonomi yang diperoleh melalui akauntabiliti yang jelas.



## PPPM (PT) akan menjana lonjakan besar dalam cara kita beroperasi

Pada masa hadapan, semua pemegang taruh akan berkongsi tanggungjawab dan menyumbang ke arah pendanaan institusi dan tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada sumber kerajaan. Model penyampaian dalam pengeluaran graduan secara besar-besaran akan melibatkan penyesuaian model di mana inovasi berlandaskan teknologi dapat menyampai dan menyesuaikan pendidikan kepada

bilangan pelajar yang amat besar. Persepsi pemisahan antara institusi awam dengan institusi swasta juga akan beralih kepada pengharmonian sistem pendidikan tinggi bersepadan di mana kualiti institusinya tidak bergantung kepada jenis institusi tersebut.

# Apakah aspirasi bagi sistem ini?

Aspirasi sistem pendidikan tinggi selaras dan konsisten dengan aspirasi PPPM. Lima aspirasi sistem pendidikan merangkumi akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan. Aspirasi ini terhasil daripada laporan pendidikan dan tetap relevan sebagaimana pembentukan awal dalam konteks kenegaraan Malaysia. Setiap aspirasi sistem juga mempunyai petunjuk utama sepadan digunakan oleh Kementerian untuk memantau kemajuan dan untuk berkomunikasi dengan pihak pemengang taruh dan orang awam.

## AKSES

Pada peringkat pendidikan prasekolah, rendah dan menengah, Kementerian mentakrifkan akses sebagai penyediaan kemudahan enrolmen kepada seluruh pelajar, dan memastikan semua kanak-kanak bersekolah sekurang-kurangnya selama 11 tahun agar mereka mempunyai asas permulaan yang kukuh dalam kehidupan. Aspirasi utama Kementerian adalah untuk mendapatkan enrolmen sejagat bagi semua kanak-kanak dari prasekolah sehingga peringkat menengah atas menjelang 2020. Pada peringkat pendidikan tinggi, akses kepada pengajian lanjutan terbuka kepada semua pelajar memenuhi syarat kemasukan. Selain itu, Kementerian perlu mengimbangi penyediaan akses pelajar dengan program yang paling sesuai dengan minat dan bakat unik mereka, serta dengan keperluan untuk membina bakat dalam bidang keutamaan negara.

## KUALITI

Semua pelajar seharusnya berpeluang untuk mencapai pendidikan cemerlang yang mempunyai ciri-ciri unik Malaysia dan setanding dengan sistem pendidikan berprestasi tinggi di dunia. Sistem pendidikan ini akan membolehkan pelajar memaksimumkan potensi mereka dan membolehkan mereka bersaing dalam dunia masa kini, serta menyesuaikan diri dan berkembang maju dalam dunia akan datang. Pada peringkat pendidikan rendah dan menengah, aspirasi Malaysia menjadi antara negara ketiga teratas dalam penilaian antarabangsa, seperti Program Penilaian Pelajar Antarabangsa (PISA) dan Kajian Trend Pendidikan Matematik dan Sains Antarabangsa (TIMSS) menjelang 2025. Di peringkat pendidikan tinggi, aspirasi Malaysia mencakupi tiga aspek: kualiti sistem keseluruhan, kualiti institusi, dan kualiti graduan.

Berdasarkan Laporan Universitas 21 (U21), Malaysia kini berada pada kedudukan ke-36 daripada 50 dari segi keberhasilan penyelidikan, dan berdasarkan *QS World University Rankings*, sebuah universiti tempatan berada dalam 200 universiti terbaik di dunia. Selain itu, terdapat lebih 108,000 pelajar antarabangsa di IPT tempatan pada 2014, dan kadar kebolehpasaran graduan adalah 75% pada 2014.

Kementerian meletakkan sasaran untuk meluaskan enrolmen pendidikan tinggi. Bentuk sebenar peluasan dari segi bilangan tempat pengajian dan profil program akan ditentukan secara kerjasama yang erat dengan industri untuk memastikan penawaran adalah sepadan dengan permintaan.

Bagi membangunkan satu daripada kumpulan warga kerja terpelajar dan mahir di rantau ini, Malaysia perlu meningkatkan kadar enrolmen pendidikan tinggi daripada 48% pada 2012 kepada 70% menjelang 2025. Demikian juga, kadar enrolmen pendidikan tertiar perlu meningkat daripada 36% pada 2012 kepada 53% menjelang 2025. Senario ini melibatkan penambahan 1,100,000 tempat baharu, iaitu hampir dua kali peningkatan yang berbanding 10 tahun lalu, dan akan meletakkan Malaysia setanding dengan kadar enrolmen tertinggi masa ini dalam kalangan negara ASEAN.

Berdasarkan struktur warga kerja Malaysia, sebahagian besar penambahan tempat menurut senario ini mungkin disumbangkan oleh program TVET. IPT swasta dan model pembelajaran dalam talian yang baharu juga perlu memainkan peranan masing-masing dalam penambahan tempat untuk ijazah sarjana muda. Universiti awam pula akan memfokuskan usaha kepada peningkatan enrolmen pascasiswazah. Peningkatan enrolmen untuk program Sarjana dan Ph.D daripada 4% pada tahun 2012 kepada 8% menjelang 2025, dengan tambahan 170,000 tempat baharu, pada hakikatnya akan melonjakkan kadar enrolmen pascasiswazah di Malaysia setaraf dengan kadar enrolmen tertinggi pada masa ini dalam kalangan negara ASEAN.

<sup>1</sup> Pendidikan Tertiari ditakrifkan sebagai Klasifikasi Standard Antarabangsa Pendidikan (ISCED) tahap 5 yang merangkumi program Diploma, Diploma Lanjutan, Diploma Lepasan Ijazah, Sijil Profesional, Sarjana Muda, Sarjana, dan PhD. Pendidikan Tinggi ditakrifkan sebagai ISCED tahap 3 ke atas, dan turut merangkumi program STPM, Matrikulasi, Asasi, Pradiploma, Prauniversiti dan Lepasan Menengah bukan tertiar.

Oleh itu, Kementerian akan menilai aspirasi kualiti sistem pendidikan tinggi berdasarkan tiga aspek berikut:

- **Kualiti sistem:** Malaysia akan berada dalam senarai 25 negara tertinggi untuk keberhasilan penyelidikan berdasarkan ranking U21, dengan 250,000 pelajar antarabangsa menjelang 2025.
- **Kualiti institusi:** Sebuah universiti tempatan akan berada dalam senarai 25 universiti terbaik di Asia, dua universiti dalam senarai 100 terbaik di dunia, dan empat universiti dalam senarai 200 terbaik menjelang 2025 (menurut *QS World University Rankings*).
- **Kualiti graduan:** Kebolehpasaran graduan lebih 80% menjelang 2025.

Kementerian mengambil maklum bahawa merit sebenar sesebuah universiti bukanlah berdasarkan ranking semata-mata, tetapi juga berdasarkan budaya pembangunan pengetahuannya, serta keterperincian dan kedinamikan komuniti akademiknya. Namun demikian, ranking bermanfaat untuk meningkatkan keterlihatan global IPT tempatan dan untuk meletakkan Malaysia di mata dunia sebagai hab antarabangsa pendidikan. Ranking juga boleh meningkatkan peluang pekerjaan bagi graduan dan kesedaran orang ramai tentang keupayaan Malaysia dalam melahirkan ahli profesional dengan ketajaman minda, pengetahuan dan kemahiran untuk mengembangkan ekonomi Malaysia.

## EKUITI

Pada masa ini, status sosioekonomi kekal sebagai salah satu penentu terbesar keberhasilan pendidikan di sekolah rendah, menengah, serta pendidikan tertiari. Malaysia berhasrat untuk menyediakan sistem pendidikan yang saksama kepada semua warga Malaysia. Langkah ini bukanlah bermakna memastikan pencapaian yang sama bagi pelajar, sebaliknya memastikan pelajar – tanpa mengira kaum, lokasi geografi, atau latar belakang sosioekonomi – berpeluang untuk mencapai potensi mereka.

## PERPADUAN

Memandangkan adanya warisan berbilang kaum di Malaysia, Kementerian berhasrat untuk mewujudkan sistem pendidikan yang memberi pelajar perkongsian nilai, perkongsian pengalaman, dan aspirasi bersama dengan menerima kepelbagaiannya. Sistem pendidikan akan merangkumi semua latar belakang, serta menggalakkan pemahaman dan penghargaan semua budaya.

## KECEKAPAN

Kementerian memberikan tumpuan pulangan yang sewajarnya ke atas pelaburan (ROI) dalam pendidikan. Pencapaian pelajar perlu dimaksimumkan untuk setiap ringgit yang dibelanjakan. Sebagaimana dengan semua badan kerajaan yang lain, Kementerian komited kepada pengurusan pendanaan berhemat dan meningkatkan pencapaian pelajar dengan ketara dalamkekangan bajet.

Sistem pendidikan Malaysia perlu giat menyokong mobiliti sosial dengan memastikan latar belakang sosioekonomi pelajar tidak lagi menjadi penentu kejayaan dalam hidup. Kementerian berhasrat untuk mengurangkan jurang pencapaian pendidikan rendah dan menengah (bandar / luar bandar, sosioekonomi, dan jantina) sebanyak 50% menjelang 2020.

Data untuk menilai dengan tepat ekuiti sosioekonomi dalam sistem pendidikan tinggi di Malaysia belum lagi wujud. Oleh itu, menerusi PPPM (PT), Kementerian akan memulakan pengumpulan data secara berkala untuk membolehkan pengukuran dan perbandingan pencapaian pelajar daripada pelbagai kumpulan demografi. Kementerian akan mengkaji secara berkala data jurang prestasi pencapaian pelajar, dan berlitzam untuk meningkatkan kadar enrolmen dan kadar penyempurnaan pengajian pelajar daripada latar belakang dan komuniti sosioekonomi yang kurang berasib baik.

Pada masa ini, terdapat kekurangan data atau ukuran perpaduan yang muktamad untuk sistem pendidikan rendah, menengah dan tinggi. Oleh itu, satu kaedah baharu akan dibangunkan untuk menilai petunjuk perpaduan termasuk tahap kepercayaan umum dalam kalangan kumpulan etnik, tahap toleransi agama dan kaum, serta interaksi sosial antara pelajar daripada komuniti yang berbeza. Matlamatnya adalah untuk membangunkan bakat yang dapat menyumbang ke arah pewujudan masyarakat yang bersatu padu daripada komuniti yang pelbagai, sama ada di sekolah, universiti, tempat kerja, kejiranan, atau komuniti setempat.

Di Malaysia, pendidikan tinggi tidak diwajibkan. Walaupun demikian Kementerian tetap akan memfokuskan usaha ke arah meningkatkan **Kecekapan dan produktiviti IPT**. Secara khusus, Kementerian akan berusaha untuk meningkatkan kadar penyempurnaan pengajian, dan untuk melahirkan jumlah graduan yang lebih besar pada kos yang sama, tetapi tanpa menjadikan kualiti pendidikan atau menyekat akses kepada pelajar yang layak. Sebagai contoh, kos bagi setiap pelajar dan kos bagi setiap graduan dalam sistem pendidikan tinggi akan dipantau dengan rapi. Pada masa ini, kos operasi bagi setiap pelajar di universiti awam adalah sekitar RM18,000 setahun.

Tumpuan akan diberi pada **kecekapan keseluruhan sistem pendidikan**. Secara khusus, Malaysia akan menilai kecekapan sumber yang diperuntukkan melalui ukuran U21, yang meletakkan Malaysia pada kedudukan ke-12 daripada 50 negara dari segi sumber yang diperuntukkan untuk pendidikan tinggi, tetapi pada kedudukan ke-44 daripada 50 negara dari segi keberhasilan pendidikan tinggi.

Kementerian berhasrat untuk memperluas enrolmen dalam sistem pendidikan tinggi, meningkatkan kualiti, dan menambah baik pencapaian pelajar. Pada masa sama, Kementerian menyasarkan untuk meletakkan Malaysia dalam kalangan 25 negara terbaik dari segi keberhasilan pendidikan tinggi menjelang 2025 dalam ukuran U21, yang merangkumi aspek seperti penyelidikan, enrolmen, kebolehpasaran graduan, dan ranking institusi.

# Apakah aspirasi bagi sistem ini?

## ASPIRASI SISTEM

**2014**  
Kedudukan semasa

## AKSES<sup>2</sup>

**36%** Enrolmen pendidikan tertiar

- 48% Kadar enrolmen pendidikan tinggi.
- 4% Kadar enrolmen Sarjana dan PhD.
- 500k Tempat ditambah lebih 10 tahun yang lalu merentas IPT awam dan swasta.

## KUALITI

**75%** Kebolehpasaran graduan<sup>3</sup>

- ke-36 daripada 50 negara dalam ranking U21 untuk output<sup>4</sup> penyelidikan.
- 108k pelajar antarabangsa di IPT.
- 1 universiti dalam ranking 200 teratas di peringkat global (ranking QS).

**2025**  
Aspirasi

**70%** Kadar enrolmen pendidikan tinggi.

- 8% Kadar enrolmen Sarjana dan PhD.
- 1.1M Tempat baharu menjelang 2025 (terutamanya TVET, IPT swasta, dan PSH).

**53%** Enrolmen pendidikan tertiar

**25** teratas daripada 50 negara dalam ranking U21 untuk output<sup>4</sup> penyelidikan.

**250k** Pelajar antarabangsa di IPT dan sekolah.

**1** Universiti dalam ranking 25 teratas di Asia.

**2** universiti dalam ranking 100 teratas peringkat global.

**4** universiti dalam ranking 200 teratas peringkat global.

**>80%** Kebolehpasaran graduan

<sup>2</sup> Unjuran tahun 2025 merangkumi pertambahan penduduk sebanyak 1.4% setahun (kadar yang sama dengan kumpulan berumur 18-22 tahun bagi 2009-2012).

<sup>3</sup> Kebolehgunaan warga graduan meningkat daripada 70% pada tahun 2006 kepada 75% pada tahun 2014.

<sup>4</sup> Ukuran output penyelidikan berdasarkan: Ranking 3 universiti teratas, artikel diterbitkan, bilangan penyelidik, purata impak artikel.

## EKUITI

Aspirasi untuk menyediakan sistem pendidikan yang saksama untuk semua warga Malaysia menerusi peluang terbuka tanpa mengira kumpulan etnik, lokasi geografi, atau latar belakang sosioekonomi.

Memastikan nisbah pelajar dari komuniti sosioekonomi yang kurang bernasib dalam enrolmen pendidikan tinggi dan tamat belajar mewakili komposisi penduduk.

**Tiada kekurangan representasi penduduk**

## PERPADUAN

Aspirasi untuk mewujudkan sistem pendidikan yang menyediakan pelajar dengan nilai dan pengalaman, serta aspirasi bersama menerusi penerimaan kepelbagaian.

Kepelbagaian etnik di IPT menggambarkan kepelbagaian penduduk. Suatu metodologi baharu akan direka bentuk untuk mengukur kejayaan penyemaian perpaduan.

**Perwakilan/  
Representasi  
Penuh**

## KECEKAPAN

**RM 20.7 k**

Perbelanjaan Kerajaan setiap pelajar di institusi awam

- ke-44 : daripada 50 negara dalam ranking **output<sup>5</sup>** U21  
ke-12 : daripada 50 negara dalam ranking U21 untuk **sumber** yang diperuntukkan kepada pendidikan tinggi.

25<sup>teratas</sup> : dalam ranking **output<sup>5</sup>** U21.

**Kekalkan**

Perbelanjaan kerajaan setiap pelajar di institusi awam  
(Bertambah dengan inflasi)

<sup>5</sup> Ukuran output berdasarkan penyelidikan, enrolmen, kebolehpasaran graduan dan ranking.

# Apakah yang diperlukan untuk meningkatkan enrolmen pendidikan tinggi ke tahap enrolmen antara tertinggi di ASEAN?

**2012**

Tahap semasa 36%  
enrolmen tertiari  
(1.4 juta pelajar<sup>6</sup>  
48% pendidikan tinggi)

IPT  
Swasta

455K

Universiti  
Awam

545K

Institusi  
TVET

114K

KPM

134K

Selain KPM

Institusi  
Kementerian  
lain<sup>7</sup>

172K

PERTUMBUHAN  
TAHUNAN

5.1%

2.6%

7.8%

1.4%

**2025**

Tahap jangkaan 53%  
enrolmen tertiari  
(2.5 juta pelajar<sup>6</sup>  
70% pendidikan tinggi)

867K

764K

301K

205K

Enrolmen TVET

Enrolmen TVET

355K


Selain KPM

Kementerian meletakkan sasaran untuk meluaskan enrolmen pendidikan tinggi. Bentuk sebenar peluasan dari segi bilangan tempat pengajian dan profil program akan ditentukan secara kerjasama yang erat dengan industri untuk memastikan penawaran adalah sepadan dengan permintaan.

<sup>6</sup> Termasuk pelajar luar negara di institusi Malaysia (97,000 pada tahun 2012 dan 250,000 pada tahun 2015).

<sup>7</sup> Termasuk Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan Matrikulasi.

# Apakah aspirasi bagi pelajar secara individu?



Kementerian akan terus menggunakan wawasan pendidikan seimbang menurut Falsafah Pendidikan Kebangsaan sebagai asas aspirasi pelajar secara individu. Sistem pendidikan prasekolah, rendah, menengah, dan tinggi berkongsi wawasan yang sama keberhasilan pendidikan Malaysia dan ertinya kepada setiap pelajar. Kementerian menekankan keseimbangan antara pengetahuan dan kemahiran (ilmu) dengan etika dan kesuilaan (akhlak).

Aspirasi pelajar dalam PPPM dibina sekitar enam ciri utama: kemahiran berfikir, pengetahuan, kecekapan bahasa, etika dan kerohanian, kemahiran kepemimpinan, dan jati diri negara. Enam ciri ini merupakan ciri yang sama bagi pelajar sebagai asas sistem pendidikan tinggi.

# Apakah 10 Lonjakan yang diperlukan untuk mentransformasikan sistem?



# Gambaran keseluruhan 10 Lonjakan

Kementerian komited dengan 10 Lonjakan yang akan memacu kecemerlangan berterusan pendidikan tinggi dalam membantu Malaysia mencapai aspirasi sistem dan pelajar. 10 Lonjakan ini terpakai kepada semua institusi dalam sistem pendidikan tinggi, sama ada institusi awam dan swasta. 10 Lonjakan berasaskan kepada keberhasilan sistem pendidikan tinggi dikenalpasti melalui tiga perspektif:

- **Isu prestasi** dalam pendidikan tinggi di Malaysia, seperti keperluan kualiti pendidikan tinggi yang lebih baik dan konsisten untuk pelajar, serta meningkatkan pulangan atas pelaburan;
- **Amalan terbaik** sistem pendidikan tinggi yang berjaya, seperti fokus kepada usaha menarik bakat yang berkualiti (kakitangan akademik, pelajar, penyelidik), dan usaha mewujudkan ekosistem mantap; dan
- **Trend global** yang mengganggu landskap pendidikan tinggi, seperti pengantarabangsaan pendidikan tinggi dan teknologi digital baru.

Empat lonjakan yang pertama tertumpu pada **keberhasilan** bakat dalam sistem pendidikan tinggi, termasuk pelajar di kedua-dua laluan akademik dan TVET, komuniti akademik, dan juga semua warga Malaysia yang mengambil bahagian dalam pembelajaran sepanjang hayat. Bakat utama ini secara kolektif mewakili cita-cita “bakat terpelajar yang dipacu nilai”. Enam Lonjakan yang lain tertumpu pada **pemangkin** ekosistem pendidikan tinggi, yang merangkumi komponen kritisik pendidikan tinggi seperti pendanaan, inovasi, tadbir urus, pembelajaran dalam talian, keunggulan global, dan penyampaian.

1

## Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang

Bab ini menghuraikan profil bakal graduan yang diharapkan daripada sistem pendidikan tinggi di Malaysia, dengan memberi penekanan pada cara memupuk graduan yang holistik, berkeusahawanan dan seimbang, selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Bakal graduan tersebut akan mempunyai pengetahuan bidang yang relevan dan sesuai (ilmu), etika dan kesusaiaan (akhlik), di samping tingkah laku, cara fikir, kecelikan budaya dan peradaban yang betul (beradab). Ini akan membolehkan graduan Malaysia maju ke tahap kesejahteraan diri yang tinggi, dan membolehkan mereka menyumbang kepada keharmonian dan kesejahteraan keluarga, masyarakat, negara, dan komuniti global.



## Kecemerlangan Bakat

Kualiti sistem pendidikan tinggi bergantung pada kualiti institusinya, yang ditentukan oleh kualiti bakat yang dapat dipikat, dipupuk, dan dikelakkan. Lonjakan ini memfokuskan peningkatan kualiti dan kepelbagaiannya bakat dalam sistem pendidikan untuk memastikan mereka relevan, dirujuk dan dihormati. Ia meliputi pelbagai bentuk kecemerlangan akademik dan empat laluan kerjaya, seperti untuk pengajaran, penyelidikan, amalan, profesional, atau kepemimpinan institusi. Lonjakan ini turut mentakrifkan semula makna kecemerlangan bagi universiti awam, universiti swasta dan kolej universiti, serta menggalakkan IPT cemerlang, sama ada dalam penyelidikan secara keseluruhan, bidang penyelidikan tujuan, atau pengajaran dan pembelajaran.

2

## Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat

Tatkala Malaysia mengorak langkah untuk menjadi ekonomi berpendapatan tinggi, permintaan terhadap pekerja berkemahiran tinggi akan terus meningkat. Di samping itu, Malaysia memerlukan penduduk dewasa yang mempunyai akses kepada peluang pendidikan yang berkesan dan berterusan. Lonjakan ini meneruskan kemajuan awal yang telah dibuat sejak Pelan Induk Pembudayaan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) dilancarkan pada 2011. Kementerian berhasrat untuk membudayakan amalan pembelajaran sepanjang hayat ke dalam masyarakat Malaysia untuk mewujudkan pembelajaran dan pembelajaran semula sebagai unsur penting dalam budaya dan cara hidup Malaysia. Hasrat ini akan dicapai dan dimangkinkan melalui sistem PSH yang berkualiti tinggi, terselaras dengan baik, seragam dan dihormati dengan komuniti pembelajaran di setiap organisasi.

3



## Graduan TVET Berkualiti

Malaysia akan meluaskan enrolmen pelajar TVET sepanjang dekad akan datang untuk menyokong usaha kerajaan mendapatkan lebih banyak pekerja berkemahiran sederhana dan tinggi di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP). Bab ini menghuraikan matlamat Kementerian menjadi penyedia TVET pendidikan tinggi perdana yang membangunkan bakat mahir untuk memenuhi permintaan industri yang kian meningkat dan berubah, serta menggalakkan peluang perkembangan kerjaya individu. Bentuk sebenar peluasan enrolmen pelajar dari segi bilangan tempat pengajaran dan profil pekerjaan akan ditentukan secara kerjasama yang erat dengan industri untuk memastikan penawaran adalah sepadan dengan permintaan.

4



# 5



## Kemampunan Kewangan

Kemampunan kewangan amat penting untuk pendidikan tinggi. Di seluruh dunia, penekanan terhadap kualiti sebanding harga dalam pendidikan tinggi semakin meningkat dengan kenaikan kos penyampaian dan kekangan bajet. Kementerian berhasrat untuk mewujudkan sistem kewangan baharu yang mampan melalui sumbangan semua pemegang taruh dari sektor awam, swasta dan sosial, dengan memberi fokus kepada kemampuan pelajar untuk memperolehi pendidikan, keberhasilan dan prestasi pendidikan. Hal ini akan melibatkan pelaburan sebahagian besar bajet negara secara berterusan oleh Kerajaan; kepelbagaian sumber pendanaan IPT, penggunaan sumber berhemat dan inovatif; dan sokongan kepada pelajar berkelayakan dari latar belakang sosioekonomi yang memerlukan bantuan.

# 7



## Ekosistem Inovasi

Ekosistem inovasi membolehkan lingkaran empat pihak (*quadruple helix*), iaitu akademia, industri, Kerajaan dan komuniti, pengumpulan sumber dan rakan kerjasama untuk menyemai, membangunkan dan mengkomersilkan idea. Walaupun Malaysia sudah mencatat kemajuan yang besar dari segi kuantiti dan kualiti penyelidikan, lebih banyak usaha boleh dilakukan untuk mempertingkat model pengkomersilan dipacu universiti dan juga dipacu permintaan. Oleh itu, Kementerian akan melaksanakan tiga strategi: (1) fokus kepada beberapa bidang penyelidikan strategik; (2) pemangkin pelaburan dan penglibatan sektor swasta; dan (3) menyokong perkhidmatan seperti pemindahan teknologi yang membolehkan pengkomersilan produk dan penyelesaian masalah.



# 6



## Pemantapan Tadbir Urus

Sistem pendidikan tinggi di seluruh dunia sedang bergerak ke arah autonomi meluas dengan matlamat memacu kecekapan, inovasi, dan tindak balas IPT yang lebih pantas. Meskipun Malaysia telah mencapai kemajuan dalam tadbir urus, Lonjakan ini merangkumi peralihan ke arah pemerksaan tadbir urus keseluruhan sistem pendidikan tinggi melalui penggabungan autonomi dengan akauntabiliti IPT. Kementerian berhasrat untuk membangunkan satu portfolio IPT yang berautonomi penuh dan berautonomi separa berdasarkan kesediaan dan keupayaan IPT untuk membuat keputusan. IPT ini akan beroperasi dengan bebas dalam rangka kerja pengawalseliaan yang diwujudkan oleh Kerajaan. Bab ini akan menggariskan bagaimana peranan Kementerian beralih daripada peranan “pengawal yang tegas” kepada peranan “pengawal selia dan pembuat dasar”.



# 8



## Keunggulan Global

Pendidikan tinggi merupakan pamacu utama ekonomi Malaysia dan sektor pendidikan tinggi mempunyai kesan pengganda ekonomi yang tinggi. Kementerian berhasrat untuk membangunkan Malaysia sebagai hab pendidikan antarabangsa yang mempunyai ciri tersendiri. Sebagai hab pendidikan tinggi, Malaysia mempunyai daya saing menyediakan pendidikan berkualiti, kualiti sepadan harga, daya huni di Malaysia dengan nilai tambah pengalaman aneka budaya. Ini termasuklah peningkatan keupayaan Malaysia menyediakan pendidikan berterusan kepada pelajar antarabangsa; dengan sasaran 250,000 enrolmen pelajar antarabangsa menjelang 2025.

# 9



## Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global

Pendidikan tinggi di seluruh dunia sedang mengalami gangguan yang ketara akibat teknologi digital baharu dan model penyampaian baharu. Bab ini menonjolkan keperluan utama masa hadapan pembelajaran dalam talian untuk sistem pendidikan tinggi negara. Malaysia bercita-cita untuk menjadi hab pendidikan perdana yang disokong oleh platform pembelajaran dalam talian tahap global. Justeru akan menambah baik akses, ekuiti dan kualiti pendidikan bagi warga Malaysia dan komuniti global. Kaedah ini menyokong penyampaian kursus lebih cekap, pengukuhan jenama pendidikan Malaysia di seluruh dunia, serta keterlihatan dan keunggulan IPT tempatan, terutamanya dalam bidang tujuan dan pengkhususan.



## Transformasi Penyampaian Pendidikan Tinggi

PPPM (PT) menggariskan bagaimana peranan Kementerian yang baharu dan lebih terfokus akan diterjemahkan menjadi pendekatan penyampaian yang berbeza. Bab ini membincangkan transformasi dan penstrukturran semula organisasi Kementerian, penyeragaman merentas IPT, penyelarasaran pengurusan prestasi, dan proses jaminan kualiti. Proses kritikal bagi urusan langsung dengan pelajar akan turut diperkuuh, terutamanya berkaitan kemasukan pelajar, komunikasi luaran oleh Kementerian, dan pengalaman pelajar antarabangsa. Bab ini turut menggariskan bagaimana Kementerian akan memacu penyampaian inisiatif yang dirangka dalam pelan pembangunan ini, serta pengenalan inisiatif berdasarkan amalan terbaik menyokong program transformasi universiti di seluruh IPT.

# 10



# Kesimpulan

Kementerian berhasrat untuk menyediakan pendidikan bertaraf antarabangsa kepada pelajar melalui satu sistem tunggal yang disepaduan dengan sempurna, yang membimbing pelajar dari peringkat prasekolah hingga pendidikan tinggi. Sistem pendidikan negara akan membawa pelajar dari “buai ke kerjaya”, membantu mereka mencapai potensi diri, menyemai cinta terhadap pembelajaran sepanjang hayat, menjadikan mereka berdaya saing pada peringkat global, dan mempersiapkan mereka untuk mengharungi kehidupan.

Tumpuan dalam pendidikan prasekolah, rendah dan menengah adalah untuk melahirkan pelajar serba boleh yang telah menguasai pengetahuan asas, kemahiran dan sikap, dan bersedia untuk mengikuti pendidikan tinggi atau menyertai warga kerja.

Tumpuan pendidikan tinggi adalah untuk membangunkan graduan terpelajar, bakat dipacu nilai – ahli profesional, penyelidik, pendidik, usahawan, dan penginovasi – perspektif antarabangsa dan boleh memacu pembangunan Malaysia. Kurikulum direkabentuk dengan tumpuan aspek antarabangsa, kandungan kurang seragam, dan penyampaian oleh sektor swasta di samping peranan sektor awam sebagai penyedia utama. Walaupun kerajaan memantau kualiti dan berperanan sebagai pengawal selia, dalam konteks ini, institusi memerlukan autonomi untuk berkembang maju.

Dalam sistem pendidikan negara yang bersepada, aspirasi akhir adalah sama – Malaysia memerlukan individu berbakat yang dapat menghadapi cabaran luar biasa, dengan ilmu dan kemahiran yang sesuai, etika dan nilai untuk menyesuaikan diri dan berkembang maju dalam dunia yang sentiasa berubah.

Lonjakan





# Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang

Visi pendidikan di Malaysia adalah untuk memupuk dan membentuk individu yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang, sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Visi ini merupakan asas kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah Hingga Lepas Menengah) yang dikenali sebagai PPPM. Wawasan ini memberikan peluang kepada pelajar agar menikmati pendidikan holistik yang menjurus kepada enam atribut atau domain utama: etika dan kerohanian, kemahiran memimpin, identiti nasional, kemahiran bahasa, kemahiran berfikir, dan pengetahuan.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) dirangka berdasarkan wawasan dan aspirasi PPPM dalam mendidik pelajar yang berbakat, berkemahiran dan berilmu yang bersedia menghadapi cabaran abad ke 21. Bab ini menggariskan strategi dan inisiatif Kementerian Pendidikan (Kementerian) untuk menyediakan pendidikan yang seimbang antara ilmu dengan akhlak, serta menggalakkan pelajar untuk memupuk minda keusahawanan. Bab ini juga menggariskan matlamat bagi institusi pendidikan tinggi (IPT).

# Kepentingan

## Kotak 1-1

### Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan  
Dalam Akta Pendidikan 1996

Misi utama IPT adalah untuk membentuk graduan berkualiti, holistik, seimbang dan berciri keusahawanan. Tiga isu utama yang berikut melandasi Lonjakan ini.

### Graduan seimbang dalam abad ke-21

Generasi masa kini berhadapan dengan cabaran yang amat rumit yang tidak pernah dialami sebelum ini, seperti krisis ekonomi dan pemanasan global. Graduan perlu didedahkan kepada ilmu serta kepakaran teknikal yang relevan dan sesuai untuk menangani cabaran tersebut, demi meningkatkan daya tahan yang tinggi serta berupaya dalam membuat keputusan yang beretika. Justeru itu, Kementerian amat mementingkan penerapan nilai moral, jati diri kebangsaan, kefahaman terhadap budaya dan ketamadunan, kesedaran diri dan kemahiran berinteraksi sesama manusia. Graduan juga diharap dapat membina sifat murni, rasa tanggungjawab dan semangat patriotisme. Semua ini menjurus kepada penghasilan graduan yang dapat menyumbang secara aktif kepada masyarakat Malaysia dan arena global.

### Ketidakpadanan jangkaan

Graduan mendapat pendidikan tinggi dengan tujuan melayakkan mereka mendapat pekerjaan yang menjanjikan masa hadapan yang baik, sama ada sebagai pekerja atau usahawan. Cabaran yang dihadapi mereka tidak terhad di Malaysia, iaitu:

- **Ketidakpadanan jangkaan antara institusi pendidikan tinggi, pelajar dan keperluan majikan.** Menurut kajian *McKinsey, Education to Employment* 2013, lebih 70% responden daripada universiti beranggapan pelajar telah diberikan pendidikan yang secukupnya untuk menghadapi dunia pekerjaan. Sebaliknya, hanya 40% responden daripada

majikan dan graduan<sup>1</sup> yang berpendapat sedemikian.

- **Anjakan minda daripada pencari kepada penyedia pekerjaan.** Data<sup>2</sup> Kementerian yang diterbitkan pada 2012 menunjukkan hanya 2% graduan negara bekerja atau menjalankan perniagaan sendiri selepas menamatkan pendidikan. Kajian lain pula menunjukkan bahawa 70% pekerjaan disediakan oleh perusahaan kecil dan sederhana<sup>3</sup> (PKS). Justeru, menerapkan minda keusahawanan dalam sistem pendidikan adalah penting untuk menghasilkan lebih ramai graduan menjadi usahawan.

### Menghadapi cabaran masa hadapan

Pendidikan tinggi mestilah menyediakan bakal siswazah agar dapat menghadapi cabaran semasa dan masa hadapan. Kajian terkini menunjukkan secara purata siswazah bertukar pekerjaan sebanyak 10 kali sepanjang hayat mereka<sup>4</sup>. Dalam kajian lain pula menunjukkan 65% pelajar sekolah rendah pada hari ini akan bekerja dalam bidang yang belum wujud lagi ketika ini<sup>5</sup>. Justeru, untuk bersedia menghadapi perubahan ekonomi global yang begitu pantas, Malaysia perlu mendidik pelajar agar mempunyai kekuatan etika dan moral, pegangan hidup dan sarwajagat (pandangan dunia) yang relevan, serta kemahiran menyelesaikan masalah semasa dan cabaran masa hadapan. Graduan mestilah mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat agar pengetahuan dan kemahiran sentiasa berkembang. Mereka perlulah berfikir secara kritis, dan sentiasa terbuka untuk menerima perubahan, idea dan cara baharu untuk bertindak. Mereka juga harus berupaya untuk mengurus kehidupan dan mampu memimpin komuniti.

<sup>1</sup> Mourshed, M. et al. (2012). *Education to Employment: Designing a System That Works*. McKinsey Center for Government. Diperoleh dari [http://mckinseyonsociety.com/downloads/reports/Education/Education-to-Employment\\_FINAL.pdf](http://mckinseyonsociety.com/downloads/reports/Education/Education-to-Employment_FINAL.pdf).

<sup>2</sup> Ibrahim, M.D. et al. (2011). *Kajian Keberkesanan Program-program Keusahawanan di Institusi Pengajian Tinggi*. Universiti Malaysia Kelantan.

<sup>3</sup> Lim, C., & Grant, A. (2014). *Unleashing Youth in Asia: Solving for the "Triple-E" challenge of youth: Education, Employment and Engagement*. McKinsey Center for Government.

<sup>4</sup> Meister, J. (2012). *Job Hopping Is the 'New Normal' for Millennials: Three Ways to Prevent a Human Resource Nightmare*. Diperoleh dari <http://www.forbes.com/sites/jeannemeister/2012/08/14/job-hopping-is-the-new-normal-for-millennials-three-ways-to-prevent-a-human-resource-nightmare>.

<sup>5</sup> United States Department of Labor. (1999). *Futurework: Trends and challenges for work in the 21st century*. Diperoleh dari [www.dol.gov/dol/asp/public/futurework](http://www.dol.gov/dol/asp/public/futurework).

# Kedudukan Malaysia

Bahagian ini menjurus kepada kurikulum dan sistem sokongan pembelajaran di Kementerian dan IPT. Cabaran utama terhadap pembentukan atribut juga diterangkan, seperti keusahawanan.

## Hasil pembelajaran

Rangka kerja Kelayakan Malaysia<sup>6</sup> menggariskan kaedah untuk membangunkan kurikulum yang menekankan lapan domain hasil pembelajaran (LO) - pernyataan kompetensi tentang apa yang perlu diketahui, difahami dan dilakukan oleh pelajar setelah tamat pendidikan di IPT. Kotak 1-2 menunjukkan pemetaan hasil pembelajaran program (PLO) MQF kepada sembilan domain yang ditentukan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT). Semuanya adalah sejajar dengan aspirasi Kementerian untuk membentuk graduan yang holistik, seimbang dan berciri keusahawanan.

PLO yang dirujuk seharusnya juga berdasarkan keperluan tambahan yang dikenakan oleh badan profesional yang berkaitan, sama ada pada peringkat nasional maupun pada peringkat global. IPT perlulah mengamalkan pendekatan pengajaran yang sejarar dan sesuai kepada bidang ilmu dan kemahiran yang ditetapkan oleh pernyataan PLO. IPT juga perlulah menggunakan instrumen pentaksiran yang sesuai untuk mengukur pencapaian holistik setiap pelajar.

## Sistem sokongan pembelajaran

Organisasi yang tersenarai dalam Kotak 1-3 membantu proses pembelajaran menerusi program seperti '*finishing schools*', keusahawanan, kurikulum dan libat sama komuniti, serta bimbingan kerjaya. Jabatan Pendidikan Tinggi pula telah memperkenalkan dasar yang mewajibkan semua pelajar mengambil kursus umum yang dikenali sebagai Mata Pelajaran Umum (MPU).

## Atribut kejayaan

Walaupun banyak usaha untuk menghasilkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang, ramai berpandangan bahawa mereka masih belum mempunyai persediaan yang secukupnya untuk alam pekerjaan, kemahiran yang relevan dan bersesuaian. Tinjauan yang dijalankan oleh Kementerian<sup>7</sup> dan JobStreet.com<sup>8</sup> menunjukkan bahawa:

- Kira-kira 45% siswazah baharu memperoleh gaji kurang daripada RM1,500 sebulan pada 2013. (Ini mungkin menggambarkan situasi kebolehpasaran rendah kelayakan (*underemployment*) serta akibat daripada keadaan pasaran kerja. Contohnya, gaji permulaan dalam beberapa sektor pekerjaan seperti Pelancongan dan Hospitaliti bermula dengan gaji minimum dan bukannya berdasarkan kelulusan akademik.)
- Kompetensi yang diutamakan oleh majikan apabila menggaji siswazah ialah keupayaan berbahasa Inggeris, etika kerja yang baik dan kemahiran interpersonal.

## Kotak 1-2

### Domain Hasil Pembelajaran Program (PLO) yang ditentukan oleh Kementerian:

- Pengetahuan;
- Kemahiran amali;
- Kemahiran berfikir dan saintifik;
- Kemahiran komunikasi;
- Kemahiran sosial, kerja berpasukan dan tanggungjawab;
- Nilai, etika, moral dan profesionalisme;
- Pengurusan maklumat dan kemahiran pembelajaran sepanjang hayat;
- Kemahiran pengurusan dan keusahawanan; dan
- Kemahiran kepimpinan.

<sup>6</sup> Rangka Kerja Kelayakan Malaysia (MQF) menjelaskan *standard* dan kriteria untuk kelayakan pendidikan tinggi, sekaligus menjadi asas untuk jaminan kualiti. Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bertanggungjawab untuk melaksanakan MQF.

<sup>7</sup> Ibrahim, M.D. et al. (2011). Kajian Keberkesanan Program-program Keusahawanan di Institusi Pengajaran Tinggi.

<sup>8</sup> Kementerian Pengajaran Tinggi dalam Pelan Tindakan Kebolehpasaran Graduan. (2012).

### Kotak 1-3

#### Entiti sedia ada di Kementerian dan IPT yang menyokong pembangunan pelajar

- Unit dan Pusat Keusahawanan;
- Unit Kebolehpasaran Graduan;
- Bahagian dan Pusat Sukan;
- Bahagian Pengurusan Pembangunan Akademik;
- Bahagian Pembangunan Pelajar;
- Bahagian Perhubungan Industri;
- Pusat Pembangunan Akademik;
- Pusat Kokurikulum;
- Pusat Penempatan Pekerjaan; dan
- Pusat Transformasi Komuniti Universiti.

#### Masyarakat berciri keusahawan

Laporan Pemantauan Keusahawanan Global (GEM)<sup>9</sup> menunjukkan hanya 41.8% masyarakat Malaysia menganggap keusahawanan sebagai pilihan kerjaya yang baik, seperti dalam Paparan 1-1. Berbanding dengan 11 negara Asia Pasifik dan Asia Selatan lain, Malaysia berada pada tangga terendah dari segi penerimaan status sosial terhadap usahawan yang berjaya, dan masyarakat Malaysia juga ialah yang paling tidak bersedia menghadapi kegagalan. Ini menjelaskan faktor utama Malaysia ketinggalan dalam bidang keusahawanan, terutamanya keusahawanan pada tahap awal<sup>10</sup>. Laporan GEM juga menunjukkan bahawa kadar keusahawanan tahap awal di Malaysia merupakan yang paling rendah dalam kalangan 11 negara Asia Pasifik dan Asia Selatan tersebut. Sementara ‘Total Early-stage Entrepreneurial Activity’ (TEA)<sup>11</sup> bagi Malaysia merupakan yang kedua terendah.

#### PAPARAN 1-1

#### Keusahawanan dan persepsi warga Malaysia berbanding dengan warga negara lain



<sup>9</sup> Amoros, J., & Bosma, N. (2013). *Global Entrepreneurship Monitor 2013 Global Report. Fifteen Years Of Assessing Entrepreneurship Across The Globe.*(pp 26). Diperoleh dari <http://www.gemconsortium.org/docs/download/3106>.

<sup>10</sup> Ibid.

<sup>11</sup> Ibid.

<sup>12</sup> Kuh, G.D (2008). *High-Impact Educational Practices: What They Are, Who Has Access to Them, and Why They Matter.* Association of American Colleges and Universities (AACU). Diperoleh dari <http://www.aacu.org/leap/hips>.

#### Patriotisme dan perpaduan kaum

Kementerian berhasrat untuk membentuk semangat patriotisme dan kecintaan kepada negara setulusnya, memahami aspirasi nasional, penguasaan yang tinggi dalam bahasa kebangsaan, bahasa Melayu, dan mempunyai semangat perpaduan dalam kepelbagaiannya kaum. Pada ketika ini, usaha meningkatkan patriotisme dan perpaduan menerusi MPU dan program kokurikulum menumpu kepada sukan, libat sama dengan komuniti dan pembelajaran melalui pemberian khidmat. Namun demikian lebih banyak usaha perlu ditumpukan di IPT, terutamanya dalam penyampaian kursusnya. IPT perlu menggunakan kaedah yang berhasil melalui penyelidikan, berpaksikan pelajar, dan pengajaran yang berteraskan ICT sebagai alat bantu. Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEP)<sup>12</sup> seperti pembelajaran melalui pengalaman dan pembelajaran melalui pemberian khidmat adalah sesuai untuk membina perpaduan nasional dan kompetensi abad ke-21.

# Objektif

Lonjakan ini bertujuan membentuk graduan yang holistik, seimbang dan berciri keusahawanan sejahtera dengan Falsafah Pendidikan Negara. Graduan berkenaan memiliki disiplin ilmu yang relevan, akhlak dan penetapan minda yang sesuai, tingkah laku dan beradab untuk memajukan diri bagi membolehkan mereka memberikan sumbangan kepada keharmonian dan kemajuan keluarga, masyarakat, negara dan komuniti global. Kualiti ini diserlahkan melalui enam atribut utama – etika dan kerohanian, kemahiran memimpin, identiti nasional, kemahiran bahasa, kemahiran berfikir, dan pengetahuan. Pembangunan atribut pelajar dan graduan dalam enam domain ini ialah lanjutan daripada pendidikan asas hingga pendidikan tinggi.

PAPARAN 1-2

## Atribut pelajar dan graduan

	 Etika dan Kerohanian	 Kemahiran Memimpin	 Identiti Nasional	 Kemahiran Bahasa	 Kemahiran Berfikir	 Pengetahuan
Pendidikan Tinggi	Beretika dan bermoral, mempunyai kerohanian mantap, penyayang dan prihatin; menghayati pembangunan mampan dan gaya hidup sihat.	Komunikator yang berkesan, cerdas emosi dan mampu berinteraksi merentas budaya; bertanggungjawab, berdaya saing, cekal dan yakin.	Mempunyai jatidiri kebangsaan dan memahami aspirasi negara.	Mahir dalam bahasa Melayu dan Inggeris, dan teruja untuk mempelajari satu bahasa global tambahan.	Menghayati pendapat yang pelbagai, berfikir secara kritikal dan inovatif, dan berkemahiran menyelesaikan masalah serta berciri keusahawanan.	Menguasai bidang pilihan, mampu memanfaat, menghubung dan mengaplikasikan pengetahuan yang dipelajari, dan mampu menghargai kesenian, kebudayaan, serta sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).
Pendidikan Prasekolah Hingga lepas Menengah	Mempunyai asas moral yang kukuh dan keberanian membuat keputusan yang betul.	Mempunyai kemahiran berkomunikasi, berciri keusahawanan, cekal dan boleh memimpin serta bekerja secara berpasukan.	Mempunyai jatidiri kebangsaan dan menghargai kepelbagaian.	Menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan, dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan bahasa komunikasi antarabangsa.	Bersikap ingin tahu dan inovatif, boleh mengaplikasi dan menjana pengetahuan bagi penyelesaian masalah.	Menguasai mata pelajaran teras dan pengetahuan umum tentang dunia.
	<b>AKHLAK (Etika dan Moral)</b>		<b>IMBANGAN</b>		<b>ILMU (Pengetahuan dan Kemahiran)</b>	

# Prinsip

Strategi dan inisiatif dalam Lonjakan ini dipacu oleh prinsip berikut:

- **Penajaran konstruktif dalam reka bentuk, penyampaian dan pentaksiran kurikulum.** Kurikulum mestilah direka bentuk untuk mencapai sesuatu hasil pembelajaran, disampaikan menerusi pendekatan pengajaran yang konstruktif dan menggunakan kaedah bersesuaian untuk menilai pencapaian pelajar berdasarkan hasil pembelajaran tersebut.
- **Pembelajaran melalui pengalaman.** Penekanan perlu diberikan kepada penggunaan kaedah pedagogi yang berkesan seperti penerokaan ilmu secara terarah dan pengalaman sebenar untuk pembangunan etika, nilai, kemahiran keusahawanan dan insaniah;
- **Pelajar terdidik dipacu nilai.** Pendidikan bukan sekadar untuk memenuhi keperluan pembangunan ekonomi, malah ia penting untuk kemampuan nilai teras dan norma budaya yang menyatukan sesebuah bangsa. Pengukuhan jati diri kebangsaan pula mampu diterapkan menerusi penghayatan sejarah Malaysia.
- **Sistem sokongan pembelajaran yang mampan.** Kejayaan sesebuah kurikulum yang dibangunkan bergantung pada keberkesanannya sistem sokongan yang menyeluruh dan mampan. Sistem ini menggalakkan, memudah cara serta memperkuuh keseluruhan proses pembelajaran.



# Strategi dan inisiatif

Kementerian telah menetapkan dua strategi untuk memastikan objektif Lonjakan ini boleh dicapai:

## Strategi A: Pembentukan kurikulum yang holistik dan bersepada

IPT hendaklah mereka bentuk kurikulum yang holistik, bersepada, dan dijajarkan secara konstruktif dengan menekankan penggunaan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEP) yang merangkumi kejelasan kognitif dan konsep, kemahiran keusahawanan serta pembelajaran melalui pengalaman dan inovasi. Kurikulum yang dibentuk perlulah berasaskan pencapaian hasil pembelajaran dan berpusatkan pelajar. Ini bermakna kurikulum, pengalaman pembelajaran dan intervensi pembelajaran mesti menyasarkan:

- Penguasaan yang mendalam dalam sesuatu disiplin;
- Pembentukan kemahiran diri, *interpersonal* dan sosial; dan
- Amalan, adab dan nilai murni bagi cara berfikir dan tingkah laku.

## Strategi B: Mengukuhkan sistem sokongan pembelajaran

Kementerian dan IPT perlu menyediakan sistem sokongan pembelajaran yang produktif. Usaha penyediaan ini melibatkan langkah-langkah pengukuhan penyelarasan aktiviti pembangunan pelajar, pembentukan rangka kerja untuk menggalakkan graduan menjadi usahawan dan juga pengiktirafan pengajaran yang berinovasi dan cermerlang.



*Pembangunan graduan yang holistik, seimbang dan berciri keusahawanan merupakan satu proses berterusan yang bermula daripada sistem pendidikan asas.*

## Inisiatif A1

# Memantapkan kurikulum

IPT hendaklah menerima guna HIEP yang menggabungkan pembelajaran berdasarkan pengalaman dan penyerapan keusahawanan ke dalam kurikulum dengan cara:

- Memperkenalkan program akademik sarjana muda berbentuk 2+2 atau 3+1 yang melibatkan pembelajaran selama 2 atau 3 tahun di kampus dan selebihnya di luar kampus atau pembelajaran di industri;
- Meningkatkan libat sama industri dan komuniti untuk menyokong pembangunan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang;
- Melengkapkan Kerangka Mata Pelajaran Umum (MPU) dengan mengambil kira kursus merentas kurikulum yang generik. Kursus yang serupa tetapi pada tahap penguasaan yang lebih mendalam mesti dimulakan untuk program akademik pendidikan pascasiswazah; dan
- Menambah baik kursus keusahawanan dengan menambah komponen praktikal dalam kursus keusahawanan asas, dan memperkenalkan minor keusahawanan dalam program akademik.

## Inisiatif A2

# Pentaksiran bersepadu

IPT perlu membangunkan dan melaksanakan sistem Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) yang tidak hanya menggambarkan pencapaian akademik sahaja, tetapi perlu juga menggambarkan penguasaan kemahiran insaniah yang holistik dan seimbang seperti berikut:

- Kemahiran berfikir bersepadu dan budaya ilmu;
- Kemahiran berbahasa, iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan satu bahasa global;
- Jati diri kebangsaan;
- Perpaduan negara;
- Kepemimpinan;
- Kemahiran menyelesaikan masalah;
- Akhlak; dan
- Penetapan minda dan kesediaan keusahawanan.

## Kotak 1-4

### Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM)

Pembangunan warga kerja STEM yang kukuh dan masyarakat yang cekik STEM adalah penting untuk membangunkan Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi. Justeru, Kementerian berhasrat untuk mewujudkan:

- Lebih banyak siswazah yang meneruskan pengajian dalam ijazah lanjutan dan kerjaya dalam bidang STEM;
- Kecelikian STEM yang lebih baik untuk semua pelajar;
- Pengetahuan yang lebih baik mengenai kandungan STEM; dan
- Pengetahuan yang lebih baik mengenai kandungan pedagogi STEM.

Di bawah inisiatif Majlis Penasihat Sains dan Inovasi Global (GSIAC)<sup>1</sup>, matlamat ini akan dicapai dengan menyemai minat pelajar dalam STEM dari peringkat paling awal dalam pendidikan mereka. Bermula dengan prasekolah, fokusnya adalah untuk menyemai, memberikan inspirasi dan membina minat; pada peringkat sekolah rendah, fokusnya adalah pada pembinaan asas; pada peringkat sekolah menengah rendah, fokusnya adalah pada pengukuhan kemahiran STEM; pada peringkat sekolah menengah atas atau lepasan menengah, fokusnya adalah untuk mencabar dan bersiap sedia; manakala pada peringkat tertiar, fokusnya adalah untuk meningkat maju dan membuat inovasi.

Di bawah skop PPPM, pelbagai strategi diperkenalkan untuk mengukuhkan pembangunan siswazah dan pelajar STEM. Antaranya termasuklah penambahbaikan dalam kurikulum, penyampaian, latihan guru, laluan kerjaya dan saraan untuk kaktangan dalam bidang STEM, serta prasarana fizikal.

PPPM (PT) menekankan penerusan strategi yang bermula pada peringkat sekolah. Misalnya, pihak Kementerian akan terus menyediakan sokongan biasiswa yang meluas kepada pelajar yang ingin mengikuti pengajian pascasiswazah dalam bidang STEM. IPT juga digalakkan untuk mengambil langkah sendiri bagi memperkuuh pembangunan STEM di institusi masing-masing.

<sup>1</sup> Kertas Dasar, Mesyuarat Ketua Bahagian, KPM (2014). Pelaksanaan Pendidikan STEM di Bawah Inisiatif *Global Science and Innovation Advisory Council* (GSIAC).

## Kotak 1-5

### **Dasar “Memartabatkan Bahasa Melayu, Memperkuuh Bahasa Inggeris” (MBMMBI)**

Dasar MBMMBI pada peringkat sekolah rendah dan menengah merangkumi satu siri inisiatif untuk menyokong pembangunan kedua-dua bahasa. Misalnya:

- Bahasa Melayu ditetapkan sebagai bahasa pengantar di semua sekolah kebangsaan. Bagi sekolah jenis kebangsaan, bahasa Cina dan Tamil akan digunakan sebagai bahasa pengantar. Usaha untuk membangunkan bahasa Melayu menjadi bahasa ilmu juga sedang dipergiat; dan
- Guru-guru bahasa Inggeris sedang dipertingkatkan kemahirannya untuk memastikan mereka mempunyai kemahiran minimum dan juga kemahiran pedagogi untuk mengajar dengan berkesan. Program Saringan Literasi dan Numerasi (LINUS) telah diperluas untuk merangkumi bahasa Inggeris.

PPPM (PT) meneruskan aspirasi dalam PPPM bahawa pelajar akan mahir dari segi penggunaan dalam sekurang-kurangnya bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Selain itu, aspirasi PPPM (PT) adalah agar pelajar digalakkan untuk mempelajari satu bahasa global sebagai tambahan.

Kementerian sedang beralih ke arah pemantapan autonomi untuk IPT, dan akan terus menggalakkan setiap IPT untuk menentukan inisiatif terbaik bagi memastikan kemahiran siswazah dalam bahasa Melayu dan Inggeris, serta akses kepada satu bahasa global tambahan. Sekiranya berkaitan, Kementerian juga akan melaksanakan garis panduan yang merangkumi usaha meningkatkan syarat minimum kemahiran berbahasa Inggeris untuk kemasukan ke universiti. Selain itu, pelajar mesti menambah baik tahap kemahiran mereka untuk lulus pengajian.

### **Inisiatif B1**

## **Penyelarasan pembangunan pelajar**

IPT hendaklah memainkan peranan penyelarasan yang lebih besar dan tersusun untuk membantu pembangunan pelajar. Semua entiti IPT yang melibatkan pelajar termasuk program akademik, penglibatan komuniti dan industri, sukan, dan budaya perlu menggabungkan aktiviti tersebut dengan matlamat utama membentuk graduan holistik dan seimbang. IPT akan membantu pembangunan keusahawanan pelajar dan kakitangan melalui anak syarikat universiti masing-masing.

### **Inisiatif B2**

## **Membangunkan rangka kerja usahawan**

Kementerian akan membangunkan rangka kerja usahawan untuk membantu dan menggalakkan lebih ramai graduan menjadi usahawan. Rangka kerja ini akan memberikan tumpuan pada tiga fasa penting iaitu: (i) Menggalakkan dan membudayakan nilai keusahawanan merentas kurikulum; (ii) Membuka peluang pembelajaran keusahawanan yang lebih meluas kepada pelajar; dan (iii) Membantu pelajar menghasilkan dan mengembangkan perniagaan sehingga mampu menjadi usahawan.

### **Inisiatif B3**

## **Mengiktiraf kecemerlangan pengajaran**

Kementerian akan menggalakkan IPT untuk mengiktiraf kecermerlangan pengajaran pada peringkat individu dan institusi. Contoh kriteria yang boleh diterima guna ialah kualiti pembelajaran dan pengajaran, pembentukan peribadi yang berkaitan dengan jatidiri kebangsaan, patriotisme, perpaduan kebangsaan dan pemeliharaan warisan kebangsaan. Semua inisiatif yang digariskan memperlihatkan keperluan mendesak untuk menjajarkan semula program orientasi secara bersepada dan konstruktif untuk kakitangan baharu (sokongan, pentadbiran dan akademik) dan sedia ada. Selain itu, program pembangunan profesional berterusan akan dilaksanakan untuk semua kakitangan.

## Kotak 1-6

### **Apakah yang dikatakan pembelajaran berdasarkan pengalaman?**

Pembelajaran berdasarkan pengalaman merupakan pendekatan pedagogi yang membolehkan pelajar menerapkan pengetahuan teori mereka kepada masalah dan situasi dalam dunia sebenar. Hal ini dapat dicapai melalui simulasi dan aktiviti amali di dalam kelas, seperti kajian kes, di dalam makmal, bengkel, atau di lapangan, seperti latihan amali atau latihan klinikal. Program pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) cenderung untuk memilih model pedagogi ini, tetapi pendekatan pembelajaran ini juga sangat berkesan untuk pelajar yang mengikuti laluan akademik.

Pembelajaran berdasarkan pengalaman merapatkan jurang antara teori dengan amalan, dan tinjauan yang dijalankan terhadap pelajar menunjukkan bahawa mereka mempunyai kecenderungan yang tinggi terhadap model pendidikan berdasarkan pengalaman. Kajian juga telah membuktikan bahawa pembelajaran berdasarkan pengalaman ialah mekanisme yang berkesan untuk meningkatkan motivasi pelajar dan melahirkan pelajar yang mampu mengikuti pembelajaran kendiri<sup>1</sup>. Sejak dengan itu, Kementerian menggalakkan IPT untuk mencuba dan memasukkan pelbagai bentuk pembelajaran berdasarkan pengalaman dalam program mereka.

### **Apakah yang dikatakan pembelajaran berdasarkan perkhidmatan?**

Pembelajaran berdasarkan perkhidmatan ialah bentuk pembelajaran berdasarkan pengalaman yang berlaku melalui satu kitaran tindakan dan refleksi apabila pelajar menerapkan perkara yang dipelajari mereka untuk menangani keperluan komuniti sebenar. Misalnya, pelajar kejuruteraan boleh bekerjasama dengan komuniti tempatan untuk menambah baik kemudahan bekalan air dan sanitasi. Untuk membolehkan pelajar menangani isu kompleks dalam dunia sebenar, dan mendedahkan mereka kepada pelbagai perspektif yang mungkin tidak biasa bagi mereka, pembelajaran berdasarkan perkhidmatan mencabar pelajar supaya bukan sekadar mencapai keberhasilan sebenar untuk masyarakat tetapi juga memperdalam pemahaman mereka tentang diri sendiri dan komuniti<sup>2</sup>.

Pembelajaran berdasarkan perkhidmatan berbeza daripada perkhidmatan komuniti kerana perkhidmatan komuniti memfokuskan usaha memenuhi keperluan penerima, dengan penekanan yang sedikit atau tiada langsung terhadap pelajaran yang ditimba oleh pemberi perkhidmatan tersebut.

Pembelajaran berdasarkan perkhidmatan semakin popular di seluruh dunia sebagai alat untuk membina libat sama sivik dan demokratik. Pembelajaran

berdasarkan perkhidmatan sering dikaitkan dengan “meningkatkan rasa tanggungjawab sosial dan kemahiran kewarganegaraan pelajar seperti toleransi agama dan kaum... kebolehan untuk bekerja dengan baik dengan orang lain, kemahiran memimpin dan berkomunikasi, serta .... mampu memulakan perubahan dalam komuniti”<sup>3</sup>. Keberhasilan positif yang lain yang telah dikenal pasti termasuklah peningkatan libat sama akademik, pengekalan pengetahuan dan pemikiran kritis.

Dalam konteks Malaysia yang berbilang budaya, golongan belia kita perlu membesar dengan semangat patriotisme, perpaduan, dan jati diri negara yang tinggi. Pembelajaran berdasarkan perkhidmatan menawarkan satu laluan yang telah terbukti dalam membangunkan ciri sedemikian, dan memupuk warganegara aktif yang mempunyai keprihatinan dan keberanian untuk bertindak demi kebaikan masyarakat dan negara pada umumnya.

### **Yayasan Sukarelawan Siswa**

Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) ditubuhkan pada 2011 sebagai entiti yang dimiliki sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan. Yayasan ini merupakan organisasi yang dipimpin oleh sukarelawan pelajar dan terbuka kepada semua pelajar di IPT tempatan. Objektif YSS termasuklah membangunkan pemimpin sukarelawan muda, menyemai sifat mengambil berat dan komitmen dalam kalangan pelajar demi kesejahteraan komuniti tempatan dan serantau, serta menjalin hubungan atau rangkaian kesukarelawanan pada peringkat antarabangsa. YSS menggunakan model pembelajaran berdasarkan perkhidmatan, dan aktivitinya berkisar pada konsep penyerapan dan pembangunan sukarelawan yang betul untuk tugas yang betul.

Sukarelawan YSS dalam kalangan pelajar menggambarkan kepelbagaiannya kumpulan pelajar pendidikan tinggi Malaysia. Mereka berasal daripada pelbagai latar belakang, kaum, dan bidang pendidikan, serta menjalani latihan sebelum dihantar ke komuniti Sasaran. Semasa tugas, mereka makan, tinggal, dan bekerja bersama-sama di lapangan dengan memberikan sumbangan kepada pembangunan komuniti dan usaha kemanusiaan yang mampan. Misi sukarelawan YSS yang pelbagai turut mencakupi pendidikan, khidmat masyarakat, kesedaran tentang kesihatan, pembangunan pertanian, teknologi serta kebersihan asas bagi komuniti. Semasa bencana banjir besar di pantai timur Semenanjung Malaysia pada 2014, YSS berjaya menggerakkan lebih 50,000 sukarelawan pelajar dalam masa hanya seminggu untuk berkhidmat dalam usaha memberikan bantuan di seluruh kawasan pantai timur.

<sup>1</sup> Wurdinger, D. D., & Carlson, J. A. (2010). *Teaching for experiential learning: Five approaches that work*.

<sup>2</sup> Elyer, J. and Giles, D., (1999). *Where's the Learning in Service-Learning?*

<sup>3</sup> National Task Force on Civic Learning and Democratic Engagement. (2012). *A Crucible Moment: College Learning and Democracy's Future*. Diakses melalui [http://www.aacu.org/civic\\_learning/crucible/index.cfm](http://www.aacu.org/civic_learning/crucible/index.cfm).

# Pelan tindakan pelaksanaan inisiatif

Strategi dan inisiatif dalam Lonjakan ini telah disusun dengan teliti merentas tiga fasa untuk mengelak daripada terlalu membebankan sistem, dan memastikan setiap fasa yang berturutan meneruskan asas yang dibina sebelumnya. Perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap proses pelaksanaan akan dijalankan mengikut hala tuju yang dicadangkan dalam Paparan 1-3 yang berikut.

PAPARAN 1-3

	Fasa 1 (2015)	Fasa 2 (2016-2020)	Fasa 3 (2021-2025)
<b>Strategi A</b> Membangunkan kurikulum holistik dan bersepadu	A	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Memperkenalkan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEP), pembelajaran berdasarkan pengalaman dan penerapan sikap keusahawanan di IPT awam dan swasta; dan</li><li>▪ Mempelopori pembangunan kaedah penilaian bersepadu yang dimulakan oleh IPT perintis.</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Memperkenalkan program 3+1 atau 2+2 dengan mengambil kira pembelajaran luar kampus atau berdasarkan industri;</li><li>▪ Melancarkan dan menerapkan sistem penilaian bersepadu;</li><li>▪ Menyokong IPT dalam mempergiat usaha untuk jaringan industri dan komuniti;</li><li>▪ Membantu IPT dalam mengukuhkan rangka kerja MPU, dengan melibatkan kursus umum merentas kurikulum; dan</li><li>▪ Menggalakkan pengukuhan program keusahawanan, terutamanya komponen praktikal.</li></ul>
<b>Strategi B</b> Mengukuhkan sistem sokongan pembelajaran	B	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Mempelopori pembangunan rangka kerja penjana pekerjaan melalui perundingan dengan pihak IPT dan industri;</li><li>▪ Mengkaji semula dasar dan garis panduan sedia ada untuk menggalakkan dan memudahkan cara pelaksanaan pembelajaran berdasarkan perkhidmatan dan keusahawanan; dan</li><li>▪ Mengkaji semula dan membangunkan garis panduan untuk menyokong aktiviti pelajar (misalnya: dasar 'green lane' untuk perniagaan milik pelajar).</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Melancarkan rangka kerja penjana pekerjaan di IPT awam dan swasta untuk menyokong pelajar dalam memula dan mengembangkan perniagaan;</li><li>▪ Membangunkan Indeks atau penunjuk perpaduan dan menggunakan di semua IPT; dan</li><li>▪ Memperkenalkan ganjaran dan insentif untuk kecemerlangan dalam pembelajaran berdasarkan perkhidmatan dan keusahawanan.</li></ul>

TASK 12  
DRAFT BIBLIOGRAPHY  
SL - EDWARD  
JULIEN  
MURRAY  
ELOQUATION  
V  
E  
ABM  
SUBMISSION  
REVIEWS  
REVIEWS  
REVIEWS  
REVIEWS



# Kesimpulan

Kementerian berhasrat untuk membangunkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Graduan tersebut akan mempunyai ilmu yang relevan dan bersesuaian, berakh�ak, serta dilengkapi penetapan minda, tingkah laku dan beradab. Untuk itu, IPT perlu membangunkan kurikulum yang holistik dan bersepadu yang berpusatkan pelajar dan berdasarkan hasil pembelajaran. Kementerian pula akan bekerjasama dengan IPT untuk meningkatkan sistem sokongan pembelajaran sedia ada. Hal ini adalah untuk memastikan graduan Malaysia berupaya untuk maju dalam dunia yang kompleks dan sentiasa berubah serta menyumbang kepada keharmonian dan kebajikan keluarga, masyarakat, negara dan komuniti global.

# Kaedah pemantauan

Kementerian akan memantau perkembangan dan impak Lonjakan ini berdasarkan penilaian berdasarkan hasil. Pemantauan ini tidak terhad kepada senarai berikut dan boleh ditambah baik. Sasaran akan ditetapkan secara tahunan:

- **CGPA bersepadu**, yang menunjukkan pencapaian keseluruhan pembangunan holistik, seimbang dan keusahawanan graduan;
- **Kadar graduan yang bekerja**;
- Kadar **graduan yang bekerja sendiri**;
- Indeks **Kepuasan Majikan** tentang kualiti graduan; dan
- **Indeks Patriotisme dan Perpaduan** dalam kalangan graduan.

Lonjakan





# Kecemerlangan bakat

Kecemerlangan bakat merujuk kepada komuniti akademik yang komited, berusaha secara berterusan untuk meningkatkan kualiti, menyokong pembangunan profesional, memberi inspirasi kepada pelajar, berciri keusahawanan, mempelopori pengajaran dan pembelajaran progresif serta cemerlang dalam penyelidikan, inovasi dan pengkomersilan. Mereka disokong oleh pasukan pentadbiran, teknikal dan sokongan yang terlatih, berdedikasi dan berkemahiran tinggi. Komuniti akademik akan memacu institusi mereka supaya menyerlah di persada dunia dan mampu menarik pelajar dan kakitangan akademik antarabangsa yang berkualiti, dan geran penyelidikan secara berterusan.

Bab ini juga menggariskan kaedah Kementerian dan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) untuk terus membina dan mengukuhkan kumpulan bakat pendidik, penyelidik, pemimpin institusi, pentadbir, pengamal dan kakitangan sokongan. Bab ini juga menggariskan pelbagai jenis kecemerlangan institusi yang perlu disasarkan oleh universiti awam dan universiti swasta. Kerangka akademik baharu juga disediakan untuk menarik, mengekal dan membangunkan bakat cemerlang dan juga membentuk laluan kerjaya pelbagai untuk kakitangan akademik.

# Kepentingan

Fungsi teras IPT adalah untuk mendidik dan membangunkan bakat, berkongsi penemuan ilmu dan menyediakan perkhidmatan profesional kepada masyarakat dan industri. Bakat akademik perlu berusaha untuk menjadi relevan, dirujuki dan dihormati.

## Penyumbang kritikal

Institusi cemerlang memerlukan bakat yang cemerlang. Kualiti pengajaran dan juga inovasi dalam kaedah pengajaran merupakan penyumbang penting kepada kecemerlangan IPT dalam usaha untuk mendidik dan membangunkan generasi akan datang. Warga penyelidik terbilang dengan jumlah yang besar dalam sesbuah IPT akan mengukuhkan budaya penyelidikan, merangsang kajian, mengukuhkan penemuan dan perkongsian pengetahuan baharu, serta membantu meningkatkan hasil kajian dan prestij. Ketokohan ahli akademik bergantung pada ilmunya yang cemerlang, serta mampu memberi penyelesaian untuk menangani keperluan masyarakat serta industri.

## Kecemerlangan bakat sebagai tarikan

Transformasi IPT di Malaysia memerlukan kepimpinan yang berwawasan, tokoh pemikir yang disegani, dan mempunyai keupayaan yang relevan. Kepimpinan ini mampu untuk melonjakkan

institusi mereka pada peringkat global dengan mengenalpasti, menarik, membangun dan mengekalkan bakat. Bakat akademik yang hebat mampu memperkasa sesebuah institusi melalui peningkatan kecemerlangan berterusan. Justeru, sebuah institusi akan dapat menyediakan persekitaran yang kondusif, sekaligus bertindak sebagai tarikan kepada bakat akademik yang lain.

## Kecemerlangan bakat sebagai tanggungjawab

Peranan pemimpin akademik IPT dalam pembangunan bakat adalah sama pentingnya dengan peranan dalam pengajaran dan penyelidikan. Setiap pemimpin akademik mempunyai tanggungjawab peribadi untuk memupuk dan memberi inspirasi bagi membentuk keperibadian dan ilmu pengetahuan pelajar. Mereka memegang tanggungjawab institusi untuk mengembangkan portfolio kepimpinan staf akademik yang akan terus memacu pertumbuhan dan meningkatkan tahap kecemerlangan IPT tempatan. Setiap pemimpin akademik juga mempunyai tanggungjawab nasional untuk membangunkan rakyat Malaysia yang berpotensi hebat untuk mengerakkan negara menjayakan Wawasan 2020.



# Kedudukan Malaysia

Komuniti akademik dalam sistem pendidikan tinggi selalunya merupakan kumpulan yang penuh dengan bakat kepelbagaian. Mereka menumpu kepada disiplin yang berbeza, mempunyai peranan dan fungsi berbeza, serta cemerlang dalam pelbagai aspek dunia akademik. Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) telah menyumbang dengan ketara terhadap kecemerlangan bakat, namun beberapa cabaran perlu ditangani untuk terus melonjakkan kecemerlangan bakat dalam IPT, seperti membina ekosistem bakat yang betul, mengukuhkan kepimpinan organisasi dan menggalakkan pelbagai laluan kerjaya.

## Pendidik berinspirasi

Staf akademik di IPT merupakan seorang pembimbing, rakan, pendorong, penasihat dan sumber inspirasi di samping menjadi

sumber rujukan ilmu dan maklumat. Kurikulum dalam sistem pendidikan tinggi pada masa ini menekankan pembelajaran, namun penyampaian masih lagi tertumpu pada pengajar. Hal ini cenderung untuk menyekat peluang pembangunan pelajar menjadi pemikir aras tinggi yang inovatif. Tumpuan kini harus diberikan pada usaha membangunkan pelajar untuk menjadi pemikir yang lebih berdikari dan mampu mengikuti pembelajaran sendiri. Golongan muda pada masa ini menghargai pembelajaran amali guna tangan, yang interaktif dan berasaskan pengalaman. Usaha memberikan inspirasi memerlukan semua IPT supaya beralih daripada kaedah pengajaran berpusatkan guru kepada kaedah berpusatkan pelajar. Perubahan teknologi terkini dan perubahan minda generasi muda akan terus memberi cabaran kepada proses penyampaian kurikulum.

## Profesor Ulung

Profesor Ulung merupakan gelaran akademik tertinggi yang diberikan kepada ahli akademik di Malaysia. Gelaran yang diperkenalkan oleh Kementerian pada 2010 ini mengiktiraf individu ulung yang menjadi suri teladan yang dihormati di seluruh dunia dalam bidang akademik masing-masing, telah memberikan banyak sumbangan kepada dunia akademik Malaysia melalui penyelidikan dan sokongan akademik, dan telah mempamerkan ciri kepemimpinan akademik yang luar biasa. Penerima gelaran ini diharapkan bukan sahaja menjadi tokoh yang mencetuskan inspirasi dalam dunia akademik, malah menjadi pemimpin pemikir yang menangani cabaran negara dan global.

Profesor Ulung dilantik berdasarkan empat kriteria, iaitu autoriti akademik dengan ciri tersendiri dan luar biasa, kesarjanaan berdasarkan penyelidikan dan sumbangan berimpak tinggi kepada masyarakat, keintelektualan yang terbukti, dan pengiktirafan antarabangsa berdasarkan bentuk anugerah berprestij.

Pada masa ini, empat individu telah dinamai sebagai Profesor Ulung. Mereka ialah Profesor Datuk Dr. Harith Ahmad, Profesor Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin, Tan Sri Profesor Dr. Mohd Kamal Hassan, dan Profesor Datuk Dr. Looi Lai Meng.



Profesor Datuk Dr. Harith Ahmad



Profesor Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin



Tan Sri Profesor Dr. Mohd Kamal Hassan



Profesor Datuk Dr. Looi Lai Meng

## Penyelidik cemerlang


Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-10 (2011-2015), jumlah penerbitan berkaitan penyelidikan di IPT telah meningkat secara berganda bermula dengan penubuhan Universiti Penyelidikan Malaysia (MRU) pada tahun 2007. Laporan Kementerian tentang ‘Impak Universiti Penyelidikan Malaysia sebagai Penggerak Pertumbuhan Pembangunan Negara’ mengutarkan kemajuan penting yang telah dilaksanakan. Misalnya dalam tahun 2010, jumlah bilangan penerbitan saintifik berwasisit di Malaysia melangkaui Thailand dan Singapura, lantas meletakkan Malaysia sebagai pusat terkemuka dalam penyelidikan di rantau ASEAN. Pencapaian ini merupakan satu pengiktirafan cemerlang menerusi usaha secara bersama dan kecemerlangan penyelidikan IPT serta penyelidik tempatan. Peningkatan hasil penyelidikan saintifik juga

menunjukkan kepentingan untuk meneruskan Inisiatif MRU dalam pembangunan bakat pendidikan tinggi di Malaysia.

Kecemerlangan penyelidik dan hasil penyelidikan mempunyai hubungkait dengan kecemerlangan IPT tempatan pada tahap global, sebagaimana ditunjukkan melalui *QS World University Rankings*. Hal ini boleh dilihat dalam kaitan indeks-h antara universiti terkemuka serantau dan global, serta kedudukan mereka dalam *QS World University Rankings*<sup>2</sup> (lihat Paparan 2-1). Sesebuah IPT yang mempunyai indeks-h yang lebih tinggi, lebih cenderung mempunyai ranking yang baik. Ketika ini, IPT di Malaysia masih ketinggalan dalam indeks-h berbanding dengan universiti terkemuka di Asia kerana Malaysia baru saja memulakan agenda MRU pada tahun 2006.

### PAPARAN 2-1

## Ranking institusi berdasarkan indeks-h



<sup>1</sup> Indeks-h cuba mengukur produktiviti dan kesan sitasi isi kandungan bahan oleh penyelidik atau institusi yang telah diterbitkan.

<sup>2</sup> Universiti terbaik dunia QS : <http://www.topuniversities.com/university-rankings/world-univer>

## Pemimpin bertransformasi

Kepimpinan pengurusan dan pentadbiran IPT sebagai suatu bidang profesional merupakan satu keperluan. Kemahiran dan keupayaan yang diperlukan untuk berjaya sebagai pemimpin institusi berbeza daripada peranan akademik yang lain. Sehubungan itu, terdapat ruang kepimpinan yang merentasi IPT pada masa ini. PSPTN mengariskan lima tujuan berkaitan bakat akademik, iaitu (i) tadbir urus, (ii) kepimpinan, (iii) akademia, (iv) pengajaran dan pembelajaran, dan (v) penyelidikan dan pembangunan. Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) ditubuhkan dalam rangka kerja PSPTN untuk membentuk dan membangun pemimpin dalam komuniti akademik, yang boleh memimpin pasukan, jabatan dan institusi masing-masing. Seterusnya, pembangunan kepimpinan mestilah menjadi tanggungjawab bersama semua pihak berkepentingan dalam pendidikan tinggi.

## Membina ekosistem yang sesuai

Malaysia menunjukkan kadar pertumbuhan tertinggi di dunia bagi penerbitan kertas saintifik berwacana dari tahun 2009 hingga 2013, dengan peningkatan tahunan kumulatif sebanyak 20%. Walau bagaimanapun, penambahbaikan berterusan perlu agar setara dengan universiti ulung dunia (lihat Paparan 2-2). Sebagai contoh, meningkatkan bilangan pakar bidang, termasuklah yang mempunyai kelayakan PhD, kelayakan professional dan mereka yang mempunyai pengalaman yang relevan dalam industri atau komuniti. Membina ekosistem untuk bakat yang sesuai juga melibatkan pengukuhan keseluruhan komuniti akademik pada semua peringkat, termasuk ahli Lembaga Pengarah Universiti dan pengurusan tertinggi IPT, ketua jabatan, serta kakitangan pentadbiran dan sokongan. Setiap IPT perlu menghasilkan persekitaran yang kondusif dengan proses dan insentif yang bersesuaian, serta sistem untuk mengenalpasti, mengambil, membangun dan mengekalkan bakat yang sesuai.

## Memperkuuh kepimpinan organisasi

IPT memerlukan lebih ramai pemimpin pada semua tahap yang mempunyai reputasi antarabangsa. Pengalaman professional yang


cemerlang, kemahiran mentadbir dan pengalaman kepimpinan akademik yang bertransformasi diperlukan dalam kalangan ahli Lembaga Pengarah Universiti, pengurusan tertinggi IPT merangkumi Naib Canselor atau Presiden, Timbalan Naib Canselor atau Naib Presiden, Pendaftar atau Ketua Pegawai Operasi, Bendahari atau Ketua Pegawai Kewangan. Lebih banyak pemimpin transformasi diperlukan dengan kemahiran dan keazaman untuk membantu organisasi masing-masing membuat penyesuaian terhadap cabaran baharu. Pemimpin akademik diamanahkan dengan jawatan mereka kerana mereka dipercayai memiliki pengetahuan, integriti, kesungguhan, rasa tanggungjawab, kemahiran motivasi, dan daya tahan yang diperlukan untuk menghasilkan prestasi dan keputusan yang cemerlang. IPT perlu menghasilkan satu rangka kerja atau model kepimpinan untuk menarik pemimpin bagi melaksanakan transformasi untuk menghadapi cabaran baharu dan melonjakkan prestasi. Langkah memperkuuhkan struktur organisasi memerlukan pelan penggantian yang lebih mantap, berkesan dan berciri keusahawanan pada setiap tahap.

## Empat laluan kerjaya

IPT perlu melaksanakan pembangunan laluan kerjaya pelbagai dan mobiliti akademik merentas institusi. Empat laluan kerjaya yang dicadangkan memberi peluang kepada ahli akademik untuk membuat pilihan, iaitu (i) pengajaran, (ii) penyelidikan, (iii) amalan professional (iv) kepimpinan institusi, atau pentadbiran. Laluan kerjaya ini memberi peluang kepada setiap ahli akademik untuk merancang masa depan dan kerjaya yang cemerlang.

Kementerian telah pun memulakan penurunan kuasa autonomi kepada IPT awam bagi memberi ruang untuk melaksanakan empat laluan kerjaya ini. Autonomi ini merangkumi fungsi pengurusan sumber manusia, seperti pengambilan dan pemecatan pekerja, penggajian dan kenaikan pangkat. Namun demikian, kejayaan langkah ini memerlukan IPT awam secara berterusan meningkatkan keupayaan pengurusan sumber manusia.

## Penerbitan akademik dan sitasi mengikut negara



<sup>1</sup> Sitasi penerbitan pada tahun 2011; sitasi diukur pada tahun 2014

<sup>2</sup> Malaysia telah meningkat dari tempat ke-34 pada tahun 2009 ke tempat ke-23 pada tahun 2013 pada peringkat antarabangsa berdasarkan jumlah penerbitan akademik

# Objektif

Lonjakan ini bertujuan untuk meningkatkan bakat komuniti akademik agar menjadi lebih relevan, dirujuk dan dihormati. Bakat akademik terbilang memartabatkan sesebuah IPT. Sehubungan itu, Kementerian akan menyediakan persekitaran yang kondusif dan sesuai untuk menarik, memupuk dan mengekalkan bakat cemerlang dari dalam dan luar negara.



Imej oleh esharkj, Flickr CC 2.0

# Prinsip

Strategi dan inisiatif dalam Lonjakan ini dipacu oleh prinsip-prinsip berikut:

- **Kebolehan menarik, memupuk dan mengekalkan bakat** merupakan syarat utama bagi memastikan kemampuan kecemerlangan bakat.
- **Kepelbagaiankan bakat** perlu diiktiraf dan diraikan untuk merangsang inovasi serta memperkayakan budaya kecemerlangan komuniti akademik.
- **Persekuturan bakat yang kondusif** memberi tumpuan kepada meritokrasi, mobiliti bakat, pengiktirafan keupayaan dan laluan kerjaya yang pelbagai.
- **Bakat yang cemerlang adalah relevan, dirujuk dan dihormati** oleh komuniti akademik tempatan dan antarabangsa, serta pihak industri.
- **Tanggungjawab bersama** dalam pembangunan bakat di IPT dan seluruh sistem pendidikan tinggi melibatkan seluruh warga akademik.



# Strategi dan inisiatif

Kementerian menyokong IPT memacu kecemerlangan bakat dengan strategi berikut:

## **Strategi A: Kepakaran dalam kecemerlangan institusi**

Semua IPT digalakkan untuk mengupaya pelbagai bentuk kecemerlangan bidang kepakaran, dipacu oleh bakat terbaik IPT berkenaan. Kementerian akan menakrifkan kriteria khusus untuk pemberian insentif kepada institusi cemerlang, sama ada dalam penyelidikan secara keseluruhan, bidang tujuan atau dalam pengajaran.

## **Strategi B: Menarik, memupuk dan mengekalkan bakat terbaik**

IPT memerlukan satu cara sistematik untuk mencari, mengambil, mengekalkan dan memberi ganjaran kepada bakat bagi mengukuh dan mengekalkan kecemerlangan bakat. Kementerian akan membantu menerusi perkongsian amalan terbaik bagi

pembangunan bakat merentasi IPT untuk meningkatkan kualiti kelompok bakat dalam sistem pendidikan tinggi. IPT tempatan digalakkan untuk memperolehi bakat yang merangkumi bakat tempatan, komuniti profesional, perniagaan dan antarabangsa termasuklah pemimpin antarabangsa dan ahli akademik terbaik.

## **Strategi C: Memperkenalkan empat laluan kerjaya**

IPT awam pada amnya melaksanakan kenaikan pangkat berdasarkan kepada prestasi penyelidikan. Sistem laluan tunggal ini tidak lagi dapat memenuhi keperluan bakat dalam sistem pendidikan tinggi hari ini. IPT juga memerlukan bakat yang cemerlang dalam pelbagai bidang seperti pengajaran, pentadbiran akademik dan amalan profesional. Bakat ini boleh dipilih dari kalangan penjawat awam, golongan profesional atau industri. IPT digalakkan untuk membangunkan skim atau pakej laluan kerjaya<sup>1</sup> yang fleksibel, sesuai, menarik dan berdaya saing.

<sup>1</sup> UNITEN, MMU dan Taylor's sebagai contoh, menawarkan pelbagai haluan kerjaya melalui skim pekerjaan berlainan trek yang telah menarik bakat-bakat dari pelbagai sumber (industri, agensi penyelidikan, agensi kerajaan)



## Inisiatif A1

# Pengiktirafan IPT berdasarkan kepelbagaian kecemerlangan institusi

Kementerian menggalakkan kepelbagaian kecemerlangan institusi dalam sistem pendidikan tinggi. Semua universiti awam, universiti dan kolej universiti swasta perlu menyerahkan kedudukan institusi, dan beraspirasi untuk mencapai kecemerlangan berdasarkan kekuatan dan bidang tumpuan masing-masing:

- **Kecemerlangan dalam penyelidikan:** Pada lazimnya universiti penyelidikan (MRU) dengan bilangan pelajar pascasiswazah yang ramai. Universiti sebegini meletakkan keutamaan kepada penyelidikan dan pembangunan merentas semua fakulti, jabatan atau pelbagai disiplin ilmu. Kebiasaannya penyelidikan ini melibatkan kerjasama dengan universiti ternama dunia, berpotensi memperoleh dana penyelidikan daripada industri dan sumber lain.
- **Kecemerlangan penyelidikan dalam bidang tujuan:** Institusi ini lazimnya cemerlang dalam beberapa bidang penyelidikan yang khusus. Universiti sebegini mempunyai kerjasama kuat dengan industri dalam bidang penyelidikan tertentu, termasuklah universiti teknikal dan universiti yang mempunyai beberapa buah pusat kecemerlangan.
- **Kecemerlangan dalam pengajaran dan pembelajaran:** Institusi ini memberi fokus dan cemerlang dalam pengajaran dan pembelajaran. Mempunyai rekod inovasi, reka bentuk dan penyampaian program pra-siswazah yang terserlah. Penyelidikan juga dilaksanakan tetapi dengan tumpuan kepada kajian asas atau gunaan, kualiti pengajaran dan kaedah pengajaran program pra-siswazah dan pascasiswazah. Tujuan utama institusi ini adalah menyediakan penyelidikan dan latihan yang berkualiti

Kaedah pengukuran, penilaian dan penarafan institusi akan ditambahbaik bagi mengambil kira kepelbagaian jenis kecemerlangan institusi yang berbeza.

## Inisiatif A2

# Kriteria dan insentif kecemerlangan institusi

Kriteria berdasarkan prestasi dan keberhasilan bagi pelbagai jenis kecemerlangan institusi akan ditakrifkan. Kriteria yang ditakrifkan merangkumi indikator yang digunakan dalam penanda arasan IPT tempatan, peringkat rantau dan antarabangsa, seperti *Malaysian Research Assessment (MyRA)*, Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA), *Higher Education Academy UK (HEA)*, *Times Higher Education World University Rankings (THE)*, *QS World University Rankings* atau *Academic Rankings of World Universities (AWRU)*.

Setiap universiti awam, universiti swasta atau universiti kolej digalakkan membuat keputusan strategik bagi mengukuhkan bidang pengkhususan dan tumpuan. Insentif akan diberi kepada IPT yang mencapai kecemerlangan dalam bidang khusus masing-masing, sama ada dalam penyelidikan secara keseluruhan, bidang penyelidikan tujuan atau pengajaran. Misalnya, program MRU akan diteruskan untuk menambah baik dan memberi insentif berterusan kepada kecemerlangan dalam penyelidikan bagi seluruh IPT.



*Kementerian akan mengiktiraf, menggalakkan dan memberikan insentif kepada IPT untuk berusaha ke arah dan mencapai pelbagai bentuk kecemerlangan institusi.*

## Inisiatif B1

# Pembangunan bakat dan keupayaan IPT

Berasaskan kepada Rangka Kerja Bakat dalam Akademia Baharu dalam Paparan 2-3, Kementerian akan memudahcara dan menggalakkan IPT untuk menambah baik empat aktiviti berikut:

- **Sumber (resource):** mengenalpasti bakat dari sumber baharu dengan skop dan kriteria pencarian memenuhi standard serantau dan global;
- **Pengambilan (recruit):** menambah baik prosedur operasi standard (SOP) untuk pengambilan dan pelaksanaan proses yang dapat menarik bakat;
- **Ganjaran (reward):** mengkaji pakej renumerasi untuk memastikan daya saing pada peringkat tempatan dan serantau sejajar dengan standard antarabangsa; dan
- **Pengekalan (retain):** membangunkan persekitaran yang kondusif dan melaksanakan sistem meritokrasi untuk menarik bakat ulung tempatan dan antarabangsa.

IPT digalakkan untuk mengenalpasti ahli akademik antarabangsa yang ulung untuk menyokong pemindahan ilmu dan pembinaan bakat tempatan, terutama sebagai ahli Lembaga Pengarah Universiti, Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor, ketua sumber manusia, ketua pegawai kewangan serta dekan atau ketua jabatan.

PAPARAN 2-3

## Rangka Kerja Bakat Akademia Baharu



## Inisiatif B2

# Rangka kerja strategik pembangunan profesional

Pembangunan profesional berterusan atau *continuous professional development* (CPD) menangani keperluan pembelajaran sepanjang hayat. Objektif utama CPD untuk komuniti akademik adalah untuk menetap dan menambah baik kemahiran teknikal dan profesional sedia ada untuk dapat menerima perubahan tanggungjawab.

Kementerian akan melakar rangka kerja strategik CPD melalui agensi seperti AKEPT selepas perundingan dengan IPT, yang merangkumi pelan pengantian dan pembangunan pemimpin. Usaha ini melibatkan pembentukan dan penyebaran amalan terbaik CPD untuk:

- **Meramaikan kelompok bakat kepimpinan** dengan individu yang menghayati nilai-nilai hikmah, pemikiran strategik dan minda keusahawanan;
- **Memupuk kemahiran kepimpinan dan pentadbiran** seperti tadbir urus institusi, pengurusan sumber dan kewangan, pembangunan infrastruktur dan pengendalian pelajar; dan
- **Mengukuh jaringan akademik antarabangsa dan tempatan** untuk perkongsian idea, kepakaran dan amalan terbaik.

### Inisiatif B3

## Memperluaskan skop dan skala mobiliti bakat dan program kerjasama

Buat masa ini, kebanyakan program mobiliti di IPT yang melibatkan staf akademik, terhad kepada program pasca kedoktoran dan sabatikal. Walau bagaimanapun, struktur dan keperluan program ini menghalang ahli akademik terlibat secara berterusan dalam program mobiliti.

Justeru, Kementerian menggalakkan IPT meneroka pelbagai model kerjasama dengan agensi kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), sektor swasta dan institusi sosial bagi memudahkan mobiliti dan meluaskan kelompok bakat. Satu pasukan hala tuju strategi bakat pendidikan tinggi akan ditubuhkan untuk membangunkan rangka kerja meluaskan skop dan skala mobiliti. Program mobiliti bakat meliputi sangkutan profesional, tindikan, fertilisasi-silang dan rundingan pakar antara IPT dengan industri, syarikat dan agensi kerajaan.

### Inisiatif C1

## Menambah baik pengurusan bakat dan laluan kerjaya

Sistem laluan kerjaya sedia ada (*tenure-track*) di IPT tempatan tidak boleh disesuaikan dengan kepelbagaiannya profil, pencapaian dan kecemerlangan staf akademik. Kementerian akan meluaskan takrifan kecemerlangan akademik merangkumi pelbagai dimensi seperti pengajaran, penyelidikan, amalan profesional dan kepimpinan institusi. Kementerian menggalakkan IPT untuk menerapkan sistem empat laluan kerjaya bagi membolehkan IPT dan staf akademik memberi tumpuan kepada kekuatan masing-masing, dengan kebebasan memilih bidang tumpuan kepakaran akademik.





Kementerian maklum bahawa pelaksanaan empat laluan kerjaya memerlukan autonomi IPT awam dari segi sumber manusia dan keupayaan pengurusan bakat yang lebih mantap. Pemberian autonomi yang lebih meluas kepada IPT awam bergantung kepada tahap kesediaannya dan IPT awam yang telah bersedia akan diberi tanggungjawab yang jelas berserta jangkaan seperti berikut:

- **Pendidik berinspirasi** yang fokus kepada pengajaran dan menggunakan penemuan baharu, kemahiran dan inovasi dalam pengajaran;
- **Penyelidik** yang memberikan tumpuan pada penyelidikan berimpak tinggi, pengujian, penemuan atau aktiviti penerokaan melangkaui peranan dan tanggungjawab akademik yang lain;
- **Profesional** berpengalaman dalam menyelesaikan masalah praktikal. Pengalaman golongan profesional ini akan dapat dimanfaat oleh pelajar dan staf akademik; dan
- **Pemimpin institusi bertransformasi** yang memberi tumpuan pada kepimpinan strategik dan pentadbiran IPT, dengan kepakaran dalam perancangan dan pengurusan pendidikan tinggi.

### Inisiatif C2

## Memantapkan kelompok bakat kepimpinan IPT

AKEPT sebagai akademi latihan kepimpinan dengan kerjasama IPT akan mengenalpasti dan membangunkan kelompok bakat kepimpinan IPT. Calon kelompok bakat kepimpinan akan dikenalpasti, disaring dan dipilih mengikut gaya kepimpinan individu, kemahiran professional, reputasi, kewibawaan, patriotism dan rekod prestasi kepimpinan. Penilaian atribut kepimpinan diri (termasuk penggunaan indeks kesediaan kepimpinan) akan menjadi sebahagian proses pemprofilan calon individu. Jawatankuasa pemilihan dan penamaan IPT akan mencadangkan calon pemimpin berdasarkan pangkalan data yang dibangunkan.

# Pelan tindakan pelaksanaan inisiatif

Strategi dan inisiatif dalam Lonjakan ini telah disusun dengan teliti merentas tiga fasa untuk mengelak daripada terlalu membebankan sistem, dan memastikan setiap fasa yang berturutan meneruskan asas yang dibina sebelumnya. Perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap proses pelaksanaan akan dijalankan mengikut hala tuju yang dicadangkan dalam Paparan 2-4 yang berikut.

## PAPARAN 2-4

	Fasa 1 (2015)	Fasa 2 (2016-2020)	Fasa 3 (2021-2025)
<b>Strategi A</b> Mendapatkan pelbagai bentuk kecemerlangan institusi <b>A</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Memulakan pengiktirafan pelbagai bentuk kecemerlangan institusi:           <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Kecemerlangan dalam penyelidikan keseluruhan;</li> <li>(ii) Kecemerlangan dalam bidang tujuan;</li> <li>(iii) Kecemerlangan dalam pengajaran; dan</li> </ul> </li> <li>▪ Berinteraksi dan memulakan perundingan dengan universiti awam dan swasta tentang kriteria kecemerlangan institusi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Takrif kriteria yang jelas untuk menanda aras dan menilai pelbagai bentuk kecemerlangan institusi;</li> <li>▪ Membangun dan menerapkan insentif untuk pelbagai bentuk kecemerlangan institusi; dan</li> <li>▪ Menggalakkan IPT untuk membangun dan menyesuaikan strategi institusi bagi mencapai bentuk kecemerlangan yang dikehendaki.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menggalakkan dan menyokong IPT ke arah kecemerlangan serantau dan global berdasarkan bidang tumpuan dan pengkhususan; dan</li> <li>▪ Menyokong IPT dalam mengukuhkan pendekatan pengurusan prestasi yang dikaitkan dengan kriteria kecemerlangan institusi.</li> </ul>
<b>Strategi B</b> Menarik, membangunkan dan mengekalkan bakat terbaik <b>B</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menyusun dan berkongsi amalan terbaik tentang kepimpinan dan pengurusan bakat untuk IPT; dan</li> <li>▪ Memulakan pembangunan rangka kerja strategik untuk CPD oleh AKEPT dan agensi berkaitan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mempermudah program mobiliti bakat di IPT dan meningkatkan keupayaan pengurusan bakat;</li> <li>▪ Membangunkan Hala Tuju Strategi Pendidikan Bakat Pendidikan Tinggi baharu; dan</li> <li>▪ Mempermudah pengambilan pemimpin akademik antarabangsa tersohor ke dalam IPT bagi mempercepat pemindahan ilmu dan pembinaan institusi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mengembang program mobiliti bakat untuk IPT dengan institusi awam, swasta dan sektor sosial; dan</li> <li>▪ Menerapkan inisiatif baharu di bawah Hala Tuju Strategi Bakat untuk Pendidikan Tinggi.</li> </ul>
<b>Strategi C</b> Mempelbagaikan laluan kerjaya <b>C</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menyusun dan berkongsi amalan terbaik bagi IPT untuk menerapkan skim 4 laluan kerjaya; dan</li> <li>▪ Lancarkan program fakulti CEO baharu untuk pemimpin industri dan sektor awam untuk mengajar di universiti awam.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menggalakkan penerapan 4 laluan kerjaya yang disesuaikan;</li> <li>▪ Membangunkan rangka kerja kepimpinan baharu dan indeks kesediaan untuk IPT;</li> <li>▪ Memantapkan kelompok dan pangkalan data kepimpinan IPT oleh AKEPT; dan</li> <li>▪ Menggalakkan pelancaran program pembangunan kepimpinan yang disasarkan untuk pemimpin IPT.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Memudahkan penerapan meluas 4 laluan kerjaya merentasi IPT, dengan kriteria berasaskan prestasi yang dipelbagaikan.</li> </ul>

# Kesimpulan

Komuniti akademik IPT semasa perlu ditransformasi untuk menerajui kepimpinan dalam pengajaran, penyelidikan, pentadbiran dan pengurusan institusi. Mereka perlu memacu pengajaran dan pembelajaran inovatif, terlibat dalam penyelidikan termaju yang inovatif, dan juga menjadi relevan, dirujuk dan dihormati oleh masyarakat dan industri. Mereka perlu merapatkan jurang antara teori dan praktikal, dan menjadi tokoh pemikir dan mampu menjadi penyelesai masalah bersama pemegang taruh. Peningkatan bakat cemerlang dalam IPT merupakan langkah pertama ke arah mencapai kesemua hasil ini. Kecemerlangan institusi dipacu oleh bakat cemerlang, yang akan menarik bakat cemerlang yang lain dan menjadi teladan kepada pelajar. Untuk memacu lonjakan ini, Kementerian berusaha untuk menggalakkan mobiliti bakat dengan cara menarik bakat dari sektor lain ke IPT melalui penyediaan laluan kerjaya dan pentadbiran bakat yang lebih baik.

# Kaedah pemantauan

Kementerian akan memantau perkembangan dan impak Lonjakan ini berdasarkan penilaian berdasarkan hasil. Pemantauan ini tidak terhad kepada senarai berikut dan boleh ditambah baik. Sasaran akan ditetapkan secara tahunan:

- **Bilangan IPT yang cemerlang** dalam penyelidikan, tujuan penyelidikan dan pengajaran;
- Bilangan IPT awam yang melaksanakan **empat laluan kerjaya** untuk kakitangan akademik;
- **Bilangan bakat ulung antarabangsa** yang menganggotai kepimpinan tertinggi IPT, ahli Lembaga Pengarah Universiti dan ketua jabatan di IPT awam;
- **Ukuran produktiviti bakat akademik** termasuklah (tetapi tidak terhad kepada) keberhasilan penyelidikan dan impak, serta jumlah paten; dan
- Bilangan peserta dalam **program CEO Faculty**.

Lonjakan

#3



# Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) telah menjadi satu agenda global untuk menghadapi pelbagai cabaran pembangunan mampan. Dalam konteks Malaysia, pembelajaran sepanjang hayat ditakrifkan sebagai proses pendemokrasian pendidikan menerusi penguasaan ilmu, kemahiran, dan keterampilan menerusi kaedah formal atau tidak formal berdasarkan pengalaman di tempat kerja atau semasa latihan. Tumpuan sasaran ialah individu berumur 15 tahun dan ke atas, khususnya mereka yang tidak mengikuti pendidikan konvensional dan pendidikan sepenuh masa. PSH boleh diakses terutamanya menerusi pembelajaran jarak jauh, e-pembelajaran, pembelajaran di tempat kerja dan pembelajaran separuh masa. Bab ini menggariskan objektif, strategi dan inisiatif utama Kementerian Pendidikan (Kementerian) untuk membangunkan bakat rakyat Malaysia dan langkah ke arah masyarakat berpengetahuan dan ekonomi berasaskan inovasi.

# Kepentingan

*Pembelanjaan sepanjang hayat adalah penting untuk membangunkan masyarakat berilmu yang inklusif.*

PSH penting kepada pembangunan negara. Kemajuan ekonomi Malaysia amat bergantung kepada penghasilan warga kerja berkemahiran tinggi. Dalam era dunia global yang sentiasa berubah, kemahiran perlu sentiasa dipertingkatkan. Inisiatif PSH merupakan satu cara memastikan semua pekerja berpeluang mengikuti pendidikan untuk kemajuan diri.

## Program Transformasi Ekonomi Kerajaan

PSH semakin penting dalam transformasi Malaysia menjadi negara maju. Program Transformasi Ekonomi Malaysia (ETP) memerlukan bakat berpendidikan tinggi, dengan anggaran keperluan sebanyak 3.3 juta pekerjaan baharu menjelang 2020, dengan 1.3 juta pekerjaan berada dalam kategori kerja berkemahiran sederhana dan tinggi. Oleh itu peluang pendidikan tidak formal perlu terus dikembangkan selaras dengan keperluan kelayakan dan kemahiran untuk memenuhi permintaan semasa dan masa depan.

## Peningkatan kemahiran baharu

Perubahan dalam pasaran kerja global memerlukan pembelajaran dan pembangunan berterusan. Individu dijangka bertukar kerja, kira-kira 10 kali sepanjang kerjaya mereka<sup>1</sup>. Selain itu, 65% pelajar sekolah rendah

ketika ini dijangka bekerja dalam bidang pekerjaan yang belum lagi wujud<sup>2</sup>. Justeru, Malaysia perlu mengukuhkan pasaran buruh dengan meningkatkan kemahiran golongan pekerja pada semua peringkat. PSH mengoptimumkan potensi individu termasuk mereka yang masih belum bekerja atau yang tercicir daripada sistem pendidikan, menerusi peluang peningkatan kemahiran.

## Akses pembelajaran sepanjang hayat

PSH merupakan tonggak ketiga agenda modal insan negara, bersama-sama dengan sistem persekolahan rendah dan menengah, dan pendidikan tertiari. PSH menyediakan peluang lebih luas untuk meningkatkan kemahiran asas serta menawarkan peluang pembelajaran pada tahap lebih tinggi. PSH juga memanfaatkan warga, membantu menghasilkan bakat yang holistik. Malaysia perlu menggunakan masyarakat berilmu yang inklusif, yang memberikan peluang kepada individu untuk terlibat dalam proses perubahan sosial ekonomi negara.


<sup>1</sup> Meister, J. (n.d.). *Job Hopping Is the 'New Normal' for Millennials: Three Ways to Prevent a Human Resource Nightmare*. Diperoleh dari <http://www.forbes.com/sites/jeannemeister/2012/08/14/job-hopping-is-the-new-normal-for-millennials-three-ways-to-prevent-a-human-resource-nightmare/>

<sup>2</sup> United States Department of Labor. (1999). *Futurework: Trends and challenges for work in the 21st century*. Diperoleh dari [www.dol.gov/dol/asp/public/futurework](http://www.dol.gov/dol/asp/public/futurework)

# Kedudukan Malaysia

PAPARAN 3-1


## Enrolmen dalam program PSH yang ditawarkan oleh IPT awam 2009-2013 dalam ribu ('000)



SUMBER: Bahagian Perancangan, Penyelidikan dan Penyelaras Dasar, Sektor Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan, Malaysia 2014

PAPARAN 3-2

## Komposisi peserta program PSH di IPT awam dan institusi ODL 2013



SUMBER: Bahagian Perancangan, Penyelidikan dan Penyelaras Dasar, Sektor Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan, Malaysia 2014

Kementerian telah melancarkan inisiatif PSH, terutamanya menerusi *Enculturation of Lifelong Learning for Malaysia, 2011-2020 (LLL Enculturation Blueprint)*. Dalam pelan pembangunan ini, PSH Malaysia dikelaskan kepada tiga kategori – formal, tidak formal dan bukan formal (lihat kotak 3-1).

## Penawaran PSH

Di Malaysia terdapat banyak institusi yang menawarkan PSH dengan tumpuan berbeza. Kolej komuniti misalnya, menyediakan program pada peringkat sijil sepenuh masa Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Kolej komuniti juga menyediakan program PSH berbentuk kursus pendek untuk semua peringkat umur, selain program pembelajaran berasaskan kerja (*work-based learning*) pada peringkat diploma untuk golongan pekerja. Politeknik pula menawarkan pembelajaran berasaskan kerja, sehingga peringkat diploma lanjutan. Institusi Pendidikan Jarak Jauh Terbuka<sup>3</sup> (ODL) serta IPT awam dan swasta pula menawarkan PSH program ijazah.

## Permintaan PSH

Dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, enrolmen PSH telah menunjukkan peningkatan trend. Sambutan terhadap PSH amat menggalakkan, melebihi 10% daripada sasaran kadar pertumbuhan tahunan. Pada 2013, enrolmen PSH adalah 45% daripada keseluruhan pengambilan sepenuh masa IPT awam. Rujuk Paparan 3-1.

Taburan pelajar PSH pada 2013 ditunjukkan dalam Paparan 3-2. Kolej komuniti merekodkan bilangan pelajar paling tinggi. Dalam tempoh 2002 hingga 2013, kolej komuniti telah merekodkan penyertaan 1.3 juta pelajar PSH, daripada 1,800 orang pada 2002 kepada 277,080 orang pada 2013.

<sup>3</sup> Pendidikan Jarak Jauh Terbuka (ODL) merujuk kepada penyediaan peluang pendidikan yang fleksibel dari segi akses dan pelbagai kaedah pemerolehan pengetahuan.

Universiti awam mencatat penyertaan PSH kedua tertinggi dengan 131,000 (27%) enrolmen pelajar, menerusi program sijil kemahiran profesional lanjutan, eksekutif, separuh masa, dan pembelajaran jarak jauh. Enrolmen PSH yang ditawarkan oleh institusi ODL<sup>4</sup> pula ialah 14% (65,300) pada 2013.

### Inisiatif PSH dan cabaran masa depan

Pelan Induk Pembudayaan PSH menggariskan tiga strategi yang disasarkan untuk menambah baik mekanisme dan prasarana, meningkatkan kesedaran dan penyertaan orang awam, memastikan kesinambungan dan penghayatan, serta menyediakan sokongan kewangan. Justeru, isu dan cabaran berikut perlu ditangani:

- **Kurang penyelarasan dalam kalangan pihak berkepentingan.** Pada masa ini terdapat beberapa kementerian,

agensi kerajaan, NGO, IPT dan syarikat persendirian yang menawarkan aktiviti PSH sehingga menyebabkan pertindanan dan duplikasi usaha dan sumber. Kualiti program yang dilaksanakan juga mungkin menunjukkan perbezaan yang ketara.

- **Kurang sokongan terhadap kumpulan berkeperluan khusus.** Untuk menyediakan akses yang lebih luas bagi penyertaan beberapa kumpulan sasaran dalam PSH (seperti kumpulan terpinggir, kurang upaya, masalah pembelajaran, peribumi, warga emas dan sebagainya), maka prasarana dan mekanisme perlu ditingkatkan; dan
- **Kurang pengiktirafan.** Kebanyakan program PSH pada masa ini tidak diiktiraf oleh institusi pendidikan formal, yang membataskan peluang pelajar PSH untuk pendidikan formal.

Kotak 3-1

### Pelbagai bentuk Pembelajaran Sepajang Hayat

**PSH formal** merangkumi pembelajaran yang dilakukan dalam organisasi pembelajaran formal yang boleh memberikan kelayakan akademik atau bentuk pembelajaran yang diiktiraf. Objektif pembelajaran dan hasil pembelajaran daripada program ini lazimnya sangat teratur dan berstruktur dengan baik. Antara contohnya ialah sijil dan diploma di kolej komuniti dan politeknik, diploma eksekutif, ijazah sarjana muda dan pascasiswazah yang ditawarkan oleh universiti awam dan swasta.

Sebaliknya, **PSH bukan formal** merupakan pembelajaran yang dilakukan di tempat alternatif yang bukan dalam persekitaran institusi yang formal. Program ini selalunya boleh jadi sistematik dan direka bentuk dengan baik. Walau bagaimanapun, penyertaan dalam PSH bukan formal tidak

semestinya memberikan kelayakan akademik yang khusus. PSH bukan formal pada amnya disediakan bagi pekerja yang sedang dalam perkhidmatan dan dirancang untuk pembangunan dan pengukuhan kemahiran profesional.

**PSH tidak formal** merupakan PSH yang paling kurang terstruktur daripada tiga bentuk ini. Pembelajaran dijalankan dengan objektif untuk menambah baik kualiti kehidupan pelajar. Penyempurnaan PSH tidak formal tidak memberikan kelayakan akademik. Lazimnya PSH ini diikuti kerana minat individu atau inisiatif untuk memajukan dan menambah baik diri sendiri. PSH tidak formal mungkin mencakupi program berasaskan komuniti yang bertujuan menangani jurang kemahiran, keperluan masyarakat atau kebimbangan sosial yang memerlukan perhatian segera.

<sup>4</sup> Pada masa ini, terdapat empat institusi yang menggunakan modul ODL dengan kelulusan Kementerian Pendidikan, iaitu Open University Malaysia (OUM), Wawasan Open University (WOU), Asia e-University (AeU) dan Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF).

# Objektif

Menjelang 2025, Kementerian berhasrat untuk membudayakan PSH dalam kalangan masyarakat supaya ia menjadi sebatи dalam budaya dan gaya hidup rakyat Malaysia. Hasrat ini akan tercapai menerusi pemantapan ekosistem PSH yang berkualiti tinggi, terselaras, harmoni dan diiktiraf, dalam kalangan komuniti pendukung PSH.



# Prinsip

Strategi dan inisiatif dalam Lonjakan ini adalah berlandaskan prinsip berikut:

- **PSH didasarkan pada pendekatan pembelajaran formal, tidak formal dan bukan formal.** Kementerian memberikan tumpuan pada program PSH yang dikendalikan secara formal, di samping mengutamakan keperluan kerjasama dalam kalangan penyedia PSH yang mengendalikan program secara tidak formal dan bukan formal (*informal and non-formal*).

*Kementerian akan memfokuskan usaha menggalakkan dan membudayakan pembelajaran sepanjang hayat sebagai gaya hidup dan mempertingkat kualiti program.*

- **PSH mengupayakan pembangunan kendiri secara berterusan.** Oleh itu, pendekatan yang berpusatkan pelajar dapat mengukuhkan motivasi pelajar ke arah pembangunan pembelajaran kendiri; dan
- **PSH memerlukan ekosistem yang bersepadu dan terselaras** untuk memastikan peluang pembelajaran memenuhi harapan pelajar, komuniti dan industri.



# Strategi dan inisiatif

Kementerian akan terus melaksanakan strategi yang telah digariskan dalam Pelan Induk Pembudayaan PSH:

## **Strategi A: Penjenamaan semula PSH**

Kementerian dan IPT berusaha meningkatkan kesedaran awam mengenai pelbagai program dan kelebihan PSH melalui aktiviti promosi. Kementerian dan IPT juga berusaha meningkatkan jaringan kerjasama dengan agensi berkaitan.

## **Strategi B: Pembudayaan PSH sebagai gaya hidup**

IPT berusaha mempertingkat program inovatif PSH seperti pembelajaran berasaskan kerja (*work-based learning*) dan pendidikan eksekutif untuk memberikan peluang yang lebih

luas kepada masyarakat. Di samping itu, Kementerian akan memastikan dana yang lebih menarik dapat disediakan untuk diakses oleh semua.

## **Strategi C: Meningkatkan kualiti program PSH**

IPT perlu memastikan program dan kursus yang ditawarkan kekal relevan, selaras dengan objektif dan keperluan pelajar serta mematuhi Rangka Kerja Kelayakan Malaysia (MQF). Pematuhan ini membolehkan PSH menyediakan satu laluan alternatif ke arah aliran pendidikan dan kelayakan formal.



## Inisiatif A1

# Meningkatkan aktiviti promosi

Kementerian dan IPT akan meningkatkan kesedaran dan kesediaan PSH melalui kempen promosi dalam pelbagai media, seperti penganjuran jerayawara pembelajaran sepanjang hayat, membangunkan laman sesawang PSH pusat untuk memberikan maklumat tentang aktiviti dan program PSH, menerbitkan "kisah kejayaan" PSH di surat khabar dan laman sesawang, dan menggunakan media sosial untuk menyebarkan berita tentang peluang PSH.

Kementerian akan mempromosikan PSH sebagai rangka kerja pembelajaran berterusan kerana agenda ini sangat penting dalam merangsang keinginan untuk belajar sepanjang hayat dalam kalangan rakyat Malaysia. IPT akan meningkatkan pengambilan pelajar dalam program PSH menerusi penawaran program yang fleksibel, bersesuaian dengan keperluan dan masa pelajar. Pengiktirafan APEL<sup>5</sup> oleh IPT akan turut meningkatkan pengambilan pelajar PSH. Misalnya, pelajar dengan kelayakan diploma, mempunyai pengalaman bekerja beberapa tahun dan menamatkan pelbagai kursus pendek, boleh diterima terus dalam program Sarjana dalam disiplin yang sama melalui APEL.

## Inisiatif A2

# Mengukuhkan prasarana untuk menggalakkan PSH

Kementerian akan menggalakkan IPT untuk membangunkan kemudahan (misalnya aplikasi telefon pintar PSH) agar orang ramai dapat mengakses maklumat dan bahan PSH dengan mudah di samping mengaplikasikan sumber dan kemudahan sedia ada. IPT akan meningkatkan kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan, institusi latihan negeri atau organisasi untuk mengukuhkan prasarana bagi mempromosikan program PSH. Kementerian akan menggalakkan penyedia PSH untuk membentuk organisasi kebangsaan sebagai platform untuk rangkaian dan perkongsian amalan terbaik.

## Inisiatif B1

# Membangunkan dan mengukuhkan program inovatif

Penawaran program PSH adalah lebih mencabar disebabkan keperluan dan kekangan individu yang berbeza. Tahap penyediaan dan kelayakan juga sangat meluas dan berlainan. IPT akan membangunkan dan mengukuhkan program inovatif seperti program *MyCC Loyalty*<sup>6</sup> dan program *1Family Multiple Skills*<sup>7</sup>. Pembelajaran berdasarkan modul dan berdasarkan kerja sebagaimana dilaksanakan di kolej komuniti dan politeknik juga merupakan contoh program inovatif yang baik, dan boleh diperkuuh selanjutnya untuk meningkatkan peluang bagi PSH.

## Inisiatif B2

# Memperluas peruntukan berdasarkan hasil

IPT akan cuba mewujudkan pelbagai model untuk pembiayaan program PSH dengan pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan, institusi latihan negeri atau organisasi untuk penawaran program PSH yang lebih mampan.

Kementerian akan terus menyediakan bantuan kewangan kepada kumpulan yang kurang bernasib baik untuk terlibat dalam program PSH. Kementerian akan meneruskan skim insentif pengurangan cukai untuk syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat swasta yang terlibat dalam IPT yang menawarkan program PSH (misalnya menerusi pengecualian, rebat cukai, dan duti import), serta akan bekerjasama dengan institusi kewangan untuk menghasilkan mekanisme pembiayaan dan program bantuan kewangan untuk semua kumpulan.



<sup>5</sup> APEL ditakrifkan sebagai proses sistematik yang melibatkan pengenalpastian, dokumentasi dan penilaian pembelajaran berdasarkan pengalaman lalu (2015). Diperoleh dari <http://www.mqa.gov.my/apel/en/index.html>

<sup>6</sup> Program *MyCC Loyalty* diurus oleh kolej komuniti dan ia merekodkan penyertaan dalam program PSH menerusi had keahlian. Kad ini membolehkan peserta menikmati kelebihan yang ditawarkan kolej komuniti sebagai pengiktirafan terhadap komitmen dan penglibatan setia peserta.

<sup>7</sup> Program *1Family Multiple Skills* diurus oleh kolej komuniti dan ia menawarkan pelbagai kursus yang sama bagi ahli keluarga untuk menggalakkan interaksi yang bermakna dan memperkuuh nilai kekeluargaan.

## Inisiatif C1

# Penajaran PSH dengan keperluan akreditasi

Motivasi untuk melibatkan diri dalam PSH akan dipertingkatkan lagi sekiranya pengetahuan dan kemahiran baharu pelajar diiktiraf sewajarnya. IPT akan memastikan penambahbaikan kualiti yang berterusan bagi program PSH dengan meningkatkan dan mengemas kini kurikulum atau modul PSH yang akan membawa kepada akreditasi dan pengiktirafan program. Pengiktirafan atau akreditasi akan meningkatkan peluang kemajuan kerjaya pelajar.

IPT akan digalakkan untuk menjalankan program yang sudah dijajarkan dengan rangka kerja kelayakan kemahiran seperti inisiatif *Recognised Prior Experience* (RPE) oleh MMAM<sup>8</sup>. RPE membolehkan calon mempamerkan pengetahuan dan kemahiran mereka menerusi satu siri penaksiran yang memerlukan mereka menunjukkan kompetensi berkaitan. RPE dilaksanakan untuk membolehkan pekerja mendapat pengiktirafan atas kemahiran dan kompetensi berkaitan mengikut tahap yang ditentukan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

## Inisiatif C2

# Menghasilkan rangka kerja jelas untuk mengiktiraf pembelajaran terdahulu

Pembelajaran berasaskan pengalaman lalu, kelayakan formal dan informal, pengalaman amali di tempat kerja, dan penglibatan sukarela dalam perkhidmatan, akan diberikan kredit dalam menentukan kelayakan untuk kemasukan ke dalam program pendidikan tertentu. Bagi mencapai inisiatif ini, Kementerian dan IPT akan mengambil langkah yang berikut:

- **Menetapkan kriteria untuk mengiktiraf pengalaman terdahulu** dan kursus untuk pemindahan kredit dalam program akademik tertentu, termasuk program latihan yang dilaksanakan oleh kementerian atau agensi lain sebagai kelayakan kemasukan setara ke dalam program akademik yang ditawarkan oleh IPT;
- **Mewujudkan laluan akademik yang jelas** bagi mereka yang ingin menyertai semula ke dalam sistem pendidikan. Di samping itu, laluan jelas tersebut merangkumi tahap kemasukan semula dan mempertimbangkan kelayakan yang sedia ada serta kaedah untuk mencapai kelayakan seterusnya; dan
- **Mewujudkan sistem kredit kebangsaan** untuk membolehkan pemindahan kredit bagi menggalakkan pembelajaran kendiri sepanjang hayat. Sistem ini mengiktiraf pengalaman pembelajaran yang diperoleh secara formal dan tidak formal, termasuklah kursus yang dijalankan menerusi sistem modul. Pelajar akan dianugerahi sijil akademik selepas mereka mengumpulkan jumlah kredit yang mencukupi.

## Kotak 3-2

### Pelan Induk Pembudayaan Pembelajaran Sepanjang Hayat

Pelan Induk Pembudayaan Pembelajaran Sepanjang Hayat untuk Malaysia (2011-2020) dan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia ke-10 (2011-2015) tentang PSH menggariskan beberapa inisiatif yang akan diteruskan atau dimantapkan di bawah PPPM (PT). Inisiatifnya termasuklah:

- Menilai penubuhan jawatankuasa pembelajaran sepanjang hayat kebangsaan atau badan yang setara dengannya untuk menyelia dan menyelaraskan inisiatif PSH dalam kalangan pelbagai kementerian dan agensi;
- Mewujudkan mekanisme pendanaan PSH negara termasuklah insentif cukai, skim pinjaman dan tabung simpanan;
- Menubuhkan pusat jaminan kualiti dan pengiktirafan pembelajaran sepanjang hayat;
- Membina rangka kerja pembelajaran sepanjang hayat secara dalam talian di Malaysia;
- Membangunkan portal PSH:
  - ePSH;
  - CCSmart; dan
  - Open Courseware Resource (OCR).
- Menjalankan program PSH:
  - Pembelajaran Sepanjang Hayat Fleksibel untuk Semua;
  - Pembelajaran Sepanjang Hayat untuk Semua;
  - Pembelajaran Sepanjang Hayat di Mana-mana Jua;
  - Karnival Pembelajaran Sepanjang Hayat Malaysia (My3L);
  - Program Latihan 1Malaysia (PL1M);
  - Tindakan Strategik untuk Belia 1Malaysia (SAY 1M); dan
  - Penswastaan Sektor Masa (TSP).

<sup>8</sup> MIGHT-METEOR Advanced Manufacturing Sdn. Bhd. (MMAM) ialah pusat pembangunan modal insan yang diiktiraf, yang diwujudkan dalam organisasi MIGHT dibawah bidang kuasa Pejabat Penasihat Sains, Jabatan Perdana Menteri, dan METEOR merupakan konsortium yang terdiri daripada 11 universiti awam di Malaysia. MMAM telah memulakan inisiatif yang dipanggil RIM, iaitu program yang menggabungkan tiga pendekatan dalam latihan dan pendidikan, iaitu *Recognized Prior Experience* (RPE), Pendidikan Bersepadu Berasaskan Modal dan Pembelajaran Dalam Talian Besar-besaran. MMAM menyelaraskan keperluan kemahiran industri dengan penyedia latihan.

# Pelan tindakan pelaksanaan inisiatif

Strategi dan inisiatif dalam Lonjakan ini telah disusun dengan teliti merentas tiga fasa untuk mengelak daripada terlalu membebankan sistem, dan memastikan setiap fasa yang berturutan meneruskan asas yang dibina sebelumnya. Perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap proses pelaksanaan akan dijalankan mengikut hala tuju yang dicadangkan dalam Paparan 3-3 yang berikut.

## PAPARAN 3-3

	Fasa 1 (2015)	Fasa 2 (2016-2020)	Fasa 3 (2021-2025)
<b>A</b> <b>Strategi A</b> Mempromosikan PSH	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Memperkenalkan pelan bimbingan kerjaya untuk peluang PSH;</li> <li>▪ Mewujudkan dan mengekalkan program kesedaran PSH melalui kempen dan jerayawara yang lebih giat; dan</li> <li>▪ Mengukuhkan prasarana untuk pemasaran dan promosi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mempergiat kerjasama dengan kementerian dan agensi lain untuk mempromosikan PSH; dan</li> <li>▪ Mempelopori pembentukan penyelaras atau rangkaian negara untuk penyedia PSH sebagai platform perkongsian amalan terbaik.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Meneruskan sokongan pertumbuhan komuniti pembelajaran; dan</li> <li>▪ Terus mempromosi program kesedaran PSH dan manfaat dari program.</li> </ul>
<b>B</b> <b>Strategi B</b> Membudayakan PSH	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Membangunkan dan memantapkan program inovatif bagi mendapatkan lebih banyak penyertaan;</li> <li>▪ Menerapkan APEL untuk kursus jangka pendek dan kursus formal TVET; dan</li> <li>▪ Mempelopori model peruntukan berasaskan keberhasilan program PSH.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Memperkenalkan program baharu dan inovatif yang relevan untuk industri dan komuniti; dan</li> <li>▪ Mengukuhkan mekanisme pendanaan menerusi pelbagai sumber oleh Kementerian atau agensi lain dan sektor swasta dan memberi insentif kepada sumbangan daripada GLC dan syarikat swasta.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Terus memastikan penajaran berlaku di antara program PSH ditawarkan dengan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang diperlukan rakyat Malaysia untuk berkembang maju di abad 21.</li> </ul>
<b>C</b> <b>Strategi C</b> Menambah baik kualiti	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menyediakan program PSH yang mempunyai permintaan tinggi di kalangan komuniti dan industri; dan</li> <li>▪ Perumusan kredit yang standard bagi program PSH untuk membolehkan artikulasi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Merangka rangka kerja dasar negara untuk program PSH dalam KPM;</li> <li>▪ Membentuk laluan jelas untuk penjurusan kemahiran dan teknikal untuk mobiliti yang lebih besar bagi pelajar, khasnya dalam bidang TVET; dan</li> <li>▪ Mempergiat pelbagai cara penawaran PSH.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mengguna pakai sistem bank kredit pusat untuk program PSH; dan</li> <li>▪ Memperoleh pengiktirafan oleh agensi awam dan swasta bagi program PSH untuk tujuan penggajian.</li> </ul>

## Kesimpulan

Kementerian akan terus menyokong semua usaha yang menggalakkan dan mengupayakan rakyat Malaysia untuk memperoleh dan meningkatkan pengetahuan, nilai, kemahiran dan pemahaman yang diperlukan sepanjang hayat. Penyediaan pembelajaran sepanjang hayat adalah penting dalam pembangunan negara kerana ia membawa kepada kecekapan, produktiviti dan kualiti hidup yang lebih baik. PSH juga diperlukan untuk pembangunan masyarakat yang berpengetahuan dan inklusif. Bagi mencapai matlamat ini, Kementerian akan bekerjasama dengan IPT untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap program PSH dan mewujudkan rangka kerja yang mengiktiraf pembelajaran terdahulu. IPT juga digalakkan untuk membangunkan lebih banyak program inovatif yang memenuhi keperluan khalayak yang lebih besar.

## Kaedah pemantauan

Kementerian akan memantau perkembangan dan impak Lonjakan ini berdasarkan penilaian berdasarkan hasil. Pemantauan ini tidak terhad kepada senarai berikut dan boleh ditambah baik. Sasaran akan ditetapkan secara tahunan:

- Peningkatan **kadar enrolmen PSH** di IPT awam dan swasta;
- Peningkatan **bilangan calon PSH yang memperoleh kelayakan formal**; dan
- Peningkatan **enrolmen PSH dalam program inovatif** (seperti pendidikan eksekutif, pembelajaran berasaskan kerja, pembelajaran berasaskan modul).

Lonjakan





# Graduan TVET Berkualiti

Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) merupakan laluan penting untuk pendidikan vokasional dan pembangunan kemahiran. TVET juga merupakan platform utama untuk pembelajaran sepanjang hayat. *United Nations Organisation for Education, Science and Culture* (UNESCO) mentakrifkan TVET sebagai “aspek proses pendidikan selain pendidikan umum yang melibatkan pembelajaran dalam bidang teknologi dan sains berkaitan, dan juga latihan kemahiran praktikal, sikap, pemahaman, dan pengetahuan tentang pekerjaan dalam pelbagai sektor ekonomi dan kehidupan sosial”.<sup>1</sup>

Di Malaysia, lebih 50% kandungan program TVET ditumpukan kepada kemahiran vokasional dan teknikal dengan kelayakan pada peringkat sijil, diploma, dan ijazah. Kementerian Pendidikan (Kementerian) merupakan penyedia latihan TVET terbesar dalam kalangan tujuh kementerian<sup>2</sup> dan agensi yang terlibat. Bab ini menggariskan objektif, strategi dan inisiatif utama Kementerian untuk melahirkan graduan TVET berkualiti, dengan kelayakan yang diiktiraf dan keterampilan yang memenuhi permintaan industri.

<sup>1</sup> Terma lain yang merujuk kepada sektor ini termasuk Pendidikan dan Latihan Vokasional (VET), dan Pendidikan Teknikal dan Karier (CTE). Lihat selanjutnya di <http://www.unevoc.unesco.org/>. Unit Perancangan Ekonomi menggunakan istilah TEVT dalam dokumen perancangan RMK-10 dan akan terus menggunakan untuk RMK-11.

<sup>2</sup> Tujuh Kementerian yang tersebut ialah Kementerian Pendidikan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pertanian dan Asas Tani, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Kerja Raya.

# Kepentingan

Berbanding dengan generasi terdahulu, generasi muda ketika ini menghadapi tiga kali ganda kemungkinan untuk tidak mendapat pekerjaan. Pada masa sama, terdapat kekurangan kemahiran yang kritikal di dunia. Bagi menangani isu-isu ini, majikan perlu bekerja rapat dengan penyedia TVET supaya membolehkan pelajar mempelajari kemahiran yang diperlukan untuk berjaya dalam pekerjaan. Kerajaan pula perlu memainkan peranan penting sebagai penyedia latihan, penyelaras, pengawal selia dan pembuat dasar dalam sektor TVET. Tenaga kerja yang produktif diperlukan untuk membina daya tahan ekonomi Malaysia dan menyumbang kepada transformasi ekonomi. Usaha ini akan dapat menangani ketidakpadanan antara keperluan industri dengan kemahiran graduan Malaysia.

## Program Transformasi Ekonomi Kerajaan (ETP)

Dijangkakan terdapat permintaan tambahan sebanyak 1.3 juta pekerja TVET menjelang tahun 2020 dalam 12 sektor yang dikenal pasti sebagai Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) di bawah ETP<sup>3</sup>. Untuk tujuan itu, Kerajaan telah membuat pelaburan besar dalam pembangunan sektor TVET. Misalnya, dalam Rancangan Malaysia Ke-10, Kerajaan menambah peruntukan perbelanjaan pembangunan kepada institusi TVET awam daripada RM1.8 bilion pada 2010 kepada RM2.1 bilion pada 2014<sup>4</sup>.

## Kekurangan bekalan tenaga kerja berkemahiran tinggi dan sederhana


Antara 2001-2011<sup>5</sup>, sebanyak dua juta pekerjaan berkemahiran tinggi dan sederhana diwujudkan. Paparan 4-1 menunjukkan tumpuan Malaysia dalam usaha menambah pekerjaan berkemahiran tinggi dan sederhana berbanding dengan pekerjaan berkemahiran rendah. Walau bagaimanapun, banyak syarikat masih menhadapi kesukaran mendapatkan tenaga kerja berpengalaman yang berkemahiran tinggi. Justeru, kerajaan perlu sentiasa ke hadapan dalam memenuhi permintaan tenaga kerja dengan menawarkan program dalam bidang yang diperlukan.

## TVET pada peringkat global


TVET diiktiraf sebagai salah satu daripada empat keutamaan strategi UNESCO's *Education for All* (EFA) kerana peranannya dalam menambah baik pendidikan dan sosioekonomi<sup>6</sup>. TVET juga merupakan keutamaan di bawah strategi UNESCO's *Education for Sustainable Development* (ESD)<sup>7</sup>.

### PAPARAN 4-1

#### Pecahan pekerjaan mengikut tahap kemahiran



#### Pewujudan bilangan pekerjaan baharu antara 2001 dengan 2011 mengikut tahap kemahiran (dalam ribu)



*“Malaysia memerlukan lebih ramai tenaga kerja mahir”*

Seperti yang dilaporkan oleh the World Bank Group kepada Kementerian Pendidikan pada Oktober 2014

<sup>3</sup> NKEA termasuk 11 sektor industri, iaitu Minyak, Gas dan Tenaga, Minyak Sawit dan Getah, Perkhidmatan Kewangan, Pelancongan, Perkhidmatan Perniagaan, Keluaran Elektrik dan Elektronik, Borong dan Runcit, Pendidikan, Penjagaan Kesihatan, Kandungan Komunikasi dan Prasarana, dan Pertanian serta Bandaraya KL/Lembah Klang. *Economic Transformation Programme, A Roadmap for Malaysia, Chapter 1*.

<sup>4</sup> EPU, *High Level Structure of Governance Model*, 15 Mei 2014.

<sup>5</sup> Kajian yang dijalankan oleh World Bank Group. Data dikemukakan pada Mesyuarat Lembaga Ekonomi, 13 Oktober 2014.

<sup>6</sup> World Education Forum (2000). *The Data Framework for Action*.

<sup>7</sup> UNESCO ialah agensi peneraju UN Decade of Education for Sustainable Development (DESD, 2005-2014). ESD berkaitan dengan bolehkah kita menghadapi cabaran masa kini dan masa depan secara konstruktif dan kreatif serta membentuk masyarakat yang mampan dan berdaya tahan- Lihat selanjutnya di: <http://en.unesco.org/themes/education-sustainable-development#sthash.n510jz9.dpu>

# Kedudukan Malaysia

Kemudahan TVET di Malaysia disediakan oleh pelbagai kementerian dan agensi yang terdiri dari sektor awam dan swasta. Kementerian berperanan memastikan graduan TVET berkualiti dan mempunyai kelayakan selaras dengan rangka kerja kelayakan negara dan antarabangsa, serta memenuhi permintaan industri.

## Pengambilan pelajar TVET

Pada 2013, sebanyak 321,000 pelajar daripada 429,000 lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) diterima mengikuti pelbagai program pendidikan tinggi dan latihan. Lebih 50% daripada mereka memasuki institusi TVET dan kebanyakan mereka bukanlah dari kalangan pelajar yang cemerlang. Hal ini mungkin disebabkan tanggapan bahawa kelayakan TVET menawarkan kerjaya dan kemajuan akademik yang kurang menarik. Kajian global<sup>8</sup> mendapati kelayakan TVET dilihat sebagai kurang bernilai berbanding dengan program akademik, bukan sahaja di Malaysia malahan di peringkat antarabangsa. Oleh itu, terdapat keperluan untuk menambah baik imej TVET supaya dapat menarik pelajar daripada semua tahap pencapaian akademik.

## Pelbagai penyedia TVET

Terdapat lebih 1,000 institusi TVET di Malaysia yang mana 506 terdiri daripada institusi awam. Kapasiti pelajar TVET di institusi awam ketika ini adalah seramai 230,000 orang dan lebih 50% berada di politeknik, kolej komuniti dan kolej vokasional Kementerian. Kapasiti ini tidak termasuk pelajar TVET di kalangan 4 IPT awam dalam Jaringan Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) dan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) lain, yang menyediakan program diploma dan ijazah aliran TVET.

Pada masa ini Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) mengakreditasi program akademik dan vokasional yang ditawarkan oleh universiti, politeknik, dan kolej komuniti. Manakala Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di Kementerian Sumber Manusia mengakreditasi program latihan vokasional yang ditawarkan oleh institusi latihan kemahiran.

Setiap penyedia TVET mempunyai sasaran berbeza, dan memberikan tumpuan pada tahap kelayakan berlainan. Misalnya, kolej komuniti menawarkan kelayakan tahap sijil; sementara politeknik menawarkan diploma dan diploma lanjutan (lihat Paparan 4-2).

PAPARAN 4-2

## Perbezaan peranan empat jenis institusi TVET Kementerian Pendidikan

	Kolej vokasional	Kolej komuniti	Politeknik	Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia
<b>Kumpulan umur sasaran</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ <b>16 tahun</b> (selepas Tingkatan 3)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ <b>18 tahun</b> (selepas Tingkatan 5)</li> <li>▪ <b>Dewasa bekerja</b></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ <b>18 tahun</b> (selepas Tingkatan 5)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ <b>18-20 tahun</b> (selepas Tingkatan 5)</li> </ul>
<b>Keperluan syarat kemasukan untuk pelbagai jenis kelayakan</b>	<p><b>PT3: Gred</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ D dan E, lulus BM untuk SKM2</li> <li>▪ A,B,C,D untuk SVM, Diploma (DVM)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ <b>SPM dengan 1 kredit</b> untuk sijil</li> <li>▪ <b>Sijil</b> untuk Diploma WBL</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ <b>SPM dengan 3-6 kredit</b> untuk Diploma</li> <li>▪ <b>Diploma</b> untuk WBL Diploma Lanjutan, Ijazah Sarjana Muda WBL</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ <b>SPM dengan 5 kredit</b> untuk Diploma</li> <li>▪ <b>Diploma</b> untuk Diploma lanjutan, Ijazah Sarjana Muda</li> </ul>

Nota:

**SVM** = Sijil Vokasional Malaysia, **DVM** = Diploma Vokasional Malaysia, **WBL** = Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Kerja


**PT3** = Peperiksaan Tahap 3, **SPM** = Sijil Pelajaran Malaysia

SUMBER: Makmal TVET PEMANDU-PADU, Julai 2014

<sup>8</sup> Mourshed, M. et al. (2012). *Education to Employment: Designing a System That Works*. McKinsey Center for Government. Diperoleh dari [http://mckinseyonsociety.com/downloads/reports/Education-to-Employment\\_FINAL.pdf](http://mckinseyonsociety.com/downloads/reports/Education-to-Employment_FINAL.pdf)

PAPARAN 4-3

## Laluan pendidikan Malaysia



SOURCE: Makmal TVET PEMANDU-PADU, Julai 2014

DKM = Diploma Kemahiran Malaysia  
DLKM = Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia  
DVM = Diploma Vokasional Malaysia

IPT = Institut Pendidikan Tinggi  
MTUN = Malaysian Technical University Network  
PAV = Pendidikan Asas Vokasional

PT3 = Penilaian Tahap 3  
SKM = Sijil Kemahiran Malaysia  
SPM = Sijil Pelajaran Malaysia

STPM = Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia  
SVM = Sijil Vokasional Malaysia  
TVET = Pendidikan & Latihan Teknikal dan Vokasional  
UPSR = Ujian Penilaian Sekolah Rendah

# Objektif

Matlamat Kementerian adalah untuk menjadi penyedia utama pendidikan tinggi TVET, memupuk bakat berkemahiran untuk memenuhi permintaan industri yang semakin meningkat dan kian berubah, serta menggalakkan pembangunan kerjaya individu. Kementerian juga berhasrat meningkatkan enrolmen pelajar dalam dekad yang akan datang. Ketepatan peningkatan enrolmen dari segi bilangan tempat dan profil pekerjaan akan ditentukan melalui kerjasama rapat dengan industri bagi memastikan penawaran memenuhi permintaan industri.

Pada masa ini, terdapat tiga laluan dalam landskap latihan dan pendidikan Malaysia iaitu: (i) Akademik; (ii) Pendidikan vokasional; dan (iii) Latihan vokasional (lihat Paparan 4-3).

## Relevan dan kualiti kurikulum

Kekurangan data bersepadan dalam keperluan tenaga kerja di industri telah menyukarkan kesepadan bekalan dan permintaan tenaga kerja. Pelbagai penyedia TVET menawarkan program yang sama (misalnya program diploma) dan ini menimbulkan persaingan dan duplikasi yang tidak diingini. Setiap agensi akreditasi (MQA dan JPK) mempunyai syarat akreditasi yang berbeza menyebabkan pembangunan TVET sukar untuk menepati standard kedua-dua agensi. Oleh itu, wujudnya peluang penambahbaikan praktikum dan kandungan kurikulum didorong permintaan dan berfokuskan industri.

## Pengalaman dan kelayakan tenaga pengajar

Pada masa ini, 43% daripada kakitangan kolej vokasional mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) pada Tahap 2 atau lebih rendah, dan hanya 0.4% yang memiliki SKM Tahap 4 atau lebih tinggi. Terdapat keperluan untuk mendapatkan lebih ramai tenaga pengajar yang mempunyai pengalaman industri, atau untuk membawa pengamal industri ke MTUN, politeknik, kolej komuniti dan kolej vokasional.

## Sumber institusi TVET Kementerian

Perkembangan sektor TVET memerlukan model pembiayaan baharu lebih mampan, misalnya, melalui sumbangan sektor swasta berbentuk dana, perkakasan mesin, peralatan dan kepakaran. Tadbir urus dan

penyelarasannya penyedia TVET di Kementerian perlu dipertingkatkan untuk keberkesanan operasi dan kos misalnya, menerusi perkongsian fakulti dan kemudahan.

## Hubungan dan jaringan industri

Setiap institusi telah mewujudkan pusat setempat jaringan industri masing-masing dan ini menimbulkan kekeliruan di pihak industri. Kekeliruan ini telah menghadkan penyertaan industri dan perlu diatasi supaya penyedia TVET boleh memanfaatkan kesediaan industri untuk menerajui reka bentuk kurikulum dan keterlibatan dalam penyampaian program.



# Prinsip

Strategi dan inisiatif dalam Lonjakan ini berpandukan empat prinsip:

- **Menjadikan program TVET didorong industri** untuk menambah baik prospek kebolehpasaran dan memenuhi permintaan industri;
- **Membangunkan model pendanaan lebih mampan** melalui peningkatan kerjasama dengan pihak berkepentingan untuk menyokong penambahan tempat yang dirancang;

- **Mengurangkan kerumitan jaluan TVET** untuk memudahkan pelajar dan industri/majikan membuat pilihan; dan
- **Meningkatkan daya tarikan kerjaya TVET** untuk menarik minat pelajar yang lebih pelbagai.



# Strategi dan inisiatif

Empat strategi dan inisiatif Kementerian selaras dengan strategi global bagi TVET sebagaimana yang dicadangkan oleh UNESCO.

## Strategi A: Kurikulum berlandaskan industri

Penyedia TVET Kementerian akan melibatkan industri dalam menambah baik program sedia ada dan menjadikannya lebih relevan. Penambahbaikan ini melibatkan tenaga pelatih yang berkelayakan dengan pengalaman industri dan pensijilan yang bersesuaian.

## Strategi B: Struktur tadbir urus yang bersepadu dan terselaras

Kementerian akan menambah baik tadbir urus institusi TVET yang berada di bawah bidang kuasanya dengan menubuhkan pasukan petugas penyelarasan pusat untuk meningkatkan keberkesan dan kecekapan. Kementerian juga akan memberikan kuasa

autonomi yang lebih besar kepada politeknik untuk membuat inovasi seperti yang diperlukan.

## Strategi C: Penajaran kelayakan

Penyedia TVET Kementerian akan menjajarkan semua program dengan rangka kerja kelayakan terkini negara untuk memastikan program mendapat akreditasi dan pengiktirafan. Bagi menambah baik kualiti program TVET, penyedia juga akan mendapatkan pengiktirafan antarabangsa daripada badan dan institusi yang berwibawa.

## Strategi D: Penjenamaan semula TVET

Penyedia TVET Kementerian akan meningkatkan tawaran program teknologi tinggi dan nilai tinggi yang dikaitkan dengan gaji tinggi, dan bekerja dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk menjenamakan TVET sebagai laluan kerjaya yang menarik.



*Kurikulum TVET berlandaskan industri adalah penting untuk memastikan kualiti dan kuantiti graduan menepati keperluan industri.*

## Inisiatif A1

# Pembangunan kurikulum berlandaskan industri

Kurikulum berlandaskan industri berupaya meningkatkan kebolehpasaran graduan dan mengurangkan ketidakpadanan kemahiran. Oleh itu, pelbagai langkah perlu diambil untuk mempergiat perkongsian:

- Kementerian akan mewujudkan pusat setempat bagi setiap industri untuk menyelaraskan kerjasama dan mengurangkan usaha dan tawaran program bertindan dalam kalangan penyedia TVET Kementerian;
- Penyedia TVET Kementerian akan menjalin usaha sama dengan agensi<sup>9</sup> seperti CIDB, MMAM, MAI dan MAH, dalam penajaran kurikulum TVET dengan keperluan tenaga kerja khusus;
- Penyedia TVET Kementerian akan menggabungkan kemahiran asas, kemahiran yang dikongsi, dan keterampilan spesifik industri dalam semua kurikulum TVET berlandaskan industri;
- Kementerian akan memendekkan proses kelulusan kurikulum berlandaskan industri kepada dalam lingkungan 3 bulan; dan
- Penyedia TVET Kementerian akan menambah usaha sama menerusi program Unit Kerjasama Awam Swasta (PPP)<sup>10</sup>, terutamanya dengan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan pihak berkuasa pelaksana koridor ekonomi.



## Inisiatif A2

# Meningkatkan kualiti tenaga pengajar dan penyampaian program

Program TVET akan dijalankan oleh tenaga pengajar yang memiliki kemahiran, keterampilan dan pedagogi yang bersesuaian, dan berkebolehan “menyampaikan kemahiran dengan cara betul”. Untuk memastikan kualiti penyampaian program, langkah berikut akan diambil:

- Kementerian akan membangunkan garis panduan peratusan tenaga pengajar TVET yang mempunyai pensijilan kompetensi, latihan secara amali dan pengalaman praktikal;
- Penyedia TVET Kementerian akan menambah tenaga pengajar berkemahiran, mewujudkan program meningkatkan kemahiran dan latihan kemahiran semula bagi tenaga pengajar. Misalnya, mewajibkan tenaga pengajar mengikuti program sangkutan dan bekerjasama rapat dengan industri. Penyedia TVET Kementerian juga digalak melibatkan industri dalam pengajaran dan pembelajaran;
- Penyedia TVET Kementerian akan meningkatkan penyelaras dengan industri untuk menyediakan peluang latihan amali dan perantisan kepada pelajar; dan
- Dengan peluang latihan sambil bekerja yang terhad, Penyedia TVET Kementerian juga akan bekerja sama dengan industri untuk membangunkan kemudahan berskala industri di kampus bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.

## Inisiatif B1

# Memantapkan tadbir urus TVET Kementerian

Kementerian telah menubuahkan pasukan petugas dalaman untuk mengawasi prestasi penyedia TVET. Melalui pasukan petugas ini, penyedia TVET Kementerian akan menjajarkan tawaran program masing-masing dengan landskap permintaan dan bekalan TVET negara. Pasukan petugas ini juga akan memudah cara kerjasama dalam perkongsian sumber, menggalakkan penjanaan pendapatan, dan mengoptimumkan pulangan pelaburan dengan memaksimumkan enrolmen pelajar dan mengekalkan kos bagi setiap pelajar selaras dengan sasaran Kementerian.

<sup>9</sup> Kerjasama antara badan-badan industri meliputi Construction Industry Development Board (CIDB), MIGHT-METEOR Advance Manufacturing (MMAM), Malaysian Automotive Institute (MAI), Malaysian Association of Hotels (MAH)

<sup>10</sup> Kerjasama Awam Swasta (PPP) merupakan satu inisiatif yang diambil oleh kolej komuniti (sebagai entiti awam) dengan entiti swasta seperti universiti atau kolej swasta dan entiti swasta. Contoh PPP yang Berjaya ialah program oleh kolej komuniti dengan Taylor's University dan Langkawi Tourism Academy. Di bawah program sebegini, graduan mendapat kerja dengan serta-merta. Diperoleh dari <http://www.kklk.edu.my/v3/index.php/kursus-tawaran/joint-certificate-with-taylor-s-university>

## Inisiatif B2

# Menjadikan Politeknik Malaysia sebagai badan berkanun

Kementerian akan memberi autonomi kepada politeknik dalam usaha memantapkan politeknik agar menjadi lebih inovatif, dan mengurangkan beban penyeliaan harian Kementerian. Justeru, usaha sedang dijalankan untuk menjadikan Politeknik Malaysia sebagai badan berkanun berbilang kampus. Dengan ini, Kementerian akan berpeluang untuk memberi fokus pada penggubalan dasar sektor, dasar strategik dan kerja pengawalseliaan.

## Inisiatif C1

# Menyeragamkan kelayakan TVET negara

Kementerian akan terus bekerjasama dengan kementerian dan agensi lain untuk menyeragamkan rangka kerja kelayakan dan standard TVET kepada satu sistem akreditasi dan pengiktirafan program TVET. Penyedia TVET Kementerian akan mengemas kini dan menjajarkan program masing-masing dengan rangka kerja kelayakan negara terkini untuk membolehkan akreditasi dan pengiktirafan program.

## Inisiatif C2

# Mendapatkan pengiktirafan dan akreditasi pada peringkat antarabangsa

Pelbagai badan antarabangsa mengakreditasikan program TVET. Pengiktirafan atau akreditasi oleh badan antarabangsa akan menambah baik jenama penyedia TVET tempatan, memudahkan artikulasi kelayakan dan memberi pengiktirafan global untuk tujuan penggajian, serta membolehkan mobiliti pelajar. Dengan itu, penyedia TVET Kementerian perlu mendapat pengiktirafan atau akreditasi antarabangsa daripada badan dan institusi yang berwibawa seperti:

- Asia Pacific Accreditation and Certification Commission (APACC);
- Business and Technology Education Council (BTEC);
- City and Guilds;
- Sydney Accord and Dublin Accord Signatories; dan
- Entiti pensijilan industri antarabangsa lain.

## Inisiatif D1

# Membentuk program teknologi tinggi dan bernilai tinggi

Penyedia TVET Kementerian akan mengenal pasti program teknologi dan kemahiran tinggi yang kurang ditawarkan, tetapi mempunyai permintaan tinggi. Program "teknologi tinggi dan bernilai tinggi" lazimnya dikaitkan dengan gaji yang tinggi, yang lantas menjadikannya lebih menarik kepada pelajar. Dengan mempunyai portfolio lebih besar bagi program sedemikian, jenama TVET Kementerian semasa akan diperkuuh.

## Inisiatif D2

# Penjenamaan semula TVET

Kementerian akan menjenamakan semula tawaran TVET dengan membangunkan pangkalan data dan memaparkan kejayaan TVET untuk menjadikan TVET pilihan pelajar dan ibu bapa. Selain itu, usaha promosi akan melibatkan bimbingan kerjaya yang sesuai, dan penerangan jelas mengenai laluan TVET dan peluang kerjaya.



## Kotak 4-1

### Bentuk program TVET yang berkesan.

Walau apa pun industri, geografi atau tahap pembangunan, semua program TVET yang berkesan mempunyai ciri-ciri utama yang penting kepada kejayaan untuk meningkatkan pencapaian pelajar, iaitu penyedia pendidikan dan majikan bekerjasama erat antara satu sama lain, memikul peranan yang dahulunya dilihat sebagai tanggungjawab pihak yang satu lagi. Dalam kebanyakan program inovatif, kerjasama ini tidak terhad pada reka bentuk dan penyampaian kurikulum, tetapi meliputi keseluruhan rantaian pendidikan hingga pekerjaan, daripada pengambilan pelajar hingga tahap tamat pendidikan dan penempatan pekerjaan.

Sehubungan itu, *Apprenticeship 2000*<sup>1</sup> yang merupakan suatu konsortium lapan syarikat dan satu kolej komuniti di Carolina Utara, AS bekerjasama rapat untuk melahirkan juruteknik mekatronik<sup>2</sup>. Lapan syarikat ini, yang tidak bersaing sesama sendiri, bersetuju dengan satu kurikulum sepunya, mengambil pekerja sebagai satu kumpulan dan tidak memancing pekerja syarikat lain. Perantis menghabiskan kira-kira separuh daripada masa mereka di kolej komuniti dan

separuh lagi di kilang pembuatan syarikat tersebut, bekerja di bawah penyeliaan mentor tertentu. Kursus tersebut mengambil masa kira-kira 8,000 jam untuk diselesaikan. Syarikat juga membayar elauan kepada pelajar semasa belajar dan menjamin pekerjaan dengan syarat pelajar lulus dengan baik. Disebabkan kecanggihan kemahiran yang dikehendaki, syarikat percaya bahawa pelaburan tersebut berbaloi. Model *Apprenticeship 2000* juga membuktikan bahawa kerjasama seluruh sektor atau kawasan mengurangkan pertindanan sumber dan membolehkan program latihan diwujudkan mengikut skala. Perkongsian industri yang sebegini sangat berfaedah kepada PKS yang biasanya kekurangan sumber dan keupayaan untuk membiayai program latihan mereka sendiri. Kementerian berhasrat untuk menggalak dan membolehkan model inovasi yang diterajui industri yang seumpamanya, dan berusaha untuk mewujudkan model kerjasama baharu di seluruh rantaian nilai, daripada pengambilan pelajar hingga tahap penempatan pekerjaan.

<sup>1</sup> Mourshed, M. et al. (2012). *Education to Employment: Designing a System That Works*. McKinsey Center for Government. Diperoleh dari [http://mckinseyonsociety.com/downloads/reports/Education/Education-to-Employment\\_FINAL.pdf](http://mckinseyonsociety.com/downloads/reports/Education/Education-to-Employment_FINAL.pdf).

<sup>2</sup> Mekatronik ialah bidang pelbagai disiplin yang menggabungkan pemahaman mekanikal, elektronik, komputer dan sistem, serta kejuruteraan perisian.



## Kotak 4-2

### **Bagaimanakah sistem boleh meningkatkan skala program yang berkesan?**

Terdapat banyak contoh program TVET yang berkesan di serata dunia. Walau bagaimanapun, banyak program yang berjaya masih menghadapi kesukaran untuk meningkatkan skala bagi menampung bilangan pelajar yang ramai. Kegagalan program untuk mencapai skala yang lebih besar lazimnya disebabkan oleh faktor yang sama, iaitu keperluan kos yang tinggi, kesukaran untuk meminta majikan melabur, kekurangan maklumat untuk pelajar dan yang amat penting, kekurangan peluang latihan amali guna tangan<sup>1</sup>.

Salah satu halangan utama kepada penskalaan ialah hakikat bahawa kebanyakan negara mempunyai landskap TVET yang sangat tidak bersepada, dengan pelbagai agensi kerajaan dan entiti swasta yang terlibat. Tiada satu entiti tunggal mempunyai pandangan keseluruhan dari awal hingga akhir, yang penting untuk perancangan strategi yang berkesan. Satu cara untuk menambah baik keadaan ini adalah dengan mewujudkan “pengintegrasi sistem” yang bertanggungjawab untuk bekerjasama dengan penyedia pendidikan dan majikan untuk mengumpulkan dan berkongsi maklumat tentang parameter ukuran yang penting seperti ramalan pekerjaan mengikut kerjaya, kadar penempatan pekerjaan bagi belia dan kadar kepuasan majikan. Pengintegrasi

sistem juga akan mengenal pasti dan berkongsi contoh program yang berjaya, dan bekerjasama dengan majikan dan pendidik untuk meningkatkan skala. Pengintegrasian tersebut boleh memberi fokus pada sektor, kawasan atau populasi sasaran tertentu.

Satu lagi halangan besar kepada penskalaan ialah kesukaran dan kos untuk menyediakan peluang amali yang mencukupi kepada pelajar. Dahulunya, perantisan dan tempat kerja yang disimulasikan telah memenuhi fungsi ini. Namun lazimnya ruang yang ada tidak mencukupi untuk menampung permintaan. Di sini, penyelesaian teknologi seperti simulasi boleh membantu dengan menggunakan teknologi komputer dan permainan video untuk simulasi persekitaran dunia sebenar yang kompleks. Simulasi ini mewujudkan peluang untuk interaktiviti, misalnya menerusi permainan berbilang pengguna dan penyesuaian mengikut keperluan peribadi, memandangkan permainan tersebut bergerak balas terhadap tindakan oleh pengguna, malah turut belajar daripada mereka, menjadikan pusingan seterusnya semakin sukar. Permainan ini dapat menjangkau bilangan pelajar yang ramai pada kos yang rendah secara perbandingan.

<sup>1</sup> Mourshed, M. et al. (2012). *Education to Employment: Designing a System That Works*. McKinsey Center for Government. Diperoleh dari [http://mckinseyonsociety.com/downloads/reports/Education/Education-to-Employment\\_FINAL.pdf](http://mckinseyonsociety.com/downloads/reports/Education/Education-to-Employment_FINAL.pdf).



*Semua program TVET berkesan mempunyai ciri utama yang sama dalam menyumbang kepada kejayaan peningkatan keberhasilan pelajar: penyedia pendidikan dan majikan bekerjasama secara intensif dengan memainkan peranan yang secara tradisinya dilihat sebagai tanggungjawab pihak yang satu lagi.*

# Pelan tindakan pelaksanaan inisiatif

Strategi dan inisiatif dalam Lonjakan ini telah disusun dengan teliti merentas tiga fasa untuk mengelak daripada terlalu membebankan sistem, dan memastikan setiap fasa yang berturutan meneruskan asas yang dibina sebelumnya. Perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap proses pelaksanaan akan dijalankan mengikut hala tuju yang dicadangkan dalam Paparan 4-4 yang berikut.

## PAPARAN 4-4

	<b>Fasa 1 (2015)</b>	<b>Fasa 2 (2016-2020)</b>	<b>Fasa 3 (2021-2025)</b>
<b>Strategi A</b> A Memantapkan kurikulum dipacu industri	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Memantapkan perkongsian dengan industri menerusi GLC dan pihak perbadanan yang membangunkan koridor ekonomi;</li> <li>▪ Membangunkan kurikulum berlandaskan industri dan bank program TVET; dan</li> <li>▪ Memasukkan elemen pengiktirafan industri dalam kurikulum TVET.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Meningkatkan latihan industri dan latihan amali pelajar;</li> <li>▪ Menubuhkan kemudahan latihan industri;</li> <li>▪ Memperkenalkan insentif bagi memantapkan hubungan industri-akademia;</li> <li>▪ Memperkuuh pengambilan pengalaman berpengalaman untuk kakitangan tambahan; dan</li> <li>▪ Meningkatkan hubungan komuniti-industri-akademia dan hubungan antarabangsa.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Meningkatkan bilangan program melalui PPP;</li> <li>▪ Meningkatkan bilangan program TVET yang telah diterima oleh industri; dan</li> <li>▪ Meningkatkan program yang ditawarkan menerusi Pembelajaran berasaskan Pengalaman (WBL) di kolej komuniti, kolej politeknik dan MTUN.</li> </ul>
<b>Strategi B</b> B Menghasilkan struktur tadbir urus bersepadu dan terselaras	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mengukuhkan peranan pasukan kerja TVET Kementerian; dan</li> <li>▪ Membangunkan pelan menyeluruh bagi memantapkan status berkanun Politeknik Malaysia dan mengukuhkan hubungan dengan rakan industri dan prasarana IT.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menerima pakai pendekatan berdasarkan keberhasilan bagi mengoptimumkan perurusan TVET;</li> <li>▪ Memohon status berkanun untuk sekurang-kurangnya tiga politeknik; dan</li> <li>▪ Meningkatkan peratusan pensyarah dan pelatih politeknik yang mempunyai pengalaman dan persijilan profesional.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mendapatkan status berkanun untuk semua politeknik;</li> <li>▪ Tanda aras penyedia TVET Kementerian dengan organisasi serantau dan antarabangsa; dan</li> <li>▪ Menambah baik keberkesanannya kos dan peratus pendapatan yang dijana oleh institusi TVET Kementerian.</li> </ul>
<b>Strategi C</b> C Menajarkan kelayakan	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Bekerjasama dengan kementerian dan agensi lain berdasarkan satu Kerangka kelayakan negara untuk TVET; dan</li> <li>▪ Membangunkan pelan menyeluruh untuk pengiktirafan antarabangsa.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menajarkan program TVET dengan kerangka kelayakan negara terkini; dan</li> <li>▪ Memantapkan laluan pembelajaran fleksibel dan berkesan di semua penyedia TVET Kementerian untuk mengoptimumkan potensi bakat, memperoleh pengiktirafan dan memudahkan artikulasi antara pelbagai laluan dan kelayakan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mendapatkan pengiktirafan daripada badan dan institusi antarabangsa yang relevan; dan</li> <li>▪ Menerapkan sistem artikulasi yang lancar dan selesa untuk TVET.</li> </ul>
<b>Strategi D</b> D Penjenamaan semula TVET	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mengenal pasti dan memperkenalkan program berteknologi dan bernilai tinggi;</li> <li>▪ Menjenamakan TVET sebagai pilihan yang menarik untuk pelajar dan ibubapa; dan</li> <li>▪ Mengukuhkan reputasi dan penjenamaan di peringkat antarabangsa, misalnya mendapatkan pengiktirafan APACC dan Dublin Accord.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Membangunkan pangkalan data yang memaparkan kisah kejayaan graduan TVET;</li> <li>▪ Membangunkan pelan menyeluruh untuk artikulasi antara program atau tahap atau institusi; dan</li> <li>▪ Membangunkan mekanisma dana untuk membayai kerjasama dan pertukaran pelajar/kakitangan antarabangsa.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Membangunkan pusat data menyeluruh negara untuk TVET yang termasuklah data tentang pelajar, kakitangan, kursus, kebolehpasaran graduan, alumni, pelajar antarabangsa dan sebagainya.</li> </ul>

## Kesimpulan

Matlamat Kementerian adalah untuk menjadi penyedia utama pendidikan tinggi TVET, memupuk bakat berkemahiran untuk memenuhi permintaan industri yang semakin meningkat dan kian berubah, serta menggalakkan pembangunan kerjaya individu. Walau bagaimanapun, pada masa ini, Malaysia masih kekurangan graduan TVET berkualiti untuk membantu memacu inovasi dan membangunkan ekonomi berasaskan pengetahuan ketika Malaysia beralih daripada negara berpendapatan sederhana kepada negara berpendapatan tinggi.

Oleh itu, Kementerian mencadangkan penajaran dan integrasi lebih baik dalam kalangan pihak berkepentingan - penyedia pendidikan, agensi kelayakan, industri dan majikan. Khususnya, strategi ini menekankan lonjakan pembangunan dan penyampaian program TVET, daripada berlandaskan Kerajaan kepada berlandaskan industri.

## Kaedah pemantauan

Kementerian akan memantau perkembangan dan impak Lonjakan ini berdasarkan penilaian berdasarkan hasil. Pemantauan ini tidak terhad kepada senarai berikut dan boleh ditambah baik. Sasaran akan ditetapkan secara tahunan:

- Pertambahan bilangan **pelajar lepasan SPM** mengikuti program TVET;
- Peningkatan bilangan program TVET yang **diiktiraf** atau **diberi akreditasi pada peringkat antarabangsa**;
- **Kos setiap pelajar**; dan
- **Kadar tamat pendidikan** (seperti peratusan pelajar yang menamatkan program TVET).

Lonjakan





# Kemampanan Kewangan

Malaysia memerlukan sistem pemberian jangka panjang yang boleh menampung dan menambah baik keupayaan negara untuk menyediakan pendidikan tinggi berkualiti yang boleh diakses secara saksama dan memenuhi standard antarabangsa. Kementerian Pendidikan (Kementerian) bertanggungjawab membangun dan mengawasi pematuhan kepada rangka kerja dasar pendidikan tinggi, serta membiayai pembinaan dan pengendalian institusi pendidikan tinggi (IPT) awam yang merangkumi universiti, politeknik dan kolej komuniti. Kementerian juga menyediakan biasiswa dan pinjaman kepada pelajar di IPT awam dan swasta. Selain pendanaan Kerajaan, sektor swasta juga memainkan peranan yang amat penting dengan menubuhkan IPT swasta, memberikan sumbangan kepada IPT awam dan menyediakan biasiswa kepada pelajar. Bab ini tertumpu kepada transformasi yang diperlukan untuk menjamin kemampanan kewangan bagi sistem pendidikan tinggi Malaysia, meliputi institusi awam dan swasta. Ia juga membincangkan langkah Kementerian untuk mengurangkan pendanaan menyeluruh kepada IPT awam yang pada masa kini tidak dikaitkan dengan prestasi. IPT awam juga diberi ruang untuk mencari sumber baharu bagi membantu menampung program dan perkhidmatan yang diberikan kepada pelajar, tanpa mengurangkan akses atau menjaskas kualiti pendidikan yang diberikan.

# Kepentingan

Kemampunan kewangan sistem pendidikan tinggi perlu ditangani pada tiga peringkat:

- **Peringkat sistem:** Memastikan akses yang berterusan kepada pendidikan tinggi yang termampu dan berkualiti selaras dengan standard antarabangsa;
- **Peringkat institusi:** Memastikan IPT mempunyai pelbagai sumber pendanaan bagi membangunkan dan mencapai matlamat akademik dan strategik jangka panjang; dan
- **Peringkat pelajar:** Memastikan tidak ada pelajar berkelayakan dinafikan akses kepada pendidikan tinggi disebabkan oleh faktor kewangan.

## Tumpuan kepada kualiti

Pendidikan tinggi berkualiti amat diperlukan bagi menghadapi dunia yang semakin mencabar dari segi kesihatan, ekonomi, alam sekitar dan keselamatan. Justeru, standard yang semakin tinggi amat diperlukan sejahtera dengan perkembangan ilmu pengetahuan serta kemunculan bidang dan teknologi baharu. Pada masa yang sama, banyak negara menghadapi peningkatan kekangan kewangan disebabkan oleh peningkatan pengambilan pelajar di peringkat pendidikan tinggi. Cabaran ini mendorong mereka untuk memfokuskan pada produktiviti dan peningkatan kualiti bagi memastikan pulangan yang setimpal daripada pelaburan dalam pendidikan tinggi.

## Peningkatan kos penyampaian pendidikan tinggi di seluruh dunia

Kos pendidikan tinggi semakin meningkat selari dengan peningkatan standard, keperluan antarabangsa, dan penambahbaikan prasarana. Sehubungan itu, kos bagi setiap pelajar IPT telah meningkat 14%<sup>1</sup> di negara anggota *Organisation for Economic Cooperation & Development* (OECD) dari 2000-2007. Di Malaysia, purata kos pendidikan tinggi bagi setiap pelajar di IPT awam meningkat 7% setahun dari 2004-2013. Kekangan perbelanjaan awam berikutan krisis ekonomi baru-baru ini telah mencetuskan persoalan di banyak negara tentang keperluan sektor swasta meningkatkan sumbangan lebih besar kepada pendidikan tinggi.

## Pendidikan tinggi untuk setiap rakyat Malaysia yang layak

Pendidikan tinggi banyak mempengaruhi pembangunan Malaysia dengan melahirkan warga kerja yang berupaya memacu pertumbuhan ekonomi negara. Pendidikan yang dibiayai oleh Kerajaan telah menjadi kaedah paling berkesan untuk meningkatkan mobiliti sosial dan memberikan manfaat yang besar kepada warga, keluarga, masyarakat dan negara secara keseluruhan. Di samping itu, terdapat peningkatan permintaan terhadap pendidikan tinggi susulan beberapa program ekonomi negara, seperti Program Transformasi Ekonomi (ETP), yang mampu mewujudkan 3.3 juta pekerjaan baharu, kebanyakannya jawatan peringkat kemahiran sederhana dan tinggi, menjelang 2020. Oleh itu, akses kepada pendidikan tinggi dan juga kemampunan kewangan menjadi keutamaan Kerajaan.

## Terlalu bergantung pada pendanaan Kerajaan

Di Malaysia, IPT awam dan swasta (termasuk universiti swasta, kolej universiti dan kolej) amat bergantung kepada Kerajaan untuk geran langsung, peruntukan dan pinjaman pelajar, terutamanya daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Geran Kerajaan sehingga kini telah membiayai lebih 90% daripada perbelanjaan IPT awam. IPT swasta pula dibiayai terutamanya menerusi yuran pelajar, namun 48% daripada pelajarnya mendapat pinjaman PTPTN. Di negara anggota OECD, perbelanjaan pendidikan tinggi yang tidak dibiayai sumber Kerajaan bertambah sebanyak 7% antara 2003-2013. Sumber dana bukan kerajaan ini diperoleh menerusi penyelidikan ditaja swasta, yuran, sumbangan peribadi, dan aktiviti penjanaan pendapatan lain. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT), memerlukan IPT di Malaysia mencari sumber pendapatan tambahan alternatif untuk menjadi lebih fleksibel, kukuh dan mampan dari segi kewangan, serta membolehkan IPT menjalin kerjasama dengan industri demi manfaat bersama.


<sup>1</sup> OECD. (2014). *Education at a Glance 2014*. Diperoleh dari <http://www.oecd.org/edu/education-at-a-glance-2014.pdf>

# Kedudukan Malaysia

PAPARAN 5-1

## Perbelanjaan<sup>1</sup> awam bagi pendidikan tinggi di Malaysia

Perbelanjaan<sup>1</sup> awam bagi setiap pelajar sepenuh masa di IPT (RM Ribu)



<sup>1</sup> Tidak termasuk perbelanjaan mengurus universiti awam yang ditampung melalui sumber bukan kerajaan, misalnya yuran tuisyen, pendapatan pelaburan, sewa termasuk perbelanjaan mengurus di peringkat Kementerian misalnya, hospital untuk pembelajaran, MQA, Bahagian di bawah Kementerian.

<sup>2</sup> Enrolmen Setara Sepenuh Masa (*Full Time Equivalent, FTE*) bilangan termasuk universiti awam, kolej komuniti, politeknik dan KTAR.

SUMBER: KPM – Bahagian Kewangan Pendidikan Tinggi

Kerajaan amat komited terhadap pendidikan tinggi dan telah memperuntukkan sejumlah besar bajet Negara untuk tujuan tersebut. Selain daripada Kementerian Pendidikan, kementerian lain dan beberapa agensi turut menyumbang dana untuk biasiswa pendidikan tinggi dan institusi. PTPTN juga turut menyediakan pinjaman kepada pelajar yang layak memasuki IPT di Malaysia. Pembiayaan PTPTN mampu meningkatkan enrolmen pelajar, terutamanya di IPT swasta. Dari segi sejarah, perubahan pendanaan telah mendorong pembaharuan dalam sistem pendidikan tinggi. Oleh itu, rangka kerja pendanaan baharu adalah penting untuk terus meningkatkan akses pada pendidikan tinggi, mendapatkan pulangan setimpal bagi perbelanjaan IPT dan memberikan manfaat kepada seluruh sistem.


## Pelaburan tinggi dan berterusan

Kerajaan telah menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap pendidikan tinggi negara kerana dari 2004 hingga 2014, ia telah menambah perbelanjaan pendidikan tinggi sebanyak 13% setahun, daripada RM4.3 bilion kepada RM15.1 bilion setahun. Kenaikan ini disebabkan oleh peningkatan enrolmen sebanyak 6% yang mana juga telah membabitkan peningkatan kos bagi setiap pelajar sebanyak 7% (Paparan 5.1).

Perbelanjaan pendidikan tinggi oleh Kementerian kekal sekitar 5% atau lebih daripada bajet negara setiap tahun (Paparan 5.2). Selain daripada geran langsung Kerajaan, jumlah nilai pinjaman pelajar yang diberikan oleh PTPTN telah meningkat lebih sekali ganda sejak 2001. Dalam 2013 sahaja, RM5.5 bilion pinjaman telah diluluskan di bawah PTPTN. Setakat Oktober 2014, PTPTN telah memberi pinjaman sebanyak RM49.4 bilion kepada lebih 2.1 juta pelajar yang layak, yang mungkin tidak akan dapat meneruskan pendidikan ke peringkat tinggi tanpa bantuan tersebut.

## PAPARAN 5-2

### Perbelanjaan pendidikan tinggi sebagai peratusan belanjawan tahunan negara<sup>1</sup>



<sup>1</sup> Negara-negara berdasarkan kategori berikut: Ekonomi Asian Maju (Hong Kong, Singapura, Korea Selatan, Jepun), negara jiran Asia Tenggara (Indonesia, Thailand, Singapura) dan KDNK yang setanding per kapita (Chile, Mexico)

<sup>2</sup> Data terkini yang tersedia: Singapura (2013), Chile, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Thailand (2012), Malaysia, Mexico, Korea (2011)


SUMBER: UNESCO

## PAPARAN 5-3

### Kos pendidikan tinggi bagi setiap pelajar

Kos tahunan institusi pendidikan tinggi berbanding enrolmen, diubah suai mengikut pariti kuasa beli (PKB), 2011

Setara dengan USD (PKB diubah suai)



SUMBER: OECD 2014 *Education at a Glance* (2011 data). Termasuk kos setiap pelajar mengikut institusi pendidikan tinggi untuk perkhidmatan utama, perkhidmatan sampingan, pembangunan dan penyelidikan

### Kos pendidikan tinggi Malaysia setara dengan kos purata OECD dan negara maju

Kos keseluruhan penyampaian pendidikan tinggi di Malaysia setara dengan negara maju selepas mengambil kira pariti kuasa beli (PKB) (Paparan 5-3). Khususnya, berdasarkan analisis OECD terhadap 50 negara, jumlah perbelanjaan Malaysia bagi setiap pelajar di IPT awam adalah setara dengan kos purata antarabangsa (diselaraskan mengikut pariti kuasa beli-PKB), dan setara dengan kos di United Kingdom dan Jepun, tetapi lebih tinggi berbanding dengan Korea Selatan.

### Kos pendidikan tinggi

Kos penyampaian pendidikan tinggi semasa bagi setiap pelajar di IPT awam adalah sekitar RM20,700 setahun, merangkumi perbelanjaan mengurus, dan pembangunan institusi serta perbelanjaan Kementerian. Purata perbelanjaan mengurus di universiti awam di Malaysia dianggarkan sekitar RM18,000 bagi setiap pelajar.

Walau bagaimanapun, perbelanjaan mengurus bagi setiap pelajar berbeza dalam kalangan universiti awam, bergantung pada saiz universiti, penawaran program, lokasi, produktiviti dan kecekapan pengurusan. Misalnya, sesetengah universiti bukan penyelidikan menanggung perbelanjaan mengurus yang lebih tinggi bagi setiap pelajarnya berbanding universiti penyelidikan.

### Sumber pendanaan IPT terhad

IPT awam dan swasta di Malaysia mempunyai sumber dana yang terhad. IPT swasta bergantung pada yuran pelajar yang kebanyakannya dibayai pinjaman PTPTN. Manakala IPT awam yang telah lama ditubuhkan termasuklah universiti penyelidikan masih bergantung pada geran Kerajaan.

Untuk memperkuuh kemampuan kewangan, sesetengah IPT awam dan swasta di Malaysia, termasuk Universiti Teknologi Petronas, *Sunway University* dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), telah mewujudkan pelbagai bentuk dana endowmen.

# Objektif

Kementerian berhasrat mewujudkan sistem kewangan yang mampan untuk pendidikan tinggi Malaysia yang menjurus kepada keberhasilan dan prestasi, serta melibatkan sumbangan pelbagai pihak dalam sektor awam, swasta dan sosial. Ini melibatkan:

- **Pelaburan Kerajaan diteruskan menerusi peruntukan besar bajet negara** untuk sistem pendidikan tinggi bagi mendapatkan manfaat yang setanding dengan negara lain;
- **Sumber pendanaan yang pelbagai** untuk IPT awam dan swasta bagi membolehkan penambahbaikan berterusan dalam kualiti program, serta penggunaan sumber yang lebih berhemat dan inovatif; dan
- **Memberi sokongan kepada** pelajar yang tidak berkemampuan dari segi sosioekonomi agar semua pelajar yang layak mampu mengikuti pendidikan di peringkat pendidikan tinggi.



# Prinsip

Strategi dan inisiatif dalam Lonjakan ini dipacu oleh prinsip berikut:

- **Memastikan pelajar yang layak mendapat akses ke sistem pendidikan tinggi** – perubahan kaedah pembiayaan pendidikan tinggi akan menyediakan akses kepada semua pelajar yang layak, tanpa mengambil kira latarbelakang sosioekonomi mereka;
- **Pendanaan berdasarkan prestasi dan hasil pencapaian** – kualiti menjadi keutamaan. Kerajaan akan merangka sistem pendanaan IPT awam berteraskan hasil pencapaian dan prestasi;
- **Dari pendanaan mengikut penawaran kepada pendanaan mengikut permintaan** – Kementerian akan menggantikan kaedah penyaluran geran kepada IPT awam daripada hanya geran pukal kepada geran yang turut meliputi prestasi IPT,

dan jumlah pelajar untuk sesuatu program. Dengan langkah ini IPT awam dijangka akan mengorak langkah segera untuk penambahbaikan, terutama terhadap permintaan pelajar;

- **Memberi kuasa kepada institusi supaya lebih fleksibel dan bertanggungjawab** – IPT akan diberi ruang yang lebih fleksibel dari segi penjanaan dana menerusi pelbagai sumber, memanfaatkan aset sedia ada, dan pengagihan dana. IPT juga dikehendaki menyediakan laporan pencapaian dan kewangan yang lebih telus dan menyeluruh; dan
- **Mengutamakan pelajar** – Kementerian dan institusi akan memastikan pelajar mendapat maklumat sebaiknya mengenai pilihan IPT dan program pendidikan. Pilihan pelajar ini akan menentukan pengagihan dana dan pembangunan sistem pendidikan tinggi.

## PAPARAN 5-4

### Kos pendidikan tinggi tahunan bagi IPT awam dan pelajar



### Kaedah pembiayaan pendidikan bagi setiap pelajar

Kaedah pembiayaan pendidikan setiap pelajar di universiti awam dijelaskan dalam Paparan 5-4. Secara purata, kos sebenar institusi untuk setiap pelajar adalah sekitar RM18,000 setahun. Kos ini jauh lebih tinggi berbanding dengan yuran pendidikan yang dikenakan kepada setiap pelajar.

Ketika ini sistem pembiayaan menampung subsidi sebanyak RM16,000 kepada setiap pelajar bagi menampung perbelanjaan mengurus universiti awam. Subsidi ini diberikan menerusi geran pukal kepada institusi dengan jumlah yang tidak banyak berubah dari tahun ke tahun.

Strategi dan inisiatif yang digariskan dalam bab ini akan menjelaskan dimensi utama tentang model pembiayaan pelajar. Ini merangkumi kaedah pengurangan kos sebenar kepada institusi untuk setiap pelajar, perubahan subsidi institusi kepada pendanaan berdasarkan prestasi, peningkatan pendapatan IPT menerusi tahap pelaburan lebih tinggi, serta penambahbaikan sistem pinjaman PTPTN. Pada masa sama, Kerajaan komited untuk memastikan pelajar terus mampu mendapat pendidikan tinggi dengan kadar yuran yang berpatutan.

Manakala pembiayaan pendidikan pelajar IPT swasta pula adalah melalui sumber kewangan sendiri, biasiswa daripada yayasan atau agensi kerajaan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA), dan pinjaman PTPTN. Kini 48% pelajar di IPT swasta menerima pinjaman PTPTN.

# Strategi dan inisiatif

Strategi dan inisiatif tentang sistem pembiayaan pendidikan tinggi yang akan diperkenalkan merupakan satu perubahan yang ketara berbanding kaedah semasa. Bagi menyokong perubahan yang diperlukan dari segi akses dan kualiti, maka sangat penting dipastikan lebih banyak dana dilaburkan dalam pendidikan tinggi. Justeru, strategi dan inisiatif telah dirumus untuk meningkatkan tahap pelaburan, sekali gus menjamin kemampuan kewangan.

**Strategi A: Menambah baik formula pendanaan untuk IPT awam** berdasarkan kepada pencapaian, sumber dan penggunaan dana yang telus. Strategi ini memberi fokus untuk menambah baik kaedah penyaluran peruntukan kepada IPT awam.

**Strategi B: Mengukuhkan sistem pinjaman pelajar** untuk memastikan pendidikan tinggi dapat diakses oleh semua calon yang berkelayakan, tanpa mengambil kira tahap pendapatan. Tumpuan strategi ini adalah untuk mengubah sistem pinjaman pelajar dan mentransformasi PTPTN.

**Strategi C: Mempelbagaikan pendapatan IPT** untuk mengurangkan kebergantungan kepada dana awam, dan menggalakkan IPT menjadi lebih berdaya usahawan (*entrepreneurial*) untuk mencari pelbagai sumber dana. Sehubungan itu, strategi ini juga menjelaskan insentif dan proses baharu serta perubahan perundangan yang diperlukan.


**Strategi D: Mengoptimumkan kos dalam sistem pendidikan tinggi** untuk menambah baik kualiti dan kecekapan. Strategi ini menangani keperluan untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan IPT awam.

Kementerian akan memperkenalkan rangka kerja pembiayaan baharu secara berperingkat untuk memberi masa kepada institusi dan pelajar membuat perubahan yang sewajarnya. Perbezaan jenis sesebuah institusi, misi serta profil populasi pelajar akan diambilkira semasa proses pelaksanaan.

## PAPARAN 5-5

### Bantuan kerajaan dan yuran pelajar untuk institusi awam

**Purata Yuran Pendidikan Institusi Awam (program sarjana muda)**  
Pelajar warganegara sepenuh masa, dalam USD (diubah suai PKB), 2010-11



<sup>1</sup> Angka yang dilaporkan untuk semua pelajar (pelajar sepenuh masa warga dan sepenuh masa bukan warga / pelajar antarabangsa)

<sup>2</sup> Kos pendidikan tinggi lebih rendah di Turki berbanding dengan banyak negara (40% di bawah purata OECD) dan 70% daripada sokongan kewangan datangnya dalam bentuk pinjaman pelajar

SUMBER: UNESCO, OECD Education at a Glance

### Kaedah negara lain membayai pendidikan tinggi

Paparan 5-5 merumuskan kaedah pembiayaan pelajar peringkat pendidikan tinggi di negara lain, berdasarkan kajian oleh OECD. Paparan ini menyenaraikan kos yang ditanggung setiap pelajar berdasarkan purata yuran pendidikan IPT awam (disesuaikan berdasarkan PKB) berbanding dengan bantuan kewangan yang disediakan. Bantuan kewangan untuk yuran pendidikan bagi setiap pelajar adalah dalam bentuk biasiswa, geran atau pinjaman awam seperti PTPTN di Malaysia.

Berdasarkan kadar yuran pendidikan dan tahap bantuan kewangan yang diberikan kepada pelajar, empat model untuk pembiayaan pendidikan tinggi dapat dirumuskan. Malaysia menggunakan model pembiayaan yang sama dengan negara-negara Scandinavia seperti Norway, Finland, Denmark dan Sweden: yuran pendidikan di IPT awam lebih rendah dan kebanyakan pelajar mendapat manfaat daripada bantuan dana awam. Lazimnya, negara yang menggunakan model ini merupakan negara maju yang boleh menyediakan bantuan kewangan menerusi pendapatan per kapita dan kadar cukai yang tinggi, tidak seperti keadaan di Malaysia pada masa ini.

## Inisiatif A1

# Mengubah formula pendanaan untuk IPT awam berdasarkan prestasi dan keberhasilan

Matlamat inisiatif ini adalah untuk memanfaatkan sumber sedia ada dan mempercepatkan penambahbaikan dalam kualiti pelajar dan kecekapan institusi. Kementerian telah pun mengambil langkah penting menerusi inisiatif ini dengan menerapkan Belanjawan-Berasaskan-Keberhasilan (OBB), di peringkat Kementerian.

Ketika ini IPT awam dibiayai Kerajaan menerusi geran pukal berasaskan peruntukan tempat dan program tahunan, tanpa hubungkait yang jelas antara pendanaan dengan prestasi atau permintaan. IPT awam memohon dana setiap tahun berdasarkan anggaran perbelanjaan bagi emolumen, IT, perkhidmatan, enrolmen pelajar, dan perkara lain. Dana yang diluluskan kemudian diagihkan kepada institusi dan perbelanjaannya akan dipantau berbanding dengan peruntukan yang diluluskan.


Sistem ini menghadkan kemajuan beberapa IPT awam yang memang sudah menyerlah, pada masa sama, menjadikan IPT lain semakin tidak kompetitif. Peluang pelajar juga semakin terhad untuk memilih institusi berdasarkan kualiti dan nilai yang setimpal. Walaupun dana berasaskan prestasi telah dilaksanakan tetapi peratus dana tersebut sangat kecil berbanding dengan keseluruhan dana IPT. Hal ini tidak mendorong perubahan yang ketara dari segi tingkahlaku atau amalan dalam sistem pendidikan tinggi.

Menerusi formula pendanaan yang baharu, corak pembiayaan bagi setiap IPT awam akan berubah (Paparan 5-6). Nisbah geran pukal akan berkurangan. Sejumlah besar dana dari kerajaan kepada IPT adalah dalam bentuk dana berasaskan prestasi dan bilangan pelajar. Tahap pelaburan dalam pendidikan tinggi akan meningkat secara keseluruhan kerana lebih banyak dana bakal diperoleh daripada tabung endowmen dan sumber penjanaan pendapatan lain, selain biaya Kerajaan. Bagi langkah seterusnya, Kerajaan akan menggunakan formula pendanaan berasaskan prestasi dan keberhasilan bagi IPT awam melalui:

- **Petunjuk prestasi utama (KPI) yang jelas bagi setiap IPT awam** - Kementerian akan menggunakan rangka kerja jaminan kualiti yang baharu untuk IPT awam, menerusi KPI yang jelas merentasi dimensi utama, seperti pengajaran dan kurikulum, hasil penyelidikan, sumbangan kepada masyarakat dan penambahbaikan organisasi (Paparan 5-7);

PAPARAN 5-6

### Formula pembiayaan universiti awam



- Kebanyakan dana dikaitkan dengan keberhasilan dan prestasi
- **Pendanaan berdasarkan prestasi:**
  - Keberhasilan utama, misalnya kadar bergraduat, kos bagi setiap pelajar
  - Keutamaan negara, contohnya akses kepada pelajar miskin
  - Misi institusi contohnya, keberhasilan penyelidikan untuk Universiti Penyelidikan
- **Komponen pendanaan terbesar** dikaitkan dengan bilangan pelajar
  - Dibezakan berdasarkan kelayakan (sarjana muda, sarjana, PhD) dan jenis program
  - Dana berdasarkan permintaan
- **Geran pukal** untuk operasi atas universiti awam
- **Kelulusan berdasarkan projek**
- **Semakan dibuat untuk menentukan tempoh kontrak prestasi**

<sup>1</sup> Pelaksanaan formula pembiayaan baharu akan dijalankan secara berperingkat berdasarkan tahap kesediaan universiti awam

*Kementerian akan menggunakan dasar pendanaan berasaskan prestasi dan pencapaian untuk menambah atau menggantikan kaedah peruntukan geran pukal yang telah dilaksanakan di IPT awam selama ini.*

## Kotak 5-1

### Pendanaan berdasarkan prestasi dan keberhasilan

Banyak negara melaksanakan pendanaan berdasarkan prestasi dan keberhasilan dalam sistem pendidikan tinggi, seperti Australia, Amerika Syarikat, United Kingdom dan Singapura. Ini membolehkan dana kerajaan disalurkan mengikut matlamat atau pencapaian tertentu yang telah ditetapkan. Pendanaan ini mungkin berbentuk insentif untuk mencapai objektif tertentu, atau sebagai ganjaran selepas objektif tersebut tercapai. Tujuan pendekatan ini adalah untuk:

- **Menjajarkan pendanaan kerajaan** dengan keutamaan pendidikan negara, dan kepentingan institusi;
- **Menjadikan institusi lebih bertanggungjawab** terhadap pencapaian prestasi dan memberi ganjaran setimpal dengan tahap keberhasilan; dan
- **Meningkatkan insentif untuk institusi bagi** menggunakan amalan terbaik, meningkatkan keberkesanan dan perkhidmatan untuk pelajar.

Sebagai contoh, *National University of Singapore* (NUS), salah sebuah universiti terkemuka di Asia, telah beralih daripada pendanaan mengikut enrolmen setiap pelajar kepada pendanaan berdasarkan keberhasilan. Dana Kerajaan bergantung kepada pencapaian keberhasilan dalam pelbagai aspek seperti penghasilan warga kerja negara. Sementara itu NUS telah beralih daripada mendapatkan dana kerajaan secara tahunan kepada dana untuk tempoh lima tahun berdasarkan kontrak prestasi. Perkara ini meningkatkan fleksibiliti, menggalakkan pengurusan sumber lebih baik, dan membolehkan lebihan peruntukan menerusi penjimatan dimanfaatkan oleh universiti. Sekiranya sasaran keberhasilan tidak tercapai, maka dana akan dikembalikan kepada Kerajaan. Beberapa amalan yang bersesuaian telah dikenal pasti dari pelbagai negara lain yang akan dilaksanakan di Malaysia.

<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>	<b>6</b>
Memberikan dana yang mencukupi bagi menghasilkan insentif yang bermakna.	Membenarkan IPT dinilai berdasarkan kepada misi yang berbeza.	Formula pendanaan jelas, telus dan mudah.	Mengekalkan tumpuan terhadap matlamat negara dan institusi, seperti menambah baik kadar kebolehpasaran graduan, kadar bergraduat, enrolmen dan penganugerahan ijazah bagi pelajar yang memerlukan perhatian khusus.	Menjajarkan formula pendanaan berdasarkan keperluan ekonomi negara.	Meningkatkan kualiti akademik menerusi pengukuran pembelajaran pelajar.

PAPARAN 5-7

## Kontrak prestasi ke arah autonomi dan akauntabiliti



- Mengantikan geran pukal dengan pendanaan berdasarkan prestasi dan pendanaan bagi setiap pelajar** - Pendanaan berasaskan prestasi akan ditentukan menerusi pencapaian pelajar secara khusus, keutamaan negara, dan misi IPT. Pendanaan bagi setiap pelajar pula akan ditentukan menerusi permintaan mengikut tahap kelayakan (misalnya ijazah sarjana muda, pascasiswazah) dan jenis program (misalnya kejuruteraan, sains sosial, perniagaan, perubatan);
- Melaksanakan kontrak prestasi untuk tempoh 5 tahun (3+2)** - Bagi universiti awam, Kementerian akan menginstitusikan kontrak prestasi berasaskan satu rangka kerja kualiti yang berkaitan, dengan komitmen pendanaan mengikut tempoh 3+2 tahun (Paparan 5-7). Kontrak ini akan disesuaikan untuk setiap universiti dan dilaksanakan berdasarkan tahap kesediaan masing-masing.
- Sasaran pelaburan kerajaan dalam bidang keutamaan** - Pelaburan awam akan dijuruskan kepada program keutamaan untuk memastikan pembangunan bakat yang sewajarnya untuk memenuhi keperluan negara.

Model baharu pendanaan ini bertujuan memenuhi keperluan negara, ekonomi, pelajar serta industri. Hal ini akan mengwujudkan persaingan dalam kalangan IPT. Pembiayaan IPT akan diasaskan kepada keperluan pelajar dengan mengambil kira kualiti pengajaran, seterusnya memberi peluang kepada bakal pelajar untuk membuat keputusan berdasarkan prestasi IPT yang hendak dipohon. Kerajaan juga boleh menjajarkan keutamaan institusi dan negara dengan membezakan tahap pendanaan dan insentif.

Model baharu ini akan dilaksanakan secara berperingkat dalam beberapa tahun untuk mengelakkan ketidaktentuan dalam pendanaan. Tumpuan utama diberikan kepada institusi yang telah bersedia untuk menerima pakai model baharu ini. Program implementasi akan disesuaikan dengan jenis, profil dan kategori sesebuah IPT.

## Kotak 5-2

### Tanggungjawab pembiayaan pendidikan tinggi

Kelayakan pendidikan tinggi memberi faedah kepada individu dari segi sumbangan sosial dan pendapatan yang lebih tinggi, dan kepada negara menerusi pertumbuhan ekonomi dan penambahbaikan taraf hidup masyarakat. Sistem kewangan pendidikan tinggi yang mampan mampu mengimbangi antara faedah kepada individu dan kepada kerajaan. Pendidikan tinggi kadangkala dianggap sebagai hak asasi seseorang

warga yang sepatutnya diperolehi secara percuma. Kos pendidikan tinggi dikatakan boleh membebankan pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah, dan meningkatkan lagi ketaksamarataan sosial. Namun pada hakikatnya kebanyakan negara menampung hanya sebahagian kos pendidikan tinggi, disebabkan oleh perkara berikut:

**1**

**Faedah langsung yang ketara untuk individu berpendidikan tinggi berbanding bukan graduan (bagi negara anggota OECD, anggaran faedah sepanjang hayat bagi seseorang graduan ialah US\$145,000) justeru seseorang graduan mestilah turut membayai kos pendidikan tinggi.**

**2**

**Sistem sokongan kewangan seperti pinjaman pelajar, geran berasaskan keperluan dan biasiswa boleh memastikan semua pelajar mendapat akses ke pendidikan tinggi, sambil berkongsi tanggungjawab terhadap kos tersebut apabila faedah telah diperoleh.**

**3**

**Model pendanaan penuh kerajaan memerlukan kadar cukai yang tinggi, mengurangkan perbelanjaan dalam sektor lain, atau mengurangkan enrolmen pendidikan tinggi.**

**4**

**Seandainya kerajaan membiayai sepenuhnya pendidikan tinggi, maka wujud ketidakseimbangan dari segi kos dan faedah pendidikan tinggi, menyebabkan lebihan enrolmen bagi sesetengah kursus sehingga mengakibatkan pengangguran.**

**5**

**Pendidikan tinggi tidak wajib sebagaimana pendidikan peringkat rendah dan menengah. Sementara itu, tidak semua individu layak atau memilih untuk mengikuti pendidikan tinggi. Maka penerima faedah pendidikan tinggi wajar membiayai sebahagian kos dan bukan semata-mata bergantung pada dana awam.**

Di kebanyakan negara yang mempunyai model sokongan kewangan, termasuk di Jepun, South Korea, Australia dan New Zealand, pelajarnya masih perlu membayai sebahagian kos pendidikan tinggi. Walaupun negara-negara Scandinavia seperti Finland, Sweden dan Denmark mengenakan kadar cukai yang tinggi, namun universiti awam mereka juga telah mula memperkenalkan yuran pendidikan untuk sesetengah program.

Dalam hal ini, Kerajaan komited untuk memastikan semua rakyat Malaysia mampu membayar yuran pendidikan. Faktor kewangan tidak seharusnya menjadi penghalang untuk meneruskan pendidikan. Sehubungan itu, yuran pendidikan program pascasiswazah dan pelajar antarabangsa di universiti awam akan diubah suai selari permintaan pasaran, kualiti program dan kos sebenar IPT.

## Inisiatif A2

# Meningkatkan ketelusan dan standard pelaporan kewangan IPT

Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti universiti awam dengan menetapkan standard dan menambah baik amalan pelaporan kewangan masing-masing. Penyata kewangan adalah penting dalam memberikan gambaran sebenar dan wajar bagi prestasi dan keadaan kewangan sesebuah IPT. Penyata ini juga menjadi sumber utama kepada pemegang taruh dalam menilai dan menambah baik pengawasan sesebuah IPT. Pemegang taruh ini termasuklah Kerajaan, agensi-agensi pengawal selia IPT, penyumbang dana, penderma, badan pemberi geran, kakitangan, pelajar, pemutang, IPT lain dan orang ramai.

Pelaporan kewangan universiti awam tertakluk pada Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 dan standard yang ditetapkan oleh *Malaysian Accounting Standards Board* (MASB). Pada masa ini, setiap universiti awam menyediakan dan mengemukakan laporan kewangan yang berbeza bagi mematuhi pelbagai keperluan pada peringkat Kementerian dan Parlimen. Laporan ini kemungkinan besar tidak konsisten dan tidak mengandungi semua maklumat yang diperlukan, justeru menimbulkan kesukaran bagi membuat perbandingan antara semua universiti awam. Oleh itu, pihak Kementerian akan menetapkan standard pelaporan kewangan yang lebih tinggi bagi universiti awam dengan:

- **Menetap piawaian umum** dan *statements of recommended practice* melalui perundingan dengan pemegang taruh bagi memastikan semua universiti awam menyediakan maklumat kewangan yang konsisten dan ketara;
- **Menyeragamkan pelaporan kewangan dan menghendaki** semua universiti awam menyedia dan menyerahkan laporan kewangan yang konsisten berdasarkan standard ini, selari dengan keperluan perundangan dan pihak berkepentingan utama; dan
- **Menghendaki universiti awam menerbitkan penyata kewangan tahunan** menggunakan standard baharu, dan membolehkan laporan tersebut diakses oleh orang ramai.

Penyata kewangan disatukan bagi universiti awam hendaklah relevan, boleh dipercayai dan mudah difahami. Penyata ini akan memberikan gambaran sebenar dan wajar tentang kedudukan kewangan institusi, pada tarikh kunci kira-kira, seperti jumlah pendapatan dan perbelanjaan, sumber dan penggunaan dana, dan aliran tunai untuk setahun, sama ada yang disalurkan menerusi institusi berkenaan sebagai sebuah entiti atau menerusi syarikat bersekutu, entiti usaha sama atau pemegangan subsidiari.

## Inisiatif B1

# Meningkatkan prestasi dan kemampuan PTPTN

Matlamat inisiatif ini adalah untuk mentransformasi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN). Hal ini melibatkan penambahbaikan tahap pembayaran balik pinjaman pelajar dalam jangka pendek dan dalam jangka panjang, perubahan model pinjaman pelajar dan struktur sokongan kewangan bagi memastikan kemampuanannya.

Bilangan pelajar yang menerima pinjaman PTPTN terus bertambah - 201,000 peminjam PTPTN baharu pada 2013 - terdiri daripada 48% jumlah pengambilan IPT swasta dan 75% jumlah pengambilan pelajar universiti awam. PTPTN meluluskan 100% permohonan pinjaman.

Pinjaman PTPTN merupakan elemen yang sangat penting dalam sistem pendidikan tinggi di Malaysia. Walau bagaimanapun, kemampuan kewangan PTPTN perlu dipertingkatkan. Lebih 2.1 juta pelajar telah mendapat pinjaman PTPTN sejak penubuhannya, tetapi sebanyak 51% baki pinjaman masih belum dijelaskan. Kadar pembayaran balik bertambah baik dalam tahun-tahun kebelakangan ini, namun secara kumulatif masih terdapat 34% peminjam yang tidak membayar balik. Sejumlah lebih 170,000 peminjam tidak pernah membuat bayaran balik selepas tiga tahun tamat pendidikan.

Beberapa isu kritikal perlu ditangani yang merangkumi pendanaan yang lebih besar kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah, menambah baik kadar pembayaran balik, menggalakkan simpanan pelaburan peribadi untuk pendidikan, pemberian pinjaman bergantung kepada prestasi institusi, dan transformasi model pinjaman PTPTN. Kerajaan akan meningkatkan prestasi dan kemampuan PTPTN dengan:

- **Beralih kepada pendekatan berdasarkan keperluan** – Perubahan akan dilakukan untuk beralih kepada model berdasarkan keperluan. Pelajar yang layak mendapat pendidikan tinggi akan terus mendapat pinjaman PTPTN. Bagi pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah seperti penerima Skim Bantuan Rakyat 1-Malaysia (BR1M) akan diberi pembiayaan tambahan. Kerajaan juga akan mengkaji semula kadar faedah bersubsidi pinjaman PTPTN secara berterusan;
- **Menambah baik kadar pembayaran balik pinjaman** – Kerajaan akan terus meningkatkan penguatkuasaan kepada mereka yang mampu membayar balik pinjaman tetapi tidak berbuat demikian, menyediakan insentif untuk pembayaran balik pinjaman sepenuhnya lebih awal dan untuk memudahkan peminjam membayar balik tepat pada masanya. Langkah-langkah tersebut termasuk:
  - Menyediakan insentif bagi pembayaran balik pinjaman sepenuhnya, atau penyelesaian awal.
  - Membayar yuran pendidikan terus kepada IPT awam dan swasta, manakala pembiayaan untuk kos sara hidup diberikan secara berasingan kepada pelajar.

<sup>2</sup> Di UK, kenyataan amalan yang disarankan (SORP) untuk Pendidikan Tinggi dan Lanjutan adalah berkenaan institusi menyedia akaun di bawah *UK GAAP* untuk melaporkan keadaan sebenar dan membaiki kualiti pelaporan kewangan.

- Memungut bayaran balik secara terus melalui sistem potongan gaji atau cukai.
- Menyenaraikan peminjam yang gagal membayar balik pinjaman (lebih 3 tahun) ke dalam sistem pengurusan kredit seperti Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS), yang boleh menjaskan pemberian kredit berikutnya; dan
- Mengenakan tindakan penguatkuasaan lebih berat terhadap peminjam yang tidak pernah membayar balik pinjaman walaupun mampu berbuat demikian, seperti menyekat perjalanan ke luar negara atau mengambil tindakan undang-undang.
- **Menggalakkan pelaburan dan simpanan pendidikan** – Kerajaan akan memberi insentif kepada pencarum tabung simpanan pendidikan dan akan menubuhkan Tabung Siswa bagi menyediakan sokongan tambahan kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah menerusi pengurangan cukai dan insentif kepada syarikat yang menyumbang kepada tabung tersebut. Bagi individu dan keluarga, Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) akan terus ditambah baik menerusi perlindungan insuran, memadankan geran untuk keluarga berpendapatan rendah, dividen tahunan, pelepasan cukai atas simpanan, dan produk simpanan baharu, seperti SSPN-i Plus;
- **Kadar pinjaman berdasarkan prestasi IPT** – Ketika ini, kualiti pendidikan IPT dan prestasi pembayaran balik pinjaman PTPTN oleh peminjam tidak diambil kira dalam proses kelulusan pinjaman. Sehubungan itu jumlah pinjaman akan dikurangkan untuk program atau institusi tertentu yang menunjukkan kadar pembayaran balik dalam kalangan graduan yang rendah. Selain itu Kementerian akan memantapkan sistem penarafan institusi (seperti SETARA atau MYQUEST). Semua IPT swasta dikehendaki menggunakan sistem penarafan baharu ini bagi membolehkan akses secara berterusan kepada pinjaman PTPTN. Jumlah pinjaman akan dihadkan bagi pelajar di IPT yang gagal untuk memenuhi standard penarafan kualiti minimum, atau sasaran prestasi yang dipersetujui dengan Kementerian;
- **Transformasi PTPTN menjadi Tabung Pendidikan Malaysia** – Maklum balas daripada pelajar dan pihak berkepentingan menunjukkan bahawa sistem pinjaman semasa mengelirukan, dan perlu dipermudahkan kepada pelajar dan ibu bapa. Perkara ini boleh dilaksanakan melalui penjenamaan semula dan rombakan menyeluruh terhadap PTPTN menjadi Tabung Pendidikan Malaysia. Penekanan akan diberikan terhadap tanggungjawab bersama antara Kerajaan, ibu bapa, pelajar dan sektor swasta untuk pendanaan sistem pendidikan tinggi yang mampan; dan
- **Memperkenalkan bayaran balik pinjaman berdasarkan pendapatan luar jangka** – Model pinjaman pelajar di Malaysia akan berubah kepada pembayaran balik pinjaman yang berdasarkan pendapatan luar jangka (rujuk paparan 5-3). Model pinjaman semasa menghendaki peminjam membayar balik pinjaman walaupun mereka belum mendapat gaji yang tinggi atau tidak bekerja. Di bawah model baharu ini, peminjam hanya perlu membayar balik pinjaman sekiranya mampu. Kerajaan akan menguatkuasakan perundangan yang berkaitan dan perubahan pengawalseliaan bermula 2016.

### Kotak 5-3

#### **Pinjaman pendapatan-luar jangka**

Ketelusan maklumat, nasihat dan panduan adalah penting bagi pelajar membuat keputusan untuk meneruskan pendidikan ke peringkat pendidikan tinggi. Sistem pembiayaan dan pinjaman pelajar ketika ini sukar difahami. Ini menyebabkan sesetengah pelajar dan keluarga bimbang dibebani hutang. Sesetengah pelajar pula kurang memahami implikasi pinjaman PTPTN selepas bergraduat yang perlu dibayar.

Sehubungan itu model pinjaman pelajaran Malaysia akan ditukar kepada pinjaman berdasarkan pendapatan-luar jangka. Ini merupakan sebahagian daripada transformasi PTPTN. Dengan kata lain, pembayaran balik pinjaman akan bergantung kepada tahap pendapatan peminjam selepas bekerja.

Graduan tidak perlu membayar balik pinjaman sehingga mereka memperolehi pendapatan pada tahap tertentu. Graduan ini akan membayar pinjaman PTPTN sesuai dengan kadar manfaat yang mereka terima. Bagi graduan berpendapatan rendah mereka dikehendaki akan membayar balik pinjaman pada kadar yang lebih rendah. Sementara graduan yang memperolehi pendapatan yang sangat rendah tidak perlu membayar balik pinjaman sehingga mencapai tahap pendapatan yang ditetapkan. Tahap pendapatan yang bersesuaian dan kadar pembayaran balik akan dikaji semula dan diubah suai dari semasa ke semasa.

Dengan mekanisme ini, sistem pendidikan tinggi di Malaysia akan terus dibiayai oleh Kerajaan dan ditampung secara bersama dengan graduan. Setiap graduan akan menyumbang membayai kos pendidikan tinggi, bergantung kepada manfaat yang mereka perolehi.

## Inisiatif C1

# Memberi insentif kepada dana endowmen

Matlamat inisiatif ini adalah untuk mewujudkan sumber pembiayaan yang stabil dan mampan untuk IPT menerusi tabung endowmen bagi meningkatkan kemampuan kewangan institusi dan mengurangkan pergantungan pada dana awam. Pergantungan ini menyukarkan perancangan jangka panjang IPT. Sebagai perbandingan, IPT yang mempunyai pelbagai sumber pembiayaan, tidak bergantung sepenuhnya pada dana awam, akan lebih mudah untuk merancang secara jangka panjang termasuklah dalam urusan pembangunan dan pelaburan. Semua universiti awam akan mewujudkan tabung endowmen dan waqf masing-masing, manakala IPT swasta turut digalakkan untuk berbuat demikian.

Sebagai perbandingan, universiti terkemuka di seluruh dunia bergantung pada pelbagai jenis sumber pembiayaan, termasuk keuntungan daripada pelaburan tabung endowmen, pemberian individu dan syarikat, penyewaan aset universiti, dan juga aktiviti penjanaan pendapatan lain. Bagi universiti tempatan, selain pembiayaan Kerajaan (melalui geran dan PTPTN), sumber pembiayaan lain termasuklah endowmen dan waqf, biasiswa daripada institusi awam dan swasta, serta bantuan zakat.

Setakat ini budaya menyumbang kepada tabung endowmen pendidikan tinggi masih belum mantap di Malaysia. Hanya beberapa IPT di Malaysia mempunyai dana endowmen, seperti Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi Petronas (UTP) dan *Sunway University*. Keuntungan pelaburan daripada endowmen boleh digunakan untuk menampung keperluan biasiswa, kerusi profesor, program penyelidikan dan akademik, dan perbelanjaan mengurus atau pembangunan IPT. Sehubungan itu IPT akan menujuhkan tabung endowmen dengan melaksanakan langkah-langkah berikut:

### Kotak 5-4

#### Enam langkah penubuhan tabung endowmen

Tabung endowmen terdiri daripada wang atau aset kewangan lain yang didermakan kepada IPT. Endowmen bertujuan untuk dilaburkan bagi memastikan pendapatan IPT yang stabil. Endowmen tidak seharusnya bergantung kepada pungutan derma atau dana operasi IPT. Lazimnya, tabung endowmen perlu mengikuti dasar dan garis panduan pelaburan dan pengagihan aset yang ditetapkan untuk menghasilkan pulangan tanpa risiko tinggi. Enam langkah yang diperlukan untuk menujuhkan tabung endowmen:

- **Membentuk lembaga penasihat** untuk menilai kesediaan IPT, mengkaji misi, struktur dan senarai penderma yang dicadangkan dan juga mendapatkan sokongan badan tadbir urus utama, pihak berkepentingan, dan kepimpinan IPT;
- Menggariskan **sasaran tabung** endowmen yang menyokong misi dan visi serta perancangan pembangunan dan bidang keutamaan sesebuah IPT;

- **Tadbir urus bebas** termasuklah pewujudan satu Lembaga Pemegang Amanah dengan tanggungjawab fidusiari yang jelas;
- **Pengasingan kuasa yang jelas dari segi hak membuat keputusan** antara aktiviti pengurusan dana dengan pentadbiran IPT;
- **Pengurusan dana oleh ahli profesional** untuk mengurus dana, merancang pelaburan, dan mengagihkan keuntungan pelaburan; dan
- **Dasar pelaburan yang berkesan** dan dasar perbelanjaan yang jelas untuk pengagihan pendapatan daripada pelaburan tahunan.

Kementerian akan menyokong IPT awam dan swasta dalam menujuhkan tabung endowmen dengan:

- **Merangka panduan jelas dan berkongsi amalan terbaik** tentang tabung endowmen IPT, termasuk penubuhan struktur tadbir urus, pengurusan pelaburan secara profesional, model pengurusan dan kaedah mendapatkan dana endowmen;
- **Memperkenalkan geran padanan bagi IPT** semasa pelancaran tabung endowmen dalam tempoh tertentu;
- **Memudahkan agar tanah dan aset IPT awam** menjadi aset awal tabung endowmen, melibatkan prosedur serta perubahan yang diperlukan dari segi perundangan dan dasar Kerajaan;
- **Mengkaji semula insentif cukai** ke atas individu dan syarikat untuk menggalakkan pemberian sumbangan dan derma kepada tabung endowmen IPT awam dan swasta; dan
- **Menerima pakai KPI untuk IPT awam** untuk penubuhan tabung endowmen dan kepelbagaiannya sumber pembiayaan.

- **Membentuk struktur organisasi** untuk tabung endowmen, termasuk tadbir urus dalam dan penetapan hak membuat keputusan;
- **Menubuhkan organisasi** dan melantik ahli jawatankuasa pemandu dan jawatankuasa pelaburan; menujuhkan entiti yang sah dan menetapkan dasar endowmen; melantik kakitangan untuk urusan pungutan derma dan pentadbiran;
- **Memulakan pungutan derma** berdasarkan pelan pembangunan pemasaran serta mengenal pasti kumpulan sasaran (misalnya alumni), syarikat dan/atau yayasan; mengenal pasti saluran komunikasi terbaik bagi setiap kumpulan sasaran; dan
- **Menubuhkan pasukan khas** bagi memantapkan hubungan sepanjang hayat antara penderma dengan IPT, dan merancang sumbangan masa depan.

## Inisiatif C2

# Menjana dan meningkatkan hasil daripada perkhidmatan dan aset IPT

Matlamat inisiatif ini adalah untuk terus mempelbagaikan sumber pembiayaan IPT awam melalui aktiviti penjanaan pendapatan. Terdapat perbezaan dari segi tahap dan jenis aktiviti penjanaan dana dalam kalangan IPT awam. Ada IPT yang melaksanakan aktiviti bagi menampung kos pengendalian sesuatu perkhidmatan yang disediakan, manakala ada juga IPT yang menubuhkan anak syarikat menjana keuntungan.

Pihak Kementerian dan IPT awam akan menambah baik struktur tadbir urus yang relevan bagi mengurus aktiviti secara profesional tanpa mengabaikan misi teras pendidikan. Penjanaan pendapatan untuk IPT boleh terhasil menerusi:

- **Yuran pendidikan** daripada pelajar – pelajar ijazah sarjana muda dan pascasiswazah tempatan dan antarabangsa - berdasarkan kualiti program dan prestasi institusi;
- **Pendapatan berdasarkan perkhidmatan** yang merangkumi acara sukan, persidangan, penyajian makanan, penyediaan kemudahan seperti dewan, teater atau perpustakaan;
- **Pendapatan berkaitan aset dan hasil sewaan** dengan menambah baik pengurusan harta dan meningkatkan penggunaan bangunan, tanah dan aset IPT, termasuk harta kediaman, runcit dan komersil;
- **Perundingan dan kontrak** dengan pihak swasta untuk menjalankan penyelidikan, pengajaran, khidmat nasihat, latihan atau program pendidikan eksekutif;

### Kotak 5-5

#### Waqf pendidikan tinggi<sup>1</sup>

Waqf adalah institusi kebajikan tertua di dunia yang merupakan kaedah menjana kekayaan dan pengagihan yang berlandaskan ajaran Islam. Waqf juga adalah kaedah endowmen Islam yang bersifat kekal dan berterusan untuk meningkatkan sosioekonomi masyarakat. Tadbir urus dan fungsi waqf serupa dengan tabung endowmen yang melibatkan pemindahan aset oleh individu atau organisasi sebagai suatu amanah. Manfaat aset tersebut, seperti pulangan dalam bentuk pelaburan, akan digunakan untuk kebajikan atau disalurkan sebagai derma. Selepas diserahkan kepada tabung waqf, sesuatu aset tidak boleh dipindah milik, dibahagi-bahagi atau didermakan. Sebagai instrumen simpanan, waqf atau harta dipulihara untuk mengekalkan nilainya. Justeru waqf perlu menghasilkan pulangan berterusan, meningkat dari segi nilai aset dan memberi manfaat kepada masyarakat secara berterusan. Kebaikan waqf berteraskan kepada kepentingan bersama, kedermawanan dan berlandaskan ajaran al-Quran dan Sunnah. Beberapa IPT di Malaysia seperti UPM, UKM, UTM, USIM dan UIAM telah menubuhkan tabung waqf untuk pendidikan.

<sup>1</sup> Salleh, A.H.M., N.S. Adham, K.A. (Ed.) (2014). *Managing Waqf for Societal Well-Being*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

- **Pendapatan daripada penerbitan** buku, jurnal dan penerbitan lain, dan juga aktiviti percetakan dan produksi; dan
- **Pendapatan pengkomersilan dan royalti** daripada hasil penyelidikan dan harta intelek.

Kementerian merancang supaya IPT tempatan mempunyai pelbagai sumber pembiayaan, berdaya bersaing, bersifat keusahawanan dan berorientasikan prestasi. Sehubungan itu pihak Kementerian akan:

- **Membangunkan panduan yang jelas dan berkongsi amalan terbaik** mengenai penjanaan pendapatan. Setiap IPT awam akan membangunkan inisiatif sendiri serta pelan operasi untuk meningkatkan pendapatan, tanpa mengabaikan misi utama pendidikan;
- **Memperjelas dan memperkemaskan garis panduan yang berkaitan,** pekeliling dan keperluan aktiviti menjana pendapatan, termasuk aktiviti komersil dan perkongsian dengan sektor swasta; dan
- **Menanda aras dan menentukan parameter standard** untuk mengukur keberkesanannya dari segi penjanaan pendapatan IPT, di samping memastikan kualiti pendidikan tinggi tidak terjejas. Laporan prestasi IPT boleh diakses oleh orang ramai.

### Kotak 5-6

#### Endowmen Yayasan Jeffrey Cheah<sup>1</sup>

Yayasan Jeffrey Cheah ditubuhkan secara rasmi pada 2010, selepas penubuhan Tabung Amanah Pendidikan Sunway pada 1997. Ini merupakan endowmen dan yayasan pertama dalam kalangan IPT swasta di Malaysia. Yayasan ini diurus tadbir oleh Lembaga Pemegang Amanah yang bermodelkan universiti terkemuka dunia. Pemilikan *Sunway Education Group* telah dipindahkan sepenuhnya secara berkekalan kepada Yayasan Jeffrey Cheah melibatkan lima institusi, iaitu *Sunway University, Monash University Sunway Campus, Sunway College, Sunway International School* dan *Jeffrey Cheah School of Medicine and Health Sciences*. Keuntungan pelaburan dana endowmen akan disalurkan semula dalam bentuk pemberian biasiswa dan geran penyelidikan. Yayasan juga diberi pengecualian cukai dan penderma akan mendapat insentif pengurangan cukai. Ini merupakan sumbangan kepada masyarakat menerusi kualiti pendidikan yang mantap, memperkayakan pengalaman pelajar dan pemangkin kepada warga Malaysia dalam bidang pendidikan.

<sup>1</sup> Jeffrey Cheah Foundation (2015). *A timeless commitment*. Diperoleh dari [http://jeffreycheahfoundation.org.my/?page\\_id=215](http://jeffreycheahfoundation.org.my/?page_id=215)

## Inisiatif D1

# Meningkatkan produktiviti dan keberkesanan kos IPT

Matlamat inisiatif ini adalah untuk meningkatkan keberkesanan dan produktiviti IPT di Malaysia. Ini bermakna bahawa IPT perlu melahirkan lebih ramai siswazah berkualiti tanpa peningkatan kos. Ketika ini kos purata setiap pelajar IPT awam meningkat sebanyak 7% setahun, dan perbelanjaan mengurus IPT awam lebih tinggi berbanding IPT swasta. Sementara itu perbelanjaan mengurus bagi setiap pelajar di IPT awam di Malaysia sangat jauh berbeza antara satu sama lain, walaupun selepas mengambil kira perbezaan seperti kepelbagaian kursus, dan nisbah pelajar pascasiswazah kepada ijazah sarjana muda.

Justeru pengurusan kos dan pengoptimuman operasi perlu dilaksanakan oleh semua IPT awam. Ketika ini, IPT awam tidak diberi insentif jika dapat mengurangkan perbelanjaan sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam bajet tahunan. Sehubungan itu pihak Kementerian dan IPT awam akan memberi tumpuan kepada tiga inisiatif utama:

- **Menambah baik reka bentuk pengajaran untuk mengurangkan kos.**

IPT akan menambah baik model pengajarannya dan meningkatkan kecekapan dengan penggunaan teknologi, peningkatan produktiviti staf akademik, pengembelangan kerjasama dengan rakan industri atau komuniti. Sebagai contoh, IPT boleh mengoptimumkan portfolio program dengan menumpu kepada kepakaran dalam bidang kbeitaraan, menjumudkan program yang tidak mendapat sambutan dan menggunakan model pembelajaran bersepada untuk menjangkau khalayak yang lebih luas pada kos yang minimum.

- **Sokongan dan perkhidmatan gunasama yang lebih berkesan.**

Perkhidmatan gunasama termasuklah pentadbiran institusi (seperti sumber manusia, IT dan kewangan), perkhidmatan pelajar (seperti bantuan kewangan, kaunseling, dan enrolmen) dan perkhidmatan sokongan akademik (seperti perpustakaan, muzium, dan perkhidmatan audio-visual). IPT boleh meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dengan memperkenalkan proses kejat (lean proses), memaksimumkan perkhidmatan gunasama merentas kampus atau fakulti, dan amalan perolehan yang lebih baik; dan

- **Mengoptimumkan perkhidmatan dan operasi lain di kampus**

termasuk dewan makan, kantin, perumahan pelajar dan kemudahan sukan. IPT akan menilai perkhidmatan kampus yang kritikal untuk disenggara sendiri atau yang memerlukan khidmat pihak luar. IPT juga akan memastikan perkhidmatan kampus boleh menjana pendapatan tambahan.

Selanjutnya, IPT perlu menggabungkan amalan pendidikan berkesan dan pengurusan yang baik untuk mencapai misi pendidikan secara lebih produktif. Pihak Kementerian akan berusaha menyokong IPT dengan:

- **Membangunkan garis panduan yang jelas dan berkongsi amalan terbaik**

untuk meningkatkan produktiviti dan keberkesanan dalam aktiviti pengajaran dan bukan pengajaran. Setiap IPT awam akan membangun strategi dan melaksanakan pelan meningkatkan kecekapan dan produktiviti.

- **Memberi insentif bagi pengurangan perbelanjaan** oleh IPT untuk diagihkan semula kepada bidang keutamaan lain, terutamanya untuk meningkatkan kecekapan operasi dan perolehan barang dan perkhidmatan. Lebihan perbelanjaan ini boleh dilaburkan semula, misalnya, untuk menambah tempat pendidikan serta menyediakan kaunselor bagi membantu menambah baik pencapaian pelajar; dan
- **Menanda aras dan menentukan parameter standard** untuk menilai kecekapan dan produktiviti IPT (seperti kos penghasilan seseorang siswazah), di samping memantau kualiti bagi semua pelajar. Laporan kecekapan dan produktiviti setiap IPT boleh diakses oleh orang ramai.



### Kotak 5-7

#### Manfaat sistem pembiayaan baharu

Sistem baharu ini bertujuan menambah penyertaan, meningkatkan kualiti, dan menghasilkan pendidikan tinggi yang mampu di Malaysia.

**Akses:** Pendidikan tinggi di Malaysia berkembang untuk menampung permintaan daripada pelajar yang bekelayakan bagi memastikan perkembangan bersifat mampu. Justeru Kementerian akan menggalakkan sektor swasta untuk terus menyumbang kepada sistem pendidikan tinggi Negara.

**Kualiti:** IPT bersaing untuk mendapatkan pelajar dengan menawarkan program yang membolehkan pelajar bersedia menghadapi pasaran kerja dan memenuhi standard minima. Sistem baharu ini mendorong persaingan sesama IPT untuk mendapatkan pelajar. Hasilnya wujudlah IPT yang berprestasi tinggi dengan program yang berkualiti.

**Kecekapan:** Sumbangan sektor swasta dan para dermawan, serta aktiviti penjanaan dana akan menyebabkan sistem pendidikan tinggi menjadi

lebih mampu dan mampu terus berkembang. Kementerian juga akan mengurangkan subsidi pukal kepada semua program tanpa mengabaikan kualiti dan akses kepada pendidikan tinggi.

Sistem baharu ini akan memberi manfaat kepada pelajar, institusi dan Kerajaan. Pelajar merupakan tumpuan kepada sistem ini. Mereka perlu mendapat maklumat yang secukupnya untuk membuat pilihan program akademik yang bersesuaian. Pilihan tersebut akan menentukan bentuk pendanaan yang bersesuaian. Institusi yang berprestasi tinggi boleh berkembang pantas dengan pembiayaan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan pelajar. Kerajaan akan terus memainkan peranan utama menyalurkan dana awam kepada IPT. Kesannya, sektor pendidikan tinggi akan mendapat manfaat menerusi hasil yang lebih baik, sejajar dengan keutamaan negara.

#### Manfaat kepada pelajar, institusi dan Kementerian

##### Pelajar

- Maklumat yang lebih baik berkenaan program dan IPT untuk membantu pelajar membuat keputusan;
- Lebih pembiayaan berdasarkan keperluan untuk pelajar yang paling memerlukan;
- Pelajar hanya akan membayar balik pinjaman jika menerima pendapatan melebihi tahap yang ditetapkan;
- Lebih tawaran biasiswa untuk pelajar cemerlang dan untuk bidang atau sektor tumpuan negara; dan
- Persaingan IPT meningkatkan kualiti pendidikan tinggi.

##### Institusi

- Kementerian tidak akan mencampuri urusan pentadbiran IPT, sebaliknya akan menumpukan kepada kontrak prestasi IPT, dengan penghasilan untuk tempoh lima tahun;
- Institusi yang berprestasi tinggi (dengan permintaan program yang tinggi) mendapat manfaat daripada pelajar dan dana yang disalurkan;
- Semua IPT akan menerima insentif dan bonus jika mencapai sasaran yang telah dipersetujui; dan
- Kepelbagai sumber pendapatan seperti endowmen dan waqf yang memberi fleksibiliti dan penurunan kuasa untuk berbelanja.

##### Kementerian

- Penajaran yang lebih baik antara keutamaan Negara dan institusi menerusi kontrak prestasi;
- Lebih dana untuk pelajar dan prestasi, berbanding pukal kepada institusi;
- Lebih penyertaan industri dan komuniti untuk membantu perkembangan yang dirancang dan pengukuhan sistem pendidikan tinggi; dan
- Peningkatan dari segi kemampuan yang membolehkan kementerian memberi keutamaan kepada penajaan terhadap agenda penting seperti membantu pelajar miskin.

# Pelan tindakan pelaksanaan inisiatif

Strategi dan inisiatif dalam Lonjakan ini telah disusun dengan teliti merentas tiga fasa untuk mengelak daripada terlalu membebankan sistem, dan memastikan setiap fasa yang berturutan meneruskan asas yang dibina sebelumnya. Perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap proses pelaksanaan akan dijalankan mengikut hala tuju yang dicadangkan dalam Paparan 5-8 yang berikut.

## PAPARAN 5-8

	<b>Fasa 1 (2015)</b>	<b>Fasa 2 (2016-2020)</b>	<b>Fasa 3 (2021-2025)</b>
<b>A</b> <b>Strategi A</b> Menambah baik formula pembiayaan IPT awam	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyelaras laporan kewangan IPT dan merangka cadangan amalan dan standard baharu; dan</li> <li>Membentuk formula pendanaan baharu untuk universiti awam menerusi perundingan dengan pelbagai agensi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memperkenalkan kontrak prestasi untuk universiti awam dengan KPI yang jelas, dan beralih dari geran pukal kepada pendanaan berdasarkan prestasi dan pendanaan mengikut jumlah pelajar; dan</li> <li>Melaksana kaedah pembidaan baharu untuk program khusus yang terbuka kepada semua IPT.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Peralihan penuh kepada kontrak prestasi untuk semua universiti awam; dan</li> <li>Tahap kesediaan dan perlaksanaan kontrak prestasi di semua IPT awam.</li> </ul>
<b>B</b> <b>Strategi B</b> Memantapkan sistem pinjaman pelajar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan penambahanbaikan pembayaran balik pinjaman PTPTN termasuk pemberian insentif dan penalti.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melancarkan pinjaman pendapatan luar-jangka;</li> <li>Menajarkan kadar pinjaman dengan kualiti prestasi IPT; dan</li> <li>Menjenamakan semula PTPTN sebagai Tabung Pendidikan Malaysia.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mencapai kemampunan kewangan untuk Tabung Pendidikan Malaysia; dan</li> <li>Menilai dan mencari model alternatif pembiayaan pelajar dan instrumen yang berkait dengan struktur yuran untuk menambahbaik peluang pendidikan tinggi.</li> </ul>
<b>C</b> <b>Strategi C</b> Mempelbagaikan pendapatan IPT	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyusun amalan terbaik untuk penjanaan pendapatan dan penubuhan tabung endowmen atau waqf IPT.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Insentif untuk menggalakkan tabung endowmen atau waqf IPT.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mendapatkan model pelbagai hasil untuk semua IPT.</li> </ul>
<b>D</b> <b>Strategi D</b> Mengoptimumkan kos sistem pendidikan tinggi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyusun amalan terbaik untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan IPT.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menanda aras produktiviti bagi semua IPT untuk menentukan peluang penambahbaikan dan amalan terbaik sentiasa dilaksanakan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mencapai tahap produktiviti yang tinggi dalam semua IPT.</li> </ul>

# Kesimpulan

Kementerian berhasrat mewujudkan suatu sistem pembiayaan mampan untuk pendidikan tinggi Malaysia yang memberi fokus kepada pencapaian dan prestasi, dengan mengambil kira sumbangan semua pihak.

Sehubungan itu, Lonjakan ini penting memandangkan Malaysia perlu menyediakan pendidikan tinggi yang berkualiti kepada pelajar yang dijangka melonjak bilangannya sekali ganda pada dekad akan datang. Kos pendidikan juga dijangka terus meningkat, justeru sumber pembiayaan perlu dipelbagaikan. Sehubungan itu Kementerian akan melaksanakan dasar pendanaan berdasarkan prestasi, merombak mekanisme pembiayaan pelajar sedia ada, seterusnya menggalakkan IPT mempelbagaikan sumber pendapatan. Menerusi kemampunan kewangan dalam sistem pendidikan tinggi, maka Malaysia berupaya meningkatkan enrolmen sekaligus kualiti pendidikan secara berterusan, menjadi antara yang terbaik di persada dunia.

# Kaedah pemantauan

Kementerian akan memantau perkembangan dan impak Lonjakan ini berdasarkan penilaian berdasarkan hasil. Pemantauan ini tidak terhad kepada senarai berikut dan boleh ditambah baik. Sasaran akan ditetapkan secara tahunan:

- Peratusan perbelanjaan universiti awam melalui **pendanaan berdasarkan pencapaian atau prestasi** (termasuk kos bagi setiap pelajar);
- Peratusan universiti awam menerima **pakai kontrak prestasi** dengan Kementerian;
- **Kadar pembayaran** balik portfolio pinjaman PTPTN;
- Peratus pembayaran balik pinjaman PTPTN menerusi **pendapatan luar jangka**;
- Peratusan perbelanjaan universiti awam yang diperolehi daripada **penjanaan pendapatan sendiri** (termasuk sasaran tabung endowmen); dan
- **Peningkatan pencapaian pelajar** dalam sistem bajet semasa dan struktur kos IPT awam.

Lonjakan





# Pemantapan Tadbir Urus

Tadbir urus merangkumi struktur, hubung kait dan proses untuk membangun, melaksana dan mengkaji semula dasar-dasar pendidikan tinggi pada pelbagai peringkat. Bab ini mengkhusus tentang kaedah pemantapan tadbir urus bagi meningkatkan kecekapan, keunikan dan kualiti institut pendidikan tinggi (IPT). Bab ini juga menjelaskan kaedah pemantapan tadbir urus menerusi keseimbangan antara autonomi dan akauntabiliti sesebuah IPT supaya lebih telus, selari dengan kepentingan negara.

Bab ini juga menerangkan penurunan kuasa Kementerian Pendidikan (Kementerian) kepada IPT, sekaligus memantapkan tadbir urus IPT setelah perundingan dibuat dengan pelbagai pihak berkepentingan. Dalam hal ini, tumpuan adalah untuk memastikan peranan dan tanggungjawab lebih jelas dalam kalangan pihak berkepentingan, di samping menjelaskan semula struktur tadbir urus dan hak membuat keputusan IPT.

# Kepentingan

*Kementerian  
memahami bahawa  
pemantapan dan  
autonomi institusi  
yang lebih meluas  
diperlukan  
supaya IPT lebih  
menyerlah.*

Tadbir urus yang baik adalah penting untuk keberkesanan dan kecekapan sesebuah organisasi ke arah pembangunan institusi yang unggul. Isu tadbir urus dan autonomi institusi seringkali diutarakan semasa sesi konsultasi awam sepanjang proses penyediaan PPPM (PT).

## **Universiti awam tempatan perlu diberi lebih autonomi**

Berbanding dengan kebanyakan negara Asia lain, hak membuat keputusan utama di universiti awam Malaysia<sup>1</sup> lebih berpusat pada Kerajaan (seperti ditunjukkan dalam Paparan 6-1). Sebagai contoh, dalam pentadbiran dan tadbir urus, Menteri melantik Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor, selepas mengambil kira pandangan Jawatankuasa Carian. Dari segi pengurusan kewangan, belanjawan universiti awam diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Di samping itu, keputusan perolehan dan tender peringkat universiti awam perlu mematuhi garis panduan Kementerian Kewangan. Dalam konteks kemasukan pelajar, sistem kemasukan diurus secara berpusat oleh Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar (BPKP) di Kementerian. Manakala program akademik dan kurikulum memerlukan kelulusan kedua-dua pihak iaitu Bahagian Pengurusan Pembangunan Akademik (BPPA) di Kementerian, dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Dari segi pengurusan sumber manusia dan skim gaji, universiti awam perlu akur kepada pekeliling yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Dalam konteks politeknik dan kolej komuniti pula, hal ehwal pentadbiran, kewangan, akademik dan sumber manusia diuruskan pada peringkat Jabatan

Pendidikan Politeknik dan Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti selari dengan rangka kerja yang ditetapkan oleh pelbagai agensi pusat. Ini melibatkan keputusan berkaitan strategi dan dasar, perlantikan dan penilaian pemimpin institusi serta kakitangan, pengurusan bajet dan penjanaan dana, penetapan yuran pendidikan dan kriteria kemasukan, keputusan berkaitan kemasukan, kurikulum akademik dan pengurusan prasarana.

Sementara itu, tahap kawalan kerajaan adalah lebih longgar di institusi pendidikan tinggi swasta<sup>2</sup> (IPTS). Urusan berkaitan strategi, perlantikan pengurusan atasan, kewangan, dan sistem saraan staf diputuskan sendiri oleh IPTS dan pemiliknya. Kementerian hanya mengawal selia dalam bentuk kelulusan permit serta permohonan berkaitan yuran pendidikan, penambahbaikan program akademik, mekanisme dan jaminan kualiti serta bahasa pengantar.

## **Autonomi lebih meluas diperlukan supaya IPT lebih menyerlah**

Tanggungjawab kawalselia sebagaimana yang dilaksanakan ketika ini oleh Kerajaan boleh menjelaskan pencapaian matlamat strategik PPPM (PT). Pengurusan IPT ketika ini semakin mencabar dengan pertambahan dari segi saiz, jenis pelajar, dan kaedah pengajaran, serta persaingan global yang kian sengit. Selagi dasar keputusan berpusat dilaksanakan, maka IPT tidak dapat membuat keputusan yang fleksibel menggunakan sumber terhad, ke arah organisasi yang lebih cekap, responsif dan inovatif. Inilah juga yang menjadi asas kepada Program Transformasi Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCT) dalam sektor korporat yang dilancarkan oleh Kerajaan untuk mentransformasikan syarikat berkaitan kerajaan di Malaysia.

<sup>1</sup> Universiti Awam di Malaysia ketika ini merangkumi 20 institusi, yang mana 5 daripadanya adalah Universiti Penyelidikan.

<sup>2</sup> Institusi penyelidikan tinggi swasta pada ketika ini merangkumi 514 universiti swasta, kolej universiti, dan kolej.

PAPARAN 6-1

## **Hak membuat keputusan dan autonomi institusi di beberapa negara**

 Ada autonomi       Tiada autonomi       Autonomi terbatas

# Kedudukan Malaysia

Kerajaan telah mengambil langkah untuk menambah baik amalan tadbir urus di IPT, dan memberi autonomi yang lebih meluas kepada beberapa universiti awam. Namun masih ada ruang untuk penambahbaikan tadbir urus dalam kalangan IPT, termasuklah dari segi hak membuat keputusan, kadar kecepatan penurunan kuasa, bina upaya dan mekanisme akauntabiliti.

## **Penurunan kuasa dan autonomi telah dimulakan**

Semua universiti awam merupakan badan berkanun sejak ditubuhkan. Namun demikian, tidak sepertimana badan berkanun yang lain, universiti awam masih terikat dengan pelbagai peraturan dan pekeliling agensi pusat. Sejak dua dekad lalu, perubahan perundangan memberi lebih kuasa autonomi kepada sebahagian universiti awam. Pada 1996, Kerajaan membenarkan penubuhan IPTS, sekali gus memberi saingan kepada universiti awam. Pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti pada tahun 1996, 2009 dan 2012 memberi lebih banyak kuasa kepada universiti awam untuk terlibat dalam aktiviti komersil dan menurunkan kuasa pentadbiran universiti dengan menggantikan Majlis Universiti kepada Lembaga Pengarah. Semua pindaan ini turut melibatkan proses perundingan dengan Menteri Pendidikan dari segi keputusan melantik Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor, memberi lebih tanggungjawab kepada Lembaga Pengarah dari segi disiplin pelajar, dan memberi lebih kuasa berkaitan hal ehwal akademik kepada Senat Universiti tanpa merujuk kepada Lembaga Pengarah.

Pada 2012, Kod Tadbir Urus Universiti (CUGG) dan Indeks Tadbir Urus Universiti (UGGI) telah dibangunkan untuk menilai

ketersediaan autonomi universiti awam. Sehingga Disember 2014, 12 universiti awam telah diberi autonomi dalam beberapa bidang terpilih termasuk tadbir urus, proses perolehan, hal-hal sumber manusia, dan penawaran kursus. Contoh autonomi yang sedang diamalkan oleh universiti awam meliputi untuk meluluskan program baharu akademik yang tidak memerlukan peruntukan Kerajaan, menamatkan kursus-kursus yang tidak mendapat sambutan, melaksanakan pengurusan enrolmen, melaksanakan sistem pemberian insentif masing-masing (*top up*) melalui dana yang dijana sendiri, menaikkan had umur pengambilan pensyarah kontrak, dan memohon pengecualian daripada Kementerian Kewangan untuk melonggarkan had perolehan dan prosedur tender.

Bagi Politeknik pula, beberapa inisiatif telah dilaksanakan dalam Agenda Transformasi Politeknik<sup>3</sup> untuk meletakkan asas kepada perluasan skop autonomi. Ini termasuklah pewujudan tiga Politeknik Premier<sup>4</sup>, pelaksanaan sistem penarafan politeknik untuk menilai dan membandingkan kualiti merentas institusi, dan memperkenalkan perkembangan kerjaya berdasarkan merit untuk staf akademik. Beberapa inisiatif penambahbaikan yang sedemikian juga sedang dilaksanakan untuk kolej komuniti.

Bagi membolehkan perluasan autonomi ini, maka usaha telah dilaksanakan untuk membentuk pemimpin yang terlatih dan berkebolehan di institusi awam Malaysia. Pada 2008, misalnya, Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) ditubuhkan untuk menawarkan program pembangunan profesional berterusan atau *Continuous Professional Development (CPD)* bagi mempertingkat tahap kepimpinan dalam IPT awam.

<sup>3</sup> Abdul W.S.H, et al., (2010). *Transformational of Malaysian's Polytechnic into University College in 2015: Issues and Challenges for Malaysian Technical and Vocational Education*. Diperoleh daripada [http://fptk.upi.edu/tvet-conference/download/TVET%20Conference%20Proceedings/Papers\\_Theme4/28\\_Sahul\\_Hamed\\_Abd\\_Wahab.pdf](http://fptk.upi.edu/tvet-conference/download/TVET%20Conference%20Proceedings/Papers_Theme4/28_Sahul_Hamed_Abd_Wahab.pdf)

<sup>4</sup> Ibid.



## Ruang untuk penambahbaikan

Meskipun usaha ini dilaksanakan, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan, terutamanya dalam bidang yang berikut:

- **Kefahaman tentang hak autonomi:** Kebanyakan hak membuat keputusan yang telah diturunkan kepada universiti awam masih belum difahami dengan jelas, sehingga menyebabkan penurunan kuasa tersebut tidak digunakan sepenuhnya. Pekeliling, skim dan arahan telah dikeluarkan oleh pelbagai agensi pusat dan diterima pakai sepenuhnya oleh Lembaga Pengarah Universiti. Dari segi perundangannya keputusan berkaitan dengan penggajian kakitangan, bilangan lantikan, kursus baharu, perolehan barang dan peralatan, adalah di bawah ruang lingkup kuasa universiti awam, namun kuasa tersebut seakan-akan telah dihadkan oleh pekeliling, skim dan arahan tersebut;
- **Tahap penurunan kuasa:** Proses penurunan kuasa dari segi membuat keputusan kepada pemimpin institusi boleh dipercepatkan berdasarkan kapasiti dan keupayaan kepemimpinan yang telah dibangunkan oleh universiti awam dan politeknik;
- **Mekanisme pembinaan keupayaan:** Pelan penggantian kepemimpinan yang berkesan tidak dilaksanakan secara meluas di universiti awam. Bagi keanggotaan Lembaga Pengarah pula masih belum terdapat keperluan yang jelas tentang set kemahiran yang diperlukan; dan
- **Mekanisme akauntabiliti:** Mekanisme pemantauan dan penguatkuasaan yang terhad bagi IPTS telah menimbulkan masalah berkaitan dengan kemampuan kewangan dan kualiti sektor swasta. Meskipun terdapat banyak institusi berprestasi tinggi yang menyumbang kepada kejayaan sektor pendidikan tinggi di Malaysia, namun terdapat juga institusi yang berprestasi rendah yang menjaskan reputasi IPTS.

# Objektif

Kementerian menetapkan sasaran untuk membangunkan portfolio autonomi penuh dan separa autonomi berdasarkan kesediaan dan keupayaan IPT membuat keputusan berdasarkan kepada status tadbir urus sedia ada. IPT ini akan beroperasi dalam rangka kerja kawalselia Kerajaan dengan struktur tadbir urus yang kukuh, kuasa membuat keputusan yang jelas, pengurusan pihak berkepentingan yang berkesan, serta disokong oleh keupayaan yang jitu dan pewujudan kawalan dalaman yang sewajarnya.

*Institusi yang berbeza mempunyai tahap kesediaan dan keupayaan yang berbeza untuk membolehkan autonomi yang berkesan. Sebarang peralihan kepada autonomi hendaklah dilaksanakan secara proses yang berperingkat dan beransur-ansur dalam suatu tempoh.*



# Prinsip

Strategi dan inisiatif memantapkan tadbir urus telah digubal berdasarkan kepada tiga prinsip yang saling berkait:

- **Peningkatan autonomi dan akauntabiliti.** Faktor yang menyebabkan perlunya autonomi kepada mekanisme akauntabiliti (menerusi kawalan yang bersesuaian) untuk memastikan IPT responsif terhadap kepentingan negara, kepentingan awam serantau dan keperluan untuk pelbagai kumpulan berkepentingan;

- **Proses penurunan kuasa berperingkat (*stage-gated*).** Kepelbagaiannya institusi mempunyai tahap kesediaan dan keupayaan yang berbeza untuk membolehkan pelaksanaan autonomi secara berkesan. Lonjakan dari segi autonomi perlu dilaksanakan secara beransur-ansur dan berperingkat; dan
- **Empat tonggak tadbir urus.** Tadbir urus yang baik perlu menangani persoalan struktur, hak membuat keputusan, pengurusan pihak berkepentingan dan pembinaan keupayaan.



# Strategi dan inisiatif

Terdapat dua strategi untuk melaksanakan ketiga-tiga prinsip tersebut untuk memantapkan tadbir urus dalam sistem pendidikan tinggi:

## **Strategi A: Menjelaskan peranan dan hak membuat keputusan bagi setiap pihak berkepentingan.**

Pihak Kementerian akan berperanan sebagai pembuat dasar dan pengawal selia. Sehubungan itu, kementerian akan menurunkan hak membuat keputusan secara berperingkat kepada universiti awam menurut kesediaan masing-masing. Penurunan kuasa ini akan dilaksanakan dalam tiga peringkat merangkumi empat bidang utama berkaitan pentadbiran dan tadbir urus, pendanaan

dan pengurusan kewangan, pengambilan, pelan kemasukan dan kurikulum serta pengurusan sumber manusia;

## **Strategi B: Mengimbangkan autonomi dengan akauntabiliti.**

Peningkatan autonomi institusi memerlukan peningkatan akauntabiliti. Bagi menyeimbangkan autonomi yang diberikan kepada IPT awam maka mekanisme akauntabiliti yang lebih mantap akan diperkenalkan menerusi kontrak prestasi lima tahun (3+2) dan peningkatan rangka kerja jaminan kualiti. Kementerian akan menjelas dan memaklumkan amalan terbaik tadbir urus IPT, termasuklah rangka kerja penilaian keberkesanan tadbir urus dan Lembaga Pengarah.



## Inisiatif A1

# Peranan baharu Kementerian di IPT awam

Hubungan antara Kementerian dengan IPT awam boleh dikategorikan kepada empat: penyedia utama dana, pengawal selia dan pembuat dasar, pemantau, dan pengawal (seperti ditunjukkan dalam Paparan 6-2). Empat kategori tersebut menjelaskan peringkat pembangunan pelbagai institusi.

Bagi universiti awam, peranan Kementerian boleh digambarkan sebagai pengawal tegas (*tight controller*). Sebelum ini pendekatan sedemikian sesuai kerana universiti awam masih lagi membangunkan kapasiti dan keupayaan untuk memastikan tadbir urus yang berkesan. Memandangkan kapasiti dan keupayaan ini telahpun dibangunkan, maka peranan Kementerian akan bertukar kepada pengawal selia dan pembuat dasar (*regulator and policymaker*).



Dengan memainkan peranan sebagai pengawal selia dan pembuat dasar, Kementerian berupaya menyeimbangkan sasaran dalam menetapkan agenda kebangsaan berkaitan dengan autonomi institusi. Ini merupakan peranan

Kerajaan dalam konteks beberapa buah universiti penanda aras di Asia, termasuklah *National University of Singapore*, *University of Tokyo* dan *National Taiwan University*. Perubahan peranan Kementerian untuk memberi autonomi yang lebih meluas kepada universiti awam akan dilaksanakan secara berperingkat sesuai dengan keupayaan masing-masing.

Peranan semasa Kementerian juga adalah sebagai pengawal tegas kepada politeknik dan kolej komuniti. Struktur tadbir urus institusi ini, terutamanya kolej komuniti, masih lagi berpusat maka tempoh yang lebih lama diperlukan untuk meningkatkan keupayaan tadbir urus kendiri berbanding dengan universiti awam. Kementerian akan melaksanakan penurunan kuasa secara berperingkat kepada institusi tersebut apabila mereka telah lebih bersedia dan menjadi sebuah badan berkanun.

## PAPARAN 6-2

### Peranan Kementerian dalam pendidikan tinggi

	Kawalan rendah				Kawalan tegas	
	Penyedia dana garis asas	Pengawal selia dan pembuat dasar	Pengawas	Pengawal yang tegas		
Ciri-ciri utama	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menyediakan pendanaan langsung bagi setiap pelajar</li> <li>▪ Menyediakan dana penyelidikan secara tidak langsung yang berdaya saing melalui agensi</li> </ul>	<p>Semua peranan <b>penyedia dana garis asas</b>, di samping:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menetapkan rangka kerja dasar dan perundangan keseluruhan</li> <li>▪ Menentukan sasaran utama untuk kemasukan siswazah</li> <li>▪ Menyediakan rangka kerja untuk pendanaan langsung bagi bidang penyelidikan kritikal (agenda tetapan untuk universiti)</li> </ul>	<p>Semua peranan <b>pengawal selia dan pembuat dasar</b>, di samping:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pembuat keputusan strategik langsung secara keseluruhan</li> <li>▪ Boleh menetapkan kriteria kemasukan bagi setiap program</li> <li>▪ Menyokong universiti dalam projek pelaburan yang besar (alternatif kepada endowmen dalam model kawalan yang lebih rendah)</li> </ul>	<p>Semua peranan <b>pengawas</b>, disamping:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Melantik Presiden atau Naib Canselor dan pegawai-pegawai kanan</li> <li>▪ Banyak terlibat dalam <ul style="list-style-type: none"> <li>— Penetapan strategi dan operasi penyampaian secara menyeluruh</li> <li>— Penetapan dasar pada semua peringkat keputusan utama</li> </ul> </li> <li>▪ Kawalan dikuatkuasakan melalui pendanaan yang banyak</li> </ul>		
Contoh	Oxford <sup>1</sup>  Cambridge <sup>1</sup> 	NUS  Tokyo  Universitas Indonesia  National Taiwan U  Chulalongkorn U 	UC Berkeley 	Tsinghua 	UNIVERSITY OF MALAYA 	Institusi pengajian tinggi awam

<sup>1</sup> Oxford dan Cambridge dijangka menambah dana pengajaran dengan pengumpulan dana sendiri

SUMBER: temu bual, laman sesawang universiti

## Inisiatif A2

# Mengkaji semula struktur tadbir urus dan hak membuat keputusan oleh universiti awam dan IPT swasta

Untuk membolehkan autonomi dan akauntabiliti yang lebih meluas, Kementerian akan menyemak empat dimensi struktur tadbir urus (profil, peranan, tanggungjawab dan akauntabiliti) serta hak membuat keputusan.

Bagi universiti awam, Kementerian akan melaksanakan perubahan berikut:

- **Profil:** Pada masa ini, Ahli Lembaga Pengarah terdiri daripada warga tempatan dengan kriteria pemilihan berdasarkan komposisi, keahlian ditetapkan mewakili pelbagai institusi, tetapi bukan berdasarkan kemahiran atau keperluan khusus setiap universiti. Perubahan yang dicadangkan membolehkan Lembaga Pengarah dianggotai oleh perwakilan yang lebih meluas termasuklah kepelbagaian *gender* dan warga antarabangsa. Selain itu, spesifikasi set kemahiran dan tahap komitmen akan ditetapkan untuk semua ahli;
- **Peranan dan tanggungjawab:** Kementerian akan memberi pilihan kepada universiti awam untuk memisahkan antara peranan pentadbiran/pengurusan dengan peranan akademik. Pada masa ini, Naib Canselor bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua urusan akademik, pentadbiran dan pengurusan. Walau bagaimanapun, memandangkan IPT sedang berkembang ke arah autonomi yang lebih meluas, maka universiti mempunyai pilihan untuk mewujudkan dua jawatan yang berasingan: (a) jawatan mengetuai universiti dalam hal ehwal pentadbiran dan pengurusan, seperti perancangan strategik dan pengumpulan dana (contoh: Presiden atau Naib Canselor), (b) jawatan menguruskan hal ehwal akademik dan penyelidikan (contoh: *Provost* atau Timbalan Naib Canselor). Ini adalah amalan kebanyakan universiti di Amerika Syarikat, Hong Kong dan Jepun dan semakin diguna pakai di UK. Selain itu, bagi membolehkan pengurusan pendapatan dan kewangan IPT yang lebih berkesan, Kementerian akan memberi fokus kepada peningkatan profesionalisma kepemimpinan IPT, terutamanya untuk peranan pentadbiran dan kawalan kewangan. Selari dengan usaha mempelbagaikan sumber pendapatan masing-masing, semua universiti digalakkkan untuk terus menambah baik keupayaan pengurusan kewangan seperti melantik Ketua Pegawai Kewangan (*Chief Financial Officer, CFO*). Kementerian juga menggalakkan IPT untuk mewujud dan memantapkan tadbir urus dana endowmen yang berasingan daripada pentadbiran harian universiti;
- **Akauntabiliti:** Menteri akan mengekalkan kuasa untuk melantik Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor dan Ahli Lembaga yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Pencalonan. Senarai calon Ahli LPU akan dikemukakan oleh Pengerusi LPU dan dilantik oleh Menteri. LPU bertanggungjawab sepenuhnya terhadap tadbir urus dan kebijakan universiti serta semua kepentingan yang berkaitan dengan pelajar, komuniti akademik dan alumni. LPU memiliki tanggungjawab fidusiai

dan mesti menyediakan pengawasan terhadap aset, kewangan dan strategi keseluruhan universiti bagi kemampanan dan ketahanan institusi. Naib Canselor akan bertanggungjawab secara langsung kepada LPU dan akan bertanggungjawab terhadap strategi keseluruhan pengurusan harian institusi. Naib Canselor memiliki kuasa untuk mengenal pasti dan melantik ahli lain dalam Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU). Semua lantikan akan dilaksanakan melalui proses perundingan yang telus. Pada masa hadapan, Kementerian akan terus mengkaji dan menilai kesediaan universiti awam dan LPU diberi hak membuat keputusan pelantikan lebih luas; dan

- **Hak Membuat Keputusan:** Pelbagai hak membuat keputusan berkaitan pentadbiran, pendanaan, akademik dan pengurusan sumber manusia akan dipindahkan daripada Kementerian kepada LPU, Senat dan jabatan berkaitan, seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 6-3. Walau bagaimanapun, keputusan berkaitan dasar peringkat kebangsaan akan kekal di Kementerian.


Untuk memastikan pengurusan universiti awam bersedia secukupnya untuk melaksanakan peranan baharu ini, perubahan yang dicadangkan dalam struktur tadbir urus dan hak membuat keputusan universiti awam akan dilaksanakan secara berfasa, sebagaimana Paparan 6-4. Sebagai persediaan, universiti awam perlu menunjukkan kecemerlangan rekod prestasi akademik dan tadbir urus. Sebagai contoh, menerusi keputusan audit Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) yang cemerlang dalam semua aspek Indeks Takbir Urus Universiti (UGGI). Fasa ini melibatkan:

- **Pembinaan asas** dengan memberikan autonomi akademik yang meluas dan juga autonomi terhad dalam aspek pembiayaan, sumber manusia dan perolehan. Autonomi diberikan mencakupi hak membuat keputusan selepas dianggap layak menerusi audit dan penilaian kendiri UGGI. Fasa ini juga akan membangunkan asas untuk autonomi tadbir urus dengan memantapkan komposisi LPU;
- **Mempercepat proses autonomi** dengan mengutamakan autonomi akademik, meningkatkan autonomi dari segi pembiayaan, sumber manusia dan perolehan, serta mengukuhkan autonomi tadbir urus; dan
- **Mencapai autonomi penuh** seperti yang dihasratkan menerusi rangka kerja pengawalseliaan dengan mencapai autonomi sepenuhnya dalam semua bidang: tadbir urus, pembiayaan dan perolehan, sumber manusia dan akademik. Fasa ini merangkumi pemberian kuasa kepada LPU untuk melantik jawatan utama pengurusan universiti awam.

Namun demikian, beberapa bidang akan terus dikawal oleh Kerajaan selaras dengan peranannya sebagai pengawal selia dan penggubal dasar. Bidang ini termasuk penetapan rangka kerja dasar keseluruhan, penetapan sasaran bilangan pengambilan pelajar, penetapan rangka kerja bagi pembiayaan

## Pemindahan hak membuat keputusan daripada kerajaan kepada universiti awam (pada akhir 10 tahun)

Kerajaan  
 Kepimpinan universiti  
 (contoh, presiden, lembaga)  
 Kolej/jabatan



langsung untuk bidang penyelidikan yang kritikal, dan penetapan had yuran pendidikan pra-siswazah.

Bagi IPT swasta, Kementerian akan beralih kepada kawalselia kendiri dan kawalselia bersama yang lebih luas. Kawalselia kendiri melibatkan proses permohonan dan pemprosesan permit, seperti permit pengajaran, dan penetapan yuran, yang akan ditawarkan kepada IPT swasta yang mempunyai keupayaan tadbir urus yang tinggi. Keupayaan ini akan dinilai menerusi rangka kerja penilaian keberkesanan tadbir urus IPT, serta rekod prestasi pencapaian pelajar. Pengawalseliaan bersama antara IPT dengan Kerajaan akan melibatkan IPT swasta yang menunjukkan keupayaan tadbir urus yang perlu diperteguhkan lagi.

Sehubungan dengan itu, Kementerian akan menyemak semula perundangan dan pekeliling sedia ada berkaitan dengan sistem pendidikan tinggi, melalui perundingan dengan pihak berkaitan. Kajian semula ini bertujuan untuk (i) membantu dan memudahkan tadbir urus baharu dan hak membuat keputusan, (ii) memperkenalkan dan menggunakan rangka kerja kontrak prestasi dan penilaian dalam tadbir urus IPT, (iii) mengharmonikan IPT awam dan swasta dari segi dasar dan rangka kerja, serta (iv) mengelakkan pertindihan dalam peraturan dan statut IPT. Di samping itu, Kementerian akan bekerjasama dengan agensi lain untuk mengubah suai garis panduan dan pekeliling berkaitan pembiayaan, akademik dan pengurusan sumber manusia bagi membolehkan IPT

menggunakan sepenuhnya autonomi yang diperuntukan undang-undang. Dalam jangka panjang, Kerajaan akan mengkaji kemungkinan untuk menggubal Akta Pendidikan Tinggi bersepadu yang merangkumi semua jenis IPT.

Berbanding dengan universiti awam, Kementerian masih mengekalkan tahap kawalan yang lebih tinggi terhadap politeknik dan kolej komuniti untuk memastikan pencapaian sasaran yang ditetapkan. Bagi politeknik, Kementerian sedang mewujudkan struktur tadbir urus baharu untuk mentransformasi 33 politeknik menjadi sebuah badan berkanun berbilang kampus yang dikenali sebagai Politeknik Malaysia. Pada masa ini, setiap politeknik merupakan jabatan kerajaan yang diketuai oleh seorang Pengarah. Di bawah struktur tadbir urus yang baharu, setiap politeknik akan menjadi kampus cawangan bagi badan berkanun tersebut. Bagi kolej komuniti, yang ditubuhkan sejak 2001, Kementerian akan terus memberikan tumpuan untuk melonjakkan lagi pertumbuhan, perkembangan, tadbir urus yang lebih cekap, bertunjangkan Pelan Pemerkasaan Kolej Komuniti (2000-2015). Kementerian akan terus menilai dan mengkaji semula kesediaan politeknik dan kolej komuniti untuk menentukan masa yang sesuai diberikan hak membuat keputusan. Hak ini meliputi penentuan strategi, perlantikan jawatan pengurusan, kelulusan belanjawan dalaman, pengurusan perolehan, pelaburan menyediakan prasarana, membuat keputusan pentadbiran dan keputusan pengambilan pelajar dan hal ehwal sumber manusia.



## Tiga peringkat pelaksanaan perubahan dalam struktur tadbir urus dan hak membuat keputusan

Mendapat status autonomi dan hak membuat keputusan **bergantung kepada kesediaan** IPT berasaskan penilaian UGGI

	Pembinaan Asas	Pemecutan	Pencapaian
Tindakan utama	<p><b>Autonomi akademik yang ketara</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Memberi Senat kuasa untuk meluluskan program baharu tanpa pendanaan kerajaan</li> <li>Memberi Lembaga kuasa untuk meluluskan peruntukan dalaman untuk mewujudkan fakulti/pusat/sekolah/program</li> <li>Memberi IPT kuasa untuk menamatkan kursus yang kadar kemasukannya rendah</li> <li>Memberi IPT kuasa untuk melaksanakan pengurusan enrolmen</li> <li>Merintis hak pemilihan kemasukan untuk program terpilih</li> <li>Kelulusan kementerian tidak diperlukan untuk semua program terpilih</li> </ul> <p><b>Sumber Manusia, autonomi pendanaaan dan perolehan terhad</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Meningkatkan autonomi dalam pengumpulan dana (contoh, endowmen dan wakaf)</li> <li>Memberi kuasa kepada IPT untuk melaksanakan sistem tambahan (<i>top up</i>) kenaikan pangkat staf jika dana dijana sendiri</li> <li>Pengecualian geran daripada &lt;5% pemilikan saham</li> <li>Menaikkan had umur untuk pengambilan kontrak</li> <li>Menbenarkan pengecualian untuk Kementerian Kewangan bagi had perolehan dan prosedur tender</li> </ul> <p><b>Asas terhadap autonomi tadbir urus</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mengubah komposisi lembaga berdasarkan set kemahiran dan tidak terhad pada warganegara Malaysia</li> </ul>	<p><b>Autonomi akademik lengkap</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Memindahkan keperluan program, kemasukan keputusan dan kelulusan program kepada IPT</li> </ul> <p><b>Sumber Manusia, autonomi pembiayaan dan perolehan yang signifikan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan formula pembiayaan baharu (contoh, pembiayaan berkait dengan bilangan pelajar dan metrik prestasi) di samping mekanisme pematuhan baharu</li> <li>Meningkatkan tambahan (<i>top-up</i>) dan skim insentif serta prestasi berdasarkan kontrak pelantikan</li> </ul> <p><b>Peningkatan autonomi tadbir urus</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Memerkasakan Lembaga untuk menilai prestasi kepemimpinan (contoh, Naib Canselor atau Presiden) dan meluluskan strategi IPT</li> <li>Menerima guna rangka kerja penilaian berkesan untuk tadbir urus IPT</li> </ul>	<p><b>Sumber Manusia, autonomi perolehan dan pendanaan menyeluruh</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan kitaran penilaian belanjawan antara 3-5 tahun dengan kontrak prestasi sepadan</li> <li>Memberikan kebolehan untuk memilih keluar daripada skim sumber manusia perkhidmatan awam</li> <li>Memberi IPT keputusan penuh bagi perolehan</li> </ul> <p><b>Autonomi dalam hak perlantikan kepemimpinan paling kanan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Meningkatkan kuasa Lembaga Pengarah dalam urusan pelantikan (berdasarkan kepada tahap kesediaan)</li> <li>Melaksanakan peranan akademik dan pentadbiran secara terpisah (jika berkenaan)</li> </ul>
Kriteria contoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>Skor 80% UGGI pada dimensi akademik, kewangan, tadbir urus dan sumber manusia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Skor &gt; 90% pada dimensi UGGI secara menyeluruh, dengan kemas kini seksyen Kewangan untuk menunjukkan formula pendanaan baharu</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Autonomi boleh dibatalkan jika IPT tidak dapat mengekalkan kecemerlangannya dan mematuhi kontrak prestasi</li> </ul>

## Inisiatif B1

# Menyediakan kontrak prestasi baharu dan memperkuuhkan rangka kerja jaminan kualiti

Pemberian autonomi yang lebih meluas memerlukan peningkatan akauntabiliti bagi memastikan IPT memenuhi prestasi yang ditetapkan. Paparan 6-5 menunjukkan dua aspek akauntabiliti iaitu rangka kerja jaminan kualiti dan kontrak prestasi. Sehubungan itu, Kementerian akan mengambil langkah berikut:

- **Memperkuuh Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA)<sup>5</sup>, Sistem Penilaian Kualiti Kolej Swasta Malaysia (MyQuest)<sup>6</sup>, PolyRate dan MySpeKK.**

Kementerian akan bekerjasama dengan MQA untuk memudahkan proses penyertaan dalam SETARA dan MyQuest oleh universiti awam dan IPT swasta, dan memastikan metrik yang dinilai adalah mantap dan relevan. Kementerian juga akan mewajibkan penyertaan dalam SETARA atau MyQuest untuk melayakkan IPT swasta memperoleh dana yang disediakan oleh kerajaan (contoh: pinjaman PTPTN, geran penyelidikan) dan pelbagai manfaat lain

(contoh: pengecualian cukai<sup>7</sup>, pengurangan penyeliaan Kementerian<sup>8</sup> dan tempoh lesen lebih panjang). Manfaat tersebut boleh disalurkan kepada IPT swasta berdasarkan kepada pencapaian institusi masing-masing; dan

- **Menguatkuasakan kontrak prestasi 5 tahun (3+2) yang menyeluruh antara Kementerian dengan IPT awam menerusi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan sasaran yang jelas.**

Sebagaimana dalam Lonjakan 5: Kemampanan Kewangan, Kementerian akan memperkenalkan kontrak prestasi berbilang tahun (*multi-year*) dengan IPT awam, bermula dengan beberapa buah universiti. KPI dan sasaran akan ditetapkan berdasarkan kepada kategori institusi. IPT berkenaan akan menghadapi risiko pengurangan penyaluran dana jika KPI dan sasaran yang ditetapkan tidak tercapai. Untuk menguatkuasakan kontrak prestasi 5 tahun (3+2), maka penilaian prestasi kendiri institusi perlu dikemukakan kepada Kementerian setiap tahun. Audit prestasi oleh Kementerian akan dilaksanakan pada tahun ketiga.

## PAPARAN 6-5

### Kontrak prestasi ke arah autonomi dan akauntabiliti



<sup>5</sup> Malaysian Qualifications Agency (2011). *Setara 11'-2011 Rating System for Malaysian Higher Education Institutions*. Diperoleh dari <http://www.cybermed.edu.my/quamec/download/SETARA2011.pdf>

<sup>6</sup> Ministry of Education, Malaysia (2014). *Quality Evaluation System (MyQUEST) for Private Colleges*. Diperoleh dari <http://jpt.moe.gov.my/PENGUMUMAN/MyQUESTSlide.pdf>

<sup>7</sup> Contoh merit pengecualian cukai 40% pelajar antarabangsa.

<sup>8</sup> Contoh pengurangan penyeliaan merangkumi pelawaan untuk akreditasi sendiri pengecualian audit bangunan ketika akreditasi program, dan pengecaulian sari permit mengajar.

## Inisiatif B2

# Menyediakan rangka kerja amalan terbaik untuk tadbir urus IPT

Untuk meningkatkan akauntabiliti IPT, Kementerian akan menyedia dan memaklumkan amalan terbaik tadbir urus IPT. Rangka kerja ini bersifat menyeluruh untuk menilai keberkesanan tadbir urus institusi, termasuklah penilaian Ahli LPU; ini berasaskan kepada Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia<sup>9</sup> (KTUKM) dan *Government-Linked Company Transformation* (GLCT) *Green Book*<sup>10</sup> berkaitan dengan keberkesanan tadbir urus lembaga pengarah. Penerimapakaian dan pelaporan rangka kerja ini akan diwajibkan kepada universiti awam. Manakala IPT swasta akan diberi pilihan untuk menerima pakai rangka kerja ini selari dengan kawalselia kendiri. Kementerian menggalakkan semua IPT untuk melaksanakan penilaian dan audit secara berkala, telus dan bebas dari lembaga dan tadbir urus masing-masing.

<sup>9</sup> Securities Commission Malaysia (2012). *Malaysian Code on Corporate Governance*. Diperoleh dari [http://www.pwc.com/en\\_MY/my/assets/publications/pwcalert103-cg.pdf](http://www.pwc.com/en_MY/my/assets/publications/pwcalert103-cg.pdf).

<sup>10</sup> Putrajaya Committee on GLC High Performance (PCG) (2006). *The Green Book: Enhancing Board Effectiveness*. Diperoleh dari [http://www.pcg.gov.my/PDF/GREENBOOK\\_BINDER.pdf](http://www.pcg.gov.my/PDF/GREENBOOK_BINDER.pdf).



### Kotak 6-1

#### Takrifan dan jenis IPT semasa

Sistem perundangan pendidikan tinggi di Malaysia mentakrifkan IPT sebagai sama ada sebuah institusi awam atau institusi swasta. Bagaimanapun, takrifan ini tidak memberi gambaran tentang amalan sebenar. Terdapat empat model operasi IPT di Malaysia:

- Universiti nasional yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan dan ditubuhkan melalui Akta Perlimen, seperti UM, USM, UPM. Kategori ini merupakan institusi awam yang meliputi 20 buah universiti sebagai badan berkanun;
- Institusi tajaan kerajaan persekutuan atau kerajaan negeri yang ditubuhkan di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 seperti UniKL, UIAM, UNISEL, KUISAS, KUIM, KUIS ketika ini dikategorikan sebagai institusi swasta;
- Institusi swasta yang ditubuhkan di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 yang biasanya berdasarkan keuntungan seperti Taylor's University, MSU, HELP University. Jenis ini adalah dikategorikan sebagai universiti swasta; dan

- Institusi swasta yang ditubuhkan oleh sesebuah YAYASAN yang biasanya beroperasi sebagai organisasi tidak bermatlamatkan keuntungan seperti UTP, UTAR, Wawasan University, Sunway University dan INCEIF yang juga dikategorikan sebagai institusi swasta

#### Takrifan dan jenis IPT akan datang

Terdapat empat model operasi semasa IPT di Malaysia. Kementerian mengiktiraf setiap satu IPT ini dari segi sumbangan kepada kemajuan sistem pendidikan tinggi negara. Untuk terus maju, jenis ini akan dikekalkan dan diiktiraf oleh Kerajaan:

- **Institusi Nasional;**
- **Institusi Negeri;**
- **Institusi Swasta; dan**
- **Institusi Berasaskan Yayasan.**

Pentakrifan ini akan memudahkan tadbir urus, hak membuat keputusan yang berkaitan dan pemantauan yang lebih mantap terhadap IPT oleh Kementerian selari dengan model operasi berbeza mengikut cabaran dan matlamat penubuhannya.

# Pelan tindakan pelaksanaan inisiatif

Strategi dan inisiatif dalam Lonjakan ini telah disusun dengan teliti merentas tiga fasa untuk mengelak daripada terlalu membebankan sistem, dan memastikan setiap fasa yang berturutan meneruskan asas yang dibina sebelumnya. Perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap proses pelaksanaan akan dijalankan mengikut hala tuju yang dicadangkan dalam Paparan 6-6 yang berikut.

## PAPARAN 6-6

	Fasa 1 (2015)	Fasa 2 (2016-2020)	Fasa 3 (2021-2025)
<b>Strategi A</b> Mentakrifkan semula peranan dan hak membuat keputusan <span style="color: red; border-radius: 50%; padding: 2px 5px;">A</span>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Melaksanakan “Pembinaan Asas” di semua universiti awam, yang memfokuskan pemantapan tadbir urus, komposisi lembaga pengarah, dan peningkatan autonomi akademik;</li> <li>▪ Mewujudkan garis panduan untuk mempercepat proses akreditasi kendiri bagi IPT yang mempunyai prestasi kualiti yang kukuh; dan</li> <li>▪ Menetunkan garis panduan yang jelas untuk pengawalseliaan kendiri dan pengawalseliaan bersama bagi IPTS melalui rundingan dengan pihak berkepentingan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menyempurnakan peringkat “Pencepatan” bagi sekurang-kurangnya 80% daripada universiti awam, dengan memfokuskan pada penambahbaikan tadbir urus, sumber manusia, pendanaan dan autonomi pemerolehan;</li> <li>▪ Melaksanakan pengawalseliaan kendiri dan pengawalseliaan bersama di IPT swasta perintis;</li> <li>▪ Mengkaji semula peraturan dan pekeliling sedia ada untuk menyokong dan memudahkan pendekatan tadbir urus baharu, rangka kerja kontrak prestasi baharu, dan untuk penyeragaman di seluruh universiti awam dan IPT swasta; dan</li> <li>▪ Mengkaji semula dan meneliti penubuhan Akta Pendidikan Tinggi bersepadu yang terpakai kepada semua jenis IPT awam dan swasta.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menyempurnakan peringkat “Pencepatan” dan “Pencapaian” di semua universiti awam, dengan institusi mempunyai keseluruhan set tadbir urus, pendanaan, HR dan hak pemerolehan; dan</li> <li>▪ Memperluas pengawalseliaan kendiri dan pengawalseliaan bersama di semua IPT swasta.</li> </ul>
<b>Strategi B</b> Mengimbangkan autonomi dengan akauntabiliti <span style="color: red; border-radius: 50%; padding: 2px 5px;">B</span>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menyusun dan berkongsi amalan dalam terbaik dalam pengurusan prestasi IPT dan mewujudkan garis panduan bagi KPI dan kontrak prestasi;</li> <li>▪ Mengkaji semula dan mempermudah proses jaminan kualiti dan penarafan institusi oleh MQA</li> <li>▪ Menyusun dan berkongsi amalan terbaik mengenai tadbir urus dan keberkesaan IPT</li> <li>▪ Membangunkan rangka kerja penilaian keberkesaan Lembaga Pengarah.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Memperkenalkan kontrak prestasi bertempoh 5 tahun (3+2) untuk universiti awam;</li> <li>▪ Mewajibkan penerimاغunaan rangka kerja keberkesaan Lembaga Pengarah untuk universiti awam, dan menggalakkan penerimاغunaan rangka kerja yang sama untuk universiti swasta; dan</li> <li>▪ Mewajibkan penerimاغunaan sistem penarafan institusi seperti SETARA dan MyQUEST untuk IPT swasta (dan menghubungkannya dengan pendanaan, spt. pinjaman PTPTN pelajar).</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menyempurnakan peralihan kepada kontrak prestasi bertempoh lima tahun (3+2) untuk semua universiti awam.</li> </ul>

# Kesimpulan

Kementerian menetapkan sasaran untuk membangunkan portfolio IPT autonomi penuh dan separa autonomi berdasarkan kesediaan dan kapasiti masing-masing dalam membuat keputusan. Tadbir urus mantap sedemikian adalah penting untuk memastikan IPT tempatan mampu melakar destinasi perjalanan masing-masing berdasarkan konteks dan kekuatan tersendiri, dalam mencapai aspirasi yang telah dikemukakan dalam PPPM (PT) ini.

Dalam melaksanakan Lonjakan yang penting ke arah memainkan peranan utama sebagai pengawal selia dan pembuat dasar, Kementerian komited untuk memastikan kejelasan peranan dan peranan di kalangan pihak berkepentingan dalam sistem pendidikan tinggi di samping mentakrifkan semula hak membuat keputusan serta struktur tadbir urus IPT. Pada akhirnya, IPT perlu memahami bahawa pemantapan hadir seiring dengan akauntabiliti, justeru mengambil dan menerima guna kedua-dua prinsip tersebut merupakan kunci utama kejayaan.

# Kaedah pemantauan

Kementerian akan memantau perkembangan dan impak Lonjakan ini berdasarkan penilaian berdasarkan hasil. Pemantauan ini tidak terhad kepada senarai berikut dan boleh ditambah baik. Sasaran akan ditetapkan secara tahunan:

- Peratusan universiti awam dari segi tahap penurunan kuasa – “**Membina Asas**”, “**Mempercepat**” dan “**Mencapai**”;
- Peratusan IPT yang telah melaksanakan **penilaian keberkesanan** LPU dan tadbir urus;
- Peratusan IPT yang telah mematuhi **rangka kerja pelaporan** kewangan dan tadbir urus yang baharu;
- Peratusan IPT yang mencapai standard minima **SETARA**, **MyQUEST**, **PolyRate** and **MySpekk**; dan
- Peratusan universiti swasta yang telah **diiktiraf melaksanakan pengawalseliaan kendiri atau pengawalseliaan bersama**.

Lonjakan





# Ekosistem Inovasi

Malaysia berhasrat untuk menjadikan inovasi sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara. Sebagai salah satu peneraju utama dalam landskap inovasi negara, Kementerian berperanan penting membangunkan ekosistem inovasi. Untuk terus berkembang pesat, ekosistem ini memerlukan perkongsian kerjasama yang menggabungkan lingkaran empat pihak (*quadruple helix*), terdiri daripada akademia, industri, kerajaan dan komuniti. Kerjasama ini mempercepatkan pengkomersilan idea.

Lonjakan ini menggariskan prinsip, strategi dan inisiatif yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Kementerian. Keberhasilan yang dihasratkan menerusi pelan ini termasuk penetapan beberapa bidang penyelidikan strategik and berfokus, dan penyediaan mekanisme pendanaan untuk memangkinkan penglibatan dan pelaburan yang lebih besar oleh sektor swasta. Kementerian juga akan bekerjasama dengan semua IPT dan agensi lain untuk mewujudkan persekitaran yang menyokong penyelidikan yang dipacu-universiti dan dipacu-industri.

# Kepentingan

Transformasi Malaysia daripada negara berpendapatan sederhana kepada negara maju berpendapatan tinggi memerlukan lonjakan kepada aktiviti yang menekankan nilai tambah dan pengetahuan yang mendalam. Sehubungan itu, inovasi menjadi tonggak kepada transformasi ini.

## Inovasi sebagai penggerak pertumbuhan

Antara tahun 1970-1995, lebih separuh daripada jumlah pertumbuhan output di negara maju dipacu oleh inovasi<sup>1</sup>. Memandangkan ekonomi menjadi lebih berintensifkan pengetahuan, kadar pertumbuhan tersebut yang dipacu oleh inovasi dijangka meningkat. Pengalaman beberapa negara menunjukkan inovasi memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi dan mencipta nilai (Paparan 7-1). Ekosistem inovasi memudahkan aktiviti dan budaya penyelidikan untuk membolehkan warga akademik dan institusi penyelidikan, perusahaan kecil dan sederhana (PKS), syarikat besar, dan

pelabur mengumpul sumber dan bekerjasama (Paparan 7-2). Kerjasama yang terhasil dapat membentuk, mengembang dan memasarkan idea baharu untuk menggalakkan pertumbuhan dalam bidang keutamaan negara. Pelaksanaan konsep lingkaran empat pihak (*quadruple helix*) antara akademia, industri, kerajaan dan masyarakat memerlukan pendekatan bekerja secara kolaboratif.


## Program Transformasi Ekonomi (ETP)

Pencapaian matlamat program ETP memerlukan pembangunan ekosistem inovasi yang berkesan. ETP mengenal pasti 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (*National Key Economic Areas, NKEA*) yang memerlukan Malaysia beranjak kepada rantaian nilai yang lebih tinggi untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi. Aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan (R, D&C) yang mantap diperlukan untuk Malaysia bersaing dalam ekonomi global.

### PAPARAN 7-1

#### Korelasi antara kapasiti untuk inovasi dan PNK per kapita

Inovasi dan PNK per kapita didapati berkorelasi  
PNK per kapita<sup>1</sup>, Dolar AS



<sup>1</sup> Bagi 113 negara di seluruh dunia, dalam tempoh 12 bulan sehingga Okt 2009


<sup>2</sup> Forum Ekonomi Dunia (WEF) definisi: Perkadar teknologi berlesen berbanding yang asal

SUMBER: Statistik Organisasi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD); Tinjauan Pendapat Eksekutif WEF 2008/2009

<sup>1</sup> Simmie, J., Sennett, J., Wood, P., & Hart, D (2002). *Innovation in Europe, a Tale of Networks, Knowledge and Trade in Five Cities, Regional Studies*, Vol. 36, pp. 47-64. Diperoleh dari <http://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/00343400120099852#.VQCTbXyUd1Y>

### PAPARAN 7-2

#### Representasi visual ekosistem inovasi



<sup>1</sup> MRUs - Universiti Penyelidikan  
<sup>2</sup> SME - Perusahaan kecil dan sederhana  
<sup>3</sup> MOE - Kementerian Pendidikan Malaysia

<sup>4</sup> MOSTI - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi  
<sup>5</sup> MOF - Kementerian Kewangan  
<sup>6</sup> EPU - Unit Perancangan Ekonomi

# Kedudukan Malaysia


Terdapat 14 kementerian dan agensi yang terlibat dalam landskap inovasi di Malaysia. Kementerian Pendidikan (Kementerian) dan Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) adalah agensi pendanaan utama. Agensi MOSTI, seperti Majlis Inovasi Negara (MIC), Majlis Sains dan Penyelidikan Negara (NSRC) dan Agensi Inovasi Malaysia (AIM) memainkan peranan strategik untuk membiayai dan memacu aktiviti R,D&C. Selain itu, Jawatankuasa Pelaburan Dana Awam (JKPDA) telah ditubuhkan pada tahun 2013 untuk menyelaraskan projek penyelidikan dan memantau perbelanjaan awam berkaitan R,D&C.

Kementerian merupakan agensi terbesar dalam landskap inovasi negara, dengan pembiayaan sebanyak kira-kira RM3.07 bilion dari peruntukan 2011-2014 (Paparan 7-3). Pembiayaan Kementerian merangkumi keseluruhan rantaian nilai daripada peringkat pra-R&D, R&D hingga pra-pengkomersilan. Pembiayaan penyelidikan oleh pihak Kementerian terbahagi kepada beberapa kategori seperti yang berikut:

- Universiti Penyelidikan Malaysia (MRU): berdasarkan penilaian Instrumen Taksiran Penyelidikan Malaysia (MyRA), lima buah universiti awam diiktiraf oleh Kementerian sebagai hab penyelidikan dan pendidikan terkemuka;<sup>2</sup>

PAPARAN 7-3

## Perincian pendanaan penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan (R,D&C)



<sup>1</sup> Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi ; Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ; Kementerian Kesihatan; Kementerian Kewangan; Kementerian Komunikasi & Multimedia; Kementerian Sumber Manusia

<sup>2</sup> Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar


<sup>3</sup> Termasuk belanjawan Kementerian Pengajian Tinggi sebelum ini

<sup>2</sup> Instrumen Taksiran Penyelidikan Malaysia merupakan instrumen taksiran kendiri untuk menilai pencapaian R&D ke arah pengiktirafan sebagai universiti penyelidikan. Taksiran ini berdasarkan lapan kriteria: (i) Kuantiti dan Kualiti Penyelidik; (ii) Kuantiti dan Kualiti Penyelidikan; (iii) Kuantiti Pelajar Pascasiswazah; (iv) Kualiti Pelajar Pascasiswazah; (v) Inovasi; (vi) Khidmat Profesional dan Hadiah; (vii) Rangkaian dan kesalinghubungan; dan (viii) Kemudahan Sokongan.

- Program Penyelidikan: Pihak Kementerian menyediakan 10 program penyelidikan yang merentas penyelidikan fundamental hingga pra-pengkomersilan untuk memenuhi keperluan kumpulan penyelidik yang berbeza dan mengoptimumkan pembiayaan geran;
- Program Penyelidikan Berimpak Tinggi: Kementerian mewujudkan inisiatif ini untuk menjadikan Universiti Malaya (UM) sebagai salah sebuah universiti penyelidikan yang terbaik di dunia;
- Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HICoE): Kementerian mewujudkan HICoE dengan tujuan memastikan IPT kekal berdaya saing dalam bidang penyelidikan tujuan; dan
- *Malaysia Laboratories for Academia-Business Collaboration* (MyLab) memfokus kepada empat sektor – nanoteknologi, bioteknologi, automotif dan aeroangkasa – yang dipacu melalui kolaborasi antara penyelidik di IPT dengan industri.

#### PAPARAN 7-4

### Perbandingan perbelanjaan domestik kasar bagi sumber pembiayaan R&D



<sup>1</sup> Data bagi Korea Selatan dan Jepun ialah dari 2011, berdasarkan data yang ada. Switzerland tiada dalam senarai kerana ia mempunyai GERD 2.87% Keluaran Dalam Negara Kasar (KNDK), tetapi tiada data terkini

<sup>2</sup> "Lain-lain" merujuk kepada pendanaan dari luar negara

### Kotak 7-1

#### Tanggungjawab pengkomersilan

Pengkomersilan merujuk kepada proses memperkenalkan produk ke pasaran atau penyelesaian yang menjana pendapatan. Penyelesaian ini termasuk:

- Penyelidikan dipacu-universiti atau digerakkan oleh penyelidik untuk memenuhi suatu keperluan dalam masyarakat atau industri pada peringkat tempatan atau global. Pertumbuhan berterusan negara boleh dipacu oleh penjanaan hak harta intelek, pewujudan syarikat terbitan untuk tujuan perlesenan teknologi dan pembangunan bakat penyelidikan berkemahiran yang dihasilkan menerusi penyelidikan fundamental. Meskipun dapatan penyelidikan dipacu-universiti mungkin mengambil masa lebih lama untuk dipasarkan, namun penyelidikan ini penting dalam mempersiagakan negara untuk bersaing dalam ekonomi berasaskan pengetahuan. Selain penyelesaian berdasarkan produk, akademia juga boleh menyediakan penyelesaian

terhadap permasalahan global dan industri melalui perkhidmatan seperti latihan, perundingan dan penyelidikan kontrak; dan

- Penyelidikan dipacu-permintaan atau dipacu-industri untuk penyelesaian permasalahan tertentu sektor atau komuniti. Hasil daripada penyelesaian yang dibangunkan lazimnya akan memasuki pasaran dengan lebih cepat. Penyelidik yang terlibat dalam penyelidikan yang dipacu-permintaan menghasilkan penyelidikan yang lebih relevan dengan industri.

Ekosistem inovasi memerlukan kolaborasi yang erat oleh lingkaran empat pihak (*quadruple helix*) – akademia, kerajaan, industri dan komuniti. Pengkomersilan idea dalam bentuk perkhidmatan dan produk merupakan tanggungjawab semua pihak. Kementerian akan mengukur matriks kejayaan keberhasilan aktiviti IPT sebagai penyedia penyelesaian dengan melihat jumlah pendapatan yang dijana.



Transformasi sistem pendidikan tinggi negara memerlukan komuniti akademik yang mantap. Kementerian menyediakan biasiswa untuk penyelidik muda seperti MyBrain15 (MyPhD, MyMaster dan MyPhD Industri), Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) dan Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI). Sebagai contoh, MyBrain15 menetapkan sasaran untuk menghasilkan 18,000 lulusan Doktor Falsafah (PhD) menjelang tahun 2015. Beberapa buah universiti penyelidikan juga telah menggunakan strategi pengambilan penyelidik terkemuka untuk memegang jawatan dalam organisasi masing-masing. Insentif kewangan menarik juga disediakan untuk penyelidik yang berjaya menerbitkan artikel dalam jurnal ISI (Indeks Saintifik Antarabangsa) atau jurnal berindeks Scopus.

Beberapa inisiatif telah diperkenalkan untuk meningkatkan kolaborasi antara industri dengan akademia. Pewujudan Pusat


Kecemerlangan Industri (ICOE) adalah penting untuk memperkuuh kolaborasi sedia ada dan menggalakkan hubungan dengan entiti tempatan dan antarabangsa pada masa depan. Program Pemindahan Ilmu (*Knowledge Transfer Programme*, KTP) telah dimulakan untuk menggalakkan pemindahan ilmu berdasarkan projek.

Walaupun negara telah banyak melabur dalam aktiviti R, D&C, perbelanjaan domestik kasar untuk R&D (GERD) mewakili hanya 1.1% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), iaitu pada kedudukan ke-32 dunia (Paparan 7-4)<sup>3</sup>. Namun hampir 40% GERD negara disumbang oleh Kerajaan yang secara relatifnya lebih tinggi apabila dibandingkan dengan negara-negara lain. Berbanding dengan negara lain, syarikat perniagaan sangat kurang memberi sumbangan untuk R&D di Malaysia. Oleh itu perlu dipentingkatkan pelaburan R&D daripada sektor swasta.


#### PAPARAN 7-5

## Penyelidik bertaraf dunia


**Jumlah penyelidik tersenarai dalam Thomson  
Highly Cited Researchers**  
2013, 3000 penyelidik teratas



**Jumlah lulusan PhD**  
Tahun terkini



**Jumlah lulusan  
PhD bagi setiap  
juta populasi**  
Tahun terkini



<sup>1</sup> Data pada tahun 2014

SUMBER: Thomson Reuters, Indikator Sains dan Kejuruteraan 2014

<sup>3</sup> UNESCO Institute for Statistics (2015). *The First Stop for Education Data*. Diperoleh dari <http://www.uis.unesco.org/>.


Bakat yang terbaik merupakan faktor penting dalam mewujudkan ekosistem inovasi yang cemerlang. Bilangan pelajar PhD di universiti awam telah meningkat sebanyak 236% sejak 2007, daripada 9,000 pelajar kepada 30,250 pelajar pada 2014. Malaysia juga telah berjaya menarik ramai pelajar antarabangsa melanjut pengajian PhD yang merangkumi 40% - 50% jumlah pelajar PhD di universiti tempatan.

Walau bagaimanapun, kumpulan pelajar PhD dan penyelidik bertaraf dunia negara masih kecil bilangannya berbanding beberapa negara seperti Paparan 7-5. Peningkatan calon PhD dan sarjana memerlukan penumpuan menangani cabaran birokrasi untuk mengambil, melantik dan mengekalkan penyelidik. Selain itu, kualiti program pasca-kedoktoran dan pascasiswazah juga harus ditambah baik.

Jumlah artikel yang diterbitkan telah meningkat sebanyak 20% pada setiap tahun sejak 2009-2013. Pada 2013 Malaysia berada pada kedudukan ke-23 pada peringkat global dalam kategori penerbitan, iaitu peningkatan daripada kedudukan ke-34 pada 2009. Apabila dibandingkan dengan negara yang menghasilkan lebih 10,000 penerbitan pada 2013, Malaysia mencapai kadar pertumbuhan tertinggi di dunia. Manakala jumlah paten berdaftar telah meningkat dengan memperlihatkan pertumbuhan tahunan sebanyak 11% sejak 2007-2011. Pada 2007 Malaysia berada pada tempat ke-32 dalam penghasilan paten dan telah menunjukkan peningkatan ke tempat ke-28 pada 2011 (Paparan 7-6). Penghasilan paten bukanlah hasrat utama, tetapi menggambarkan salah satu cara akademia menjadi penyelesaian masalah kepada masyarakat.

#### PAPARAN 7-6

### Malaysia tersenari pada kedudukan ke-28 di dunia bagi jumlah pematenan



<sup>1</sup> The Patent Cooperation Treaty

Universiti Penyelidikan menyumbang 70% daripada penerbitan akademik negara dari 2003-2012. Hasil kerjasama antara pihak universiti dengan industri, lebih RM1.2 bilion terjana melalui aktiviti Universiti Penyelidikan dalam kapasitinya sebagai penyedia penyelesaian kepada pihak industri, agensi dan NGO (2007 – 2012).

Dalam menetapkan keperluan utama kebangsaan (Paparan 7-7) Malaysia telah menyediakan beberapa rancangan, dan setiap rancangan ini mempunyai bidang keutamaan penyelidikan.

Walau bagaimanapun, penajaran seterusnya merentas pihak berkepentingan diperlukan untuk memastikan ketekalan fokus. Malaysia juga perlu menumpukan sumbernya terhadap bidang penyelidikan yang terpilih untuk terus berdaya saing pada peringkat antarabangsa.

#### PAPARAN 7-7

### Perbandingan bidang keutamaan negara merentasi agensi yang terpilih

Fokus bidang/sektor	Bidang ekonomi utama negara	Bidang utama negara (Kementerian Pendidikan)	Fokus bidang NSRC R&D (MOSTI)	Pelan Induk Industri Ke-3 (IMP3 - MITI)
Pembuatan Berat		●		● Mesin dan peralatan
Pertanian/ makanan	● Pertanian	● Keselamatan makanan	● Keselamatan makanan	● Pemprosesan halal dan makanan
Bio diversiti		● makanan	●	
E&E (elektrikal dan elektronik)	●			●
Pendidikan	●			●
Sekuriti tenaga/ tenaga	● Minyak, gas dan tenaga	●	●	● Petrokimia
Perubahan Iklim dan cuaca		●	●	
Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT)	● Kandungan dan prasarana komunikasi	●	● Keselamatan Siber	
Sains bahan				● Tekstil dan pakaian, logam
Perubatan dan Penjagaan kesihatan	●	●	●	● Peranti & farmaseutikal
Tanaman ladang	● Minyak sawit	●	● Tanaman dan komoditi Ladang	● Kayu , getah, minyak sawit
Perkhidmatan(perniagaan dan kewangan)	● Perniagaan dan kewangan			● Bukan- kerajaan
Pelancongan	●			●
Pengangkutan	● Greater KL	●	●	● Peralatan dan lojistik
Keselamatan air		●	●	
Perniagaan borong dan runcit/ perdagangan pengedaran	●			●

SUMBER: Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Kementerian Pendidikan, Kementerian Sains dan Teknologi Industri (MOSTI), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)

# Objektif

Matlamat Kementerian adalah untuk memudahkan pembangunan ekosistem inovasi dalam bidang keutamaan negara untuk merangsang pertumbuhan ekonomi. Model kolaborasi merentas akademia, industri, kerajaan dan masyarakat diperlukan. IPT, khususnya, akan meningkatkan peranan masing-masing sebagai penyedia penyelesaian masalah kepada semua pihak berkepentingan.




# Prinsip

Strategi dan inisiatif dalam Lonjakan ini berdasarkan kepada tiga prinsip:

- **Meneruskan sokongan terhadap kepelbagaiannya penyelidikan, termasuk penyelidikan fundamental dan gunaan**, untuk penemuan ilmu, pembangunan bakat dan kecemerlangan akademik.
- **Memberi keutamaan kepada bidang penyelidikan yang memberi kelebihan daya saing dan penting kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia.** Kementerian akan

menjuruskan sumber kepada bidang yang selaras dengan agenda pertumbuhan ekonomi negara.

- **Memudahkan kolaborasi antara akademia, industri, kerajaan dan masyarakat dalam mengenal pasti, membiayai, melaksana dan mengaplikasi penyelidikan.** Kementerian akan memudahkan kerjasama tersebut untuk memastikan kesalinghubungan antara permintaan industri dengan penawaran pengetahuan dan teknologi daripada akademia.



# Strategi dan inisiatif

Ekosistem inovasi memanfaatkan konsep lingkaran empat pihak (*quadruple helix*) antara akademia, industri, kerajaan dan komuniti untuk menyemai, membangun dan mengkomersil idea. Tiga strategi utama telah diwujudkan bersesuaian dengan prinsip asas untuk memperhebat model pengkomersilan dipacu-universiti dan dipacu-industri.

## Strategi A: Bersifat fokus

Strategi ini bertujuan menyelaraskan bidang penyelidikan utama negara dengan kementerian dan agensi lain, serta mewujudkan gabungan sumber dan kemudahan penting dalam beberapa bidang penyelidikan utama;

## Strategi B: Bersifat pemangkin

Strategi ini bertujuan meningkatkan keberkesanan mekanisme pendanaan semasa dan meningkatkan pelaburan daripada sektor swasta;

## Strategi C: Bersifat menyokong

Strategi ini bertujuan menyediakan persekitaran bagi menyokong proses pengkomersilan idea melalui langkah tertentu seperti pusat pemindahan teknologi, perkongsian infrastruktur dan peningkatan mekanisme pemantauan.



*Ekosistem inovasi memanfaatkan konsep lingkaran empat pihak (*quadruple helix*) antara akademia, industri, kerajaan dan komuniti untuk menyemai, membangun dan mengkomersil idea.*

## Inisiatif A1

# Penajaran perancangan strategik dengan kementerian dan agensi lain

Pelbagai pihak berkepentingan terlibat dalam landskap inovasi nasional. Setiap kementerian atau agensi perlu meneruskan dan mengukuhkan kerjasama antara satu sama lain untuk memastikan penajaran perancangan strategik dilaksanakan. Kementerian akan bekerjasama dengan agensi lain untuk menyelaraskan bidang fokus kebangsaan. Dengan itu, penyaluran geran Kementerian akan ditentukan mengikut bidang fokus tersebut.

## Inisiatif A2

# Memfokus beberapa bidang penyelidikan keutamaan

Pengagihan perbelanjaan R&D Kementerian akan lebih berkesan jika ditumpukan kepada bidang keutamaan tertentu. Oleh itu, Kementerian akan mengenal pasti dan menyokong bidang strategik ETP dengan menyediakan pelaburan sumber yang lebih besar, terutama dalam bidang kepakaran tujuan.

## Inisiatif B1

# Penambahbaikan kriteria pembiayaan, penilaian geran dan proses pemantauan projek

Kementerian akan menyediakan latihan pengurusan penyelidikan dan panel penilai dengan kerjasama AKEPT. Kementerian akan menetapkan tempoh penilaian yang sesuai supaya panel penilai boleh mengemukakan laporan penilaian yang komprehensif. Proses pemantauan juga akan ditambah baik dengan membenarkan IPT untuk menjalankan penilaian separuh penggal.

Kriteria pembiayaan akan lebih menyeluruh dan merangkumi aktiviti penyelidikan jangka pendek dan jangka panjang. Penggalakan geran padanan oleh Kementerian akan meningkatkan penglibatan rakan industri dalam aktiviti R&D, terutamanya dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

## Inisiatif B2

# Mempertingkat penggunaan skim padanan

Pihak industri kurang melabur dalam R&D kerana kurang pemahaman terhadap kebolehan R&D dalam kalangan akademia, di samping kurangnya skema geran padanan untuk menghubungkan keperluan industri dengan kepakaran akademia. Program Penyelidikan Kolaborasi Kejuruteraan, Sains dan Teknologi (CREST) yang telah dilancarkan pada 2012, dan Rangkaian Penyelidikan Awam dan Swasta (PPRN) yang diperkenalkan pada 2014 dapat merapatkan jurang ini (Paparan 7-2).

Kementerian akan mencontohi model CREST yang mempunyai penglibatan dan komitmen industri yang mantap serta keterlibatan staf akademik yang baik. Kementerian juga akan menggalakkan syarikat yang terlibat dengan bidang penyelidikan utama negara untuk terlibat dalam PPRN. Hasil pendanaan akan dipantau untuk memastikan dana tersebut digunakan untuk merangsang produktiviti industri.

Selain itu, Kementerian akan menggalakkan pembentukan tabung endowmen untuk memastikan pendanaan yang berterusan walaupun ketika berlaku kemerosotan ekonomi. Kementerian akan mencari sumber pendanaan yang pelbagai bagi dana ini, termasuk sumbangan daripada syarikat dan industri yang berkaitan.

### Kotak 7-2

#### **CREST dan PPRN**

Program CREST diwujudkan sebagai organisasi bukan berdasarkan keuntungan, dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA). Antara pengasasnya termasuk 10 syarikat dalam sektor elektrik dan elektronik (E&E), tiga agensi dan universiti. Entiti ini menggalakkan dan memudahkan penyelidikan secara kolaborasi antara universiti dan industri melalui geran R&D CREST. Untuk merangsang R&D dalam industri E&E, geran berjumlah RM14.2 juta telah dianugerahkan untuk projek R&D pada 2012. Daripada jumlah ini, sebanyak RM5.6 juta dibayai oleh CREST manakala pihak industri yang mengambil bahagian menyumbang sebanyak RM8.6 juta.

Matlamat PPRN adalah untuk menyediakan platform keberhasilan yang pantas (*quick wins*) untuk memacu kolaborasi antara industri dengan akademia dan mewujudkan rangkaian pakar. Industri mengenal pasti permasalahan yang perlu diselesaikan dan seterusnya sistem jaringan pakar akan memadankannya dengan penyelidik di universiti yang mempunyai kepakaran yang diperlukan. Pemadanan dijalankan melalui mekanisme dalam talian dan padanan langsung yang dinilai oleh pakar PPRN.


## Inisiatif C1

# Memperkuuh pusat pemindahan teknologi

Pusat pemindahan teknologi (*technology transfer office*, TTO) memainkan peranan penting dalam merangsang pemindahan teknologi daripada akademia kepada industri melalui penyediaan perkhidmatan sokongan secara menyeluruh (Paparan 7-8). Sehubungan itu, TTO di IPT tempatan perlu diperkuuh. Pegawai sedia ada belum mampu menyokong proses pengkomersilan dari awal hingga akhir. Pegawai yang dilantik dari industri pula mempunyai pengalaman dalam industri tetapi tidak mempunyai kefahaman mendalam tentang asas sains dan teknologi. Pegawai juga mempunyai peluang yang terhad untuk mengikuti latihan.

PAPARAN 7-8

## Ilustrasi perkhidmatan yang ditawarkan oleh Bahagian Pemindahan Teknologi sebagai peneraju pengkomersilan hasil R&D



SUMBER: R.Graham (2014) MIT Skoltech Initiative; Imperial Innovations

<sup>4</sup> Graham, R. (2014). Creating university-based entrepreneurial ecosystems - evidence from emerging world leaders. Diperoleh dari [http://www.rhgraham.org/RHG/Recent\\_publications\\_files/MIT%3ASkoltech%20entrepreneurial%20ecosystems%20report%202014%20\\_1.pdf](http://www.rhgraham.org/RHG/Recent_publications_files/MIT%3ASkoltech%20entrepreneurial%20ecosystems%20report%202014%20_1.pdf).

Kementerian akan membangun dan menganjurkan program latihan berkaitan hak harta intelek, perakaunan, percukaian, pemasaran dan rundingan. Program latihan ini boleh didapati secara dalam talian untuk memberi akses kepada lebih ramai peserta. Kementerian juga akan menggalakkan semua TTO di universiti dan institut penyelidikan untuk berkongsi sumber.

## Inisiatif C2

# Menambah baik peraturan dan garis panduan

Peraturan dan garis panduan yang mesra perniagaan adalah penting untuk memudahkan pengkomersilan idea. Bagi tujuan itu, Kementerian akan bekerjasama dengan IPT untuk mengenal pasti amalan terbaik dalam menangani sebarang kekangan yang wujud. Sebagai contoh, garis panduan beberapa institusi tidak menggalakkan staf akademik mempunyai syarikat sendiri apabila memegang jawatan di universiti, dengan menetapkan had terhadap jumlah ekuiti yang boleh dimiliki oleh staf akademik tersebut. Kementerian akan mengemas kini peraturan dan garis panduan berdasarkan amalan terbaik.

## Inisiatif C3

# Menggalak perkongsian prasarana

Kemudahan dan peralatan penyelidikan yang canggih di IPT adakalanya tidak digunakan sepenuhnya. Kementerian akan bekerjasama dengan IPT untuk membangunkan pangkalan data yang mengandungi maklumat kemudahan dan peralatan sedia ada untuk menggalakkan gunasama. Ini bukan sahaja akan mempertingkat kecekapan dari segi kos, tetapi juga meningkatkan kerjasama dalam kalangan penyelidik yang akan membawa kepada penyelesaian rentas disiplin yang inovatif. Insentif pendanaan juga akan dipertingkatkan bagi kerjasama rentas disiplin sedemikian. Sebagai contoh, kumpulan penyelidik yang memohon geran penyelidikan rentas disiplin harus mempunyai ahli dari pelbagai disiplin.

## Inisiatif C4

# Mempertingkat sistem pengumpulan data

Pada masa ini, data di IPT tidak bersepadan menyebabkan kesukaran bagi Kementerian untuk mengumpul dan merumuskan hasil penyelidikan secara keseluruhan. Kementerian akan mempertingkat sistem pengurusan datanya untuk membolehkan pemantauan impak yang lebih berkesan terhadap pembentukan penyelidikan. Penilaian impak program penyelidikan akan dilaksanakan secara berkala untuk memperhalusi bidang penyelidikan utama negara dengan kerjasama panel pakar.

## Inisiatif C5

# Menarik dan mengekalkan bakat cemerlang

Ekosistem inovasi memerlukan penyelidik dan pelajar PhD yang cemerlang. IPT digalakkan untuk merangka skim gaji dan laluan kerjaya yang lebih fleksibel supaya Malaysia dapat menarik dan mengekalkan bakat cemerlang. IPT juga digalakkan untuk menyediakan peluang latihan yang berkesan untuk calon PhD, pascasiswazah dan penyelidik muda. Penyelidik dan pelajar akan memperoleh kemahiran yang lebih luas melalui kolaborasi bersama industri.



# Pelan tindakan pelaksanaan inisiatif

Strategi dan inisiatif dalam Lonjakan ini telah disusun dengan teliti merentas tiga fasa untuk mengelak daripada terlalu membebankan sistem, dan memastikan setiap fasa yang berturutan meneruskan asas yang dibina sebelumnya. Perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap proses pelaksanaan akan dijalankan mengikut hala tuju yang dicadangkan dalam Paparan 7-9 yang berikut.

PAPARAN 7-9

	Fasa 1 (2015)	Fasa 2 (2016-2020)	Fasa 3 (2021-2025)
A <b>Strategi A</b> Berfokus	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menajarkan perancangan strategik bagi bidang penyelidikan utama dengan kementerian dan agensi lain; dan</li> <li>Memperingkatkan beberapa bidang penyelidikan yang penting kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia, dan bidang yang Malaysia mempunyai kelebihan daya saing.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyemak kriteria pemberian geran dan garis panduan Kementerian kepada IPT untuk menggambarkan pengutamaan bidang penyelidikan ini.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menilai kemajuan inisiatif sedia ada dan memperkenalkan intervensi baharu sekiranya perlu untuk meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan.</li> </ul>
B <b>Strategi B</b> Bersifat pemangkin	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mereka bentuk semula kriteria pembiayaan serta meningkatkan proses penilaian dan pemantauan geran; dan</li> <li>Mereka bentuk dan meningkatkan penggunaan skim padanan untuk mendapatkan pendanaan daripada industri dan komuniti.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Terus memperluas penggunaan skim padanan untuk mendapatkan pendanaan daripada industri dan komuniti, terutamanya dalam bidang penyelidikan utama negara.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menilai kemajuan inisiatif sedia ada dan memperkenalkan intervensi baharu sekiranya perlu untuk meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan.</li> </ul>
C <b>Strategi C</b> Bersifat menyokong	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menarik dan mengekalkan penyelidik dan pelajar PhD yang cemerlang.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memotivasi universiti untuk meningkatkan fungsi sokongan bagi pemindahan teknologi;</li> <li>Bekerjasama dengan pihak berkepentingan lain untuk menambah baik peraturan dan garis panduan pengkomersialan;</li> <li>Memadankan pihak berkepentingan untuk menggalakkan penggunaan prasarana secara bersama;</li> <li>Menambah baik sistem pengumpulan data di seluruh Kementerian dan IPT; dan</li> <li>Menarik dan mengekalkan penyelidik dan pelajar PhD yang cemerlang dalam ekosistem inovasi di Malaysia.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menilai kemajuan inisiatif sedia ada dan memperkenalkan intervensi baharu sekiranya perlu untuk meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan.</li> </ul>



# Kesimpulan

Kejayaan ekosistem inovasi memerlukan kerjasama lingkaran empat pihak (*quadruple helix*) iaitu akademia, industri, kerajaan dan masyarakat. Kerajaan memainkan peranan sebagai badan utama penyedia dana dan pembuat dasar, serta memudahkan kerjasama antara pihak berkepentingan. Kejayaan transformasi Malaysia daripada negara berpendapatan sederhana kepada negara berpendapatan tinggi bergantung pada sejauh mana negara boleh memanfaatkan inovasi sebagai pemangkin. Justeru, Kementerian akan memfokuskan pada beberapa bidang utama penyelidikan negara bagi memudahkan pembangunan ekosistem inovasi. Kementerian turut menggalakkan pelaburan daripada sektor swasta serta mewujudkan persekitaran yang memudahkan pengkomersilan idea.

# Kaedah pemantauan

Kementerian akan memantau perkembangan dan impak Lonjakan ini berdasarkan penilaian berasaskan hasil. Pemantauan ini tidak terhad kepada senarai berikut dan boleh ditambah baik. Sasaran akan ditetapkan secara tahunan:

- Jumlah penerbitan **yang dikira berdasarkan sitasi dan pemeringkatan**;
- Jumlah buku yang berada dalam **senarai 20 teratas** bagi setiap bidang;
- **Jumlah enrolmen calon** PhD dan bergraduat; dan
- **Jumlah pendapatan** yang dijana oleh universiti, berdasarkan perjanjian lesen, royalti, perundingan dan penyelidikan kontrak yang diperoleh daripada inisiatif pengkomersilan dan sebagai penyedia penyelesaian masalah.

Lonjakan

#





# Keunggulan Global

Pendidikan tinggi di Malaysia telah jauh berkembang, menempa pelbagai kejayaan. Bermula sekadar mengimport ideal, struktur dan model pendidikan tinggi, ketika ini Malaysia telah diiktiraf sebagai penyumbang global menerusi kecemerlangan akademik dan penyelidikan. Bagi membolehkan Malaysia terus maju, maka strategi dan perbagai inisiatif perlu dinilai semula untuk menempatkan kepakaran, kapasiti dan keupayaan sistem pendidikan tinggi agar lebih menarik dan kompetitif pada persada antarabangsa. Bab ini menghuraikan aspirasi negara untuk bersaing pada peringkat global, kedudukan terkini dan usaha untuk mentransformasi sistem supaya lebih relevan, dirujuk dan dihormati oleh masyarakat antarabangsa.

# Kepentingan

Sektor pendidikan mempunyai kesan penganda ekonomi paling tinggi. Setiap ringgit yang dilaburkan dalam pendidikan akan menghasilkan pulangan bukan sahaja daripada sektor pendidikan bahkan daripada sektor lain yang berkaitan. Sektor pendidikan juga mempunyai impak tersirat yang berganda.

Pengantarabangsaan sektor pendidikan dan pembangunan hab pendidikan telah menjadi kecenderungan baharu pada peringkat global. Justeru, persaingan menjadi semakin sengit.

## Pendidikan sebagai satu Bidang Ekonomi Utama Negara

Sektor pendidikan adalah satu daripada Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP). Sektor ini dijangka menjana kira-kira RM33.6 bilion Pendapatan Negara Kasar (PNK) dan mewujudkan 3.3 juta pekerjaan menjelang tahun 2020<sup>1</sup>. Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan bagi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO)<sup>2</sup> melaporkan bahawa Malaysia berada pada landasan yang betul dalam membangunkan sektor pendidikan seperti yang dilihat melalui pertumbuhan ketara hasil penyelidikan dan jumlah pelajar pasca-siswazah yang semakin bertambah. Namun, lebih banyak usaha perlu dilakukan untuk mempertingkat kolaborasi antarabangsa dan menambah baik kuantiti hasil penyelidikan. Oleh itu Malaysia perlu terus menyediakan peruntukan tinggi dalam sektor pendidikan.

## Komuniti ekonomi ASEAN

Malaysia berada pada kedudukan strategik di tengah-tengah rantau Asia Tenggara dan mempunyai akses langsung kepada penduduk melebihi 620 juta. Rantau ini mempunyai peluang ekonomi yang sangat besar: golongan kelas pertengahan yang semakin bertambah, kelompok pelajar antara usia 5-19 tahun yang semakin ramai, peningkatan dalam pertumbuhan sektor perkhidmatan, dan aktiviti perdagangan dan pelaburan yang memberangsangkan dalam kalangan ASEAN dan negara-negara jiran<sup>3,4</sup>. Pada penghujung 2015, rantau ini akan bersepodu dalam sektor ekonomi di bawah agenda Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC). Negara-negara anggota akan menikmati kemudahan dari segi pergerakan komoditi, perkhidmatan, pelaburan dan tenaga mahir antara satu sama lain<sup>5</sup>. Oleh itu Malaysia perlu bersiap siaga untuk menyahut cabaran persaingan yang semakin mencabar dalam proses integrasi serantau sepenuhnya.

## Hab pelajar antarabangsa

Malaysia merupakan antara negara tertinggi di dunia dari segi jumlah pelajar antarabangsa. Jumlah pelajar peringkat pendidikan tinggi yang berdaftar telah meningkat daripada 45,000 pada 2007 kepada hampir 100,000 pada 2014<sup>6</sup>. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak lebih seratus peratus sejak pelancaran Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara 2007-2020 (PSPTN). Malaysia berada pada landasan yang tepat untuk menjadi hab pelajar antarabangsa dan usaha perlu diteruskan bagi meningkatkan kedudukannya.

<sup>1</sup> Performance Management and Delivery Unit (PEMANDU) (2010). *Economic Transformation Programmes: A Roadmap for Malaysia, Chapter 14 Transforming Education as engine of growth*. Diperoleh dari [http://etp.pemandu.gov.my/upload/etp\\_handbook\\_chapter\\_1-4\\_economic\\_model.pdf](http://etp.pemandu.gov.my/upload/etp_handbook_chapter_1-4_economic_model.pdf).

<sup>2</sup> UNESCO Institute of Statistics (2014). *Higher Education in Asia: Expanding out, expanding up*. Diperoleh dari <http://www UIS.unesco.org/Education/Pages/higher-education-asia-report.aspx>.

<sup>3</sup> Oberman, R., et al. (2012). *The archipelago economy: Unleashing Indonesia's potential*. Washington, D.C.: McKinsey Global Institute.

<sup>4</sup> ASEAN Secretariat (2014). *ASEAN community in figures (ACIF 2013)*. Diperoleh dari <http://www.asean.org/resources/item/asean-community-in-figures-acif-2013>.

<sup>5</sup> ASEAN Secretariat (2008). *ASEAN Economic Community Blueprint, Association of Southeast Asian Nations*. Jakarta, Indonesia. Diperoleh dari <http://www.asean.org/archive/5187-10.pdf>.

<sup>6</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia (2014). *Perangkaan Pengajian Tinggi Negara: Sektor Pengajian Tinggi*. Diperoleh dari [http://www.moe.gov.my/web\\_statistik](http://www.moe.gov.my/web_statistik).

# Kedudukan Malaysia

Malaysia telah mula membangun institusi pendidikan tinggi (IPT) tempatan untuk dimanfaatkan oleh warga tempatan. Namun, kepentingan aspek pengantarabangsaan telah mendorong dasar dan inisiatif dibangunkan untuk mengukuh kedudukan, jenama dan keunggulan Malaysia di persada dunia. Hasilnya, Malaysia telah menjadi destinasi pilihan utama pelajar antarabangsa sekaligus membina jalinan kukuh dengan komuniti antarabangsa.<sup>7</sup>

## Pengantarabangsaan pendidikan tinggi Malaysia

Dasar dan strategi pengantarabangsaan pendidikan tinggi Malaysia telah ditetapkan melalui dokumen dasar seperti berikut:

- *PSPTN 2007*. Dokumen ini penting dalam memulakan pembentukan fokus dan hala tuju sistem pendidikan tinggi negara dan usahanya ke arah pengantarabangsaan;


- *Mempertingkat Hubungan Antarabangsa Malaysia: Satu Dimensi Baru*. Dokumen ini meletakkan pendidikan tinggi negara sebagai pendekatan ke arah kuasa lunak<sup>8</sup>; dan
- *Dasar Pengantarabangsaan Pengajian Tinggi*. Dasar ini menggariskan enam sektor kritikal dalam melaksanakan pengantarabangsaan mobiliti pelajar, kakitangan, program akademik, penyelidikan dan pembangunan, governans dan autonomi, serta penglibatan intergarsi sosial dan komuniti. Dokumen ini menyediakan perincian pelan tindakan untuk tujuan meningkatkan kemasukan pelajar antarabangsa untuk mencapai sasaran PSPTN .

Pihak Kementerian akan menyediakan perancangan dan saranan menggunakan dokumen-dokumen tersebut untuk mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab pendidikan antarabangsa.

PAPARAN 8-1

## Jumlah pelajar antarabangsa di IPT swasta dan universiti awam

Universiti awam  
IPT swasta



<sup>7</sup> The Guardian (2014). Top 20 countries for International students. Diperoleh dari <http://www.theguardian.com/higher-education-network/blog/2014/jul/17/top-20-countries-international-students>.

<sup>8</sup> Nye, Joseph S. Jr. (1991). *Bound to Lead: The Changing Nature of American Power*. New York: Basic Books.

## Pelajar dan staf akademik antarabangsa

Malaysia telah melaksana dan meningkatkan usaha pengambilan pelajar antarabangsa sejak penghujung 1990-an. Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 telah membolehkan sektor pendidikan swasta berkembang pesat. Kini IPT swasta memainkan peranan utama menerima kemasukan pelajar berbanding IPT awam pada nisbah 7:3<sup>9</sup>. Pertumbuhan jumlah pelajar antarabangsa amat memberangsangkan bagi IPT swasta dan awam (lihat Paparan 8-1).

IPT tempatan telah memperlihatkan peningkatan jumlah staf akademik antarabangsa daripada 2,300 pada tahun 2007 kepada 9,000 pada tahun 2014: Lebih 65% bekerja di IPT swasta<sup>10</sup>. Malaysia juga kini menjadi pusat bagi 9 kampus cawangan universiti antarabangsa dan dijangka jumlah pelajar dan staf akademik antarabangsa akan bertambah kerana kesemua kampus cawangan ini adalah universiti terkenal di dunia.

Kehadiran pelajar dan staf akademik antarabangsa menjadikan IPT tempatan menggembung dimensi ‘global, antarabangsa dan antara budaya’<sup>11</sup> ke dalam pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan. Hal ini juga membawa kepada banyak perubahan penting terhadap landskap pendidikan tinggi tempatan.

Kajian UNESCO 2014<sup>12</sup> menunjukkan bahawa pelajar luar negara memilih Malaysia kerana program akademik diiktiraf pada peringkat antarabangsa dengan yuran pendidikan yang kompetitif, peluang mengamalkan budaya masing-masing dan juga pengalaman kepelbagaiannya yang unik. Pelajar juga tertarik dengan penggunaan bahasa Inggeris yang meluas sebagai perantara komunikasi dalam pesekitaran akademik dan sosial (lihat Kotak 8-1). Malaysia mempunyai jumlah pelajar antarabangsa yang ramai dari negara membangun, menggambarkan peranan penting negara ini menyediakan bakat pemimpin masa depan bagi negara-negara membangun tersebut. Secara khusus, Malaysia merupakan negara yang pesat berkembang sebagai destinasi mobiliti pelajar antarabangsa tertinggi selain daripada negara China, Singapura dan India<sup>13</sup>.

## Mempertingkat pengalaman pelajar antarabangsa

Terdapat banyak usaha telah dilakukan untuk mempertingkat jumlah pelajar dan staf akademik antarabangsa. Namun masih banyak lagi yang boleh diperbaiki dari segi pengambilan dan pengurusan mereka. Penambahbaikan yang perlu dilakukan termasuk:

### Kotak 8-1

#### Mengapakah Malaysia berjaya menjadi destinasi pendidikan pilihan?

Menurut UNESCO, lima faktor utama yang mempengaruhi pilihan pelajar antarabangsa untuk memilih Malaysia iaitu:

- **Keselesaan budaya** - Malaysia menyediakan persekitaran yang selesa untuk pelajar Muslim dengan nilai dan amalan agama Islam difahami, dikongsi sebaik mungkin dan dihormati;
- **Yuran pendidikan** - Program pra-siswazah dan pascasiswazah di Malaysia menawarkan yuran pendidikan yang berpatutan;
- **Pendidikan berkualiti** - Laporan UNESCO menegaskan

bahawa pendidikan tinggi Malaysia berkualiti tinggi dengan kadar yuran yang berpatutan;

- **Bahasa perantara** – Kebanyakan program akademik diajar dalam bahasa Inggeris yang dianggap sebagai bahasa penting untuk membuka peluang pekerjaan pada pasaran antarabangsa; dan
- **Kualiti kehidupan** - Malaysia mempunyai kualiti kehidupan yang baik dan sering dianggap sebagai tempat tinggal yang selesa dan sesuai untuk belajar.

<sup>9</sup> Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan, Malaysia. (2014).

<sup>10</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Perangkaan Pengajian Tinggi Negara: Sektor Pengajian Tinggi*. Diperoleh dari [http://www.moe.gov.my/web\\_statistik](http://www.moe.gov.my/web_statistik)

<sup>11</sup> Knight, J., & Sirat, Morshidi. (2011). *The Complexities And Challenges Of Regional Education Hubs: Focus on Malaysia*. Higher Education, 62(5), 593–606.

<sup>12</sup> Jani, R., & Zubairi, Y.Z. (June 17, 2010) *International Students' View of Malaysian Higher Education*. Kementerian Pendidikan, Putrajaya,

<sup>13</sup> British Council (2012). *The Shape of Things to Come: Higher Education Global Trends and Emerging Opportunities to 2020*. Diperoleh dari [http://www.britishcouncil.org/sites/britishcouncil.uk2/files/the\\_shape\\_of\\_things\\_to\\_come\\_-\\_higher\\_education\\_global\\_trends\\_and\\_emerging\\_opportunities\\_to\\_2020.pdf](http://www.britishcouncil.org/sites/britishcouncil.uk2/files/the_shape_of_things_to_come_-_higher_education_global_trends_and_emerging_opportunities_to_2020.pdf).

# Objektif

Kementerian berhasrat untuk membangunkan Malaysia sebagai hab pendidikan antarabangsa yang mempunyai kelebihan yang tersendiri, dipandang tinggi oleh pelajar kerana berdaya saing untuk menyediakan pendidikan tinggi yang berkualiti. Pendidikan ini juga mempunyai pulangan setimpal dan nilai tambah pengalaman pelbagai budaya. Kementerian juga berhasrat untuk menyediakan tempat pendidikan kepada 250,000 pelajar antarabangsa menjelang 2025.

- Pengalaman pelajar antarabangsa sebelum, semasa dan selepas pendidikan di Malaysia. Ini termasuklah membantu proses permohonan untuk kemasukan, menguruskan prosedur imigresen untuk mendapatkan kelulusan dan pembaharuan visa serta memperkayakan pengalaman hidup di Malaysia;
- Keupayaan IPT awam dan swasta untuk menyediakan perkhidmatan sokongan berkualiti; dan
- Laluan kemajuan akademik dan kerjaya yang jelas bagi graduan antarabangsa yang ingin membina kerjaya dan menyumbang kepada kemajuan Malaysia.

## PAPARAN 8-2


### Demografi pelajar antarabangsa



1. SUMBER: Jabatan Imigresen Malaysia, data untuk tahun 2012
2. Klasifikasi Negara berdasarkan klasifikasi oleh PBB
3. Hanya 82% terdiri dalam analisis di atas. Baki 18% dikategorikan sebagai "tanpa negara" dan "lain-lain" dibawah klasifikasi Jabatan Imigresen Malaysia.

### Penjenamaan Pendidikan Malaysia

Malaysia perlu meningkatkan usaha bagi membina jenama pendidikan tinggi yang kukuh agar dapat melestarikan kedudukan sebagai satu hab destinasi pilihan pelajar antarabangsa. Penjenamaan ini perlu berdasarkan realiti bahawa Malaysia menyediakan pendidikan berkualiti, menarik dengan yuran yang berpatutan. Banyak usaha boleh dilakukan untuk mempelbagaikan kelompok pelajar (lihat Paparan 8-2). Fokus adalah untuk meningkatkan enrolmen pelajar, terutamanya dari rantau ASEAN dan negara anggota Kerjasama Selatan-Selatan<sup>14</sup>. Bilangan pelajar dari negara maju seperti Australia, Eropah dan Amerika Syarikat boleh ditingkatkan melalui program tujuan dan program mobiliti pelajar.



Purata 30 berdaftar dalam program pascasiswazah

SUMBER: Sektor Pendidikan Tinggi Malaysia , Kementerian Pelajaran Malaysia

<sup>14</sup> United Nations Office for South-South Cooperation. (n.d) What is SSC?. Diperoleh dari [http://ssc.undp.org/content/ssc/about/what\\_is\\_ssc.html](http://ssc.undp.org/content/ssc/about/what_is_ssc.html).

# Prinsip

Prinsip-prinsip berikut menjadi asas untuk membina reputasi Malaysia sebagai hab pendidikan:

- **Meningkatkan mutu keseluruhan program akademik dan kepakaran** supaya dapat menarik pelajar dan sarjana antarabangsa yang cemerlang;
- **Membangunkan bidang-bidang tujuan** yang akan membezakan Malaysia dengan negara-negara lain untuk mewujudkan jenama global yang unik;
- **Memastikan keterlihatan dan kehadiran berterusan jenama pendidikan Malaysia** bagi mempromosi dan mengekalkan minat terhadap Malaysia pada peringkat global; dan
- **Mempelbagaikan latarbelakang akademik dan pelajar.** Selain pendidikan pasca menengah dan program pascasiswa, Malaysia perlu mempromosi program pendidikan profesional dan peningkatan kemahiran.



# Strategi dan inisiatif

Bagi mencapai objektif Lonjakan ini, tiga strategi dan sembilan inisiatif dicadangkan:

## **Strategi A: Meningkatkan pengalaman pelajar antarabangsa**

Bagi menarik lebih ramai pelajar antarabangsa, Kementerian akan mempertingkat penyelarasan berkaitan pengurusan pelajar antarabangsa. Kementerian akan berkolaborasi dengan semua pihak berkepentingan, untuk memastikan pelajar melalui proses yang lancar bermula dari permohonan sehingga menamatkan pendidikan mereka. Kementerian berperanan menyelaraskan proses dan prosedur pentadbiran supaya lebih lancar dan mesra-industri, serta memberi keutamaan kepada keterlibatan pihak berkepentingan untuk memastikan keselamatan dan kebajikan pelajar antarabangsa.

## **Strategi B: Meningkatkan keterlihatan jenama**

Kementerian akan membangunkan keterlihatan global yang lebih luas dan kepercayaan terhadap jenama pendidikan tinggi Malaysia. Kepercayaan terhadap pendidikan tinggi Malaysia akan meningkat melalui kerjasama Kementerian dengan agensi-

agensi yang bersesuaian untuk mewujud dan melaksanakan aktiviti promosi berimpak tinggi. Ini merangkumi penyertaan dan penganjuran forum pendidikan utama.

## **Strategi C: Menerokai pasaran baharu**

Kementerian akan meneruskan usaha untuk menarik pelajar dari negara-negara membangun, terutamanya negara anggota kerjasama Selatan-Selatan dan ASEAN. Kementerian juga akan mempelbagaikan inisiatif pengambilan pelajar dari negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Australia dan Eropah. Untuk menarik pelajar dari negara-negara ini IPT tempatan akan menawarkan program-program yang lebih inovatif. Ini termasuk program usaha sama seperti ijazah berkembar dan ijazah bersama dengan institusi terkenal dunia atau program pendidikan eksekutif jangka pendek untuk golongan pekerja profesional. IPT tempatan juga akan menawarkan kepakaran bidang tujuan. Secara tidak langsung, ini akan meningkatkan lagi daya saing bagi menambah bilangan enrolmen pelajar terutama dari negara-negara maju.



### Inisiatif A1

## Manfaatkan risikan data antara-agensi

Kementerian akan mempertingkat keupayaan analitik data terutamanya yang berkaitan dengan aliran terkini pendidikan tinggi antarabangsa bagi membantu membuat keputusan tepat pada peringkat institusi dan kebangsaan. Justeru, Kementerian akan melihat semula pendekatan semasa dalam pengumpulan dan perkongsian maklumat dengan pihak lain termasuk IPT, agensi, pihak yang terlibat dalam pengantarabangsaan pendidikan tinggi, seperti *Education Malaysia Global Services* (EMGS). Pihak Kementerian juga akan mengenal pasti sumber yang diperlukan untuk menjalankan kajian pasaran, menganalisa aliran, dan pengumpulan data pintar.

### Inisiatif A2

## Menambah baik prosedur imigresen

Pengalaman pelajar antarabangsa yang lebih positif boleh ditingkatkan melalui perkhidmatan imigresen yang lebih cekap. Kementerian akan mengkaji penubuhan satu pasukan kerja pada peringkat kebangsaan merentasi kementerian untuk meningkatkan kecekapan prosedur pengurusan kemasukan pelajar antarabangsa dan keluarga mereka. Perubahan ini akan menjurus kepada isu berkaitan permohonan dan pembaharuan visa pelajar, merangkumi aliran kerja, warga kerja, sumber pengurusan permohonan, hal berkaitan pasport, dan proses penjejakkan.

### Inisiatif A3

## Model baharu biasasiswa antarabangsa

Pada masa ini, terdapat banyak IPT dan organisasi swasta atau dana wakaf yang menawarkan biasiswa kepada pelajar antarabangsa. Justeru Kementerian akan menilai semula Biasiswa Antarabangsa Malaysia (MIS) dan berkolaborasi dengan entiti penyedia biasiswa yang lain untuk mewujudkan sebuah platform berpusat untuk mewar-warkan biasiswa. Platform ini akan memudahkan pelajar antarabangsa untuk mencari dan memohon biasiswa tersebut. MIS juga akan menjadi sistem berpusat yang mengumpulkan maklumat dan rekod semua penerima biasiswa. Maklumat ini akan memudahkan pelbagai syarikat untuk melatih penerima biasiswa apabila mereka selesai pendidikan.

### Inisiatif A4

## Meningkatkan keupayaan IPT sebagai hos pelajar antarabangsa

Kemudahan dan perkhidmatan yang berkualiti pastinya akan memperkayakan pengalaman pelajar. IPT tempatan perlu meningkatkan kecekapan dan keberkesanannya sebagai hos kepada pelajar antarabangsa dengan melaksanakan amalan terbaik. Untuk membantu IPT dalam hal ini, pihak Kementerian akan mengadakan forum perkongsian amalan terbaik, menyediakan garis panduan dan membina kapasiti staf sokongan. Pihak Kementerian juga akan memastikan bahawa IPT yang menjadi hos kepada pelajar antarabangsa dapat memenuhi piawai kualiti minima. Penambahbaikan yang sedang dilaksanakan, termasuklah:

- **Tempoh visa** yang selaras dengan tempoh program pascasiswazah atau PhD; dan
- **Kaedah “laluan khas”** untuk visa pelajar bagi IPT yang secara konsisten mematuhi standard yang ditetapkan



### Inisiatif A5

## Memudahkan laluan akademik dan profesional

Kementerian menggalakkan IPT untuk melatih dan mengekalkan sarjana antarabangsa yang terbaik melalui perubahan dasar dan insentif yang bersesuaian pada peringkat institusi. Inisiatif juga bertepatan dengan penambahbaikan prosedur imigresen, terutama berkaitan hal permit kerja profesional untuk graduan antarabangsa yang menyelesaikan pendidikan, calon pasca kedoktoran, dan ahli keluarga mereka.

### Inisiatif B1

## Memperkuuhkan *MyAlumni*

Kementerian berhasrat agar sistem pendidikan Malaysia dapat mengekalkan hubungan berterusan dengan pelajar antarabangsa, setelah mereka menyelesaikan pendidikan mereka dan kembali ke negara masing-masing. Kementerian berhasrat mewujudkan *MyAlumni* sebagai instrumen berautonomi penuh yang mempunyai sumber kewangan dan fizikal yang lebih meluas. *MyAlumni* bertujuan meningkatkan penglibatan IPT tempatan dengan alumni antarabangsa.



### Inisiatif B2

## Menyokong persidangan antarabangsa

Salah satu cara melonjakkan Malaysia ke peringkat antarabangsa adalah dengan pengajuran persidangan peringkat antarabangsa seperti *Asia Pacific Association of International Education (APiae) Annual Conference*, atau *Going Global Annual Conference*. Kementerian akan menyelaras usaha dengan IPT dan kementerian berkaitan, dan mengumpul sumber untuk mendapatkan hak menganjur persidangan. Kementerian juga akan mengenal pasti tema yang bersesuaian yang boleh digunakan untuk menganjurkan persidangan antarabangsa yang relevan kepada komuniti pendidikan tinggi global.

### Inisiatif C1

## Mempelbagai penawaran kualiti dan program tujuan

Penawaran program akademik dan profesional yang berkualiti dan berinovatif oleh IPT mampu menarik minat pelajar antarabangsa. Pengisian program yang ditawarkan mestilah mengikuti perkembangan semasa yang berkaitan dengan kehendak industri, menerapkan amalan terbaik pada peringkat global serta diakreditasi oleh badan profesional antarabangsa. Kementerian juga menggalakkan IPT supaya meningkatkan penawaran program kerjasama yang inovatif seperti program ijazah berkembar dan ijazah bersama. Selain itu, IPT digalakkan untuk menawarkan lebih banyak program eksekutif dan program pembangunan profesional berterusan (CPD) untuk golongan profesional dan dewasa.

### Inisiatif C2

## Membangunkan makmal penyelidikan antarabangsa tersohor

Kementerian akan menggalak dan memudahkan penubuhan makmal penyelidikan antarabangsa di Malaysia dengan kerjasama IPT, industri serta organisasi yang berkaitan. Inisiatif ini akan meningkatkan keupayaan penyelidikan berimpak tinggi selaku pemangkin untuk mengangkat Malaysia sebagai penyumbang ilmu pada peringkat antarabangsa.

# Pelan tindakan pelaksanaan inisiatif

Strategi dan inisiatif dalam Lonjakan ini telah disusun dengan teliti merentas tiga fasa untuk mengelak daripada terlalu membebankan sistem, dan memastikan setiap fasa yang berturutan meneruskan asas yang dibina sebelumnya. Perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap proses pelaksanaan akan dijalankan mengikut hala tuju yang dicadangkan dalam Paparan 8-3 yang berikut.

## PAPARAN 8-3

	Fasa 1 (2015)	Fasa 2 (2016-2020)	Fasa 3 (2021-2025)
<b>A</b> <b>Strategi A</b> Penambahbaikan pengalaman pelajar antarabangsa	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menjalin kolaborasi dengan Kementerian lain untuk menyelaras urusan pelajar sejarah dengan amalan terbaik antarabangsa;</li> <li>▪ Meningkatkan mekanisme dan prasarana pengumpulan maklumat, terutamanya EMGS;</li> <li>▪ Menilai semula badan penyelaras Biasiswa Antarabangsa Malaysia (MIS); dan</li> <li>▪ Mewujudkan laluan akademik dan profesional antarabangsa yang baik bagi pelajar dan sarjana cemerlang di IPT tempatan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Memuktamad dan melaksanakan penambahbaikan pengurusan pelajar antarabangsa;</li> <li>▪ Menubuhkan struktur urus tadbir MIS seperti pendanaan dan pemantauan prestasi; dan</li> <li>▪ Memperkenalkan dimensi pematuhan amalan terbaik pengambilan pelajar antarabangsa dalam instrumen rating institusi di Malaysia.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menyemak langkah-langkah sedia ada dan memperkenalkan perlaksanaan baharu untuk pertingkat kecekapan dan keberkesanan.</li> </ul>
<b>B</b> <b>Strategi B</b> Peningkatan Keterlihatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Memulakan inisiatif penglibatan komprehensif pihak berkepentingan untuk jenama pendidikan Malaysia;</li> <li>▪ Membangun strategi memperkuatkukuhkan MyAlumni; dan</li> <li>▪ Mengenal pasti forum pendidikan bertaraf dunia yang akan dianjurkan oleh IPT tempatan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Memperkenalkan jenama pendidikan Malaysia di platform strategik secara berterusan;</li> <li>▪ Melaksanakan strategi <i>MyAlumni</i>; dan</li> <li>▪ Menganjurkan forum pendidikan bertaraf dunia.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menyemak dan menambahbaik jenama pendidikan Malaysia.</li> </ul>
<b>C</b> <b>Strategi C</b> Menerokai pasaran baharu	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Memperkenalkan pakej rangsangan bagi pengantarabangsaan kurikulum;</li> <li>▪ Menggalakkan program siswazah berkembar yang inovatif secara kolaboratif dengan institusi; dan antarabangsa yang tersohor; dan</li> <li>▪ Membangunkan makmal penyelidikan kolaboratif dengan rakan dan industri antarabangsa.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Memantapkan Kerjasama Selatan-Selatan bagi pengambilan pelajar;</li> <li>▪ Menawarkan program inovatif mengikut tujuan setiap IPT bagi meningkatkan jumlah pelajar dan staf antarabangsa; dan</li> <li>▪ Membina makmal atau pusat penyelidikan dengan industri dan rakan antarabangsa.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menyemak dan mencadangkan strategi/kaedah baharu bagi meningkatkan lagi jumlah pelajar antarabangsa dari pelbagai latar dan keperluan.</li> </ul>

# Kesimpulan

Sejak dua dekad lalu, Malaysia telah berjaya menjadi hab pendidikan berkualiti yang menawarkan yuran berpatutan dan persekitaran pembelajaran yang kondusif. Anjakan ini bertujuan untuk meningkatkan lagi jenama Malaysia sebagai destinasi utama yang menawarkan pendidikan tinggi berkualiti pada harga yang berpatutan serta pengalaman budaya pembelajaran yang pelbagai.

Kementerian akan memulakan langkah-langkah pengkayaan pengalaman pembelajaran pelajar antarabangsa, menerokai pasaran baharu serta meningkatkan keterlihatan jenama Malaysia sebagai hab pendidikan antarabangsa dan seterusnya memacu Malaysia ke arah mencapai tahap keunggulan global.

# Kaedah pemantauan

Kementerian akan memantau perkembangan dan impak Lonjakan ini berdasarkan penilaian berdasarkan hasil. Pemantauan ini tidak terhad kepada senarai berikut dan boleh ditambah baik. Sasaran akan ditetapkan secara tahunan:

- Bilangan **enrolmen pelajar antarabangsa**;
- Bilangan **staf akademik antarabangsa yang baharu**;
- **Mobiliti pelajar dan staf akademik**; dan
- **Tempoh memproses permohonan** dan pembaharuan visa pelajar

Lonjakan

#

9



# Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global

Pembelajaran dalam talian yang telah digunakan di Malaysia selama hampir dua dekad, menggunakan kaedah elektronik yang secara lazimnya melalui Internet. Model pengajaran ini merupakan antara kaedah utama meluaskan akses pendidikan, meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, di samping membolehkan pembelajaran disesuaikan mengikut keperluan pelajar. Fasa berikutnya bagi pembelajaran berasaskan ICT ialah Pembelajaran dalam Talian Tahap Global (GOL). Banyak peluang bagi institusi pendidikan tinggi (IPT) Malaysia untuk mencapai potensi GOL sepenuhnya. Dalam hal ini, istilah globalisasi bukan sahaja untuk mendapatkan kumpulan sasaran global, malah pembangunan e-kandungan dengan standard antarabangsa.

Bab ini membincangkan kepentingan kaedah pendidikan berlandaskan teknologi dan kedudukan Malaysia dalam pembangunan GOL. Bab ini menggariskan inisiatif utama untuk menambah baik GOL bagi meningkatkan kualiti penyampaian kursus, mengurangkan kos penyampaian, memperkenalkan pakar Malaysia pada peringkat global, meningkatkan penjenamaan dan penonjolan IPT tempatan dan juga memupuk pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan warga Malaysia. Bab ini turut menyentuh tentang *Massive Open Online Courses* (MOOC).

# Kepentingan

Pembelajaran dalam talian dan MOOC terbukti menjadi faktor penting yang mempengaruhi pendidikan tinggi di seluruh dunia. Kaedah pembelajaran ini mula memberikan kesan kepada pendidikan tinggi, sama seperti kesan aktiviti jual-beli dalam talian terhadap industri runcit, dan kesan yang sama daripada penggunaan telefon pintar dalam komunikasi. Fenomena digital ini dijangka mempunyai impak yang sama dengan teknologi digital terhadap industri lain, seperti mengurangkan kos, menambah baik kualiti dengan menghapuskan kepelbagaiannya, menambah penyertaan, serta menangani isu penggunaan yang berbangkit daripada kekangan masa dan tempat.

## Peningkatan pembelajaran dalam talian

Pada 2014, terdapat 3.035 bilion pengguna Internet di seluruh dunia, yang merupakan 42.3% kadar penembusan Internet<sup>1</sup> secara keseluruhan. Peningkatan dalam bilangan pengguna ini menambah penggunaan bagi pembelajaran dalam talian. Menjelang 2019, dianggarkan 50% daripada semua kelas<sup>2</sup> di sekolah menambah tinggi di Amerika Syarikat (AS) akan disampaikan secara dalam talian. Lebih penting, menjelang 2020, dijangkakan 50% daripada semua kerja kursus di kolej di AS<sup>3</sup> akan mempunyai kombinasi pembelajaran secara bersemuka dan pembelajaran dalam talian. MOOC kini boleh didapati pada peringkat global melalui platform seperti edX<sup>4</sup> dan Coursera<sup>5</sup>. Kebangkitan generasi “warga asli digital”, iaitu golongan muda yang membesar dalam persekitaran teknologi digital dengan kehidupan yang dikelilingi sepenuhnya peranti digital merupakan suatu kebiasaan, bermakna permintaan pembelajaran dalam talian akan terus meningkat dengan pesat.

## Meluaskan akses pendidikan tinggi

GOL merupakan wadah untuk memperluas akses kepada kursus yang ditawarkan oleh IPT. GOL juga meluaskan akses dan meliberalkan pendidikan tinggi menjadi lebih mudah diakses oleh semua lapisan masyarakat. GOL turut mengurangkan kos, memandangkan kursus di kampus yang ditawarkan IPT tertentu kini juga boleh diakses oleh pelajar IPT lain. Hal ini juga akan meningkatkan kecekapan dengan menghapuskan keperluan untuk penawaran berganda untuk pelbagai kursus. Pelaksanaan GOL akan mengurangkan keperluan terhadap ruang fizikal tambahan untuk menampung enrolmen yang lebih tinggi. Selain itu, GOL juga boleh mengurangkan tekanan untuk mengikuti kursus yang tinggi permintaannya seperti kursus umum tahun satu.

## Pendidikan di Malaysia menerusi GOL

GOL merupakan pemangkin penting untuk mencapai matlamat Malaysia dari segi akses, kualiti dan kecekapan pendidikan tinggi. GOL menggabungkan model pembelajaran yang disesuaikan (apabila pengajaran secara bersemuka digabungkan dengan pembelajaran yang berasaskan komputer) yang boleh mempertingkat kualiti pengajaran dan pembelajaran dengan meningkatkan tahap kesalinghubungan dan penglibatan pelajar. Persekutaran pembelajaran yang lebih menarik boleh diwujudkan melalui interaksi antara pelajar tempatan dengan pelajar antarabangsa, dan pandangan mewujudkan satu komuniti pelajar dengan perspektif berbeza. Tambahan pula, GOL membolehkan komuniti global melihat dan mengakses bidang tujuan kepakaran di Malaysia seperti perbankan dan kewangan Islam, tema sains dan teknologi yang berkaitan dengan rantau tropika dan budaya timur, yang akan membantu IPT tempatan dikenali pada peringkat global.

<sup>1</sup> International Usage Statistics (2015). World Internet Users and 2014 Population Stats. Diperoleh dari [www.internetworldstats.com/stats.htm](http://www.internetworldstats.com/stats.htm)

<sup>2</sup> Christensen, C.M. & Horn, M.B. (2011). The rise of online education. Diperoleh dari [http://www.washingtonpost.com/national/on-innovations/the-rise-of-online-education/2011/09/14/gIQA8e2AdL\\_story.html](http://www.washingtonpost.com/national/on-innovations/the-rise-of-online-education/2011/09/14/gIQA8e2AdL_story.html)

<sup>3</sup> Financial Times. (2015). The future of online learning. Diperoleh dari <http://www.ft.com/intl/cms/s/2/f8a03bbe-9802-11e4-b4be-00144feabdc0.html#axzz3PiFjcPSO>

<sup>4</sup> edX (2014). Free online courses from the world's best universities. Diperoleh dari <https://www.edx.org>

<sup>5</sup> Coursera (2014). Free Online Courses From Top Universities. Diperoleh dari <https://www.coursera.org/>

# Kedudukan Malaysia

*Pembelajaran dalam talian tahap global dan MOOC telah mencipta model yang amat berbeza bagi pelajar dari seluruh dunia untuk berhubung antara satu sama lain dengan pengajaran berkualiti tinggi. Langkah ini menyediakan satu platform baharu untuk mentransformasikan pendidikan tinggi.*

Malaysia mempunyai peluang cerah untuk menjadi perintis dan peneraju dengan menyepadukan teknologi digital, pembelajaran bersepadu dan MOOC ke dalam sistem pendidikan tinggi Inc mewujudkan satu kelebihan baharu bagi sistem pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. Sejak kebelakangan ini, baik di Malaysia maupun di negara lain, model pembelajaran dalam talian terutamanya MOOC, telah membentuk model yang sangat berbeza bagi pelajar untuk berhubung antara satu sama lain mengenai topik yang relevan menerusi pengajaran yang berkualiti tinggi. Ini telah menyediakan satu platform dan peluang baharu untuk mentransformasi pendidikan tinggi.

## e-Pembelajaran dalam IPT tempatan

Dasar e-Pembelajaran Negara (DePAN<sup>6</sup>) telah dilancarkan di bawah Pelan Strategik Pengajaran Tinggi Negara (PSPTN). DePAN menyediakan rangka kerja pembangunan e-pembelajaran berkualiti di IPT yang mempunyai lima tuggak iaitu prasarana, struktur organisasi, kurikulum dan kandungan, pembangunan profesional, dan pembudayaan untuk membolehkan IPT melaksanakan inisiatif e-pembelajaran.

Satu kajian mengenai pencapaian pelaksanaan DePAN menunjukkan wujudnya peluang penambahbaikan, khasnya di kalangan politeknik dan kolej komuniti. Dapatan kajian diringkaskan dalam Paparan 9-1.

## MOOC di IPT tempatan

Pada September 2014, Kementerian telah melancarkan empat kursus wajib umum peringkat sarjana muda tahun pertama yang ditawarkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) menggunakan konsep MOOC. Kursus sarjana muda ini yang merupakan satu-satunya di dunia, menghimpunkan semua pelajar tahun pertama dari dua puluh buah universiti awam Malaysia menggunakan satu platform. Pelancaran ini penting menandakan penglibatan pertama universiti awam Malaysia dalam MOOC.

## Hala tuju GOL

IPT tempatan berpeluang untuk memperkembangkan potensi GOL dan MOOC. DePAN akan dikaji semula dengan sewajarnya untuk menggabungkan agenda yang berkaitan dengan peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran, mempromosi jenama pendidikan Malaysia serta menetap dan meningkatkan penonjolan IPT tempatan dalam landskap pendidikan global melalui bidang tujuan dan kepakaran masing-masing. Pelaksanaan GOL juga akan menyumbang kepada kecekapan dalam penyampaian kursus dan seterusnya meperluaskan liberalisasi pendidikan Malaysia. Pelaksanaan ini juga akan menyokong agenda negara untuk memupuk masyarakat berilmu dan membudayakan pembelajaran sepanjang hayat (PSH).

<sup>6</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia (2014). Review of the National Higher Education Strategic Plan. Diperoleh dari [http://smart2.ums.edu.my/pluginfile.php/2/course/section/2/dasar\\_e-pembelajaran\\_negara\\_depan.pdf](http://smart2.ums.edu.my/pluginfile.php/2/course/section/2/dasar_e-pembelajaran_negara_depan.pdf)

## Kajian pencapaian pelaksanaan DePAN menunjukkan wujud peluang penambahbaikan, terutamanya politeknik dan kolej komuniti

Dimensi	Soalan	Universiti Awam	IPT Swasta	Politeknik	Kolej komuniti
Prasarana	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ IPT kami mempunyai kapasiti 1 jalur lebar (1 Gbps)<sup>1</sup></li> <li>▪ IPT kami mempunyai platform e-pembelajaran<sup>1</sup></li> <li>▪ IPT kami mempunyai perkhidmatan meja e-pembelajaran<sup>1</sup></li> <li>▪ Kapasiti kelajuan jalur lebar di IPT kami adalah memuaskan<sup>2</sup></li> <li>▪ Capaian jalur lebar di IPT kami -adalah memuaskan<sup>2</sup></li> <li>▪ Penggunaan platform e-pembelajaran di IPT kami adalah memuaskan<sup>2</sup></li> </ul>				
Struktur organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ IPT kami mengambil kira e-pembelajaran dalam isinya<sup>1</sup></li> <li>▪ IPT kami mempunyai pasukan e-pembelajaran<sup>1</sup></li> <li>▪ IPT kami mempunyai garis panduan e-pembelajaran<sup>1</sup></li> <li>▪ IPT kami mempunyai unit e-pembelajaran<sup>1</sup></li> </ul>				
Pembangunan profesional	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Penggunaan platform e-pembelajaran adalah memuaskan<sup>2</sup></li> <li>▪ Kemahiran dan celik ICT adalah memuaskan<sup>2</sup></li> </ul>				
Kurikulum dan e-kandungan	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Penyampaian menggunakan kaedah bersepada adalah memuaskan<sup>2</sup></li> <li>▪ Keterdapatnya e-kandungan asal adalah memuaskan<sup>2</sup></li> <li>▪ Kerahan tugas e-Penaksiran adalah memuaskan<sup>2</sup></li> </ul>				
Pembudayaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Aktiviti dan amalan e-pembelajaran adalah jelas<sup>2</sup></li> <li>▪ Pembudayaan e-pembelajaran adalah memuaskan<sup>2</sup></li> <li>▪ Mekanisme pengiktirafan adalah memuaskan<sup>2</sup></li> </ul>				

1 = <=25% ya  
 = 25-50% ya  
 = 50-75% ya  
 = >75% ya

2 = <=2 purata  
 = 2-3 purata  
 = 3-4 purata  
 = >4 purata (dengan 1 = paling tak bersetuju; 5 = paling bersetuju)

Sumber: Kajian pelaksanaan DePAN

# Objektif

Malaysia berhasrat untuk menjadi hab perdana pendidikan melalui GOL. Lonjakan ini akan menyaksikan peningkatan akses kepada pendidikan berkualiti untuk rakyat Malaysia dan komuniti global, menyediakan penyampaian kursus yang cekap, membina jenama pendidikan Malaysia dan meningkatkan kecemerlangan IPT, khususnya dalam bidang tujuan dan kepakaran.



# Prinsip

Strategi dan inisiatif dalam Lonjakan ini dirangka berdasarkan tiga prinsip:

- **Pembelajaran disokong ICT mempunyai potensi transformasi yang amat luas** yang membolehkan pengalaman belajar disesuaikan mengikut keperluan peribadi dan meningkatkan kesalinghubungan antara pelajar. Model ini dijangka menjadi lebih penting, terutamanya generasi baharu yang merupakan warga asli digital;
- **Model pembelajaran bersepadu mengintegrasikan pembelajaran disokong ICT yang terbaik dengan pengajaran secara bersemuka.** Model berasaskan pedagogi ini mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menarik dan meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran; dan
- **Pembelajaran dalam talian sebagai pemangkin utama bagi Lonjakan yang lain.** GOL dapat meluaskan akses pendidikan tinggi secara berkesan dari segi kos, dan meningkatkan penonjolan jenama pendidikan tinggi Malaysia.



# Strategi dan inisiatif

Kementerian memperkenalkan tiga strategi, setiap satunya dengan inisiatif tersendiri, untuk mencapai aspirasi Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global.

## Strategi A: Sokongan ekosistem GOL

Pihak Kementerian akan membantu penyediaan ekosistem GOL yang menyeluruh dan mampan. Ekosistem mempunyai tiga komponen: kesedaran yang tinggi semua pihak yang berkepentingan mengenai potensi besar pembelajaran dalam talian; warga kerja mahir yang berupaya mengguna dan memajukan teknologi, dan yang akan membangunkan kandungan kursus; dan infrastruktur siber yang andal. Pembentukan kandungan kursus dan penyampaian melalui pembelajaran dalam talian memerlukan input daripada kumpulan pakar bidang, pedagogi, grafik, dan IT, untuk menghasilkan kursus yang kreatif dan interaktif.

## Strategi B: Struktur pentadbiran platform GOL

Kementerian akan membantu pembentukan mekanisme untuk menyelia perkembangan dasar, pengurusan dan pelaksanaan GOL. Penubuhan sebuah Pusat e-Pembelajaran negara akan dipertimbangkan dan dinilai untuk menerajui pembangunan, penyelaras, pemantauan e-kandungan, serta memperkuuh rangkaian hubungan antarabangsa.

## Strategi C: Kecemerlangan global menerusi GOL

IPT akan menambah penawaran kursus berkualiti melalui pembelajaran dalam talian, dengan tumpuan pada kekuatan bidang tujuan, untuk menarik lebih ramai pelajar dan membina penonjolan pada peringkat global. IPT akan mencari rakan kongsi strategik dalam membangunkan kandungan kursus dan menguruskan pindahan kredit untuk pelajar mereka. IPT juga digalakkan lebih fleksibel dalam mengiktiraf dan menerima kursus yang ditawarkan oleh institusi lain melalui pindahan kredit.



*Kewujudan generasi “warga asli digital”, iaitu golongan muda yang membesar dalam persekitaran teknologi digital, dengan kehidupan yang dikelilingi sepenuhnya oleh peranti digital itu merupakan suatu kebiasaan, bermakna permintaan pembelajaran dalam talian akan terus meningkat dengan pesat.*

## Inisiatif A1

# Menambah baik prasarana siber

Pihak Kementerian akan bekerjasama dengan agensi dan institusi yang berkaitan untuk menambah baik unsur-unsur berikut:

- Prasarana: menambah baik kapasiti jalur lebar dan liputan Wi-Fi untuk membolehkan penstriman video dan telesidang;
- Struktur info: menyediakan perkakasan dan perisian untuk pembinaan e-kandungan;
- Platform: berfungsi dengan pelbagai sistem platform daripada platform “pembelajaran terbuka” antarabangsa hingga platform yang diiktiraf di dunia seperti Coursera dan edX; dan
- Peranti dan peralatan: meningkatkan ketersediaan peranti pembelajaran.

## Inisiatif A2

# Meningkatkan kesedaran dan pengiktirafan

IPT tempatan akan bekerjasama untuk membangunkan kursus umum dengan memanfaatkan kepakaran yang terdapat di institusi masing-masing dan mewujudkan pengiktirafan kursus secara bersama. IPT juga akan meningkatkan penggunaan MOOC dalam pembelajaran bersepada. Untuk melahirkan kesedaran dan minat, Kementerian akan memperkenalkan mekanisme pembangunan kualiti dan standard antarabangsa MOOC, khususnya dalam bidang tumpuan yang membolehkan IPT mencapai pengiktirafan global.

## Inisiatif A3

# Mengukuhkan penyampaian dan pembangunan kandungan kursus

Pensyarah akan dikehendaki membuat inovasi dalam amalan pengajaran dan pembelajaran mereka untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran bersepada yang kondusif. Untuk membantu mereka berbuat demikian, Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) dan setiap IPT akan menambah baik program pedagogi dan pembangunan profesional untuk kakitangan akademik. Selain itu, IPT perlu membina keupayaan dalamannya untuk menyokong pembangunan dan penyampaian kandungan pembelajaran bersepada dengan mendapatkan kepakaran dalam bidang kursus, pedagogi, grafik dan IT.

## Inisiatif B1

# Memperkuuh penyelarasan untuk pelaksanaan

Mekanisme yang sesuai akan diwujudkan bagi pengurusan yang berkesan dan pelaksanaan inisiatif GOL. Cadangan penubuhan Pusat e-Pembelajaran Negara (NeLC) akan dinilai dan dipertimbangkan. Pusat sedemikian dapat meningkatkan dasar, garis panduan dan proses untuk memastikan usaha dapat diselaraskan dalam perancangan, pembangunan dan pelaksanaan semua aspek pembelajaran dalam talian termasuk MOOC. Penyelarasan tersebut tidak terhad kepada institusi di Malaysia sahaja, bahkan mencakupi perkongsian dengan konsortium dan IPT antarabangsa.

## Inisiatif B2

# Mengemas kini Dasar e-Pembelajaran Negara

Perlaksanaan GOL akan bergantung pada rangka kerja pelaksanaan yang berpandukan amalan antarabangsa terbaik. Kementerian, melalui NeLC, akan membantu pengemaskinian Dasar e-Pembelajaran Negara (DePAN) untuk menggabungkan strategi baharu MOOC. IPT juga akan digalakkan untuk menggunakan amalan terbaik dan teknologi semasa bagi pelaksanaan GOL.

## Inisiatif C1

# Membolehkan pengiktirafan rangka kerja pindahan kredit

Kurikulum kursus di setiap IPT perlu dikaji semula untuk membolehkan pengiktirafan kursus melalui MOOC. Langkah ini perlu dilakukan melalui rundingan dengan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). IPT juga akan menggunakan penanda aras antarabangsa dengan matlamat untuk meletakkan MOOC Malaysia sebagai sebahagian daripada konsortium MOOC antarabangsa.

## Inisiatif C2

# Menyokong pembelajaran sepanjang hayat

Pihak Kementerian akan membangunkan platform bersama bagi meningkatkan penggunaan MOOC untuk pembelajaran sepanjang hayat. Sehubungan itu, orang ramai di negara ini boleh mendaftar dalam kursus berisiko rendah dan berkos rendah, yang akan memberi mereka peluang untuk mengakses kursus berkualiti berdasarkan pindahan kredit. Kredit ini boleh diambil kira ke arah penganugerahan program diploma dan juga program ijazah. Inisiatif MOOC bagi IPT juga boleh digunakan untuk menyokong peningkatan berterusan tahap profesional penjawat awam dengan kerjasama agensi latihan yang lain. Dengan cara ini, inisiatif MOOC boleh menjadi pemangkin bagi pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat di kalangan warga Malaysia.

## Kotak 9-1

### Memanfaatkan MOOC untuk mentransformasikan sistem pendidikan tinggi di Malaysia

#### Apakah yang dimaksudkan dengan MOOC?

MOOC, ialah kursus dalam talian yang disasarkan untuk penyertaan tidak terhad dan akses terbuka melalui Internet. Ideanya adalah mudah – pembekal MOOC memasukkan kursus yang diajar oleh profesor yang berkaliber (selalunya dari universiti berprestij seperti Stanford, *University of London*, *University of Toronto* dan *Australia National University*) dalam talian untuk sesiapa sahaja mengaksesnya. Sebagai contoh, sejak 2012, lebih 11.9 juta pelajar dari seluruh dunia telah mengikuti kursus melalui Coursera, iaitu salah satu pembekal MOOC yang pertama.

Salah satu sebab utama di sebalik populariti MOOC ialah kebolehan untuk pelajar mengakses bahan-bahan pembelajaran dan pengetahuan bertaraf dunia, dengan yuran yang minimum atau percuma. Malah sesetengah MOOC membenarkan pelajar menerima kredit setelah berjaya menamatkan kursus. Sebagai contoh, edX, iaitu satu lagi pembekal perintis MOOC dengan lebih 300 kursus yang ditawarkan, bekerjasama dengan universiti seperti Harvard dan MIT untuk menawarkan sijil bagi kursus terpilih kepada sesiapa sahaja yang menyelesaikan programnya.

#### Bagaimanakah MOOC memberikan manfaat kepada sistem pendidikan tinggi di Malaysia?

Sistem pendidikan tinggi Malaysia dirangka untuk menambah enrolmen pelajar, mempertingkat kualiti pengajaran, dan mengantara bangsawan IPT menerusi kecekapan dari segi kos. MOOC dapat membantu menangani semua aspirasi ini.

Pertama, MOOC dapat menjangkau khalayak yang lebih luas. Pelajar – daripada semua peringkat umur di mana sahaja – melalui sambungan internet kini akan dapat mengakses kursus berkualiti tinggi walaupun mereka tidak mendaftar di mana-mana IPT. Dengan pelancaran Pelan Jalur Lebar Negara, bermakna pelajar dari mana sahaja di Malaysia akan mempunyai akses yang sama kepada kandungan dan pembelajaran antarabangsa.

Manfaatan MOOC membolehkan IPT tempatan memperkuuh program masing-masing dengan kandungan kursus antarabangsa dan/atau menambah kursus baharu yang tidak dapat disediakan oleh IPT tersebut sebelum ini. Di samping itu, IPT boleh menggunakan MOOC untuk membina jenama global dan penonjolan masing-masing. Pendedahan pada peringkat antarabangsa seumpama itu akan memperkuuh dan menyokong peningkatan standard kualiti secara berterusan.

Akhir sekali, pemanfaatan MOOC akan membolehkan IPT mengurangkan kos untuk mewujud dan menyampaikan program tanpa menjaskan kualiti. Sebagai contoh, *Georgia Institute of Technology* menawarkan ijazah sarjana yang baharu dalam sains komputer, yang disampaikan melalui satu siri MOOC, dengan kos empat kali lebih rendah daripada ijazah tradisional di kampus universiti.

#### Bagaimanakah MOOC berbanding boleh digunakan?

Untuk memulakan transformasi, lebih banyak usaha perlu dilakukan, bukan sekadar membenarkan pelajar mendaftar bagi MOOC sedia ada, atau pun memasukkan beberapa kursus dari IPT tempatan sendiri dalam talian. Sebaliknya, MOOC perlu disepadukan dengan “mengadunkan” pengalaman pendidikan bersemuka dengan pengalaman secara dalam talian. Berikut ialah dua contoh bagaimana pengadunan ini boleh berjaya:

- **Menggunakan MOOC untuk melengkapai kandungan kursus di kampus kediaman.** Pendekatan ini memanfaatkan kandungan dan kuliah dalam kursus MOOC, tetapi membiarkan hasil kerja dalam kelas daripada perbincangan kelas, bimbingan, pementoran, menilai penguasaan pelajar, dan memberikan bukti kelayakan kepada warga akademik sedia ada. Satu kaji selidik pelajar yang dijalankan di Stanford (tempat model ini dimajukan) mendapat bahawa pelajar dapat menggunakan masa mereka dengan pensyarah untuk perbincangan tentang penyelesaian masalah. Pendekatan ini juga telah membolehkan profesor di Stanford mengajar dengan jumlah pelajar dua kali lebih banyak daripada kebiasaan; dan
- **Mengira kredit MOOC ke arah penganugerahan ijazah.** *State University of New York* – sistem universiti awam dengan 64 kampus dan 465,000 pelajar – sedang melakukan transformasi yang belum pernah dilaksanakan sebelum ini untuk membolehkan pelajar mendapat kredit sehingga satu pertiga daripada jumlah kredit yang diperlukan untuk program ijazah tertentu menggunakan MOOC yang ditawarkan oleh IPT lain. Usaha ini amat menyerlah, namun jika berjaya, secara mendadak akan mengubah keupayaan pelajar di New York untuk belajar daripada profesor dan program yang terbaik di dunia.

#### Adakah IPT menggunakan MOOC?

IPT tempatan telah mula membangun dan melancarkan MOOC masing-masing. Pada September 2014, Kementerian telah melancarkan empat kursus wajib umum sarjana muda tahun pertama yang ditawarkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) menggunakan konsep MOOC. Kursus sarjana muda ini yang merupakan satu-satunya di dunia, menghimpunkan semua pelajar tahun pertama dari 20 buah universiti awam Malaysia menggunakan satu platform. Pelancaran ini penting kerana ia menandakan penglibatan pertama oleh universiti awam Malaysia dalam MOOC.

# Pelan tindakan pelaksanaan inisiatif

Strategi dan inisiatif dalam Lonjakan ini telah disusun dengan teliti merentas tiga fasa untuk mengelak daripada terlalu membebankan sistem, dan memastikan setiap fasa yang berturutan meneruskan asas yang dibina sebelumnya. Perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap proses pelaksanaan akan dijalankan mengikut hala tuju yang dicadangkan dalam Paparan 9-2 yang berikut.

## PAPARAN 9-2

	Fasa 1 (2015)	Fasa 2 (2016-2020)	Fasa 3 (2021-2025)
<b>Strategi A</b> Meningkatkan sokongan bagi ekosistem GOL	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mengkaji semula dan memperhalusi keutamaan pembangunan prasarana siber (merangkumi keperluan MOOC);</li> <li>▪ Mereka cipta dan melancarkan MOOC dipacu-IPT dalam tujuan masing-masing;</li> <li>▪ AKEPT mewujudkan program latihan untuk MOOC; dan</li> <li>▪ Membangunkan garis panduan bagi latihan pensyarah dan kakitangan sokongan di IPT.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menangani isu prasarana di IPT (contoh jalur lebar, perisian dan alat kepengarangan, platform, peranti, dan peralatan);</li> <li>▪ Memperluas penawaran MOOC dalam tujuan tersendiri;</li> <li>▪ Mempromosi MOOC Malaysia untuk mencapai sasaran 5 IPT di kedudukan teratas ranking <i>Webometric</i>; dan</li> <li>▪ Membina keupayaan pensyarah dan kakitangan sokongan untuk pembangunan MOOC.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mengkaji semula inisiatif sedia ada serta menyarankan pelaksanaan baharu untuk terus meningkatkan kecekapan dan keberkesanan.</li> </ul>
<b>Strategi B</b> Menubuhkan struktur pentadbiran GOL	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Memulakan penubuhan Pusat e-Pembelajaran Negara;</li> <li>▪ Membangunkan program latihan untuk pembangunan keupayaan sumber manusia dalam MOOC dan aplikasi model “pembelajaran bersepada”; dan</li> <li>▪ Semak semula DePAN untuk menggabungkan inisiatif MOOC dan mensasarkan 70% kursus yang ditawarkan menggunakan pembelajaran bersepada.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mengukuhkan pendekatan pedagogi dan proses pembangunan kandungan pembelajaran dalam talian melalui perkongsian pihak berkepentingan; dan</li> <li>▪ Memperhebat penawaran MOOC pada kadar 15 kursus di setiap institusi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mengkaji semula inisiatif sedia ada serta menyarankan pelaksanaan baharu untuk terus meningkatkan kecekapan dan keberkesanan.</li> </ul>
<b>Strategi C</b> Memangkin kesohoran global melalui GOL	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Membangun dan mengemas kini garis panduan untuk semakan kurikulum dan mekanisme pemindahan kredit, melalui perundingan dengan MQA;</li> <li>▪ Mengenal pasti kepakaran dan bidang tujuan untuk penawaran MOOC global; dan</li> <li>▪ Mengenal pasti rakan kongsi platform.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menggalakkan penggunaan meluas GOL di IPT dan di kalangan orang awam untuk pembelajaran sepanjang hayat; dan</li> <li>▪ Memastikan program GOL diiktiraf, termasuk pemindahan kredit.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mengkaji semula inisiatif sedia ada serta menyarankan pelaksanaan baharu untuk terus meningkatkan kecekapan dan keberkesanan.</li> </ul>

## Kesimpulan

Peningkatan akses kepada Internet, bersama-sama dengan pertambahan bilangan “warga asli digital” telah menjadikan pembelajaran dalam talian sebagai kaedah pembelajaran yang penting di seluruh dunia. Pembelajaran dalam talian memberi peluang kepada Malaysia untuk meningkatkan penonjolan global dalam pendidikan tinggi, khususnya dalam bidang tujuan bagi Malaysia. Selain itu, GOL membolehkan akses yang lebih luas kepada pendidikan tinggi, menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan warga Malaysia, meningkatkan keberkesanan kos dalam penyampaian kursus, serta meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Untuk meraih potensi GOL sepenuhnya, pihak Kementerian akan berganding bahu dengan IPT untuk membina keupayaan komuniti akademik, membina platform e-pembelajaran untuk menerajui pembangunan kandungan pembelajaran dan menambah baik struktur pentadbiran sedia ada.

## Kaedah pemantauan

Kementerian akan memantau perkembangan dan impak Lonjakan ini berdasarkan penilaian berdasarkan hasil. Pemantauan ini tidak terhad kepada senarai berikut dan boleh ditambah baik. Sasaran akan ditetapkan secara tahunan:

- Bilangan universiti yang terlibat dalam **penyampaian kursus am MOOC**;
- Bilangan IPT tempatan dalam **ranking 200 teratas Webometrics**;
- Bilangan **pelajar (Malaysia dan antarabangsa) yang berdaftar** dalam MOOC Malaysia; dan
- Peratusan kursus **pembelajaran bersepadu** yang ditawarkan oleh IPT.

Lonjakan





# Transformasi Penyampaian Pendidikan Tinggi

Sistem pendidikan tinggi Malaysia perlu menjalani transformasi menyeluruh untuk membantu pencapaian wawasan dan aspirasi negara. Proses transformasi ini merupakan satu proses yang mencabar. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) ini menggariskan halatuju, dan merangkumi strategi dan initiatif untuk mencapai aspirasi pendidikan tinggi negara. Aspirasi ini akan berjaya dicapai dengan pelaksanaan yang berkesan menerusi komitmen dan kerjasama semua pihak berkepentingan, terutamanya institusi pendidikan tinggi (IPT) awam dan swasta.

Penyampaian pendidikan tinggi meliputi semua aspek fungsi Kementerian Pendidikan Malaysia (Kementerian), daripada penggubalan dasar dan peraturan, hingga pelaksanaan program dan pemantauan IPT. Secara keseluruhannya, model operasi struktur organisasi, proses-proses utama dan keupayaan dalam Kementerian memberikan kesan kepada kecekapan dan keberkesanan penyampaian sektor pendidikan tinggi negara.

Bab ini menggariskan beberapa pendekatan baharu Kementerian. Strategi dan inisiatif yang digariskan akan memastikan pelbagai lonjakan dan keberhasilan yang disasarkan dalam PPPM (PT) benar-benar dapat direalisasikan. Ini termasuklah usaha menyusun semula peranan dan struktur dalam Kementerian, mewujudkan keharmonian merentas IPT awam dan swasta, mengukuhkan jaminan kualiti, meningkatkan keupayaan penyampaian dalam Kementerian sendiri, dan memperbaik entiti penting yang menjalankan urusan langsung dengan pelajar, seperti Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar (BPKP).

# Kepentingan

*Bagi menerajui transformasi sistem pendidikan tinggi, Kementerian mestilah menunjukkan contoh terbaik secara berterusan untuk memperbaiki proses, kemahiran dan budaya.*

Sepanjang proses membangunkan PPPM (PT), terdapat banyak pihak berkepentingan menegaskan betapa perlunya kapasiti dan keupayaan penyampaian yang lebih mantap dari semua pihak. Sehubungan itu mereka turut menegaskan agar Kementerian memberikan tumpuan pada pelaksanaan dan bukan pada perancangan dan penggubalan dasar semata-mata.

## Perubahan bermula di Kementerian

Transformasi sistem pendidikan tinggi mestilah bermula di Kementerian dan diikuti dengan IPT. Kementerian yang tangkas dan mudah suai diperlukan untuk menangani perkembangan sektor pendidikan yang sangat pesat dan keperluan pengantarabangsaan. Ini memerlukan organisasi yang responsif, memiliki set kemahiran serta sistem dan proses yang terbaik. Untuk menerajui transformasi sistem pendidikan tinggi, Kementerian mestilah menunjukkan contoh terbaik dalam usaha berterusan untuk memperbaiki proses, kemahiran dan sikap.

## Cabaran sistem pendidikan tinggi

Sektor pendidikan tinggi telah mengalami banyak perkembangan dalam tempoh beberapa tahun lalu. Ketika ini, terdapat lebih 650 IPT di Malaysia, terdiri daripada IPT awam dan swasta dengan pelbagai model operasi, konteks dan cabaran. Perkembangan ini sangat menggalakkan, hasil usaha pelbagai pihak, dari sektor awam dan swasta dalam menghadapi perubahan dan memenuhi keperluan sosioekonomi negara. Namun, peningkatan tahap kerumitan, skala institusi dan jumlah pelajar memerlukan pendekatan pengawal seliaan yang lebih mantap tanpa membezakan IPT awam dan swasta.

## Peranan baharu Kementerian

Kementerian akan memainkan peranan yang lebih fokus, beralih daripada peranannya sebagai “pengawal yang tegas” dengan fungsi pengawasan yang luas terhadap pentadbiran dan pengendalian IPT awam, kepada peranannya sebagai “pengawal selia dan pembuat dasar”. Perubahan ini adalah selaras dengan usaha untuk memberi autonomi yang lebih besar kepada IPT awam, bergantung pada tahap kesediaan masing-masing. Justeru Kementerian berpeluang untuk mengkaji dan menyusun semula fungsi, sumber dan proses dalamannya supaya dapat menjadi pengawal selia dan pemangkin yang lebih berkesan bagi sektor pendidikan tinggi di Malaysia.

## Penggerak untuk kejayaan transformasi

Kajian pada peringkat antarabangsa menunjukkan hanya satu pertiga daripada program transformasi berskala besar berjaya dilaksanakan<sup>1</sup>. Kajian ini menunjukkan bahawa kekurangan sumber atau perancangan yang lemah biasanya bukanlah penyebab utama kegagalan tersebut. Sebaliknya, kegagalan selalunya berpunca daripada kekurangan azam, masa, dan komitmen daripada pihak pengurusan tertinggi; tidak tegas menghadapi bantahan daripada pihak yang menentang perubahan; ketidakmampuan untuk mempertahankan pandangan; penentangan terhadap perubahan dalam kalangan pihak berkepentingan dan institusi; atau kekurangan bakat dan keupayaan.

<sup>1</sup> Keller, S & Price, C (2011). *Beyond Performance, How Great Organisations Build Competitive Advantage*. New Jersey: John Wiley & Sons, Inc.

# Kedudukan Malaysia

Sistem pendidikan tinggi Malaysia perlu berkembang dengan lebih pesat, agar selaras dengan trend global dan sebagai persediaan untuk menghadapi cabaran selanjutnya. Oleh itu 10 lonjakan dalam PPPM (PT) ini akan merubah pendekatan sistem ini beroperasi. Kepentingan sistem penyampaian telah pun ditekankan dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), dalam *Teras 7: Mengukuh Sistem Penyampaian Kementerian Pengajian Tinggi*. Meskipun asas bagi sistem penyampaian yang lebih baik telah diwujudkan semasa pelaksanaan PSPTN, perkembangan baharu memberi peluang kepada Kementerian untuk menyesuaikan dan mengukuhkan lagi pendekatan penyampaianya bagi menerajui transformasi sistem pendidikan tinggi Malaysia.

## Proses pembangunan sistem pendidikan tinggi

Sistem pendidikan tinggi Malaysia telah mencapai banyak kejayaan sejak pelancaran PSPTN pada 2007. Antara perkembangan utama dalam sistem pendidikan tinggi ini termasuklah “pendemokrasian” sektor pendidikan tinggi yang semakin meningkat, perkembangan sektor pendidikan swasta yang pesat, penubuhan kampus cawangan antarabangsa, mobiliti pelajar dan staf merentas sempadan yang bertambah baik, produktiviti penyelidikan yang lebih tinggi daripada Universiti Penyelidikan Malaysia (MRU) dan kakitangan akademik yang lebih mantap. Teras 7 PSPTN turut menyediakan asas kepada Kementerian mengukuhkan proses dalamannya dan membina keupayaan penyampaian.

## Trend global

Globalisasi dan teknologi telah mentransformasikan sepenuhnya beberapa sektor seperti sektor kewangan, perkhidmatan dan telekomunikasi. Sektor pendidikan juga mungkin berhadapan dengan transformasi yang sama, bahkan kini sudahpun mengalami anjakan disebabkan teknologi atau model baru seperti *Massive Open Online Course* (MOOC). Persaingan sesama universiti untuk mendapatkan pelajar, kakitangan dan sumber semakin hebat pada peringkat antarabangsa. Teknologi baharu membuka peluang kepada pelajar untuk mengakses pendidikan tinggi, dan untuk merapatkan jurang ekuiti bagi komuniti yang kurang berasas baik. Kementerian

menyedari betapa perlunya lonjakan, berbanding dengan langkah peningkatan berperingkat. Model penyampaian tradisional universiti bukan lagi cara yang paling berkesan untuk menangani cabaran pendidikan tinggi pada abad ke-21.

## Penggabungan Kementerian

Penggabungan Kementerian Pelajaran dengan Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2013 telah meningkatkan skala, skop dan jangkauan gabungan organisasi tersebut. Kementerian kini menggunakan kira-kira satu per empat daripada bajet tahunan negara. Penggabungan ini juga merupakan peluang penting untuk mewujudkan laluan sistem pendidikan yang lebih kemas daripada prasekolah kepada lepasan menengah, pendidikan tertiar, dan pembelajaran sepanjang hayat. Hal ini memerlukan usaha penjajaran yang rapi bagi fungsi, strategi dan inisiatif merentas pendidikan asas dan pendidikan tinggi. Terdapat banyak peluang untuk memperbaiki perkhidmatan dengan integrasi yang lebih erat dalam bidang-bidang seperti latihan perguruan, reka bentuk kurikulum, pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET), mobiliti bakat, serta kecekapan yang lebih baik melalui perkongsian perkhidmatan atau sokongan pentadbiran.

## Lonjakan baharu dalam PPPM (PT)

Tujuh Teras dalam PSPTN berkembang menjadi 10 Lonjakan dalam PPPM (PT) ini. Sebahagian daripada Lonjakan ini adalah fokus yang diperbaharui dan dipertingkatkan dalam pelbagai aspek termasuk kecemerlangan bakat, ekosistem inovasi, pembelajaran sepanjang hayat, pengantarabangsaan dan sistem penyampaian. Sebahagian pula adalah fokus tambahan atau baharu seperti kemampuan kewangan, pemantapan tadbir urus, serta pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) yang berkualiti. Dengan meneruskan 7 Teras dalam PSPTN, 10 Lonjakan yang digariskan dalam pelan pembangunan ini diasaskan pada keberhasilan, dan memerlukan perubahan besar dalam cara sistem penyampaian pendidikan tinggi ini berfungsi.

# Objektif


Kementerian berhasrat untuk melaksanakan transformasi sistem pendidikan tinggi bermula dengan transformasi dalam Kementerian terlebih dahulu. Kementerian berusaha untuk memangkinkan transformasi dalam kalangan IPT awam dan swasta. Kementerian akan menerajui transformasi dalam perkhidmatan awam, untuk membuat pembaharuan berdasarkan amalan terbaik dan proses baharu. Kementerian juga beraspirasi untuk menjadi kementerian contoh dalam penyampaian yang responsif dan telus, dengan tahap keberkesanan dan kecekapan yang setanding dengan sektor swasta.



# Prinsip

Empat prinsip akan menjadi panduan kepada Kementerian dalam transformasi sistem penyampaian keseluruhan pendidikan tinggi di Malaysia:

- **Fokus pada keberhasilan dan prestasi** – Kementerian akan memfokuskan usaha untuk memastikan penyampaian keberhasilan dan prestasi, bukan sekadar input, sumber dan proses. Hal ini bertujuan memastikan pulangan yang lebih besar daripada peruntukan, serta hasil yang lebih cepat dan nyata kepada rakyat;
- **Penglibatan pihak berkepentingan yang berkaitan** – Kementerian akan terus melibatkan pihak berkepentingan secara giat sepanjang pelaksanaan PPPM (PT), termasuk pelajar, ibu bapa, komuniti akademik, kakitangan Kementerian, dan majikan;
- **Ketelusan lebih tinggi untuk akauntabiliti yang lebih besar** – Pihak berkepentingan akan mempunyai akses kepada maklumat yang telus secara berkala tentang pencapaian aspirasi PPPM (PT). Hal ini akan menggalakkan pelaksanaan yang lebih bertanggungjawab dan lebih responsif; dan
- **Kejelasan dalam peranan dan jangkaan** – Kejayaan PPPM (PT) memerlukan keterlibatan semua pihak dalam memberikan sumbangan, memainkan peranan masing-masing dan menunaikan komitmen mereka, termasuklah Kementerian, agensi kerajaan yang berkaitan, Lembaga Pengarah Universiti, dan pucuk pimpinan IPT.



# Strategi dan inisiatif

Strategi dan inisiatif yang digariskan dalam bab ini bertujuan meningkatkan kapasiti dan keupayaan penyampaian Kementerian mencapai keberhasilan dengan lebih cekap dan mampan kepada pelajar dan pihak berkepentingan. Terdapat lima strategi berkaitan, setiap satunya dengan inisiatif tersendiri:

## **Strategi A: Mentransformasikan Kementerian Pendidikan**

Kementerian akan terus mewujudkan rangka kerja dasar yang menjadi panduan sistem pendidikan tinggi. Kementerian akan beralih ke arah peranan mengawal selia dan membuat dasar, dan akan memberikan fokus pada “urusan kerja utama” dan fungsi terasnya. Hal ini akan melibatkan penyemakan semula struktur organisasi dan model operasi Kementerian, mempermudah dan menyepadukan proses yang ada pada masa ini, di samping menghapuskan pertindanan dan ketidak cekapan agar lebih fokus pada keberhasilan dan prestasi.

## **Strategi B: Penyeragaman merentas IPT awam dan swasta**

IPT swasta dan juga awam adalah sama pentingnya dalam menyampaikan keberhasilan pendidikan tinggi, dan Kementerian akan memastikan kedua-duanya mencapai prestasi dan standard akademik yang setara. Dengan bertambahnya dasar yang selaras dan saling melengkapi, peluang yang lebih besar akan terbuka untuk mobiliti bakat, perkongsian dan kerjasama antara IPT awam dengan IPT swasta. Perkongsian sedemikian amat penting untuk terus memacu pertumbuhan sektor pendidikan tinggi.

## **Strategi C: Menambah baik pendekatan penyampaian PPPM (PT)**

Kementerian akan mengambil iktibar daripada kejayaan program transformasi berskala besar yang serupa, seperti Program Transformasi GLC di Malaysia. Kementerian akan menggunakan model penyampaian baharu seperti pendekatan melalui unit



penyampaian, dan berusaha menyebar luaskan amalan terbaik dalam perkara-perkara penting untuk menyokong program transformasi di setiap IPT awam dan swasta.

#### **Strategi D: Memperkemas dan menjajarkan pengurusan prestasi dan jaminan kualiti IPT**

Fungsi dan proses Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) akan terus dipertingkatkan selaras dengan rangka kerja antarabangsa, amalan terbaik dan jangkaan global. Kriteria dan standard yang jelas, telus dan mantap akan digunakan untuk menilai amalan di semua IPT awam dan swasta, berpandukan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF). Usaha memperkemas, mempermudah dan meningkatkan tahap rangka kerja jaminan kualiti dan instrumen penarafan yang berkaitan akan menjadi keutamaan yang berterusan bagi Kementerian.

#### **Strategi E: Penstrukturkan semula khidmat barisan hadapan yang penting**

Pelajar merupakan tumpuan utama program transformasi dalam PPPM (PT). Oleh itu, Kementerian akan memberikan penekanan khusus kepada perkhidmatan barisan hadapan pelajar, sebagai sentuhan prihatin yang memberi impak langsung kepada pelajar. Sehubungan itu, Kementerian akan mempertingkat proses dan sistem kemasukan pelajar, memperbaiki komunikasi strategik dalam aktiviti interaksi yang dijalankan oleh Kementerian dengan pihak berkepentingan.



## Inisiatif A1

# Menstrukturkan semula organisasi Kementerian

Kementerian akan mengkaji dan merangka semula struktur organisasi dalamannya agar selaras dengan peranan sebagai pengawal selia dan pembuat dasar. Usaha penstrukturkan semula juga akan mewujudkan integrasi yang lebih baik antara sektor pelajaran dengan sektor pendidikan tinggi. Struktur organisasi baharu mengambil kira amalan daripada sistem pendidikan lain di dunia dan disesuaikan dengan konteks dan keperluan Malaysia. Sehubungan itu, Kementerian akan menambah baik rangka kerja pengurusan bakat, termasuk perancangan penggantian warga kerja yang berkesan untuk jawatan utama. Fungsi dan proses utama juga akan dikaji semula dan dirombak agar lebih mudah, telus dan tiada pertindihan, terutamanya dalam prosedur kelulusan, audit, dan pelaporan.

## Inisiatif B1

# Pengharmonian piawaian dan peraturan untuk IPT awam dan swasta

Kementerian akan menerima pakai piawaian yang setara untuk IPT awam dan swasta, berdasarkan dimensi penting seperti piawaian akademik, kualiti kurikulum dan pengambilan pelajar. Pengharmonian piawaian ini akan membolehkan Kementerian memberi pertimbangan bagi pembiayaan pelajar untuk program profesional seperti pergigian, perubatan, farmasi dan geologi, di IPT swasta, terutamanya IPT yang sentiasa meningkatkan kualiti pendidikan dan keberhasilan. Buat masa ini terdapat perbezaan dari segi peraturan untuk penganugerahan status swa-akreditasi, kelulusan menjalankan program dan penawaran kursus dalam talian antara IPT awam dan swasta. Sehubungan itu, Kementerian akan mengkaji semula dan memperkemas peraturan dan dasar sedia ada bagi membolehkan perharmonian peraturan dan dasar untuk semua IPT.

### Kotak 10-1

#### Sektor Pendidikan Tinggi di Kementerian Pendidikan

Struktur organisasi baharu bagi Sektor Pendidikan Tinggi di Kementerian Pendidikan yang bersepadan menjadi lebih:

- **Dinamik dan cekap** dengan kenyataan peranan dan akauntabiliti yang jelas;
- **Kondusif dan meritokratik** untuk menarik dan mengekalkan bakat yang mempunyai pengetahuan, kepakaran dan kemahiran bersesuaian dengan jawatan di Kementerian; dan
- **Tangkas dan responsif**, khususnya dalam fungsi urusan langsung dengan pihak berkepentingan atau pelanggan.

Fungsi teras Sektor Pendidikan Tinggi yang distrukturkan semula akan merangkumi:

- **Penentuan dasar-dasar pendidikan tinggi** – Kementerian akan terus mewujudkan dan memperhalusi rangka kerja dasar yang menjadi panduan sistem pendidikan tinggi;
- **Pewujudan ekosistem dan prasarana** – Kementerian akan bertanggungjawab untuk mewujud dan mempertingkat sistem sokongan yang diperlukan supaya keseluruhan sistem pendidikan tinggi berfungsi dengan lancar, merangkumi kemasukan pelajar dan perkhidmatan pelajar antarabangsa;

- **Penetapan dan pemantauan piawaian** – Kementerian akan mengawal selia sistem pendidikan tinggi dan IPT untuk memastikan piawaian yang tekal dan berkualiti tinggi. Kementerian akan bertanggungjawab dalam pelesenan IPT, pengawasan jaminan kualiti dan akreditasi; dan
- **Pelaksanaan program strategik** – Kementerian akan memacu program tertentu dari semasa ke semasa untuk menjadi pemangkin sistem pendidikan tinggi, dengan kerjasama pihak berkepentingan dan agensi kerajaan yang lain.

Proses utama dalam Sektor Pendidikan Tinggi akan dipertingkatkan dengan mengurangkan pertindihan. Kementerian akan memberi fokus kepada pengurusan berdasarkan keberhasilan. Pada masa sama, Kementerian akan menggalakkan IPT untuk mengukuhkan organisasi dan proses dalam masing-masing, selaras dengan peralihan ke arah tadbir urus yang mantap untuk memikul lebih banyak tanggungjawab, seperti penglibatan industri, pembangunan keusahawanan dan pengurusan program.

## Inisiatif B2

# Perkongsian pintar awam-swasta

Penyerbukan silang (*cross-fertilisation*) pengetahuan, kepakaran dan amalan terbaik adalah penting supaya sektor pendidikan tinggi berfungsi dengan baik. Kementerian menggalakkan kerjasama dan perkongsian pintar yang lebih kukuh antara IPT swasta dan awam merentas pelbagai aktiviti, termasuk penyelidikan, pengajaran, perkongsian sumber dan kemudahan. Kementerian akan terus memudah dan menyokong model berbeza bagi perkongsian awam-swasta yang diterajui IPT, serta pelbagai bentuk program mobiliti atau pertukaran pelajar dan staf akademik antara IPT awam dan swasta.

## Inisiatif C1

# Unit Penyampaian memacu pelaksanaan PPPM (PT)

Pengalaman di peringkat antarabangsa menunjukkan bahawa usaha menguruskan program transformasi yang kompleks memerlukan pewujudan unit penyampaian khusus berkeupayaan tinggi untuk menyokong kepimpinan Kementerian. Keupayaannya untuk berfungsi dengan berkesan bergantung kepada reka bentuk organisasi, autonomi, dan pembangunan entiti tersebut. Entiti yang sedemikian akan bertanggungjawab untuk memantau kemajuan, menyelesaikan masalah, dan mengurus komunikasi berkaitan usaha transformasi pendidikan tinggi. Unit Penyampaian akan bertanggungjawab secara terus kepada pihak kepemimpinan kanan Kementerian dan Menteri untuk memacu penyampaian inisiatif PPPM (PT). Rujuk Kotak 10-2.

### Kotak 10-2

#### Peranan unit penyampaian untuk memacu inisiatif PPPM (PT)

Terdapat empat peranan utama yang akan dijalankan oleh Unit Penyampaian:

- **Mengurus program bagi semua inisiatif PPPM (PT).** Unit ini akan memastikan pelan tindakan disediakan (di peringkat Kementerian dan IPT) dan memperoleh warga kerja serta belanjawan yang diperlukan untuk semua inisiatif PPPM (PT). Petunjuk prestasi utama (KPI) akan diwujudkan untuk semua inisiatif. Kemajuan bagi inisiatif utama akan dipantau dan dikemas kini seterusnya melaporkannya kepada pucuk pimpinan Kementerian. Unit ini akan bertindak sebagai perantara pucuk pimpinan Kementerian dan pemimpin inisiatif. Isu pelaksanaan akan diselesaikan segera dengan mengajukannya kepada pucuk pimpinan Kementerian.
- **Menerajui pasukan berbilang agensi merentas fungsi untuk inisiatif utama.** Hal ini memerlukan perincian reka bentuk inisiatif serta pemerolehan warga kerja dan bajet. Unit ini akan memandu dan memantau pelaksanaan, membuat penyesuaian yang berterusan kepada reka bentuk berdasarkan maklum balas, dan menyuraikan isu pelaksanaan. Rangkaian pihak berkepentingan dalam kalangan awam dan swasta diurus secara proaktif dan pengemaskinian kerap dan berkala akan dilaporkan kepada pucuk pimpinan Kementerian dan pihak berkepentingan lain apabila diperlukan, misalnya, melalui mesyuarat Jawatankuasa Pemandu.
- **Menyokong usaha penglibatan pihak berkepentingan, termasuk orang ramai.** Kejayaan transformasi bergantung kepada interaksi berterusan dengan orang ramai melalui rundingan, penglibatan dan dialog. Kementerian berusaha memberikan maklumat yang

tepat pada masanya kepada pihak berkepentingan mengenai rasional untuk perubahan, visi, keutamaan, halangan yang ditempuh sepanjang perjalanan, dan kemajuan inisiatif PPPM (PT). Maklumat ini akan disalurkan melalui media, termasuk akhbar, laman sesawang Kementerian dan media sosial. Kementerian juga akan mewujudkan saluran komunikasi dua hala yang menggalakkan dialog mengenai pelaksanaan PPPM (PT) dan yang membolehkan Kementerian membuat pelarasan.

- **Menerbitkan sasaran dan laporan prestasi.** Unit Penyampaian akan memudahkan penilaian kemajuan pertengahan tahun dan akhir tahun untuk memberikan input kepada proses membuat keputusan oleh pucuk pimpinan Kementerian. Di samping itu, Kementerian akan menerbitkan keputusan prestasi setiap tahun sebagai sebahagian daripada laporan tahunannya supaya orang awam boleh mengikuti kemajuan pelaksanaan PPPM (PT).

#### Komposisi unit penyampaian

Komposisi Unit Penyampaian adalah penting untuk kejayaannya. Pasukan ini akan terdiri daripada warga kerja berkemahiran tinggi dengan rekod prestasi cemerlang, terutamanya berkaitan pengalaman menyelesaikan masalah, penyampaian, dan interaksi dengan pihak berkepentingan. Unit ini seharusnya kecil, fleksibel, responsif, dan mempunyai budaya kerja berasaskan prestasi. Pucuk pimpinan dan kakitangan unit penyampaian mempunyai keazaman jitu terhadap penyampaian. Kakitangan unit penyampaian akan terdiri daripada warga kerja yang berkeupayaan tinggi, sama ada dari dalam atau di luar Kementerian.

## Inisiatif C2

# Melancarkan “Program Transformasi Universiti”

Terdapat faktor unik yang perlu dipertimbangkan semasa merancang pendekatan pelaksanaan PPPM (PT). Transformasi sektor pendidikan tinggi perlu dipacu sendiri oleh IPT secara langsung. Namun demikian, kesemua IPT ini mempunyai tahap kesediaan, kekuatan dan kelemahan yang berbeza. Oleh itu, pelaksanaan perlu distukturkan secara berperingkat, supaya IPT boleh menerima pakai elemen yang paling sesuai dengan tahap masing-masing. Kementerian juga akan membangunkan panduan dan amalan terbaik yang sesuai untuk mewujudkan ekosistem sokongan dan pengawasan kepada IPT. Unsur-unsur daripada program Transformasi GLC akan diterima pakai untuk tujuan ini memandangkan hubungan antara Kementerian dengan IPT seakan-akan sama seperti hubungan antara syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan (GLIC) dengan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC). Paparan 10-1 menunjukkan beberapa faktor kejayaan utama daripada GLCT.

Kementerian akan bekerjasama dengan IPT untuk mengenal pasti dan menyusun amalan dan instrumen terbaik berdasarkan inisiatif tertentu dalam PPPM (PT) (lihat Kotak 10-3). Ini akan dibuat dalam bentuk buku panduan mengenai topik penting yang boleh diterima pakai oleh IPT awam dan swasta. Sehubungan itu Kementerian menjangka universiti awam melaksanakan program transformasi universiti masing-masing berpandukan buku tersebut. IPT swasta juga dijangka dapat mengambil manfaat daripadanya.

## PAPARAN 10-1

### Unsur Kejayaan Program Transformasi GLC



#### Kotak 10-3

### Transformasi universiti

Transformasi IPT merupakan keutamaan Kementerian dan juga negara. Program Transformasi Universiti dijangka memerlukan beberapa tahun sebelum manfaat sepenuhnya dapat diraih dalam jangka panjang. Namun beberapa impak besar akan dikecapi oleh IPT dalam tempoh terdekat.

Garis panduan amalan terbaik dan penyusunan instrumen akan dibangunkan untuk disebar dan dilaksanakan di seluruh IPT. Buku panduan ini akan menawarkan panduan praktikal untuk membantu IPT melaksanakan program transformasi masing-masing atau dalam meningkatkan amalan sedia ada dalam bidang kritikal.

Sebanyak enam inisiatif awal telah dikenal pasti sebagai penggerak perubahan penting dan dijangka mempunyai impak yang besar terhadap prestasi IPT:

- Memantapkan tadbir urus dan keberkesanan lembaga pengarah IPT;
- Memperteguhkan pengurusan prestasi IPT;
- Menambah baik tahap produktiviti dan kecekapan kos IPT;
- Mewujudkan sumber pendapatan alternatif dan tabung endowmen;
- Mencapai ketelusan dan akauntabiliti dalam pelaporan kewangan IPT; dan
- Menambah baik laluan kerjaya dan pembangunan kepemimpinan.

Buku panduan di peringkat awal ini bukanlah penyelesaian yang pasti berkesan atau mencakupi segala perkara, tetapi bertujuan memberikan sokongan kepada IPT tatkala IPT menyesuaikan pelaksanaan untuk konteks, cabaran dan bidang fokus masing-masing.

## Inisiatif D1

# Memantapkan proses MQA dan rangka kerja jaminan kualiti

MQA akan terus menilai dan menaik taraf MQF agar sentiasa sejajar dengan amalan terbaik antarabangsa. Di samping itu, MQF akan dikaji semula untuk penyeragaman dengan sektor TVET, serta agar ia sejajar dengan Rangka Kerja Rujukan Kelayakan ASEAN (AQRF). Kementerian juga komited untuk bekerjasama dengan MQA bagi terus memperkemaskan proses akreditasi, jaminan kualiti dan audit. Selaras dengan peralihan ke arah pemantapan tadbir urus bagi IPT, Kementerian dan MQA akan terus menyesuaikan lagi pendekatannya terhadap jaminan kualiti berdasarkan profil, rekod prestasi dan keupayaan setiap IPT.

## Inisiatif D2

# Menambah baik sistem penarafan institusi

Kementerian telah memperkenalkan beberapa instrumen penarafan sesuai dengan kepelbagaian institusi, seperti MyRA untuk universiti penyelidikan, SETARA untuk universiti dan kolej universiti, MyQuest untuk kolej swasta, PolyRate untuk politeknik dan MySpeKK untuk kolej komuniti. Sehubungan itu, Kementerian akan terus memperhalus dan menambah baik keberkesanan instrumen penarafan tersebut, serta mempermudahkannya. Kementerian akan menggabung dan menambah baik instrumen penarafan tersebut untuk penilaian semua IPT dengan kaedah pengukuran yang berkait rapat dengan pengurusan prestasi dan keberhasilan. Oleh itu program insentif, seperti menghubungkan akses kepada pendanaan dengan penarafan setiap IPT boleh dilaksanakan dengan lebih telus.

## Inisiatif E1

# Mentransformasikan proses kemasukan pelajar

Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar (BPKP) pada masa ini bertanggungjawab untuk menyelaraskan kemasukan pelajar ke universiti awam. BPKP yang sebelum ini dikenali sebagai Unit Pengambilan Universiti (UPU) berperanan sebagai pusat setempat bagi permohonan ke IPT awam, dan memudahkan penempatan pelajar dalam kursus yang dipilih. Sesetengah universiti menjalankan proses kemasukan secara tersendiri, seperti Universiti Malaya (UM) dan Universiti Sains Malaysia (USM). Kementerian menyedari bahawa proses permohonan dan kemasukan pelajar merupakan salah satu proses urusan langsung dengan pelajar (*student-facing*) yang paling kritikal. Kementerian akan meneliti dan menilai penambahan BPKP, seperti perubahan terhadap pendekatan permohonan semasa, pewujudan portal maklumat program akademik dan kerjaya untuk pelajar, serta pengkorporatan BPKP (lihat Kotak 10-4).

## Kotak 10-4

### Gambaran Keseluruhan Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar (BPKP)

Lebih 74,000 permohonan dibuat melalui BPKP (sebelum ini dikenali sebagai UPU) dalam sesi akademik 2014/2015, iaitu pertambahan sebanyak 7.8% daripada tahun sebelumnya.

Terdapat tiga bidang fokus yang akan dinilai dan diterokai oleh BPKP untuk menambah baik perkhidmatannya kepada pelajar:

- **Penambahbaikan kepada sistem permohonan dan pemanduan** untuk meningkatkan kecekapan dan memaksimumkan penempatan pelajar ke dalam program pilihan mereka. Ini mungkin merangkumi usaha memperkenalkan permohonan melalui “*Single-window Application Management System*” untuk IPT awam, memperhalus algoritma dan komunikasi yang lebih jelas kepada bakal pelajar;
- **Memudahkan pelajar membuat permohonan** ke IPT dengan menambah baik portal yang boleh membantu pelajar membuat keputusan berdasarkan maklumat yang jelas. Portal baharu ini akan mengandungi maklumat tentang setiap universiti (termasuklah ranking, penarafan, statistik kemasukan dan guna tenaga), kursus (syarat kemasukan, peluang kerjaya, populariti dan kriteria kemasukan), dan laluan kerjaya (kebolehpasaran graduan, gaji purata, dan peluang jangka panjang), dan akan dihubungkan dengan laman kerjaya berkaitan seperti *iwant2b*; dan
- **Pengkorporatan BPKP** melalui perundingan dengan pihak berkepentingan dan IPT untuk memahami dengan lebih jelas keperluan dan permintaan terhadap perkhidmatannya. Objektif pengkorporatan adalah untuk menambah baik keberkesanan pelaksanaan, berkemungkinan meluaskan penawaran perkhidmatan kepada IPT swasta.

## Kotak 10-5

### IPT Swasta dalam PPPM (PT)

IPT swasta adalah penting dan diperlukan dalam sistem pendidikan tinggi Malaysia. PPPM (PT) bukan sahaja merangka pengawalseliaan pendidikan tinggi yang seragam bagi IPT awam dan swasta, malah kebanyakannya strategi dan inisiatif dalam PPPM (PT) amat relevan dan terpakai kepada IPT swasta, seperti:

- **Menyokong peningkatan enrolmen pendidikan tinggi** untuk memastikan semua pelajar Malaysia yang layak mempunyai akses kepada pendidikan tinggi, terutamanya menerusi program ijazah sarjana muda berkualiti tinggi di IPTS;
- **Mengkaji semula peraturan dan garis panduan** untuk menggalakkan ekosistem mesra perniagaan bagi IPTS; dengan fokus yang lebih besar terhadap keberhasilan, prestasi dan piawaian kualiti;
- **Mengukuhkan keberkesanan tadbir urus IPTS**; termasuk lebih banyak pengawalseliaan bersama dan pengawalseliaan kendiri, bergantung pada tahap kesediaan dan keupayaan;
- **Meningkatkan kerjasama IPTS** dengan industri, khalayak yang lebih luas, dan IPT awam; serta
- **Mengukuhkan Malaysia sebagai hab pendidikan antarabangsa** dengan mewujudkan persekitaran kondusif dengan sokongan daripada IPT untuk menggalakkan integrasi, keselamatan, keterjaminan dan kesejahteraan pelajar antarabangsa.

## Kotak 10-6

### Memperkemas proses melibatkan IPT swasta

Semasa PPPM (PT) dibangunkan, pihak Kementerian menerima banyak maklum balas mengenai peraturan, keperluan dan proses yang melibatkan IPT swasta. Berikutnya itu, pihak Kementerian mengadakan rundingan selanjutnya untuk meneliti dan menilai perubahan yang dicadangkan. Meskipun tidak semua penambahan akan dilaksanakan dengan serta-merta, pihak Kementerian akan terus berinteraksi dengan IPT swasta dan pihak berkepentingan untuk mengenal pasti dan melaksanakan penambahan yang mungkin.

Maklum Balas yang Diterima	Aspek yang Mungkin Dipertimbangkan
<b>Tempoh kelulusan:</b> IPT swasta mengalami masa menunggu yang lama untuk kelulusan dan pembaharuan kursus, termasuklah bagi institusi yang mempunyai status akreditasi kendiri	<b>Memperkenalkan pendekatan ‘laluan pantas’ yang dibezakan</b> untuk IPT swasta berstatus akreditasi kendiri agar masa kelulusan lebih cepat
<b>Akreditasi kendiri dan penilaian dalaman:</b> IPT swasta yang mempunyai status akreditasi kendiri mengalami masa menunggu yang lama untuk mendapatkan kelulusan MQA bagi keputusan penilaian dalamannya	<b>Mengkaji semula proses kelulusan</b> untuk IPT swasta berstatus akreditasi sendiri melalui rundingan dengan agensi dan pihak berkepentingan yang berkaitan, seperti badan profesional
<b>Kejelasan mengenai autonomi:</b> IPT swasta akan mendapat manfaat daripada tahap kejelasan yang lebih tinggi daripada agensi berkaitan dalam aspek yang institusi berakreditasi kendiri mempunyai kefleksibelan	<b>Mengkaji semula garis panduan sedia ada</b> dan menjelaskan sebarang aspek yang kabur bagi IPT swasta
<b>Pembaharuan lesen, permit, kelulusan:</b> Terdapat ruang untuk penambahan dalam keperluan penyerahan dokumentasi bagi proses pembaharuan dan pendaftaran institusi	<b>Mengkaji semula keperluan dokumentasi</b> dan proses agar lebih cekap dan mesra pelanggan
<b>Dokumentasi berfokuskan input:</b> Misalnya, permohonan untuk mengambil pelajar antarabangsa memerlukan banyak dokumen dan berfokuskan input	Kelulusan bagi permohonan awal akan difokuskan pada usaha memastikan <b>persekitaran yang kondusif kepada pelajar</b> , dan pembaharuan seterusnya akan difokuskan pada usaha memastikan keberhasilan pelajar antarabangsa
<b>Kawalan terhadap yuran:</b> IPT swasta perlu mendapatkan kebenaran setiap kali ingin menaikkan had yuran bagi setiap kursus	<b>Terus memastikan pendidikan tinggi dapat diakses dan mampu dinikmati</b> oleh semua rakyat Malaysia yang layak, dengan penetapan yuran yang <b>lebih fleksibel</b> bagi IPT swasta

## Inisiatif E2

# Menambah baik perkhidmatan untuk pelajar antarabangsa

Kementerian menyedari kepentingan pelajar antarabangsa kepada sektor pendidikan tinggi di Malaysia. Kementerian bersama-sama dengan agensi yang berkaitan akan sentiasa mengkaji dan menilai proses kritikal dalam urusan perkhidmatan pelajar antarabangsa. Kementerian akan membuat penyelarasan dengan agensi yang relevan untuk menambah baik pengalaman keseluruhan bagi pelajar antarabangsa, bermula dari peringkat permohonan, hingga ke peringkat pendidikan dan selepas bergraduat. Usaha menambah baik merangkumi beberapa aspek penting, termasuk memudahkan proses pentadbiran, memelihara kebijakan, menambah baik ketersediaan maklumat, mempercepat proses kelulusan dan menambah baik hubungan alumni.

## Inisiatif E3

# Mengukuhkan komunikasi strategik

Kementerian menyedari bahawa kejayaan atau kegagalan transformasi pendidikan tinggi bergantung pada persetujuan dan sokongan pihak berkepentingan. Sehubungan itu, Kementerian akan terus melibatkan pihak berkepentingan dan orang awam menerusi rundingan awam, interaksi dan dialog. Kementerian akan menyalurkan maklumat kepada orang awam mengenai keperluan transformasi yang digariskan dalam PPPM (PT), aspirasi dan keutamaan, serta kemajuan dan keberhasilan. Kebanyakan usaha ini akan dibuat menggunakan pelbagai saluran media seperti akhbar dan internet. Kementerian akan berusaha mengukuhkan komunikasi strategiknya dan fungsi penglibatan pihak berkepentingan, untuk memastikan orang awam mendapat maklumat yang lebih baik dan membolehkan Kementerian menjadi lebih responsif dalam membuat penyesuaian berdasarkan maklum balas.



# Pelan tindakan pelaksanaan inisiatif

Strategi dan inisiatif dalam Lonjakan ini telah disusun dengan teliti merentas tiga fasa untuk mengelak daripada terlalu membebankan sistem, dan memastikan setiap fasa yang berturutan meneruskan asas yang dibina sebelumnya. Perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap proses pelaksanaan akan dijalankan mengikut hala tuju yang dicadangkan dalam Paparan 10-1 yang berikut.

## PAPARAN 10-1

	Fasa 1 (2015)	Fasa 2 (2016-2020)	Fasa 3 (2021-2025)
<b>A</b> <b>Strategi A</b> Mentransformasikan Kementerian Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Reka bentuk lengkap struktur organisasi Kementerian untuk memberikan tumpuan pada fungsi teras dan mewujudkan integrasi yang lebih rapat bagi sektor asas dan pendidikan tinggi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menerapkan penstrukturkan semula berperingkat organisasi Kementerian, termasuk kerangka pengurusan bakat yang baharu; dan</li> <li>▪ Mengkaji semula dan merombak semula fungsi dan proses teras.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Melengkapkan peralihan kepada peranan penyelia dan pembuat dasar Kementerian dalam pendidikan tinggi yang diberikan tumpuan.</li> </ul>
<b>B</b> <b>Strategi B</b> Mengharmonikan institusi awam dengan swasta	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kajian semula yang lengkap dan perundungan tentang bidang penambahbaikan dalam dasar dan peraturan yang berkaitan dengan IPT, misalnya kelulusan kursus, akreditasi kendiri.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Meneroka mekanisme pembelian tempat dari universiti awam dalam kursus tertentu;</li> <li>▪ Memperkemas peraturan dan dasar untuk universiti swasta; dan</li> <li>▪ Menggerakkan PPP dan program mobiliti yang diterajui oleh IPT.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mencapai keharmonian dalam sistem pendidikan tinggi merentasi universiti awam dan swasta berkaitan peraturan, piawaian, dan jangkaan.</li> </ul>
<b>C</b> <b>Strategi C</b> Memantapkan pendekatan pencapaian untuk PPPM (PT)	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menyedia dan melancarkan set pertama buku panduan amalan terbaik untuk menyokong transformasi IPT; dan</li> <li>▪ Menyediakan laporan tahunan tentang kemajuan dan keberhasilan PPPM (PT).</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ IPT melancarkan Program Transformasi Universiti yang disesuaikan dengan keperluan; dan</li> <li>▪ Menyediakan set ke-2 buku panduan Menggunakan pendekatan Unit Penyampaian untuk memacu penyampaian PPPM (PT).</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ IPT mencapai tahap cemerlang menerusi Program Transformasi Universiti, dengan beberapa universiti mencapai kecemerlangan serantau dan global.</li> </ul>
<b>D</b> <b>Strategi D</b> Memperkemas dan menjajarkan pengurusan prestasi dan jaminan kualiti IPT	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menggerakkan kajian semula penambahbaikan dalam proses MQA, kerangka jaminan kualiti dan sistem penarafan kualiti dalam perundungan dengan pihak berkepentingan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menambah baik dan menggabungkan sistem penarafan institusi untuk IPT; dan</li> <li>▪ Mengukuhkan kerangka proses MQA dan jaminan kualiti.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Memastikan penambahbaikan dan penyempurnaan berterusan dalam kerangka jaminan kualiti dan sistem penarafan institusi.</li> </ul>
<b>E</b> <b>Strategi E</b> Menstrukturkan semula perkhidmatan barisan depan yang penting	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mengkaji semua dan memperkenalkan pengukuhan terhadap aplikasi dan sistem pemandangan semasa untuk universiti awam; dan</li> <li>▪ Mengkaji semula penambahbaikan pengalaman keseluruhan pelajar asing.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menilai dan menerapkan pengukuhan BPKP, misalnya pengkorporatan, portal maklumat pusat; dan</li> <li>▪ Mengukuhkan fungsi komunikasi strategik Kementerian dan melaksanakan perundungan berterusan dengan pihak berkepentingan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Memastikan penambahbaikan berterusan dan penyempurnaan pengalaman pelajar Malaysia dan antarabangsa; dan</li> <li>▪ Menerima pakai penglibatan pihak berkepentingan sebagai fungsi teras Kementerian.</li> </ul>


# Kesimpulan

Lonjakan yang digariskan dalam PPPM (PT) menjurus kepada pelaksanaan transformasi yang menyeluruh bagi sistem pendidikan tinggi negara. Kementerian perlu menerajui transformasi ini dengan menunjukkan contoh transformasi di peringkat Kementerian terlebih dahulu. Dengan itu, Kementerian dapat menjadi pemangkin transformasi bukan sahaja dalam kalangan IPT awam dan swasta, tetapi juga keseluruhan perkhidmatan awam Malaysia. Perubahan ini, disusun dalam tiga fasa, disasarkan bersesuaian dengan tahap kapasiti dan keupayaan sistem, serta tahap kesediaan IPT. Fasa pertama akan memfokuskan usaha mewujudkan asas transformasi; fasa kedua akan memperkenalkan perubahan yang lebih berstruktur bagi mempercepat kadar perubahan; dan fasa ketiga akan mengukuhkan keunggulan sistem pendidikan tinggi Malaysia pada peringkat global. Usaha sama baik setiap pihak berkepentingan dalam usaha transformasi ini akan membawa pendidikan tinggi negara ke tahap terbaik dan mampu menangani perubahan yang sentiasa mendatang dan mencabar .

# Kaedah pemantauan

Kementerian akan memantau perkembangan dan impak Lonjakan ini berdasarkan penilaian berdasarkan hasil. Pemantauan ini tidak terhad kepada senarai berikut dan boleh ditambah baik. Sasaran akan ditetapkan secara tahunan:

- **Penyempurnaan pengstrukturan semula organisasi** Kementerian dan model operasi baharu;
- **Penyediaan laporan tahunan** mengenai kemajuan dan keberhasilan PPPM (PT);
- **Pelancaran buku panduan** untuk membantu IPT dalam program transformasi institusi masing-masing;
- **Pelancaran program transformasi universiti** oleh IPT dengan keberhasilannya; dan
- **Penambahbaikan sistem penarafan institusi** untuk IPT awam dan swasta.



# Lampiran

- **Glosari**
- **Struktur tadbir urus PPPM (PT)**
- **Penghargaan**

# Glosari

ACIF	<i>ASEAN Community in Figures.</i>
AEC	Komuniti Ekonomi ASEAN atau <i>ASEAN Economic Community.</i>
AeU	<i>Asia e University.</i>
AIM	Agensi Inovasi Malaysia.
AKePT	Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi
APACC	<i>Asia Pacific Accreditation and Certification Commission.</i>
APAIE	<i>Asia Pacific Association for International Education.</i>
APEL	Akreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu atau <i>Accreditation of Prior Experiential Learning.</i>
APEX	Program Pemacuan untuk Kecemerlangan atau <i>Accelerated Programme for Excellence.</i>
AQRF	Rangka kerja Rujukan Kelayakan ASEAN atau <i>ASEAN Qualifications Reference Framework.</i>
ARWU	<i>Academic Ranking of World Universities.</i>
ASEAN	Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara atau <i>Association of Southeast Asian Nations.</i>
AUKU	Akta Universiti dan Kolej Universiti
BHI	Badan Perhubungan Industri.
BPKP	Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar.
BPM	Bahagian Pembangunan Pelajar.
BPPA	Bahagian Pengurusan Pembangunan Akademik.
BPPK	Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi.
BR1M	Bantuan Rakyat 1 Malaysia.
BTEC	<i>Business and Technology Education Council.</i>
CAGR	<i>Compounded annual growth rate.</i>
CCRIS	Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat atau <i>Central Credit Reference Information System.</i>
CEO	Ketua Pegawai Eksekutif atau <i>Chief Executive Officer.</i>
CFO	Ketua Pegawai Kewangan atau <i>Chief Financial Officer.</i>
CGPA	Sistem purata gred kumulatif atau <i>cumulative grade point average.</i>
CIDB	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia atau <i>Construction Industry Development Board Malaysia.</i>
CPD	Pembangunan profesional berterusan atau <i>Continuing Professional Development.</i>

CREST	Progam Penyelidikan Kolaborasi Kejuruteraan, Sains dan Teknologi atau <i>Collaborative Research in Science, Engineering &amp; Technology.</i>
CTE	Pendidikan karier dan teknikal atau <i>Career and technical education.</i>
CUGG	Kod tadbir Urus Universiti atau <i>Code of University Good Governance.</i>
DE	Perbelanjaan Pembangunan atau <i>Development expenditure.</i>
DePAN	Dasar e-Pembelajaran Negara atau <i>National e-Learning Policy.</i>
DKM	Diploma Kemahiran Malaysia atau <i>Malaysian Skills Certificate.</i>
DLKM	Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia atau <i>Malaysian Advanced Skills Certificate.</i>
DSD	Jabatan Pembangunan Kemahiran atau <i>Department of Skills Development.</i>
DVM	Diploma Vokasional Malaysia.
E&E	Elektrik dan Eletronik atau <i>Electrical &amp; Electronics.</i>
EFA	Pendidikan Untuk Semua atau <i>Education for All.</i>
EMGS	Perkhidmatan Global Pendidikan Malaysia atau <i>Education Malaysia Global Services.</i>
EPU	Unit Perancangan Ekonomi atau <i>Economic Planning Unit.</i>
ESD	Pendidikan dan Pembangunan Lestari atau <i>Education for sustainable development.</i>
ETP	Program Transformasi Ekonomi atau <i>Economic Transformation Programme</i>
FTE	Enrolment setara sepenuh masa atau <i>full time equivalent.</i>
GDP	<i>Gross domestic product.</i>
GE	Kebolehpasaran Graduan atau <i>Graduate Employability.</i>
GEM	Pemantauan Keusahawanan Global atau <i>Global Entrepreneurship Monitor.</i>
GEM	Pemantauan Keusahawanan Global atau <i>Global Entrepreneuership Monitor</i>
GERD	Perbelanjaan domestik kasar untuk R&D atau <i>Gross domestic expenditure on R&amp;D.</i>
GLCs	Syarikat berkaitan kerajaan atau <i>government-linked companies.</i>
GLCT	Program transformasi syarikat berkaitan kerajaan atau <i>Government-linked companies transformation programme.</i>
GLCTGB	<i>Government-Linked Company Transformation Green Book</i>
GLICs	Syarikat pelaburan berkaitan kerajaan atau <i>government-linked investment companies.</i>

GNI	<i>Gross national income.</i>	KK	Kolej komuniti atau <i>community colleges</i> .
GOL	Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global atau <i>Globalised Online Learning</i> .	KPI	Petunjuk prestasi utama atau <i>Key performance indicator</i> .
GPA	<i>Purata gred atau grade point average.</i>	KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
GSIAC	Majlis Penasihat Sains dan Inovasi Global atau <i>Global Science and Innovation Advisory Council</i> .	KTAR	Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman.
GTP	Program Transformasi Kerajaan atau <i>Government Transformation Programme</i> .	KTP	Program Pemindahan Ilmu atau <i>Knowledge Transfer Programme</i> .
HEA	<i>Higher Education Academy</i> .	KTUKM	Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia.
HICoE	Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi atau <i>Higher Institution Centre of Excellence</i> .	KUIM	Kolej Universiti Islam Melaka atau <i>University College of Islam Melaka</i> .
HIEP	Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi atau <i>High Impact Educational Practices</i> .	KUIS	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor atau <i>International Islamic University College Selangor</i> .
HIR	<i>High Impact Research Programme</i> .	KUISAS	Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah atau <i>Sultan Azlan Shah Islamic University College</i> .
HR	Sumber Manusia atau <i>Human resource</i> .	LINUS	Saringan Literasi dan Numerasi atau <i>Literacy and Numeracy Screening</i> .
ICOE	Pusat Kecemerlangan Industri atau <i>Industry Centre of Excellence</i> .	LO	Hasil pembelajaran atau <i>learning outcome</i> .
ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi atau <i>Information and communications technology</i> .	LPU	Lembaga Pengarah Universiti.
IMF	Tabung Kewangan Antarabangsa atau <i>International Monetary Fund</i> .	MAH	Persatuan Hotel Malaysia atau <i>Malaysia Association of Hotels</i> .
IMP3	<i>Third Industrial Master Plan</i> .	MAH	Persatuan Hotel Malaysia atau <i>Malaysian Association of Hotels</i>
INCEIF	Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa atau <i>International Centre for Education in Islamic Finance</i> .	MAI	Institut Automotif Malaysia atau <i>Malaysia Automotive Institute</i> .
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia.	MARA	Majlis Amanah Rakyat.
IPT	Institut Pendidikan Tinggi.	MASB	Lembaga Piawaian Perakuanan Negara atau <i>Malaysian Accounting Standard Board</i> .
IPTA	Institut Pendidikan Tinggi Awam.	MBMMBI	Memartabatkan Bahasa Melayu Memperkuatkannya Bahasa Inggeris atau <i>Upholding Bahasa Melayu Strengthening the English Language</i> .
IPTS	Institut Pendidikan Tinggi Swasta.	MCC	<i>Sijil Keterampilan Malaysia</i> atau <i>Malaysian Competency Certificate</i> .
ISCED	<i>International Standard Classification of Education</i> .	MEB (HE)	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) atau <i>Malaysia Education Blueprint (Higher Education)</i> .
ISI	Indeks Saintifik Antarabangsa atau <i>International Scientific Indexing</i> .	MEXT	<i>Japanese Government Scholarship (Monbukagakusho)</i> .
JKPDA	Jawatankuasa Pelaburan Dana Awam atau <i>Public Funds Investment Committee</i> .	MIDA	Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia atau <i>Malaysian Investment Development Authority</i> .
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam.	MIS	Biasiswa Antarabangsa Malaysia atau <i>Malaysia International Scholarship</i> .
JKP	Jabatan Pembangunan Kemahiran.	MIT	<i>Massachusetts Institute of Technology</i> .
JPT	Jabatan Pendidikan Tinggi	MITI	Kementerian Perdagangan Antragabangsa dan Industri atau <i>Ministry of International Trade and Industry</i> .
JPU	Jawatankuasa Pengurusan Universiti.		
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar.		

MMAM	<i>Might-Meteor Advanced Manufacturing.</i>	NUS	<i>National University of Singapore.</i>
MoA	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani atau <i>Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry.</i>	OBB	Belanjawan-Berasaskan-Keberhasilan atau <i>Outcome-based budgeting.</i>
MoF	Kementerian Kewangan Malaysia.	OCR	<i>Open Courseware Resource.</i>
MOOC	<i>Massive Online Open Courses.</i>	ODL	Pendidikan jarak jauh terbuka atau <i>Open Distance Learning.</i>
MOOCs	<i>Massive Open Online Courses.</i>	OE	Perbelanjaan Operasi atau <i>Operating expenditure.</i>
MOSTI	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi atau <i>Ministry of Science, Technology and Innovation.</i>	OECD	<i>Organisation for Economic Co-operation and Development.</i>
MPIC	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi atau <i>Ministry of Plantation Industries and Commodities.</i>	OIC	Pertubuhan Persidangan Islam atau <i>Organisation Of Islamic Countries.</i>
MPU	Mata Pelajaran Umum atau <i>General Subjects.</i>	OUM	<i>Open University Malaysia.</i>
MQA	Agensi Kelayakan Malaysia atau <i>Malaysian Qualifications Agency.</i>	PAV	Pendidikan Asas Vokasional atau <i>Basic Vocational Education.</i>
MQF	Rangka Kerja Kelayakan Malaysia atau <i>Malaysian Qualification Framework.</i>	PCG	<i>Putrajaya Committee on GLC High Performance.</i>
MRU	Universiti Penyelidikan Malaysia atau <i>Malaysia Research Universities</i>	PCG	<i>Putrajaya Committee on GLC.</i>
MSU	<i>Management Science University.</i>	PCT	<i>Patent Cooperation Treaty.</i>
MTUN	Jaringan Universiti Teknikal atau <i>Malaysian Technical Universities Network.</i>	PEMANDU	<i>Performance Management And Delivery Unit.</i>
My3L	Karnival Pembelajaran Sepanjang Hayat Malaysia atau <i>Malaysia Lifelong Learning Carnival.</i>	PhD	<i>Doctor Of Philosophy.</i>
MyLAB	<i>Malaysia Laboratories For Academia-Business Collaboration.</i>	PISA	<i>Programme for International Student Assessment.</i>
MyQUEST	<i>Malaysian Quality Evaluation System for Private Colleges.</i>	PKB	Pariti kuasa beli.
MyRA	Taksiran Penyelidikan Malaysia atau <i>Malaysia Research Assessment Instrument.</i>	PKS	Perusahaan kecil dan sederhana
MySpeKK	Sistem Penarafan Kolej Komuniti.	PL1M	Program Latihan 1Malaysia.
NC	Naib cansioner.	PLO	Hasil Pembelajaran Program atau <i>Programme Learning Outcome.</i>
NeLC	Pusat e-Pembelajaran Negara atau <i>National e-Learning Centre.</i>	PMO	Pejabat Pengurusan Program atau <i>Programme Management Office.</i>
NGOs	Pertubuhan Bukan Kerajaan atau <i>Non-governmental organisations.</i>	PNK	Pendapatan Negara Kasar.
NIC	<i>National Innovation Council.</i>	PolyRate	Penarafan Politeknik.
NKEAs	Bidang Ekonomi Utama Negara atau <i>National Key Economic Areas.</i>	PPP	Kerjasama Awam Swasta atau <i>Public-private partnership.</i>
NRE	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar atau <i>Ministry of Natural Resources And Environment.</i>	PPPM (PT)	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi)
NSRC	Majlis Sains dan Penyelidikan Kebangsaan atau <i>National Science And Research Council.</i>	PPRN	Rangkaian Penyelidikan Awam dan Swasta atau <i>Public Private Research Network.</i>
NTU	<i>National Taiwan University.</i>	PSH	Pembelajaran Sepanjang Hayat.
		PSTPN	Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara atau <i>National Higher Education Strategic Plan.</i>
		PT3	Pentaksiran Tingkatan 3 atau Form 3 Assessment.

PTPTN	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara.	U21	Universitas 21.
R,D & C	Perancangan, Penyelidikan dan Pengkomersilan atau <i>Research, development and commercialisation</i> .	UCTC	Pusat Transformasi Komuniti Universiti atau <i>University Community Transformation Centre</i> .
R&D	Perancangan dan Penyelidikan atau <i>Research and development</i> .	UGGI	Indeks Tadbir Urus Universiti atau <i>University Good Governance Index</i> .
ROI	Pulangan Pelaburan atau <i>Return on investment</i> .	UIM	Universiti Islam Malaysia.
RPE	Pengiktirafan pengalaman terdahulu atau <i>Recognized prior experience</i> .	UiTM	Universiti Teknologi MARA.
RUs	Universiti Penyelidikan atau Research Universities.	UK GAAP	<i>Generally Accepted Accounting Practice in the UK (UK GAAP)</i> .
SAY 1M	Tindakan Strategik untuk Belia 1Malaysia atau <i>Strategic Action for Youth 1Malaysia</i> .	UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia.
SETARA	Sistem Penarafan Institut Pengajian Tinggi Malaysia.	UM	Universiti Malaya.
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia atau Malaysian Skills Certificate.	UN	Bangsa-bangsa Bersatu atau United Nations.
SLAB	Skim Latihan Akademik Bumiputera atau Bumiputera Academic Training Scheme.	UNESCO	Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan PBB atau <i>United Nations Educational, Scientific And Cultural Organisation</i> .
SLAI	Skim Latihan Akademik IPTA atau <i>IPTA Academic Training Scheme</i> .	UniKL	Universiti Kuala Lumpur.
SMEs	Perusahaan kecil dan sederhana atau <i>Small and medium-sized enterprises</i> .	UNIMAS	Universiti Malaysia Sarawak.
SMU	<i>Singapore Management University</i> .	UNISEL	Universiti Selangor.
SOP	Prosedur operasi standard atau <i>Standard operating procedure</i> .	UNITEN	Universiti Tenaga Nasional.
SORP	Kenyataan amalan yang disarankan atau <i>Statement of recommended practice</i> .	UPM	Universiti Putra Malaysia.
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia.	UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah.
SSPN-i	Skim Simpanan Pendidikan Nasional.	UPU	Unit Pengambilan Universiti.
STEM	Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik atau <i>Science, Technology, Engineering and Mathematics</i> .	USD	United States Dollar.
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau <i>Malaysian Higher School Certificate</i> .	USIM	Universiti Sains Islam Malaysia.
SVM	Sijil Vokasional Malaysia atau <i>Malaysian Vocational Certificate</i> .	USM	Universiti Sains Malaysia.
TEA	<i>Total early-stage entrepreneurial activity</i> .	UTM	Universiti Teknologi Malaysia.
THE	<i>Times Higher Education rankings</i> .	UTP	Universiti Teknologi Petronas.
TIMSS	<i>Trends in International Mathematics and Science Study</i> .	VET	Pendidikan dan latihan vokasional atau <i>Vocational education and training</i> .
TNC	Timbalan Naib Canselor	WBL	Pembelajaran berdasarkan-pekerjaan atau <i>Work-based learning</i> .
TSP	Penswastaan sektor masa atau <i>Time Sector Privatisation</i> .	WEF	Forum Ekonomi Dunia atau <i>World Economic Forum</i> .
TTOs	Pusat Pemindahan Teknologi atau <i>Technology Transfer Offices</i> .	WOU	<i>Wawasan Open University</i> .
TVET	Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional atau <i>Technical and vocational education and training</i> .	YSS	Yayasan Sukarelawan Siswa.


# Struktur tadbir urus PPPM (PT)

Pasukan Petugas dan Pejabat Pengurusan Program (PMO) Sektor Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia adalah bertanggungjawab untuk menyelaras proses pembangunan, mengurus sumber utama sebagai input dan melibatsama pemegang taruh dari pelbagai peringkat. Pasukan Petugas melapor dan memperolehi panduan daripada Menteri Pendidikan serta kepemimpinan Kementerian sepanjang penggubalan PPPM (PT). Struktur tadbir urus PPPM (PT) ditunjukkan di Paparan AC-1.

PPPM (PT) dibangunkan menerusi tiga fasa yang berteraskan pendekatan kolaborasi dan perundingan, menerusi usaha-usaha perundingan pemegang taruh dan sesi libat sama yang merangkumi forum, pendengaran awam, pameran galeri, sesi dialog awam dan saluran perundingan dalam talian.

PAPARAN AC-1

## Struktur Tadbir Urus Penggubalan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)



## Kepemimpinan Kementerian Pendidikan Malaysia

- Tan Sri Dato' Haji Muhyidin Haji Mohammad Yassin, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan Malaysia
- Dato' Seri Idris Jusoh, Menteri Pendidikan II
- Datuk Mary Yap Kain Ching, Timbalan Menteri Pendidikan I
- Tuan P. Kamalanathan s/o P. Panchanathan, Timbalan Menteri Pendidikan II
- Tan Sri Dr. Madinah Mohamad, Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Dato' Seri Dr. Ir. Zaini Ujang, Ketua Setiausaha II, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Dato' Sri Dr. Khair Mohamad Yusof, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
- Dato' Prof. Dr. Asma Ismail, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
- Dato' Hj. Nasir Mat Dam, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Pendidikan Tinggi), Kementerian Pendidikan Malaysia
- Hasnol Zam Zam Ahmad, Setiausaha Bahagian Kanan, Pengurusan Pendidikan Tinggi
- Datuk Hj. Mohlis Jaafar, Ketua Pengarah, Jabatan Pendidikan Politeknik
- Dato' Amir Md. Noor, Ketua Pengarah, Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti
- Datuk Dr. Marzuki Mohamad, Setiausaha Politik kepada Menteri Pendidikan Malaysia
- Dr. Raslan Haniff Abdul Rashid, Pegawai Khas kepada Menteri Pendidikan Malaysia
- Khadijah Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif, Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan

## Pasukan Petugas Projek PPPM (PT)

- Dato' Seri Dr. Ir. Zaini Ujang, Ketua Setiausaha II, Kementerian Pendidikan Malaysia (Pengerusi)
- Dato' Prof. Dr. Asma Ismail, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Dato' Prof. Ir. Dr. Mohd Saleh Jaafar, Penasihat Khas dan Perunding PPPM (PT)
- Prof. Madya Dr. Norhayati Mohamed, Pengarah, PMO
- Ahmad Nazri Sulaiman, Setiausaha Bahagian, Bahagian Perancangan, Penyelidikan dan Penyelarasan Dasar, Pengurusan Pendidikan Tinggi
- Dr. Guan Eng Chan, Timbalan Setiausaha Bahagian, Bahagian Perancangan, Penyelidikan dan Penyelarasan Dasar, Pengurusan Pendidikan Tinggi
- Noranya Mohamad Yusoff, Ketua Program, PMO
- Dr. Khamurudin Mohd Nor, Ketua Program, PMO

# Penghargaan

Pihak Kementerian ingin melahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang telah menyumbang kepada PPPM (PT). Dalam hal ini, pihak Kementerian merasakan bahawa sumbangan yang telah diberikan adalah melebihi daripada senarai yang dinamakan di bawah ini. Terdapat banyak pihak yang tidak dinamakan telah menyumbang secara langsung dan tidak langsung dari segi memberikan pandangan, pendapat semasa penyediaan kertas kerja, dokumen perundingan dan draf PPPM (PT). Sokongan yang amat berharga juga telah diberikan oleh Bahagian-Bahagian di bawah Kementerian, agensi dan organisasi berkaitan. Ucapan terima kasih juga kepada BPPPD, AKEPT, BKP dan UKK terhadap sokongan padu dalam menjayakan sesi pendengaran awam, jerayawara dan penglibatan media.

## Penulis Bab dan Ahli Kumpulan Penulis

- Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang, Ketua Setiausaha II, Kementerian Pendidikan Malaysia (Pengerusi)
- Dato' Prof. Dr. Asma Ismail, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Prof. Dato' Ir. Dr. Mohd Saleh Jaafar, Penasihat Khas dan Perunding PPPM (PT)
- Prof Madya Dr. Norhayati Mohamed, Pengarah, Pejabat Pengurusan Program (PMO)
- Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (IPTA), Jabatan Pendidikan Tinggi
- Datuk Prof. Dr. Roziah Omar, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (IPTS), Jabatan Pendidikan Tinggi
- Tun Dato' Sri Zaki Tun Azmi, Pengerusi Lembaga Pengarah, Universiti Malaysia Sabah (UMS)
- Prof. Dato' Hassan Said, Naib Canselor dan Presiden, Taylor's University
- Prof. Dato' Dr. Shahrin Sahib @ Sahibuddin, Naib Canselor, Universiti Teknikal Melaka (UTeM)
- Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali, Naib Canselor, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Prof. Dato' Dr. Khalid Yusof, Naib Canselor dan Presiden, UCSI University
- Prof. Dr. Mohd Ismail Abd Aziz, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- Prof. Rose Alinda Alias, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- Prof. Datuk Dr. Mohammad Shatar Sabran, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Putra Malaysia (UPM)
- Prof. Dr. Raha Abdul Rahim, Pengarah, Bahagian Perancangan Kecemerlangan IPTA, Jabatan Pendidikan Tinggi
- Prof. Dr. Majid Konting, Pengarah, Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT)
- Prof Madya Dr. Jaafar Jantan, Pengarah, Bahagian Pengurusan Pembangunan Akademik, Jabatan Pendidikan Tinggi
- Datin Dr. Syahira Hamidon, Unit Keusahawanan, Pengurusan Pendidikan Tinggi
- Prof. Dr. Abd. Karim Alias, Universiti Sains Malaysia (USM)
- Prof. Dr. Hanafi Atan, Universiti Sains Malaysia (USM)
- Prof. Zita Hj. Mohd Fahmi, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Jaminan Kualiti), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
- Agos Cholan, Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
- Wan Ahmad Wan Yusoff, Ketua Pegawai Operasi, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
- Norina Jamaludin, Pengarah, Bahagian Governan IPTA, Jabatan Pendidikan Tinggi
- Mohd Yazid Hamid, Ketua Pegawai Eksekutif, Education Malaysian Global Services (EMGS)
- Dr Syed Alwee Bin Sheikh Alsagoff Education Malaysia Global Services (EMGS)
- Prof Madya Dr. Ismi Arif Ismail, Timbalan Pengarah, Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT)
- Prof Madya Dr. Arham Abdullah, Pengarah, Bahagian Hubungan Industri, Jabatan Pendidikan Tinggi
- Dr. Mohd Rashahidi @ Rusdi Mohamood, Pengarah, Bahagian Pembangunan Dasar, Jabatan Pendidikan Politeknik
- Dr. Guan Eng Chan, Timbalan Setiausaha Bahagian, Bahagian Perancangan, Penyelidikan dan Penyelarasian Dasar, Pengurusan Pendidikan Tinggi
- Prof Madya Dr. Marlia Puteh, Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- Prof. Ir. Dr. Rezuwan Kamaruddin, Universiti Malaysia Perlis (UNiMAP)
- Prof. Dr. Nor Kamariah Noordin, Universiti Putra Malaysia (UPM)
- Prof. Ramli Baharom, Open University Malaysia (OUM)
- Prof. Dr. Wahid Razzaly, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
- Mazula Sabudin, Pengarah, Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar, Jabatan Pendidikan Tinggi
- Raihanah Hj. Khudri, Pengarah, Bahagian Education Malaysia, Jabatan Pendidikan Tinggi
- Zainab Ahmad, Pengarah, Bahagian Dasar, Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti
- Megat Nabil Mohsin Megat Mohd Nor, Bahagian Pembangunan Dasar, Jabatan Pendidikan Politeknik
- Zepri Saad, Setiausaha Bahagian, Bahagian Kewangan, Pengurusan Pendidikan Tinggi
- Mohamad Dzafir Mustafa, Pengarah, Malaysian Quality Assurance Training Center (MQATC)
- Noranya Mohamad Yusoff, Pejabat Pengurusan Program (PMO)
- Kahartini Abd. Rahman, Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- Prof. Madya Dr. Mohd. Fadzil Bin Mohd Idris, AKEPT
- Doria Abdullah, Pejabat Hubungan Antarabangsa, Pelajar Siswazah, Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- Haji Ibrahim Ali, Pengarah, Bahagian Pembangunan Mahasiswa, Jabatan Pendidikan Tinggi
- Zarina Ismail, Bahagian Pembangunan Mahasiswa, Jabatan Pendidikan Tinggi
- Nor Hayati Daud, Bahagian Education Malaysia, Jabatan Pendidikan Tinggi
- Dr Mohamad Ali Abdul Rahman, Pengarah, Bahagian Governan IPTS, Jabatan Pendidikan Tinggi
- Hj. Ab. Alim Hj. Abdullah, Pengarah, Bahagian Penguatkuasaan dan Inspektorat, Jabatan Pendidikan Tinggi

- Rusli Harun, Pengarah, Bahagian Pendaftaran dan Piaiwaian, Jabatan Pendidikan Tinggi
- Prof Madya Dr. Aduwati Sali, Universiti Putra Malaysia (UPM)
- Prof. Madya Dr. Shameem Begum Binti Mohd Rafik Khan, Universiti Putra Malaysia
- Saidatul Hizam Abdul Manaf, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pengurusan Pendidikan Tinggi
- Dr. Nurul Adilah Abdul Latiff, Pejabat Pengurusan Program (PMO)
- Azizi Ismail, Pejabat Pengurusan Program (PMO)
- Sulaiman Mohammed Khalid, Pejabat Pengurusan Program (PMO)

### Ahli Pasukan Kajian Semula PSPTN

- Prof. Dr. Mohamad Kamal Hj. Harun, (Ketua) Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
- Prof Madya Dr. Abdul Razak Ahmad, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)
- Prof Madya Dr. Mohammad Ibrahim Safawi Mohammad Zain, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
- Prof. Dr. Harshita Aini Haroon, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
- Prof. Dr. Zainal Abidin Mohamed, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
- Prof. Dr. Afandi Muhamad, Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA)
- Prof Madya Dr. Kadaruddin Aiyub, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Prof Madya Dr. Mohamad Suhaily Che Ngah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
- Prof. Emeritus Dr. Muhamad Awang, SEGI University
- Zainab Ahmad, Pengarah, Bahagian Dasar, Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti
- Prof. Dr. Ir. Ahmad Faizal Mohd Zain, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
- Prof. Dr. Azlan Abdul Rahman, Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- Wan Chang Da, Universiti Sains Malaysia (USM)

- Prof Madya Dr. Russayani Ismail, Universiti Utara Malaysia (UUM)
- Prof Madya Dr. Angelina Seow Voon Yee, Nottingham University Malaysia Campus
- Prof. Ramli Mohamed, Universiti Sains Malaysia (USM)
- Dzulhijjah Sokarno

### Panel Penasihat Kajian Semula PSPTN

- Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Zakri Abdul Hamid, (Ketua) Penasihat Sains kepada Perdana Menteri
- Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Dato' Prof. Dr. Morshidi Sirat, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Tan Sri Dr. Wan Mohd. Zahid Mohd Noordin, Sime Darby Berhad
- Tan Sri Dato' Seri Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak, International Association of Universities (IAU)
- Tan Sri Prof. Dr. Zulkefli A. Hassan, International Business School (IBS), Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- Tan Sri Alimuddin Mohd Dom, Yayasan Guru Malaysia Berhad
- Prof. Dato' Dr. Hassan Said, Naib Canselor dan Presiden, Taylor's University
- Dato' Dr. R. Ratnalingam, Royal Norwegian Consulate
- Prof. Emeritus Dato' Dr. Sulaiman Yassin, Universiti Putra Malaysia (UPM)
- Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo, Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
- Brigadier General Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin, Universiti Malaysia Perlis (UMP)
- Prof. Dr. Molly N.N Lee, Universiti Sains Malaysia (USM)
- Datuk Haji Shamsuddin Bardan, Malaysian Employers Federation (MEF)
- Tan Sri Dr. Mohd Nadzmi Mohd Salleh, Express Rail Link Sendirian Berhad
- Daud Vicary Abdullah, The Global University of Islamic Finance

### Penyumbang kepada PPPM (PT)

- Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan
- Dato' Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad , Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Awam (PSD)
- Datuk Dr. Mohd Azhar Hj. Yahaya, Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)
- Dato' Nik Azman Nik Abdul Majid, Timbalan Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi (EPU)
- Prof. Dr. Wan Mohd Nor Wan Daud, Center for Advanced Studies on Islam, Science and Civilisation (CASIS), Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- Prof. Dr. Muhammad Zainiy Uthman, Center for Advanced Studies on Islam, Science and Civilisation (CASIS), Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Tan Sri Prof. Ulung Dr. Kamal Hassan, International Islamic University Malaysia (IIUM)
- Prof. Ulung Datuk Dr. Looi Lai Meng, Universiti Malaya (UM)
- Prof. Dato' Dr. Ibrahim Ahmad Bajunid, Deputy Vice Chancellor, INTI-Laureate International University
- Dato' Sri Haji Azemi Kasim, Ketua Pengarah, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG)
- Tengku Nurul Azian Shahriman, Pengarah Pendidikan, Performance Management and Delivery Unit (PEMANDU)
- Dr. Mohd. Gazali Abas, Pengarah, Seksyen Pembangunan Modal Insan, Unit Perancang Ekonomi
- Prof. Emeritus Datuk Dr. Shad Saleem Faruqi, Profesor Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- Dr. Ong Kian Ming, Ahli Parlimen Serdang

### Sumbangan Bahagian, Agensi dan Organisasi

- Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan (MPPK)
- Majlis Pendidikan Tinggi Negara (MPTN)
- Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah Universiti Awam

- Naib Canselor/Rektor, universiti awam
- Ketua Eksekutif, institusi pendidikan tinggi swasta
- Jabatan Pendidikan Tinggi
- Jabatan Pendidikan Politeknik
- Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti
- Pengarah dan Setiausaha Bahagian, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
- Kementerian Kewangan (MOF)
- Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)
- Jabatan Perkhidmatan Awam (PSD)
- Unit Perancang Ekonomi (EPU)
- Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG)
- Timbalan Naib Canselor universiti awam
- Majlis Profesor Negara (MPN)
- Akademi Sains Malaysia (ASM)
- Malaysian Higher Education Teaching and Learning Council (MAGNETIC)
- Majlis e-Pembelajaran IPTA (MEIPTA)
- Majlis Pengarah-Pengarah ICT IPTA (MAPITA)
- Gabungan Majlis Presiden dan Setiausaha Kehormat Kesatuan Kaktangan Universiti Malaysia (GAKUM)
- Congress of Unions of Employees in the Public and Civil Services (CUEPACS)
- Council of Administrative and Professional Public University Officers (MASTI)
- Inisiatif Pengisian Pendidikan Negara (IPPN)
- Institutional Programme Management Office (iPMO), institusi pendidikan tinggi awam
- Malaysia Association of Private College and University (MAPCU)
- Malaysian Academic Association Council (MAAC)
- National Association of Bumiputra Private Higher Educational Institutions (PKIBM)
- National Association of Private Education Institutions (NAPEI)
- National Union of the Teaching Profession Malaysia (NUTP)

- Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS)
- Badan professional dan Majlis Kemahiran Industri
- Sabah Association of Private Higher Educational Institutions (PIPTSS)
- Persatuan Saintis Muslim Malaysia (PERINTIS)
- Majlis Perwakilan Pelajar institusi pendidikan tinggi

### **Sesi Pendengaran Awam**

- Universiti Malaysia Sabah (UMS)
- Universiti Putra Malaysia (UPM)
- Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
- Universiti Sains Malaysia (USM)
- Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
- Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

### **Sekretariat PPPM (PT)**

- Prof Madya Dr. Norhayati Mohamed, Pengarah, Pejabat Pengurusan Program (PMO)
- Suharmi Ismail
- Noranya Mohamad Yusoff
- Dr. Khamurudin Mohd Nor
- Dr. Nurul Adilah Abdul Latiff
- Azizi Ismail
- Sulaiman Mohammed Khalid
- Kahartini Abdul Rahman
- Muhammad Radhi Hamzah
- Victor Engkuhan
- Siti Noorzazlina Mohamed Noor
- Afiq Azwar Azman
- Norbaini Ahmad
- Nurshibratun Mohd Haris
- Noor Annisa Md Yunus
- Noor Hafizah Hamda
- Razif Ardy Puad

Dokumen Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (Pendidikan Tinggi) diterbitkan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Sekiranya wujud sebarang percanggahan atau kandungan yang tidak konsisten antara versi bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, sila rujuk kepada Kementerian Pendidikan Malaysia.







